

OWNER'S MANUAL



PASSION ENGINEERED



Bahasa Melayu

English

Versi Bahasa Melayu

Kata Pendahuluan

Kami dengan bangga mengalukan anda ke dalam keluarga pemilik Perodua. Sebagaimana yang anda maklum, sebahagian besar daripada prestasi dan ketahanan sesebuah kenderaan bergantung kepada cara ianya dijaga dan dipandu. Buku panduan ini akan membantu anda mendapatkan faedah sepenuhnya daripada kenderaan Perodua anda. Sebelum menggunakan kenderaan anda, bacalah buku panduan ini dengan teliti dan gunakan ia sebagai sumber rujukan apabila perlu.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar. Kami sentiasa bersedia memberikan bantuan dan perkhidmatan yang terbaik.

PERODUA SALES SDN. BHD.

©2020 PERODUA SALES SDN. BHD.

Hakcipta terpelihara. Bahan ini tidak boleh dihasilkan semula atau ditiru sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, tanpa sebarang keizinan bertulis daripada Perodua Sales Sdn. Bhd.

PENAFIAN

Maklumat dalam manual ini adalah tertakluk kepada sebarang perubahan tanpa notis. Kandungan manual ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara sama ada secara elektronik atau mekanikal termasuk fotokopi, rakaman, penyimpanan maklumat atau sistem pengambilan semula maklumat untuk sebarang tujuan tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada kami melainkan untuk kegunaan peribadi.

Walaupun segala usaha telah dilakukan untuk memastikan maklumat dan kandungan dalam manual adalah lengkap, tepat, terkini, sah dan tidak mengelirukan, kami tidak bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan, ketidaktepatan atau kesalahan yang terdapat di dalam manual ini. Juga tidak ada sebarang liabiliti untuk gantirugi yang boleh disandarkan akibat daripada kebergantungan dan penggunaan maklumat yang terkandung di dalam manual ini. Manual ini disediakan tanpa apa-apa pernyataan atau jaminan sama ada secara nyata atau tersirat.

PERODUA SALES SDN. BHD.

Buku panduan pemilik

- Sebelum mengendalikan kenderaan Perodua anda, bacalah buku panduan ini dengan teliti.
Bagi melindungi dan memanjangkan usia Perodua anda, sila patuhi arahan-arahan yang terdapat di dalam buku panduan ini. Kegagalan mematuhi arahan ini boleh mengakibatkan kecederaan fizikal yang serius dan kerosakan pada kenderaan anda.
- Dalam buku panduan ini, anda harus merujuk kepada AMARAN, PERINGATAN dan PERHATIAN.

AMARAN

Sekiranya amaran-amaran ini tidak dihiraukan, ia boleh mengakibatkan kecederaan jangka masa panjang atau kecederaan yang serius.

PERINGATAN

Jika amaran-amaran ini tidak dihiraukan, ia akan mengakibatkan kecederaan, kemalangan atau kerosakan kepada kenderaan anda.

PERHATIAN

Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian untuk mengendalikan kenderaan anda dengan selamat.

- Kesemua maklumat, gambarajah dan spesifikasi dalam buku panduan ini merupakan yang terkini pada waktu ianya diterbitkan. Kami berhak menghentikan atau membuat sebarang perubahan spesifikasi atau reka bentuk pada bila-bila masa tanpa sebarang notis dan tanpa menanggung sebarang obligasi.
- Sila beri perhatian bahawa buku panduan ini merujuk kepada semua varian dan penerangan mengenai kesemua peralatan termasuk peralatan pilihan. Oleh itu, anda mungkin mendapati sesetengah penerangan mengenai peralatan tertentu tidak dipasang dalam Perodua anda.
- Sekiranya anda menjual Perodua anda, tinggalkan buku panduan ini di dalam kenderaan anda untuk kegunaan dan kemudahan bakal pemilik lain.

- Jenis enjin dan model yang diterangkan dalam kenderaan ini ialah:

Model	Penerangan
M804RS	Kenderaan dipasang jenis enjin 1NR-VE (1,300cc)
M806RS	Kenderaan dipasang jenis enjin 2NR-VE (1,500cc)

Enjin	Penerangan
1NR-VE	Enjin 1,300 cc EFI ^{*1} +DOHC ^{*2} + Dua VVT-I ^{*3}
2NR-VE	Enjin 1,500 cc EFI ^{*1} +DOHC ^{*2} + Dua VVT-I ^{*3}

^{*1} Pencucuh bahan api elektronik

^{*2} Aci sesondol atas berkembar


^{*3} Pemasaan injap bolehubah - pintar

Tanggungjawab anda menjalankan penyelenggaraan


Adalah menjadi tanggungjawab pemilik untuk memastikan penyelenggaraan yang diperlukan dijalankan.

Seksyen 13 memberikan maklumat yang lebih mendalam mengenai syarat-syarat penyelenggaraan.

Identifikasi kenderaan




Nombor identifikasi kenderaan terdapat pada bahagian yang ditunjukkan dalam gambarajah.



Nombor identifikasi kenderaan (label nama) juga boleh dilihat pada bahagian kiri *center pillar* seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah.

Identifikasi enjin



Identifikasi enjin terdapat pada bahagian yang ditunjukkan dalam gambarajah.

Jadual kandungan

1 Peringatan-peringatan khas untuk
kenderaan anda

2 Pintu dan kunci

3 Tempat duduk dan tali pinggang
keledar

4 Peralatan dan kawalan

5 Meter dan tolok

6 Sistem kawalan penyaman udara

7 Sistem audio

8 Cermin

9 Peralatan dalaman

10 Petua pemanduan

11 Sekiranya berlaku kecemasan

12 Penjagaan kenderaan

13 Penyelenggaraan kenderaan

14 Panduan penyelenggaraan sendiri

15 Penggera/kunci pusat

16 Penderia undur/sisi hadapan

17 Spesifikasi

18 Indeks

1

2

3

4

5

6

7

8

9

10

11

12

13

14

15


16

17


18

Pandangan luaran


Pandangan hadapan




Padangan belakang



Pandangan dalam



Gambaran keseluruhan panel peralatan



- ① Suis lampu kabus (m/s 4-8)
- ② Suis pelbagai kawalan (m/s 4-6)
- ③ Suis kawalan cermin sisi (m/s 8-1)
- ④ Panel meter gabungan (m/s 5-1)
- ⑤ Suis pengelap dan pencuci cermin hadapan (m/s 4-9)
- ⑥ Suis isyarat amaran bahaya (m/s 4-11)
- ⑦ Panel kawalan radio (m/s 7-2,7-5,7-7)
- ⑧ Beg udara SRS untuk penumpang hadapan (m/s 3-34)
- ⑨ Peti peralatan (m/s 9-4)
- ⑩ Suis pelaras lampu besar (m/s 4-12)
- ⑪ Peti utiliti (m/s 9-4)
- ⑫ Beg udara SRS untuk pemandu (m/s 3-34)
- ⑬ Butang hidup/mati enjin (m/s 4-1)
- ⑭ Suis kunci pintu berpusat (m/s 4-12)
- ⑮ Soket kuasa USB (m/s 4-15)
- ⑯ Panel kawalan penyaman udara (m/s 6-2)
- ⑰ Soket kuasa (m/s 4-14)
- ⑱ Penunjuk tali pinggang penumpang hadapan (m/s 4-11)

Seksyen 1



Peringatan-peringatan khas untuk kenderaan anda

Gas ekzos enjin	1-1
Penukar bermangkin	1-2
Bagi keselamatan anda	1-3
Bawa anak anda serta kunci kenderaan bersama anda apabila meninggalkan kenderaan	1-4
Cadangan bahan api	1-4
Pengubahsuaian kenderaan anda	1-4
Pemasangan / penggunaan peralatan elektronik	1-5
Tempoh penyesuaian	1-5



Gas ekzos enjin

⚠️ AMARAN

Jangan menyedut gas ekzos. Ia mengandungi karbon monoksida, sejenis gas beracun tiada bau mahupun warna. Sedutan gas ini boleh mengakibatkan pengsan atau kematian.

Apabila anda mengesyaki asap ekzos telah memasuki ruang kenderaan anda, carilah puncanya. Ia harus diperbaiki dengan segera.

Sekiranya anda perlu memandu kenderaan anda dalam keadaan sebegini, pandulah dengan kesemua tingkap dibuka sepenuhnya. Untuk mengelakkan sebarang kemalangan disebabkan oleh gas ekzos, sila patuhi peringatan-peringatan berikut.

Penyelenggaraan;

Sentiasa penyelenggarakan sistem ekzos enjin, badan kenderaan dan sistem pengalih udara mengikut syarat-syarat pengendalian yang betul. Pastikan sistem ekzos tidak mempunyai sebarang sambungan yang longgar atau berlubang.

Dalam kes-kes berikut, kami sarankan agar sistem ekzos dan badan kenderaan diperiksa oleh pusat servis yang berkelayakan:

- Apabila anda menukar minyak
 - Apabila anda merasakan ada perubahan pada bunyi ekzos anda
 - Apabila sistem ekzos rosak atau reput
 - Apabila anda melanggar sesuatu objek
- Sebagai tambahan, sila patuhi jadual penyelenggaraan dalam Seksyen 13.

Sistem pengalih udara;

Bagi membenarkan sistem pengalih udara kenderaan anda beroperasi dengan baik pada setiap masa, pastikan saluran masuk udara di hadapan cermin depan bebas dari debu atau habuk, daun-daun dan lain-lain halangan.

Pengendalian harian;

Kami sarankan agar anda tidak membiarkan enjin dihidupkan untuk satu masa yang lama apabila kenderaan diletakkan atau diberhentikan.

Karbon monoksida akan masuk ke dalam kenderaan anda jika penyelenggaraan yang dijalankan tidak sempurna atau sistem ekzos telah rosak.

Jangan hidupkan enjin di dalam garaj atau di satu tempat tertutup kecuali jikalau kenderaan itu ingin dipandu masuk ke dalam atau keluar.


Pastikan objek asing tidak berkumpul di sekeliling ekor paip supaya gas ekzos tidak berkumpul di bawah badan kenderaan.

⚠️ AMARAN

Matikan enjin kenderaan anda jika anda hendak tidur sekejap di dalam kenderaan.

- **Ini bagi mencegah anda daripada tertolak tuil anjakan ataupun tertekan injak untuk suatu masa yang lama semasa anda tidur.**
- **Ini juga bagi mencegah kemasukan gas beracun yang boleh membawa maut ke ruang penumpang.**

Penukar bermangkin



Penukar bermangkin adalah satu alat kawalan emisi yang dipasang di dalam sistem ekzos untuk mengurangkan pencemaran di dalam gas ekzos.

⚠ AMARAN

- Sistem ekzos akan menjadi panas dan gas ekzos yang panas akan dikeluarkan semasa enjin sedang bergerak.
- Pastikan bahagian belakang kenderaan anda berada lebih kurang 30sm daripada bahan mudah bakar seperti kayu atau papan lapis semasa meletak kenderaan.

Jarak yang kurang mungkin mengakibatkan perubahan warna atau kecacatan pada bahan mudah bakar atau kebakaran secara tiba-tiba oleh gas ekzos.

- Jangan memandu atau meletak kenderaan anda ditempat yang mudah terbakar seperti rumput, daun kering, kertas atau carik.
- Jauhkan bahan mudah terbakar atau orang ramai dari sistem ekzos.

PERINGATAN

Gas yang tidak terbakar yang dihasilkan oleh penukar bermangkin boleh menyebabkan penukar menjadi lebih panas yang boleh mengakibatkan kebakaran dan kerosakan pada penyambung.

Untuk mengelakkan kejadian ini dan kerosakan yang lain, perhatikan perkara-perkara berikut :

- Jangan memandu kenderaan dengan aras bahan api yang terlalu rendah.
- Jangan hidupkan enjin pada tahap kelajuan melahu laju untuk lebih dari 10 minit atau tahap kelajuan melahu melebihi 20 minit.

- Jangan matikan enjin semasa kenderaan anda sedang bergerak.
- Jangan hidupkan kenderaan secara menolak atau menarik.
- Elakkan memecut.
- Gunakan minyak tanpa plumbum sahaja.

Untuk memastikan enjin, penukar bermangkin serta sistem pengawal pengeluaran asap berada dalam keadaan yang betul, pastikan anda mengikut semua pemeriksaan berjadual yang ditetapkan di dalam jadual penyelenggaraan Perodua.

Jika enjin kenderaan anda tidak boleh dihidupkan, selalu mati, berbunyi/berdesing atau berbunyi ketukan, dapatkan Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk memeriksanya dengan segera.



Bagi keselamatan anda

Kami di Perodua berusaha sedaya upaya agar anda dapat menggunakan kenderaan anda dengan selesa. Kami juga berharap agar anda menggunakan budi bicara anda untuk memandu dengan selamat.

Sebahagian daripada pemanduan yang selamat adalah dengan mempelajari keupayaan dan had sesebuah kenderaan. Anda harus sedar kenderaan yang dibuat untuk tujuan yang berbeza harus dikendalikan mengikut caranya tersendiri.

Baca dan fahami segala AMARAN, PERINGATAN dan PERHATIAN yang terdapat dalam buku panduan ini.


⚠️ AMARAN

- **Elakkan selekoh tajam, pusingan secara tiba-tiba atau sebarang tindakan yang tidak selamat. Kegagalan mengikut arahan ini akan menyebabkan kesukaran mengawal kenderaan, kemalangan, kenderaan anda terbalik serta kerosakan serius ke atas kerangka kenderaan anda.**
- **Jangan menggunakan kenderaan ini di luar jalan raya.**
- **Semua penumpang hendaklah menggunakan tali pinggang keledar. (Sila lihat “Arahan-arahan mengenai tali pinggang keledar ” di Seksyen 3).**
- **Pengendalian sebarang kenderaan selepas minum arak atau mengambil dadah akan membahayakan diri anda dan orang lain.**
- **Sila patuhi undang-undang jalan raya.**
- **Jangan mengendalikan sebarang peralatan atau mekanisme dari luar.**

Jikalau anda bergantung kepada pengeluar untuk menghasilkan kenderaan yang baik, maka, pihak pengeluar dan orang ramai pula mengharapkan agar anda memandu dengan selamat.



Bawa anak anda serta kunci kenderaan bersama anda apabila meninggalkan kenderaan



⚠ AMARAN

Jangan meninggalkan anak anda bersendirian di dalam kenderaan.

Kanak-kanak mungkin akan mengalami bahaya strok haba disebabkan suhu panas jika ditinggalkan di dalam kenderaan semasa cuaca panas terik.

Elakkan daripada meninggalkan kunci kenderaan pada penghidup kerana ia boleh diusik oleh kanak-kanak. Ini boleh membawa kepada kegagalan operasi komponen elektrik, contoh; tingkap berkuasa dan sebagainya, kemalangan ketika menghidupkan kenderaan atau kebakaran dan seterusnya boleh menyebabkan kemalangan yang serius.

Cadangan bahan api

Gunakan bahan api tanpa plumbum dengan nombor oktana 95 atau lebih tinggi.

PERINGATAN

Gunakan gasolin tanpa plumbum untuk Perodua anda.

Pengubahsuaian kenderaan anda

Jangan mengubahsuai kenderaan anda.

Sebarang pengubahsuaian yang dilakukan ke atas kenderaan anda boleh mendatangkan kesan ke atas prestasi, keselamatan dan ketahanan kenderaan anda. Ia juga mungkin melanggar peraturan-peraturan kerajaan.

Sebarang kerosakan atau masalah prestasi yang disebabkan oleh pengubahsuaian tidak dilindungi di bawah jaminan.

Sebagai tambahan, pengubahsuaian ke atas kenderaan boleh menyebabkan kesukaran pengawalan, kemalangan serta kerosakan serius ke atas kerangka kenderaan anda.



Pemasangan / penggunaan peralatan elektronik

Aksesori, alat gantian dan pengubahsuaian kenderaan anda.

Pelbagai jenis alat ganti bukan tulen dan aksesori kenderaan Perodua kini terdapat di pasaran. Dengan menggunakan alat ganti dan aksesori yang bukan tulen boleh menjejaskan keselamatan kenderaan anda.

Oleh itu Perodua tidak boleh menerima apa-apa liabiliti atau jaminan alat ganti dan aksesori yang tidak tulen begitu juga penggantian atau pemasangan yang melibatkan bahagian-bahagian tersebut.

Kenderaan ini tidak boleh diubah suai dengan produk bukan tulen Perodua. Pengubahsuaian dengan produk bukan tulen Perodua boleh menjejaskan prestasi, keselamatan atau ketahanan, dan boleh melanggar peraturan kerajaan.

Di samping itu, kerosakan atau prestasi masalah yang terhasil daripada pengubahsuaian mungkin tidak dilindungi di bawah jaminan.

Apabila sebarang alat elektronik yang berkemungkinan menghasilkan gelombang elektromagnet yang kuat, umpamanya sistem radio dua-hala, telefon bimbit dan komputer dipasang dan digunakan di dalam kenderaan anda, pastikan anda mendapat nasihat Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

Gelombang elektromagnet yang terhasil daripada alat elektronik tersebut boleh mendatangkan kesan kepada sistem yang ada pada kenderaan anda seperti sistem EFI (suntikan bahan api elektronik), ABS (Sistem brek anti-kunci) dan beg udara SRS, disebabkan pengendalian yang tidak betul.

Tempoh penyesuaian

Geseran dalam adalah tinggi bagi kenderaan baru, tetapi akan semakin berkurangan apabila berlaku penyesuaian kesemua alat yang bergerak.

Semasa 1,000 km yang pertama, kami sarankan agar anda mengambil langkah-langkah yang berikut bagi melanjutkan prestasi dan ekonomi kenderaan anda di masa depan.

- Jangan memandu lebih daripada 90 km/sejam (55 batu/sejam).
- Jangan memandu terlalu lama pada satu kelajuan, sama ada laju atau perlahan.
- Elakkan daripada menghidupkan enjin anda dengan pendikitan yang sepenuhnya.
- Elakkan daripada berhenti secara mengejut kecuali dalam masa kes kecemasan, terutama sekali semasa 300 km yang pertama.

Seksyen 2



Pintu dan kunci

Sistem immobilizer enjin	2-1
Kunci pintar (dengan sistem immobilizer enjin)	2-1
Pembuka pintar	2-2
Buzer amaran	2-6
Transmitter kunci pintar	2-6
Kunci pintu	2-9
Tuil perlindungan kanak-kanak	2-10
Tingkap kuasa	2-10
Hud	2-13
Pintu belakang	2-15
Pengisi bahan api	2-17



Sistem immobilizer enjin

Sistem immobilizer enjin adalah sistem cegah kecurian. Cip transponder yang terletak pada pemegang kunci akan menghantar isyarat elektrik kepada kenderaan. Kemudian isyarat elektrik ini dibandingkan dengan kod ID pra-daftar kenderaan. Jika isyarat elektrik ini serupa dengan kod ID, enjin boleh dihidupkan. Jika tidak, enjin tidak boleh dihidupkan.

Sistem ini tidak perlu diselenggara (*maintenance-free*).

Kunci pintar

(Dengan sistem immobilizer enjin)

Dua anak kunci disediakan untuk kenderaan anda. Hanya kedua-dua anak kunci ini sahaja yang boleh menghidupkan enjin kenderaan anda.

⚠ AMARAN


Jangan melakukan sebarang pengubahsuaian ke atas sistem immobilizer anda.

PERHATIAN

1. Sekiranya anda perlu untuk membuat kunci yang baru, sebagai contoh, apabila anda kehilangan satu daripada dua kunci kenderaan anda, tinggalkan dua kunci anda kepada Perodua untuk membuat kunci yang baru. Pastikan anda meletakkan satu daripada dua kunci kenderaan anda di tempat yang selamat.

Kedua-dua kunci ini mempunyai fungsi di mana kod identifikasi yang terdapat pada kunci tersebut boleh dimasukkan ke dalam sistem immobilizer. Kerana itulah anda perlu membawa bersama kunci kenderaan untuk menghasilkan kunci yang baru.

2. Sekiranya anda kehilangan kesemua kunci kenderaan anda, dapatkan bantuan daripada Pusat Servis Perodua anda dengan segera.



Sekiranya anda membuat kunci baru, anda disarankan supaya membawa kunci bersama-sama dengan plat nombor kunci ke Pusat Servis Perodua yang berdaftar. Kami menyarankan supaya anda menyimpan plat nombor kunci kenderaan anda di tempat yang selamat.

PERHATIAN


Anda boleh mendaftar dan membuat kunci anda sehingga 4 keping sahaja.

Pembuka pintar

PERINGATAN

Kepala anak kunci kenderaan anda dilengkapi dengan cip transponder yang penting bagi sistem penghalang pergerakan enjin ini. Oleh itu, pastikan anda mematuhi arahan-arahan berikut semasa mengendalikan anak kunci ini:

1. Jangan menutup pemegang anak kunci dengan sebarang objek (seperti sarung tangan aluminium) yang menghalang gelombang elektromagnetik.
2. Berhati-hati supaya tidak meletakkan sebarang beban ke atas kunci anda.
3. Jangan dedahkan kunci anda pada suhu yang tinggi untuk jangka masa terlalu lama. Sebagai contoh, jangan tinggalkan kunci di atas panel peralatan yang terdedah pada pancaran cahaya matahari.
4. Jangan rendam anak kunci di dalam air dan membasuhnya menggunakan mesin basuh gelombang supersonik.
5. Jangan gunakan kunci bersama-sama dengan objek elektromagnet (contoh; gelang magnetik).
6. Jangan bengkokkan /lenturkan genggam kunci.




(Lihat “Transmitter kunci pintar” untuk fungsi butang pada kunci pintar).

Sistem bebas kunci membolehkan anda untuk mengunci dan membuka kunci pintu dengan menekan suis di pintu apabila anda membawa kunci pintar bersama anda. Anda juga boleh menghidupkan enjin tanpa perlu memasukkan kunci. Tanpa mengambil kunci daripada poket atau beg anda, sensor disekeliling kenderaan mengesan kehadiran kunci pintar dan mengaktifkan mekanisme kunci.

Apabila berada di dalam kenderaan, enjin boleh dihidupkan dengan menekan butang penghidup. (Lihat “Menghidupkan enjin” di Seksyen 10)



Mengunci dan membuka kunci pintu pintar



Untuk mengunci pintu

Selepas memastikan semua pintu ditutup, tekan suis di pintu pada pemegang luar bahagian pemandu. Anda boleh pastikan semua pintu telah dikunci apabila lampu isyarat kecemasan akan berkelip sekali, hon berbunyi sekali dan lampu dalam terpadam.

Untuk membuka kunci pintu

- (i) Untuk membuka pintu pemandu (tekan kali pertama):

Tekan suis di pintu pada pemegang luar bahagian pemandu. Anda boleh pastikan bahawa pintu telah dibuka kunci apabila lampu isyarat kecemasan berkelip dua kali, hon berbunyi dua kali dan lampu dalam terus menyala selama 15 saat.

- (ii) Untuk membuka semua pintu termasuk pintu belakang (tekan kali kedua): Selepas menekan sekali suis di pintu pada pemegang luar bahagian pemandu, **tekan suis di pintu sekali lagi dalam tempoh 5 saat.**

Anda boleh pastikan bahawa pintu telah dibuka kunci apabila lampu isyarat kecemasan berkelip dua kali, hon berbunyi dua kali dan lampu dalam terus menyala selama 15 saat.

PERHATIAN

Pastikan semua pintu ditutup sebelum meninggalkan kenderaan.

Jarak operasi

Pelbagai operasi mungkin berbeza mengikut keadaan sekeliling.

- (i) Jarak operasi tanpa kunci:

Dalam lingkungan 3 meter daripada tengah kenderaan.


- (ii) Jarak operasi suis di pintu:

Apabila kunci pintar ini terletak lebih kurang 80 cm dari pemegang luar pintu.

PERHATIAN

- Suis di pintu mungkin tidak beroperasi secara normal bergantung kepada dimana kunci pintar dibawa.
- Semasa mencuci menggunakan air bertekanan tinggi, jangan halakan muncung paip pada suis di pintu. Air bertekanan tinggi boleh merosakkan suis di pintu.
- Jangan bersihkan suis di pintu dengan alat yang tajam apabila menggunakan wax disekitar suis.
- Terdapat beberapa keadaan, sistem bebas kunci mungkin tidak beroperasi dengan baik walaupun dalam jarak operasi:
 - Kunci pintar dibawa terlalu dekat dengan cermin pintu atau pemegang luar ketika membuka atau menutup pintu.
 - Kunci pintar dibawa terlalu dekat dengan suis di pintu apabila membuka pintu belakang.
 - Kunci pintar dibawa terlalu dekat dengan tanah atau tempat yang tinggi.

- Terdapat kemudahan yang menjana gelombang radio yang kuat seperti loji kuasa, stesen penyiaran, stesen gas, menara TV dan lapangan terbang.
- Kunci pintar dibawa bersama-sama dengan peralatan komunikasi radio, termasuk telefon bimbit, komputer riba, sistem audio mudah alih atau kekunci elektronik kenderaan lain.
- Kunci pintar disaluti atau bersentuhan dengan objek logam.
- Bateri kunci pintar lemah.




⚠️ AMARAN

- Bagi sesiapa yang menggunakan perentak jantung implan atau defibrilator implan, dinasihatkan supaya tidak mendekati di dalam jarak lingkungan 22 cm dari antena bebas kunci kenderaan.



- Gelombang radio yang dipancarkan dari antena bebas kunci kenderaan, semasa menggunakan suis di pintu (semasa buka atau tutup pintu) atau semasa menghidupkan enjin kenderaan, terdapat risiko yang memberi kesan kepada operasi perentak jantung implan.
- Bagi sesiapa yang menggunakan peranti perubatan elektrik selain daripada perentak jantung implan atau defibrilator implan, sila periksa terlebih dahulu dengan pengeluar.
- Gelombang radio boleh menjejaskan operasi peralatan elektrik perubatan.

Kunci kecemasan



Tolak tuil untuk mengeluarkan kunci kecemasan.

Bawa kunci kecemasan bersama kunci pintar. Sekiranya bateri kunci pintar lemah atau sistem bebas kunci tidak dapat beroperasi dengan betul, anda perlu menggunakan kunci kecemasan.

Buzer amaran

Buzer amaran ketika meninggalkan enjin dalam keadaan “ON”(Kunci pintar tiada di dalam kenderaan ketika enjin “ON”)

- (i) Buzer akan berbunyi seketika sekiranya pintu di bahagian pemandu tidak ditutup ketika enjin berada dalam keadaan “ACC”.
- (ii) Buzer akan berbunyi dalam tempoh yang lama sekiranya suis pengunci pintu ditekan ketika enjin berada dalam keadaan “ACC” atau “ON”.

Suis enjin berada pada kedudukan “OFF” dan tutup pintu untuk menghentikan bunyi buzer.

Buzer amaran ketika kunci pintar tertinggal dalam kenderaan


- (i) Buzer akan berbunyi sekiranya suis di pintu ditekan dan kunci pintar tertinggal di dalam kenderaan.
- (ii) Buzer akan berbunyi sekiranya kunci pintar tertinggal di dalam ruang pintu belakang. Tekan suis di pintu belakang untuk membuka.

Pastikan kunci pintar sentiasa bersama anda ketika mengunci pintu.

Buzer amaran pintu renggang

Buzer akan berbunyi dalam tempoh yang lama ketika anda mengunci pintu menggunakan suis di pintu atau kunci pintar apabila mana-mana pintu (termasuk pintu belakang) dibuka atau tidak ditutup dengan rapat. Tutup dan kunci semua pintu untuk memberhentikan bunyi buzer.

Transmitter kunci pintar



Anda boleh mengunci dan membuka kunci pintu tanpa menggunakan kunci.

Tekan butang pada transmitter kunci pintar untuk operasi berikut:

Mengunci ①

Selepas memastikan semua pintu dan pintu belakang ditutup, tekan butang ①.

Anda boleh pastikan semua pintu telah dikunci apabila lampu isyarat kecemasan akan berkelip sekali, hon berbunyi sekali dan lampu dalam terpadam.



Membuka kunci ②

- (i) Membuka pintu pemandu (tekan kali pertama)

Tekan butang ② sekali.

Anda boleh pastikan bahawa pintu telah dibuka kunci apabila lampu isyarat kecemasan berkelip dua kali, hon berbunyi dua kali dan lampu dalam terus menyala selama 15 saat.

- (ii) Untuk membuka semua pintu (tekan kali kedua)

Selepas menekan butang ② sekali, tekan butang sekali lagi dalam tempoh 5 saat. Anda boleh pastikan bahawa pintu telah dibuka kunci apabila lampu isyarat kecemasan berkelip dua kali, hon berbunyi dua kali dan lampu dalam terus menyala selama 15 saat.

Sekiranya pintu tidak dikunci lebih kurang 30 saat apabila dibuka kunci, semua pintu akan terkunci secara automatik.

Membuka pintu belakang ③

Tekan butang ③ melebihi 1 saat untuk membuka pintu belakang.

Hon akan berbunyi.

Butang kecemasan ④

Apabila butang ④ pada jenis 2 ditekan melebihi 1 saat atau butang ① pada jenis 1 ditekan melebihi 3 saat, hon akan berbunyi, lampu dalam akan menyala, lampu kecemasan akan berkelip dan penunjuk keselamatan akan menyala.

Untuk mematikan, tekan butang ①, ② atau ④.

Hon akan berbunyi selama 45 saat sekiranya butang ①, ② atau ④ tidak ditekan.

PERINGATAN

- 1. Terdapat kes di mana transmitter kunci pintar tidak berfungsi dengan baik apabila anda berada lebih 10 meter dari kenderaan anda.**
- 2. Terdapat kes di mana transmitter kunci pintar tidak berfungsi dengan baik, bergantung kepada keadaan persekitaran antaranya apabila terdapat alat-alat yang memancarkan gelombang elektrik yang kuat seperti stesen janakuasa, wayar bervoltan tinggi, sistem penyiaran dan menara televisyen.**
- 3. Transmitter kunci pintar mempunyai komponen elektronik yang bersepadu. Oleh itu, pastikan anda memberi perhatian kepada perkara-perkara yang berikut. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan ia tidak berfungsi dengan baik.**
 - Jangan memberi sebarang tekanan atau ketukan yang kuat kepada transmitter kunci pintar.**
 - Jangan meninggalkan transmitter kunci pintar di bawah pancaran matahari yang terik atau pada suhu tinggi.**
 - Jangan biarkan transmitter kunci pintar dimasuki air.**



- **Apabila anda meninggalkan kenderaan, pastikan ianya telah dikunci kemas dengan menarik pemegang pintu menggunakan tangan anda.**
- **Jika tiada sebarang pintu dibuka dalam masa 30 saat selepas transmitter kunci pintar menghantar isyarat membuka kunci, semua pintu akan dikunci semula.**

Kawalan penggera keselamatan

Set/nyahset penggera menggunakan transmitter kunci pintar. Penggera akan berfungsi apabila salah satu pintu atau pintu belakang dibuka tanpa menggunakan transmitter kunci pintar.

Penggera:

Bunyi hon dan lampu kecemasan berkelip selama 30 saat. Bunyi hon akan berhenti selepas 30 saat.

Untuk mematikan penggera

- Semua pintu termasuk pintu belakang tertutup atau
- Tekan butang “Kunci atau Buka” pada transmitter kunci pintar atau (Lihat “Penggera kereta/kunci pusat” di Seksyen 15).

Menggantikan bateri

Bateri di dalam transmitter kunci pintar mempunyai jangka hayat lebih kurang 2 tahun dengan jangkaan bahawa operasi mengunci dan membuka kunci dilakukan dalam 10 kali sehari.

(Walaupun bagaimanapun, terdapat kes di mana jangka hayat untuk bateri transmitter kunci pintar mungkin berkurangan bagi kenderaan baru).

Apabila operasi tidak stabil atau operasi tidak boleh dijalankan lagi, besar kemungkinan bateri telah habis.

Ganti bateri atau rujuk Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

(Lihat “Lampu amaran” di Seksyen 5)


(Lihat “Menggantikan bateri dalam transmitter kunci pintar” di Seksyen 15).



Kunci pintu

⚠ AMARAN


- Pastikan keselamatan di sekeliling kenderaan anda sebelum membuka sebarang pintu.
- Sebelum memandu, pastikan semua pintu telah ditutup dengan baik dan dikunci. Ini akan menghalang pintu daripada dibuka secara tidak sengaja dan menyebabkan penumpang tercampak keluar dari kenderaan.
- Jangan biarkan bayi atau binatang peliharaan di dalam kenderaan pada hari panas tanpa kawalan. Suhu di dalam kenderaan boleh mencapai tahap yang sangat tinggi.
- Pastikan supaya tidak meninggalkan kunci di dalam kenderaan anda.



Mengunci/membuka kunci pintu dengan anak kunci dari luar kenderaan

Pusingkan kunci ke arah hadapan kenderaan untuk mengunci pintu dan ke arah belakang untuk membuka kunci.

Tarik pemegang luar untuk membuka pintu. Apabila anda mengunci atau membuka kunci pintu di sebelah pemandu, pintu-pintu lain tidak akan dikunci atau dibuka kuncinya secara automatik.



Untuk mengunci/membuka kunci pintu dengan butang kunci pintu dari dalam kenderaan

Tolak bahagian hadapan butang kunci (A) untuk mengunci pintu. Tolak bahagian belakang butang kunci (B) untuk membuka kunci pintu. Tarik pemegang dalam ke arah anda untuk membuka pintu.

Anda juga boleh mengunci pintu dari luar dengan menolak butang kunci sambil menarik naik pemegang luar.


Anda tidak perlu menarik naik pemegang luar untuk mengunci pintu belakang.

PERHATIAN

Berhati-hati supaya tidak meninggalkan kunci di dalam kenderaan.

Tuil perlindungan kanak-kanak

Tingkap kuasa



Tuil perlindungan kanak-kanak disediakan bagi menghalang kanak-kanak membuka pintu belakang dari dalam dengan tidak sengaja, apabila pintu itu tidak dikunci.

Tolak tuil perlindungan kanak-kanak kepada "LOCK" dan tutup pintu. Pintu kini hanya boleh dibuka dari luar.

Kami sarankan agar anda menggunakan tuil perlindungan kanak-kanak ini setiap masa apabila kanak-kanak berada di dalam kenderaan.

⚠️ AMARAN

Pemandu bertanggungjawab untuk semua operasi tingkap kuasa, termasuk operasi untuk penumpang dengan mematuhi arahan berikut untuk mengelakkan sebarang kecederaan yang serius.

- Sebelum menutup tingkap kuasa, sentiasa pastikan bahagian kepala, tangan dan lain-lain bahagian anggota badan penumpang berada di dalam kenderaan.

Sekiranya leher, bahagian kepala atau tangan penumpang terselit apabila tingkap ditutup, ia boleh mengakibatkan kecederaan yang serius.

Pastikan tingkap kuasa dioperasikan dengan berhati-hati sekiranya kedudukan penumpang terletak berhampiran dengan tingkap.


- Semasa kanak-kanak berada di dalam kenderaan, jangan benarkan mereka mengoperasikan suis tingkap kuasa.

Pastikan anda menggunakan suis kunci tingkap untuk mengelakkan kanak-kanak daripada menekan suis tanpa disedari.

- Pastikan suis penghidup berada pada kedudukan "OFF" dan bawa kunci apabila meninggalkan kenderaan.
- Jangan tinggalkan kanak-kanak tanpa pengawasan di dalam kenderaan, terutamanya semasa suis penghidup berada pada kedudukan "ON". Kanak-kanak boleh mengoperasikan suis tingkap kuasa, menyebabkan anggota badan terselit dan kecederaan yang serius.




Suis kunci tingkap kuasa




Tingkap kuasa beroperasi apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON". Semua tingkap pintu dikawal oleh suis utama yang disediakan di sebelah pintu pemandu. Apabila suis kunci pintu disetkan kepada "OFF", tingkap selain tingkap di sebelah pemandu tidak dapat dinaikkan atau diturunkan.

Suis utama



Tarik suis ke atas untuk menaikkan tingkap. Tekan suis ke bawah untuk menurunkan tingkap dan tingkap akan turun selagi suis tidak dilepaskan. Tingkap bahagian sebelah pemandu akan turun secara automatik apabila suis ditekan sepenuhnya. Untuk menurunkan tingkap separuh jalan, tarik suis ke atas. Tingkap bahagian sebelah pemandu akan secara automatik apabila suis ditarik sepenuhnya. Sekiranya terdapat halangan diantara cermin dan bingkai tingkap semasa auto-naik, tingkap akan berhenti secara automatik (Fungsi *Jam Pro*).

Suis tingkap





Bahagian penumpang hadapan/ penumpang belakang

Tarik suis ke atas untuk menaikkan tingkap. Tekan suis ke bawah untuk menurunkan tingkap. Tingkap akan turun selagi suis tidak dilepaskan.



Tingkat *Jam-Pro* (Tingkat pemandu sahaja)



PERINGATAN

Tingkat bahagian penumpang belakang tidak boleh diturunkan sepenuhnya.

Tingkat *Jam-Pro* adalah ciri keselamatan auto undur dimana tingkap akan berhenti naik dan turun semula secara automatik sekiranya penerima mengesan sebarang halangan di antara cermin dan bingkai tingkap.

Tingkat kuasa perlu diaktifkan untuk memastikan operasi berjalan lancar. Tekan suis pembuka tingkap kuasa untuk seketika sehingga tingkap turun sepenuhnya dalam keadaan suis enjin dihidupkan.

Tarik suis ke atas seketika untuk menaikkan tingkap. Teruskan tekan suis selama dua saat selepas tingkap tutup sepenuhnya.

PERHATIAN


- Sekiranya halangan terlalu kecil, penerima mungkin tidak dapat mengesan kehadiran halangan tersebut dan fungsi auto-undur tidak dapat diaktifkan.
- Bergantung kepada persekitaran dan keadaan pemanduan, sekiranya sebarang impak yang dialami oleh cermin tingkap sama dengan keadaan semasa terdapat sebarang halangan, ianya boleh mengaktifkan penerima auto-undur.

⚠ AMARAN

- Jangan sekali-kali menggunakan mana-mana bahagian badan anda untuk sengaja mengaktifkan fungsi auto-undur.
- Fungsi auto-undur mungkin tidak berfungsi jika sesuatu terperangkap sebelum tingkap ditutup sepenuhnya.




Hud



Untuk membuka hud


1. Tarik pemegang kunci hud di bawah panel peralatan pemandu ke arah anda.



2. Berdiri di hadapan kenderaan. Naikkan kancing keselamatan dengan jari anda dan naikkan hud.

PERINGATAN

- Jangan membuka hud apabila lengan pengelap cermin dinaikkan. Hud akan tercalar atau lengan pengelap atau bilah pengelap akan rosak.
- Jangan menggunakan sebarang alat untuk membuka hud. Ia akan merosakkan selak.




Untuk menyokong hud

Selitkan batang penahan ke dalam lubang alur yang berdekatan dengan anak panah di hud.

⚠ AMARAN

Pastikan batang penahan hud menyokong hud dengan baik selepas menyelitkannya.

Kegagalan mematuhi arahan ini akan menyebabkan hud jatuh dan boleh mengakibatkan kecederaan anggota badan yang serius.



⚠ AMARAN

- **Pastikan hud ditutup dan dikancing dengan baik sebelum memandu. Pandangan pemandu akan terhalang sekiranya hud terbuka sepenuhnya secara tidak sengaja.**
- **Sekiranya anda dapati hud tidak dikunci dengan baik semasa memandu, segeralah berhenti di susur jalan dan kancingkan hud itu dengan kemas.**

Untuk mengunci hud


1. Letak batang penahan hud pada kedudukan asalnya sambil menahan hud dengan menggunakan tangan.
2. Turunkan hud. Jauhkan tangan anda daripada hud bagi membolehkan hud jatuh ke bawah dan terkancing dengan kemas.



Pintu Belakang



Pintu belakang boleh dibuka dengan menekan suis di pintu sekiranya kunci pintar dibawa bersama.




Untuk membuka pintu belakang

Setelah kunci pintu belakang dibuka, tarik pemegang dengan perlahan. Pintu belakang akan terbuka tanpa daya tarikan.

Apabila pintu belakang dibuka sepenuhnya, ia akan berada dalam kedudukan menaik.

AMARAN

- **Jangan membuka pintu belakang dengan bilah pengelap belakang dinaikkan.**
Bilah pengelap boleh mencederakan anda.
- **Lepaskan tangan ketika pintu belakang terbuka dengan sendiri untuk mengelakkan kecederaan.**



Panel pemegang dalam pintu belakang

Gunakan panel pemegang dalam yang terdapat di bahagian dalam pintu belakang untuk memudahkan jangkauan semasa anda menutupnya.

Untuk menutup pintu belakang

Pastikan pintu belakang tidak dihalang oleh sebarang objek di dalam ruang simpanan barang apabila ia ditutup.

Tarik pintu perlahan-lahan menggunakan panel pemegang dalam pintu belakang.



⚠ AMARAN

Pastikan pintu ditutup dengan baik sepanjang masa apabila memandu. Gas ekzos yang beracun akan masuk ke dalam kenderaan dan boleh membawa maut.

PERHATIAN

- Pastikan pintu belakang ditutup sepenuhnya sebelum memandu kenderaan anda.
- Lindungi kanak-kanak daripada sebarang kecederaan apabila membuka atau menutup pintu belakang.
- Jangan letakkan manusia atau haiwan di dalam ruang barang. Ia akan menyebabkan kematian/kecederaan serius disebabkan lemas.
- Buka pintu belakang sepenuhnya bila hendak digunakan. Jika tidak, pintu belakang akan tertutup serta merta dan akan mencederakan manusia.




Pengisi bahan api

⚠ AMARAN

- Untuk mencegah kebakaran ketika mengisi bahan api, sentiasa matikan suis penghidup. Juga, jangan merokok atau menimbulkan sebarang percikan api berhampiran pengisi bahan api.
- Jangan membawa sebarang bekas bahan api dalam kenderaan anda. Bekas bahan api mungkin bocor dan menyebabkan berlakunya letupan atau kebakaran.

Tuil pembuka bahan api



Untuk membuka/menutup pintu bahan api

Untuk membuka:

Tarik tuil ke atas, di sebelah kanan/bahagian bawah tempat duduk pemandu berpandukan anak panah seperti yang ditunjukkan di dalam gambarajah.


Untuk menutup:

Tutup pintu bahan api daripada bahagian luar.

PERHATIAN

Pastikan pintu bahan api dikunci dengan baik.

Tutup tangki bahan api



Untuk membuka tutup

1. Pusingkan tutup tangki bahan api lawan arah pusingan jam untuk membukanya.


⚠ AMARAN

- Buka tutup secara perlahan-lahan untuk melepaskan tekanan sedikit demi sedikit.

la bagi menghindarkan kerosakkan pada kemasan cat dan kulit anda apabila bahan api terpercik.



- Pastikan tutup bahan api ditutup dengan baik sehingga bunyi “klik” kedengaran bagi mengelakkan limpahan bahan api.
- Gunakan hanya tukup tangki bahan api tulen Perodua. Kegagalan mematuhi arahan ini boleh menyebabkan kebocoran bahan api.



2. Gunakan penyangkut untuk memegang tukup tangki bahan api.

Untuk menutup tukup

Bagi memastikan tukup tangki bahan api ditutup dengan sempurna, pusingkan tukup tangki bahan api ikut arah pusingan jam sehingga bunyi “klik” kedengaran.



Label maklumat bahan api

PERINGATAN

Label bahan api terletak di bahagian belakang penutup bahan api. Hanya isi bahan api yang mematuhi syarat-syarat label ini.

⚠ AMARAN

Sekiranya berlaku kebocoran pada tangki bahan api atau anda terhidu bau bahan api, hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar dengan segera.

Seksyen 3



Tempat duduk dan tali pinggang keledar

Tempat duduk	3-1
Tempat duduk hadapan	3-2
Tempat duduk belakang	3-4
Penyandar kepala	3-6
Arahan-arahan mengenai tali pinggang keledar.....	3-9
Tali pinggang keledar jenis penyentak kunci kecemasan tiga punca (ELR)	3-11
Tali pinggang keledar jenis penyentak kunci kecemasan tiga punca (ELR) (jenis berasingan)	3-13
Lampu dan buzer amaran tali pinggang keledar	3-15
Sistem tali pinggang hadapan pra tegang	3-16
Sistem penahan kanak-kanak	3-18
Beg udara SRS (Supplement Restraint System) untuk pemandu dan penumpang hadapan	3-34
Beg udara sisi SRS, Beg udara tirai SRS	3-48
Komputer beg udara	3-53
Rakaman data kenderaan	3-54
Perakam data kejadian	3-54



Tempat duduk


Ketika kenderaan bergerak, pastikan semua penumpang duduk dan memakai tali pinggang keledar dengan betul.

⚠ AMARAN

Jika penumpang tidak duduk dalam posisi yang betul atau tidak memakai tali pinggang keledar, jangan memandu kenderaan anda. Sebagai contoh, jika penumpang duduk di tempat duduk yang dijatuhkan, duduk di atas kusyen yang dilipatkan ke bawah atau duduk di tempat letak bagasi.

Kegagalan anda mematuhi amaran ini mungkin menyebabkan kecederaan yang serius apabila kenderaan diberhentikan secara tiba-tiba atau ketika perlanggaran.

Posisi pemanduan yang betul




Bagi memastikan pemanduan yang selamat, ikut arahan dibawah bagi melaras tempat duduk dan posisi pemanduan yang betul:

1. Duduk dengan selesa dan pastikan bahagian belakang anda bersandar pada tempat duduk.
2. Pastikan anda boleh mencapai injak kaki dengan secukupnya dan setiap injak boleh ditekan sepenuhnya.
3. Pastikan ketinggian tali pinggang keledar adalah selaras dengan belakang telinga anda.
4. Pastikan anda memakai tali pinggang keledar dengan betul.



Tempat duduk hadapan




Untuk melaras kedudukan tempat duduk

Naikkan tuil pelarasan tempat duduk dan sorongkan kedepan atau kebelakang tempat duduk menggunakan tekanan badan kepada kedudukan yang diinginkan.

Kemudian, lepaskan tuil itu.

⚠ AMARAN

- Pastikan tempat duduk dikunci dengan rapi setelah melaras dengan menyorongkannya ke depan dan ke belakang.
- Jika tempat duduk tidak dikunci dengan rapi, ia boleh menyebabkan pergerakan tidak sengaja yang boleh menyebabkan kehilangan kawalan pada kenderaan.
- Jangan cuba melaraskan tempat duduk pemandu ketika memandu. Ini boleh menyebabkan kesukaran untuk mengawal kenderaan dan kemalangan.



Untuk melaraskan sudut penyandar tempat duduk

Tegakkan badan ke hadapan dan tarik tuil penyandar ke atas. Perlahan-lahan condongkan penyandar tempat duduk ke sudut yang diinginkan.


Kemudian lepaskan tuil itu.



⚠ AMARAN

- Pastikan, selepas pelarasan, penyandar tempat duduk dikunci pada kedudukannya dengan baik menggunakan tekanan badan. Ini boleh menghalang sebarang pergerakan tidak sengaja penyandar tempat duduk yang boleh membawa kepada kesukaran mengawal kenderaan.
- Jangan cuba melaraskan penyandar tempat duduk pemandu ketika memandu. Ini boleh menyebabkan kesukaran mengawal kenderaan dan kemalangan.
- Elakkan daripada membaringkan penyandar tempat duduk lebih dari yang diperlukan untuk mengurangkan risiko kecederaan sekiranya penumpang melongsor di bawah tali pinggang keledar ketika perlanggaran.

**Pelaras ketinggian tempat duduk pemandu
(Sekiranya dilengkapi)**



Setiap kali tuil ditarik ke atas, kusyen tempat duduk akan naik.

Setiap kali tuil ditolak ke bawah, kusyen tempat duduk akan turun.

⚠ AMARAN

Jangan cuba melaraskan ketinggian tempat duduk pemandu ketika memandu.

Ini boleh menyebabkan kesukaran mengawal kenderaan dan berlakunya kemalangan.



Tempat duduk belakang

Untuk melaraskan sudut penyandar tempat duduk



Tegakkan badan ke depan dan tarik tuil pelarasan ke atas. Perlahan-lahan condongkan penyandar tempat duduk ke sudut yang diinginkan.

Kemudian lepaskan tuil itu.

PERHATIAN

Tempat duduk kiri dan kanan boleh dilaraskan secara berasingan.

⚠ AMARAN

- Pastikan, selepas pelarasan, penyandar tempat duduk dikunci pada kedudukannya dengan baik dengan menggunakan tekanan badan. Ini dapat menghalang daripada berlakunya kemalangan.
- Jika tempat duduk tidak dikunci dengan rapi, ianya boleh menyebabkan pergerakan tidak sengaja yang boleh menyebabkan kemalangan dan kecederaan.
- Pastikan tempat duduk tidak dilaras semasa kenderaan sedang bergerak.


Sebelum melipat tempat duduk belakang



1. Letakkan kenderaan di tempat yang selamat.
2. Laraskan kedudukan tempat duduk hadapan supaya ia tidak menyentuh kusyen di bahagian belakang tempat duduk.
3. Sebelum menahan penyandar tempat duduk belakang, masukkan webbing tali pinggang keledar ke penyangkut seperti dalam gambarajah supaya ia tidak tersepit oleh tempat duduk.



Melipat tempat duduk belakang



1. Tarik keatas tuil pengunci tempat duduk belakang. Perlahan-lahan condongkan tempat duduk belakang. Kemudian lepaskan tuil itu.
2. Lipat kerusi belakang ke hadapan.
3. Untuk kembalikan tempat duduk belakang ke kedudukan asal, angkat tempat duduk belakang sehingga ianya dikunci dengan selamat.

PERINGATAN

Semasa mengembalikan penyandar tempat duduk kepada kedudukan tegak, berhati-hati supaya bahagian tepi tali pinggang keledar tidak tersepit. Kerosakan pada bahagian tepi tali pinggang keledar boleh menjejaskan keberkesannya.

⚠ AMARAN


Untuk mengurangkan risiko dan/atau kecederaan teruk sekiranya berlaku kemalangan:

- Jangan benarkan sesiapa pun menumpang di ruang barang. Ianya tidak direka untuk membawa penumpang.
- Jangan letakkan sebarang objek di ruang barang lebih tinggi daripada tempat duduk belakang.
- Pastikan tempat duduk belakang dikembalikan pada kedudukan menegak dan kunci dengan baik dengan tali pinggang keledar kelihatan sepenuhnya.



Penyandar kepala

Melaras penyandar kepala




① Atas

Tarik penyandar kepala ke atas

② Bawah


Tekan penyandar kepala ke bawah sambil menekan punat kekunci.

Menanggalkan penyandar kepala



Tarik penyandar kepala ke atas sambil menekan punat kekunci.


Memasang penyandar kepala



Selarikan penyandar kepala dengan lubang pemasangan sambil menekan punat kekunci dan tolak penyandar kepala ke bawah sehingga ia terkunci. Tekan dan tahan punat kekunci apabila menurunkan penyandar kepala.



Melaras ketinggian penyangar kepala (kerusi hadapan)



Pastikan penyangar kepala dilaraskan supaya bahagian tengah penyangar kepala hampir dengan bahagian atas telinga anda.


⚠ AMARAN

- Selepas pelarasan penyangar kepala, pastikan penyangar kepala terkunci kemas dengan menolaknya ke bawah. Ia bagi menghalang pergerakan tidak sengaja penyangar tempat duduk yang membawa kepada kesukaran untuk mengawal kenderaan.
- Jangan memandu kenderaan anda tanpa penyangar kepala atau tanpa pelarasan yang betul. Penyangar kepala memberikan perlindungan penting terhadap sebarang kecederaan semasa pecutan.
- Penyangar kepala sangat berguna apabila rapat dengan kepala anda. Sebarang kusyen yang dipasang pada penyangar tempat duduk adalah tidak digalakkan.

- Jangan cuba untuk melaraskan penyangar kepala pemandu ketika memandu. Ini boleh menyebabkan kesukaran mengawal kenderaan dan kemalangan.
- Masukkan penyangar kepala pada arah yang betul. Penyangar kepala tidak terkunci sekiranya berada pada bahagian permukaan yang berlawanan.



Penyandar kepala untuk kerusi belakang



Pastikan penyandar kepala dilaraskan sebelum menggunakannya.

⚠ AMARAN

Perhatikan amaran-amaran berikut. Kegagalan untuk mematuhi amaran boleh menyebabkan kecederaan serius atau kematian.

- Gunakan penyandar kepala yang telah direka untuk setiap tempat duduk masing-masing.
- Pastikan penyandar kepala dilaraskan dengan betul pada setiap masa.
- Selepas melaraskan penyandar kepala, pastikan penyandar kepala terkunci dengan kemas dengan menolaknya ke bawah.
- Jangan memandu apabila penyandar kepala dikeluarkan.



Arahan-arahan mengenai tali pinggang keledar

Semua penumpang hendaklah menggunakan tali pinggang keledar yang disediakan pada setiap masa. Sila patuhi peringatan-peringatan berikut supaya tali pinggang keledar dapat digunakan sebaik-baiknya. Kegagalan mematuhi arahan ini akan menyebabkan kecederaan anggota badan yang serius jika berlaku kemalangan atau jika anda membrek secara mengejut.

Tali pinggang keledar yang disediakan adalah direka untuk penumpang dewasa, saiz yang cukup untuk memakainya dengan sempurna.

Periksa sistem tali pinggang keledar anda dari semasa ke semasa dan jika sebarang tali pinggang keledar anda gagal berfungsi dengan baik, sila dapatkan pemeriksaan dari Pusat Servis Perodua yang berdaftar dengan segera.

Kanak-kanak:

Gunakan sistem penahan kanak-kanak yang bersesuaian untuk kanak-kanak sehingga kanak-kanak cukup besar untuk memakai tali pinggang keledar dengan sempurna. Sila lihat "Sistem penahan kanak-kanak" bagi penerangan yang lebih terperinci.

Sekiranya kanak-kanak terlalu besar untuk sistem penahan kanak-kanak, kanak-kanak perlu duduk di tempat duduk belakang dan memakai tali pinggang keledar. Mengikut statistik kemalangan, kanak-kanak memakai tali pinggang keledar lebih selamat berada di tempat duduk belakang berbanding dengan tempat duduk hadapan.

- Jangan benarkan mereka berdiri atau berlutut di atas tempat duduk.
- Jangan mengendong kanak-kanak. Dalam kemalangan, seorang kanak-kanak yang digendong akan terhimpit di antara bahagian dalam kenderaan dan anda.

Orang yang bertubuh kecil atau orang muda;

Sekiranya tali pinggang bahagian bahu merintang leher atau muka penumpang di tempat duduk depan, gerakkan tempat duduk ke depan atau ke belakang supaya tali pinggang akan melilitnya dengan selesa.

Wanita hamil;

Tali pinggang riba harus dipakai dengan baik dan serendah yang boleh di pinggul dan bukannya di pinggang. Sila dapatkan nasihat daripada doktor anda.

Orang yang cedera;

Sila dapatkan nasihat dari doktor anda.

⚠ AMARAN

- **Tali pinggang keledar mempunyai reka bentuk mengikut struktur tulang badan yang harus dipakai rendah merintang bahagian hadapan tulang pinggul, dada dan bahu sebolehnya yang mungkin dan elakkan daripada memakai tali pinggang bahagian riba merintang perut.**
- **Tali pinggang keledar harus dilaraskan sebaik mungkin dengan mementingkan keselesaan bagi memberikan perlindungan sebagaimana yang dikehendaki. Tali pinggang yang longgar akan mengurangkan perlindungan terhadap pemakai.**



- Penjagaan yang sempurna harus dilakukan untuk mengelakkan webing dari dicemari pengilat, minyak dan bahan-bahan kimia terutamanya asid bateri. Pembersihan dapat dijalankan dengan baik dengan menggunakan sabun dan air. Tali pinggang keledar harus digantikan sekiranya webing telah lusuh, tercemar atau rosak.
- Adalah perlu menggantikan keseluruhan sistem selepas ia dipakai dalam satu impak yang teruk, walaupun, kerosakan pada sistem adalah tidak begitu jelas.
- Tali pinggang tidak boleh dipakai dengan talinya terpinjal.
- Setiap tali pinggang hanya boleh digunakan oleh seorang penumpang sahaja. Adalah merbahaya untuk meletakkan tali pinggang di keliling kanak-kanak yang diletakkan pada riba penumpang.

- Tiada sebarang modifikasi atau tambahan harus dibuat oleh pengguna kerana ini akan menghalang peranti pelarasan tali pinggang keledar daripada beroperasi.
- Jangan membenarkan sesiapa menggunakan tali pinggang keledar bahu sekiranya ia merintang bahagian atas dada atau terletak berhampiran tengkuk atau muka.
- Jangan selitkan plat ke dalam pengancing yang salah.
- Jangan memakai tali pinggang keledar bahu di sebelah luar tangan anda atau di belakang anda.
- Jangan membaringkan penyandar tempat duduk lebih daripada yang diperlukan.
- Jangan memasang tali pinggang keledar di atas objek-objek keras atau mudah pecah seperti cermin mata, barang kemas, pen dan kunci.
- Jangan memakai tali pinggang keledar di atas pakaian yang tebal. Ia akan menghalang kedudukan tali pinggang yang baik.


- Jangan mengubahsuai atau membuka sistem tali pinggang keledar.
- Sekiranya tali pinggang keledar pernah digunakan semasa impak yang teruk, gantikannya melalui Pusat Servis Perodua yang berdaftar walaupun kerosakannya tidak jelas.

PERINGATAN

- Sila berhati-hati agar webing tali pinggang keledar atau perkakasannya tidak rosak akibat tersepit kerusi, pintu dan sebagainya.
- Simpan tali pinggang dengan kemas apabila tidak digunakan.
- Pembersihan dapat dilakukan dengan menggunakan sabun lembut atau air suam. Jangan gunakan peluntur, pewarna atau pencuci yang keras. Ini akan menyebabkan tali pinggang mengalami kerosakan yang teruk.
- Jangan mengalih tali pinggang apabila membersihkannya. Tarik tali pinggang itu kembali selepas mengeringkannya dengan baik.



Tali pinggang keledar jenis penyentak kunci kecemasan tiga punca (ELR)



Untuk memasang tali pinggang keledar


Tarik tali pinggang keledar daripada penyentak dan selitkan plat ke dalam pengancing sehingga terdengar bunyi "klik".

PERHATIAN

Jika tali pinggang keledar terkunci semasa di tarik, lepaskan tali pinggang keledar tersebut dan tarik semula perlahan-lahan. Jika gagal, tarik tali pinggang keledar dengan kuat dan lepaskannya. Perlahan-lahan tarik semula tali pinggang keledar untuk mengancing.

⚠ AMARAN

Bagi perlindungan sepenuhnya, selepas menyelitkan plat, pastikan sambungan itu baik dan tali pinggang tidak terpingtal.




Untuk melaraskan tali pinggang keledar

Letakkan tali pinggang keledar serendah yang boleh di atas pinggul anda dan bukannya di atas pinggang anda.

Tarik tali pinggang keledar bahagian bahu ke arah penyentak untuk mengurangkan sebarang kelonggaran.

Adalah tidak perlu untuk melaraskan panjang tali pinggang keledar kerana ia telah direka bentuk memanjang dan menarik balik mengikut pergerakan badan serta boleh terkunci dalam kes kecemasan (brek kecemasan, tergelincir dan lain-lain).



Untuk membuka tali pinggang keledar

Tolak butang pelepas pengancing.

Biarkan penyentak menarik kembali tali pinggang itu sepenuhnya.


Pastikan tali pinggang tidak terpingtal semasa ia tertarik kembali.

PERHATIAN

Apabila menggunakan tali pinggang belakang tengah, pastikan anda menggunakan pengancing yang mempunyai tanda *CENTER*.



Penambat bahu tali pinggang keledar boleh laras (Tempat duduk hadapan)



⚠ AMARAN

Pastikan selepas pelarasan, penambat bahu tali pinggang dalam kedudukan terkunci untuk mengelakkan sebarang pergerakan tidak sengaja semasa kenderaan dipandu.

Untuk melaraskan ketinggian

Untuk merendahkan kedudukan penambat bahu tali pinggang keledar, tarik penambat sambil menekan kedua-dua bahagian tepi tombol untuk melepaskan kekunci.


Rendahkan sehingga bunyi “klik” kedengaran.

Untuk menaikkan kedudukan, gerakkan penambat ke atas sehingga bunyi “klik” kedengaran.

Penambat bahu tali pinggang boleh dilaras kepada empat kedudukan.



Tali pinggang keledar jenis penyantap kunci kecemasan tiga punca (ELR) (Jenis berasingan)




Tali pinggang keledar bahagian tengah tempat duduk belakang

Tali pinggang keledar bahagian tengah tempat duduk belakang adalah jenis penyantap tiga punca ELR dengan 2 pengancing. Kedua-dua pengancing tali pinggang keledar mestilah diletakkan di tempat yang betul dan disambung dengan kemas untuk penggunaan yang betul.

Pastikan pengancing ① disambung dengan kemas untuk sedia digunakan.

PERHATIAN

Kedua-dua plat mempunyai bentuk yang berlainan untuk mengelakkan tali pinggang dikancing ditempat yang salah.




Untuk memasang tali pinggang keledar

1. Tarik tali pinggang keledar daripada penyantap dan selitkan plat kanan (kecil) ke dalam pengancing ① sehingga terdengar bunyi "klik".
2. Selitkan plat kiri ke dalam pengancing kiri (center) ② sehingga terdengar bunyi "klik".

⚠ AMARAN

Bagi perlindungan sepenuhnya, selepas menyelitkan plat, pastikan sambungan adalah baik dan tidak terpitul.




Untuk melaraskan tali pinggang keledar

Letakkan tali pinggang keledar serendah yang boleh di atas pinggul anda dan bukannya di atas pinggang anda.

Tarik tali pinggang keledar bahagian bahu ke arah penyantap untuk mengurangkan sebarang kelonggaran.

Adalah tidak perlu untuk melaraskan panjang tali pinggang keledar kerana ia telah direka bentuk memanjang dan menarik balik mengikut pergerakan badan serta boleh terkunci dalam kes kecemasan (brek kecemasan, tergelincir dan lain-lain).




Untuk membuka tali pinggang keledar

1. Tolak butang pelepas pengancing bahagian kiri (*center*) ②.
2. Untuk melepaskan plat kecil, masukkan plat kiri ke dalam bahagian tepi pengancing kanan ① dan biarkan penyentak menarik kembali tali pinggang itu sepenuhnya. Pastikan tali pinggang tidak terpintal semasa ia tertarik kembali.

PERINGATAN

- Apabila menggunakan tali pinggang keledar jenis berasingan, pastikan plat sebelah kanan bersambung dengan pengancing ketika digunakan. Jika ia tidak disambung, tali pinggang keledar tidak dapat berfungsi seperti yang sepatutnya.
- Jangan gunakan tali pinggang keledar di bahagian tengah tempat duduk belakang sekiranya salah satu pengancing tidak dikunci.
- Sentiasa pastikan tali pinggang diposisikan di tengah bahu anda. Tali pinggang mestilah dijauhkan dari leher, tetapi tidak jatuh dari bahu anda. Kegagalan melakukannya akan mengurangkan perlindungan dalam kemalangan dan akan menyebabkan kecederaan yang serius ketika perlanggaran.
- Jangan asingkan plat kanan daripada pengancing melainkan tempat duduk belakang telah dicondongkan ke hadapan.



Apabila tidak digunakan, gantung plat kecil pada cangkuk slot penyelit tali pinggang keledar dan masukkan cangkuk lain ke pin slot di bahagian atas.



Lampu dan buzer amaran tali pinggang keledar

Bahagian pemandu/penumpang hadapan



Jika tali pinggang pemandu atau penumpang hadapan tidak dipasang, lampu amaran akan berkelip dan buzer akan berbunyi selepas kelajuan kenderaan melebihi 20 km/j.

Bahagian penumpang belakang



Jika mana-mana tali pinggang keledar pada bahagian penumpang belakang tidak dipasang, lampu amaran akan menyala mengikut bahagian yang tidak dipasang tali pinggang keledar. Buzer akan berbunyi selama 32 saat apabila keadaan tali pinggang keledar berubah dari dipasang kepada dibuka selepas kelajuan kenderaan melebihi 5 km/j.



Sistem tali pinggang hadapan pra tegang



Mekanisma pra tegang akan berfungsi apabila daya hentaman yang kuat dikenakan pada bahagian hadapan kenderaan. Sistem pra tegang ini akan tersentak sekaligus mengekalkan kedudukan badan pemandu atau penumpang dan juga meningkatkan keberkesanan operasi sistem tali pinggang keledar dan beg udara SRS. Bunyi dan bau akan dikeluarkan semasa tali pinggang keledar pra tegang berfungsi.

Mekanisma pra tegang akan berfungsi apabila kenderaan terkena impak yang kuat dari hadapan walaupun tali pinggang keledar tidak dipakai.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk bahagian beg udara.

PERHATIAN

Apabila sistem tali pinggang keledar pra tegang berfungsi, pastikan ia diganti dengan yang baru oleh Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

⚠ AMARAN

- Jangan mengubahsuai atau mengganti tali pinggang penyentak, alat ganti atau sistem suspensi. Pengubahsuaian sebegini akan mengurangkan keberkesanan sistem tali pinggang keledar pra tegang.
- Dapatkan nasihat daripada Pusat Servis Perodua yang berdaftar sebelum menjalankan operasi di bawah.
 - Apabila kenderaan dilupuskan;
 - Apabila bahagian hadapan sistem tali pinggang keledar perlu ditanggalkan;
 - Apabila kimpalan dijalankan pada kenderaan;



- **Apabila kerja pembaikan kerangka kenderaan dijalankan;**
- **Apabila kerja-kerja penyemburan cat dijalankan;**
- **Apabila bahagian hadapan struktur kenderaan ditukar;**
- **Apabila peralatan dipasang pada bahagian hadapan kenderaan seperti pelindung gril;**
- **Sila ambil perhatian bahawa kenderaan anda dilengkapi dengan sistem tali pinggang keledar pra tegang. Apabila menjual kenderaan anda, sila beritahu pembeli tentang sistem ini.**

Mekanisma penghad daya

Tali pinggang keledar hadapan dengan sistem pra tegang juga dilengkapi dengan sistem mekanisma penghad daya. Mekanisma ini hanya berfungsi apabila daya hentaman yang kuat dikenakan pada bahagian hadapan. Daya tersebut harus melebihi had tertentu supaya daya berlebihan tidak dikenakan ke atas pemandu atau penumpang. Mekanisma ini dapat mengurangkan daya hentakan pada bahagian dada pemandu atau penumpang.

PERHATIAN

Terdapat beberapa kes di mana mekanisma penghad daya tidak berfungsi walaupun sistem pra tegang telah beroperasi.



Sistem penahan kanak-kanak

Peringatan sistem penahan kanak-kanak Perodua sangat menyarankan penggunaan sistem kawalan kanak-kanak bagi anak kecil yang sesuai menggunakannya.

Jika anak anda terlalu besar untuk sistem kawalan kanak-kanak, letakkan anak anda di tempat duduk belakang dan pasang tali pinggang keledar kenderaan. Sila lihat “ Tali pinggang keledar kecemasan jenis penyentak kunci kecemasan tiga punca”.

⚠️ AMARAN

- **Bagi perlindungan yang berkesan semasa berlakunya kemalangan atau berhenti mengejut, pastikan anak anda memakai tali pinggang keledar dengan kemas atau menggunakan sistem penahan kanak-kanak mengikut umur dan saiz mereka. Jangan memegang atau meriba anak anda kerana ini boleh menyebabkan anak anda tercampak ke hadapan sekiranya berlaku kemalangan.**

- **Perodua sangat menyarankan penggunaan sistem penahan kanak-kanak mengikut saiz yang sesuai dipasang pada tempat duduk belakang. Mengikut statistik kemalangan, kanak-kanak yang menggunakan sistem penahan kanak-kanak di tempat duduk belakang lebih selamat berbanding di hadapan.**
- **Jangan gunakan bakul bayi atau kerusi kanak-kanak di tempat duduk hadapan kerana ia boleh mengakibatkan kecederaan serius atau kematian kerana tekanan yang terhasil daripada pengembangan beg udara penumpang hadapan sekiranya berlaku kemalangan.**
- **Pastikan anda mematuhi semua peraturan pemasangan yang telah disediakan oleh pengeluar sistem penahan kanak-kanak dan sistem pemasangannya adalah kukuh.**

Sistem penahan kanak-kanak (CRS)

Sistem penahan kanak-kanak (CRS) untuk kanak-kanak atau bayi mestilah dipasang dengan betul di tempat duduk menggunakan tali pinggang keledar. Rujuk arahan-arahan pemasangan oleh pengeluar sistem penahan kanak-kanak dengan teliti.

Untuk menyediakan penahan yang betul, ikut arahan-arahan oleh pengeluar mengenai umur dan saiz yang sesuai untuk sistem penahan kanak-kanak tersebut.

Perodua menyarankan penggunaan sistem penahan kanak-kanak yang mematuhi peraturan “ECE No.44”.

Pasang sistem penahan kanak-kanak dengan betul mengikut arahan-arahan yang disediakan oleh pengeluar. Arahan-arahan am juga terdapat di bawah gambarajah gambarajah yang berikut.

Sistem penahan kanak-kanak mestilah dipasang di tempat duduk belakang.

⚠️ AMARAN

- **Jangan menggunakan bakul pembawa bayi atau kerusi kanak-kanak di bahagian tempat duduk penumpang hadapan. Ianya boleh menyebabkan kecederaan yang serius atau kematian sekiranya berlaku kemalangan.**



- **Setelah memasang sistem penahan kanak-kanak pastikan ianya dikemaskan dengan ketat. Sekiranya tidak, ianya boleh menyebabkan kecederaan yang serius atau kematian kepada kanak-kanak sekiranya berlaku kemalangan atau berhenti secara mengejut.**
- **Jangan biarkan kanak-kanak bermain dengan tali pinggang keledar. Tali pinggang keledar boleh tersimpul di leher kanak-kanak dan mengakibatkan kanak-kanak tercekik atau kecederaan serius yang boleh menyebabkan kematian. Sekiranya ini berlaku secara tidak sengaja dan kancing tali pinggang keledar tidak boleh dibuka, potong tali pinggang keledar menggunakan gunting atau alat yang sesuai.**

Sekiranya sistem penahan kanak-kanak tidak digunakan, pastikan ia diikat dengan tali pinggang keledar atau di simpan di tempat selain dari ruang penumpang. Ini untuk menghalangnya dari mencederakan penumpang sekiranya kenderaan anda berhenti mengejut atau kemalangan.

Jenis sistem penahan kanak-kanak

Sistem penahan kanak-kanak dikelaskan kepada 5 kumpulan di bawah berdasarkan peraturan ECE No. 44.

Kumpulan 0	Sehingga 10 kg (0-9 bulan)
Kumpulan 0+	Sehingga 13 kg (0-2 tahun)
Kumpulan I	9 hingga 18 kg (9 bulan-4 tahun)
Kumpulan II & III	15 hingga 36 kg (4-12 tahun)

Buku panduan ini menerangkan 3 jenis penahan kanak-kanak pilihan berikut, yang dipasang dengan selamat menggunakan tali pinggang keledar.

- (1) Kerusi bayi...bersamaan Kumpulan 0 dan Kumpulan 0+ dari ECE No.44
- (2) Kerusi kanak-kanak...bersamaan Kumpulan 0+, I dan II dari ECE No.44
- (3) Kerusi kanak-kanak junior...bersamaan Kumpulan III dari ECE No.44

Apabila membeli kerusi kanak-kanak pastikan jenis sistem penahan kanak-kanak yang sesuai dengan kanak-kanak dan kenderaan anda.

Pilih sistem penahan kanak-kanak yang sesuai dengan setiap posisi tempat duduk. Rujuk jadual di sebelah, "Kesesuaian sistem penahan kanak-kanak untuk pelbagai posisi tempat duduk".


Kenderaan anda dilengkapi penambat (*top-tether anchors*) untuk mengikat tali atas sistem penahan kanak-kanak.

Untuk arahan-arahan menggunakan penambat (*top-tether anchors*), sila rujuk "Menggunakan tali atas".

Sistem penahan kanak-kanak ISO FIX juga boleh digunakan pada kenderaan anda. Rujuk "Sistem penahan kanak-kanak ISO FIX". Pasang ia mengikut arahan-arahan yang disediakan oleh pengeluar sistem penahan kanak-kanak tersebut.




Jenis-jenis kerusi penahan kanak-kanak



(1) Kerusi bayi



(2) Kerusi kanak-kanak



(3) Kerusi kanak-kanak junior

Sistem penahan kanak-kanak selain dari yang disebutkan juga boleh digunakan, tetapi hendaklah diperiksa kesesuaian sistem tersebut oleh pengeluar dan pembekal.

⚠ AMARAN

Penggunaan sistem penahan kanak-kanak yang tidak sesuai dengan kenderaan boleh menyebabkan bayi atau kanak-kanak tidak mendapat perlindungan sepenuhnya. Ia mungkin menyebabkan kecederaan yang serius atau kematian.



Kesesuaian sistem penahan kanak-kanak untuk pelbagai posisi tempat duduk.

Jadual berikut menunjukkan maklumat berkaitan kesesuaian sistem penahan kanak-kanak untuk pelbagai posisi tempat duduk.

1. CRS konvensional

Kumpulan	Posisi tempat duduk		
	Penumpang hadapan	Belakang tepi	Belakang tengah
0 - sehingga 10 kg (0 - 9 bulan)	X	U	X
0 ⁺ - sehingga 13 kg (0 - 2 tahun)	X	U	X
I - 9 hingga 18 kg (9 bulan - 4 tahun)	X	U	X
II & III - 15 hingga 36 kg (4-12 tahun)	X	U	X

CRS : Sistem Penahan Kanak-kanak (Child Restraint System)

- U : Sesuai untuk penahan kategori "universal" yang diperakui untuk kegunaan kumpulan ini
- X : Posisi tempat duduk tidak sesuai untuk kanak-kanak dalam kumpulan ini

2. CRS ISO FIX

Kumpulan	Saiz kelas	Lekapan	Posisi ISO FIX kenderaan
			Belakang tepi
Karikot (<i>Carrycot</i>)	F	ISO / L1	X
	G	ISO / L2	X
0 - sehingga 10 kg	E	ISO / R1	X
	D	ISO / R2	X
0+ - sehingga 13 kg	E	ISO / R1	X
	D	ISO / R2	X
	C	ISO / R3	X
	D	ISO / R2	X
I - 9 hingga 18 kg	C	ISO / R3	X
	B	ISO / F2	IUF
	B1	ISO / F2X	IUF
	A	ISO / F3	IUF
	II - 15 hingga 25 kg	-	-
III - 22 hingga 36 kg	-	-	X

Kunci huruf dalam jadual di atas;

IUF = sesuai untuk sistem penahan kanak-kanak ISO FIX pandang-depan kategori "universal" yang diperakui untuk kegunaan kumpulan.

X = Posisi tempat duduk adalah tidak sesuai untuk kumpulan ini.

⚠️ AMARAN

Penggunaan sistem penahan kanak-kanak yang tidak sesuai dengan kenderaan boleh menyebabkan bayi atau kanak-kanak tidak mendapat perlindungan sepenuhnya. Ia mungkin menyebabkan kecederaan yang serius atau kematian.




Apabila memasang sistem penahan kanak-kanak




⚠ AMARAN

Jangan gunakan penahan kanak-kanak pandang-belakang pada tempat duduk yang dilindungi BEG UDARA AKTIF di hadapannya, KEMATIAN atau KECEDERAAN SERIUS pada kanak-kanak boleh berlaku.



Jangan menggunakan belakang sistem penahan kanak-kanak menghadap ke tempat duduk penumpang hadapan. Daya dari beg udara penumpang hadapan boleh menyebabkan kematian atau kecederaan serius kepada anak-anak sekiranya berlaku kemalangan.




Terdapat label di visor matahari sebelah penumpang hadapan, menunjukkan ia adalah dilarang untuk menggunakan belakang sistem penahan kanak-kanak menghadap ke tempat duduk penumpang hadapan.

Butiran label ditunjukkan dalam gambarajah diatas.




Pemasangan tali pinggang keledar



(1) Pemasangan kerusi bayi


Kerusi bayi hendaklah dipasang dalam kedudukan pandang-belakang sahaja.



⚠ AMARAN

- **Jangan memasang sistem penahan kanak-kanak pada tempat duduk belakang sekiranya ia mengganggu mekanisma kekunci tempat duduk hadapan. Ini boleh mengakibatkan kecederaan yang serius atau kematian kepada anak anda dan penumpang hadapan sekiranya kenderaan berhenti mengejut atau berlaku kemalangan.**

- **Jika posisi tempat duduk pemandu tidak memberi ruang yang cukup untuk anda memasang penahan kanak-kanak dengan selamat, pasanglah di sebelah kiri tempat duduk belakang.**




1. Pasangkan tali pinggang keledar sebelah riba dan bahu atau di sekeliling kerusi bayi mengikut arahan yang ditetapkan oleh pengeluar dan masukkan plat lidah ke dalam kancing. Pastikan tali pinggang tidak terlipat dan bahagian riba dipasang dengan ketat.

⚠ AMARAN


- Selepas memasukkan plat lidah, pastikan plat lidah dan kancing dikunci dan tali pinggang keledar tidak terlipat.

- Jangan masukkan duit syiling, klip dan lain-lain ke dalam kancing kerana ini boleh menyebabkan plat lidah dan kancing tidak terkunci dengan kemas.
- Sekiranya tali pinggang tidak dipasang dengan betul, ia tidak akan dapat melindungi anak anda daripada sebarang kecederaan. Sila hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar dengan segera. Jangan gunakan sistem penahan kanak-kanak sekiranya tali pinggang keledar tidak dipasang.



⚠ AMARAN

Pastikan sistem penahan kanak-kanak dipasang kemas dengan menolak dan menarik dari semua arah. Patuhi semua arahan pemasangan yang disediakan oleh pengeluar.




2. Untuk mengeluarkan kerusi bayi, tekan butang pelepas dan biarkan tali pinggang keledar bergulung ke dalam sepenuhnya. Tali pinggang keledar akan bergerak bebas kembali dan boleh digunakan oleh penumpang dewasa atau kanak-kanak.




(2) Pemasangan tempat duduk kanak-kanak

Kerusi kanak-kanak boleh digunakan dengan menghadap ke hadapan atau ke belakang bergantung pada umur dan saiz kanak-kanak. Semasa memasang, patuhi arahan pengeluar mengenai kesesuaian umur kanak-kanak, saiz dan juga arahan memasang sistem penahan kanak-kanak.



⚠ AMARAN

- **Jangan memasang sistem penahan kanak-kanak di tempat duduk belakang sekiranya ia mengganggu mekanisma kekunci tempat duduk hadapan. Ini boleh mengakibatkan kecederaan serius atau kematian kepada anak anda dan penumpang hadapan sekiranya kenderaan anda berhenti mengejut atau berlaku kemalangan.**
- **Sekiranya posisi tempat duduk pemandu tidak memberi ruang yang cukup untuk pemasangan yang selamat, pasang penahan kanak-kanak di sebelah kiri tempat duduk belakang.**




1. Pasangkan tali pinggang keledar sebelah riba dan bahu atau di sekeliling kerusi bayi mengikut arahan yang ditetapkan oleh pengeluar dan masukkan plat lidah ke dalam kancing. Pastikan tali pinggang tidak terlipat dan bahagian riba dipasang dengan ketat.


⚠ AMARAN

- Selepas memasukkan plat lidah, pastikan plat lidah dan kancing dikunci dan tali pinggang keledar tidak terlipat.


- Jangan masukkan duit syiling, klip dan lain-lain ke dalam kancing kerana ini boleh menyebabkan plat lidah dan kancing tidak terkunci dengan kemas.
- Sekiranya tali pinggang keledar tidak dipasang dengan kemas, ia tidak dapat melindungi anda daripada kecederaan. Hubungi segera Pusat Servis Perodua yang berdaftar. Jangan gunakan sistem penahan kanak-kanak sehingga tali pinggang keledar di pasang dengan kemas.



2. Panjangkan sepenuhnya tali pinggang keledar dan pasang mengikut arahan pengeluar sistem penahan kanak-kanak.




3. Semasa menekan kerusi kanak-kanak ke arah kusyen tempat duduk dan penyandar, biarkan tali keledar di bahu ditarik sehingga kerusi kanak-kanak berada pada kedudukan yang kemas dan ketat.




⚠ AMARAN

Pastikan sistem penahan kanak-kanak dipasang kemas dengan menolak dan menarik daripada semua arah. Patuhi semua arahan pemasangan yang disediakan oleh pengeluar.



4. Untuk mengeluarkan kerusi kanak-kanak, tekan butang pelepas dan biarkan tali pinggang keledar bergulung sepenuhnya ke dalam. Tali pinggang keledar mestilah boleh bergerak bebas kembali dan boleh digunakan oleh penumpang dewasa atau kanak-kanak besar.



(3) Pemasangan tempat duduk kanak-kanak junior

Kerusi kanak-kanak junior hendaklah digunakan pada posisi pandang-depan sahaja.

1. Pastikan kanak-kanak duduk diatas kerusi junior. Aturkan tali pinggang keledar bahagian riba dan bahu atau keliling kerusi junior berpandukan arahan yang ditetapkan oleh pengeluar kerusi tersebut dan masukkan plat lidah ke dalam kancing. Pastikan tali pinggang keledar tidak terlipat.
2. Pastikan tali pinggang keledar dipakai dengan betul di bahagian bahu dan tali pinggang keledar bahagian riba berada serendah yang boleh di atas pinggul kanak-kanak.
3. Untuk membuka kerusi kanak-kanak junior, tekan butang pelepas kancing dan biarkan tali pinggang keledar bebas kembali.




⚠ AMARAN

- Sentiasa pastikan tali pinggang keledar bahu dalam kedudukan melintang pada bahagian tengah dada kanak-kanak. Pastikan tali pinggang keledar tidak terkeluar daripada bahu kanak-kanak dan elakkan ia daripada merintang leher kanak-kanak. Kegagalan untuk berbuat sedemikian boleh mengurangkan keupayaannya untuk memberi perlindungan dan menyebabkan kecederaan yang serius dan kematian sekiranya kenderaan berhenti mengejut atau berlakunya kemalangan.
- Kedudukan tali pinggang keledar yang terlalu tinggi dan longgar pada riba boleh mengakibatkan kecederaan yang serius kerana anda boleh menggelongsor di bawah tali pinggang keledar semasa berlaku pelanggaran. Pasangkan tali pinggang keledar serendahnyanya di bahagian pinggul kanak-kanak.

- Untuk keselamatan kanak-kanak, jangan biarkan tali pinggang keledar di bahu berada di bawah lengan kanak-kanak.
- Selepas memasukkan plat lidah, pastikan plat lidah dan kancing terkunci.
Pastikan tali pinggang keledar tidak terlipat.
- Jangan masukkan duit syiling, klip dan lain-lain ke dalam kancing kerana ini boleh menyebabkan plat lidah dan kancing tidak terkunci dengan kemas.
- Sekiranya tali pinggang keledar tidak dipasang dengan kemas, ia tidak dapat melindungi anda dari kecederaan. Hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar dengan segera.
Jangan gunakan sistem penahan kanak-kanak sekiranya tali pinggang keledar tidak dipasang dengan kemas.

Menggunakan tali atas






Sekiranya sistem penahan kanak-kanak anda mempunyai tali atas, ia sepatutnya di sambungkan.

Patuhi langkah-langkah di bawah bagi keperluan sistem penahan kanak-kanak yang menggunakan tali atas.



Menggunakan penambat (*top-tether anchors*)



Gunakan penambat (*top-tether anchors*) seperti yang ditunjukkan pada rajah bagi menyambung tali atas.

Penambat (*top-tether anchors*) dipasang pada setiap bahagian tempat duduk belakang.

Simbol menunjukkan kedudukan penambat (*top-tether anchors*) yang sedia digunakan.

1. Tanggalkan dulang pakej belakang. (jika perlu)
2. Pasang tali pinggang keledar pada sistem penahan kanak-kanak dengan kemas.
3. Letakkan tali atas terus ke bahagian belakang tempat duduk.

4. Sambung penyangkuk ke penambat (*top-tether anchors*) dan ketatkan tali atas.

Bagi mengetahui cara pemasangan sistem penahan kanak-kanak menggunakan tali pinggang keledar, sila lihat "Sistem penahan kanak-kanak".



⚠ AMARAN

- Pastikan tali atas disambung dengan kemas, dan pastikan sistem penahan kanak-kanak dipasang kemas dengan menolak dan menarik ke semua arah. Patuhi semua arahan pemasangan yang disediakan oleh pengeluar.
- Jangan sambungkan tali atas kepada bahagian lain selain daripada penambat (*top-tether anchors*) yang betul.

Sistem penahan kanak-kanak ISO* FIX

Tempat duduk belakang


Kenderaan ini dilengkapi sistem penahan kanak-kanak yang menepati ciri-ciri ISO FIX dengan penambat (*ISO-FIX anchors* dan *top-tether anchors*) yang membolehkan anda memasang sistem penahan kanak-kanak yang sesuai.

Untuk sistem penahan kanak-kanak mematuhi ISO FIX yang menggunakan sistem penambat (*ISO-FIX anchors* dan *top-tether anchors*), pengguna hanya dibenarkan memasang sistem penahan kanak-kanak yang bersesuaian dengan piawaian keselamatan kenderaan jalan raya bagi kenderaan ini. (Sistem penahan kanak-kanak mematuhi ISO FIX yang menggunakan sistem penambat (*ISO-FIX anchors* dan *top-tether anchors*) tulin dari Perodua menyokong sistem penahan kanak-kanak). Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

PERHATIAN



Kaedah pemasangan adalah berbeza dengan jenis tempat duduk kanak-kanak ataupun bayi yang disokong menggunakan tali pinggang keledar.

*ISO - Organisasi Piawai Antarabangsa



Untuk memasang

1. Lebarakan ruang diantara kusyen dan penyandar dan pastikan kedudukan sistem penahan kanak-kanak yang menepati ciri-ciri ISO FIX dengan penambat (*ISO-FIX anchors* atau *top-tether anchors*).
2. Laraskan tempat duduk hadapan ke depan sekiranya perlu.



3. Laraskan tempat duduk belakang dan pasang alat sistem penahan kanak-kanak yang sesuai ke penambat (*ISO-FIX anchors* atau *top-tether anchors*) penahan kanak-kanak yang mematuhi ISO FIX. (Bagi kaedah pemasangan, sila patuhi semua arahan pemasangan yang telah disediakan oleh pengeluar sistem penahan kanak-kanak).
4. Gerakkan dengan perlahan sistem penahan kanak-kanak untuk memastikan ia telah dipasang dengan sempurna.

⚠️ AMARAN

- **Bagi tempat duduk belakang yang dilengkapi penyandar kepala, sentiasa sambungkan (*top-tether anchor*) setelah menaikkan penyandar kepala ke kedudukan paling atas semasa memasang sistem penahan kanak-kanak. Sekiranya ia masih mengganggu tempat duduk kanak-kanak atau tali atas, tanggal sepenuhnya penyandar kepala dan simpan di tempat yang selamat.**

- Sekiranya penyandar kepala berada di kedudukan yang rendah, ini akan mengganggu tali atas dan menyebabkan ia menjadi longgar. Ini boleh menyebabkan tempat duduk kanak-kanak bergerak semasa keadaan kecemasan seperti pelanggaran dan mengakibatkan kecederaan yang serius.






⚠ AMARAN

- Jangan mengubah kedudukan tempat duduk apabila ianya telah ditetapkan. Sekiranya berlaku kemalangan, anda akan mengalami kecederaan yang serius.
- Untuk memasang dan menanggalkan sistem penahan kanak-kanak, sila patuhi semua arahan pemasangan yang telah disediakan oleh pengeluar.
- Apabila memasang sistem penahan kanak-kanak, pastikan tiada objek luar yang terdapat berdekatan dengan sistem penahan kanak-kanak yang menepati ciri-ciri penambat (*ISO-FIX anchors* atau *top-tether anchors*) ISO FIX, dan tiada sebarang objek yang bertindih dengan mekanisma tersebut. Sekiranya tali pinggang keledar atau sebarang objek asing tersekat, sistem penahan kanak-kanak tidak dikunci dengan sempurna, ini akan menyebabkan kecederaan serius sekiranya berlaku perlanggaran.

- Jika sistem penahan kanak-kanak ditinggalkan didalam kenderaan tanpa disokong dengan sempurna, ia akan menyebabkan kecederaan kepada pemandu atau penumpang ketika brek mengejut.



Beg udara SRS (Supplement Restraint System) untuk pemandu dan penumpang hadapan



Beg-beg udara SRS direka untuk segera mengembang sekiranya berlaku hentaman yang kuat di bahagian hadapan kenderaan. Dengan kombinasi fungsi tali pinggang keledar yang menahan badan pemandu dan penumpang, beg-beg udara SRS akan mengurangkan kesan hentaman kepada muka, kepala, dada dan sebagainya.

Beg-beg udara SRS adalah alat perlindungan tambahan dan bukan gantikan kepada tali pinggang keledar.


Beg udara penumpang hadapan berfungsi walaupun tiada penumpang di tempat duduk hadapan.

⚠️ AMARAN


Kegagalan mematuhi arahan ini akan mengakibatkan kecederaan yang serius atau kematian sekiranya berlaku pelanggaran hadapan yang teruk walaupun dilengkapi dengan beg-beg udara SRS.

1. Pastikan anda melaraskan kusyen tempat duduk belakang pada kedudukan yang optimum.


- 2. Pastikan anda duduk dengan betul dan selesa supaya jarak di antara roda stereng dan badan juga jarak di antara panel peralatan dan penumpang hadapan tidak terlalu rapat.**
- 3. Pastikan tali pinggang keledar dipakai dengan baik.**




4. Jangan duduk terlalu hujung di tempat duduk.



5. Jangan sandarkan badan pada roda stereng dan panel peralatan.



- 6. Jangan letak sebarang objek seperti binatang peliharaan dan beg di antara pemandu dan roda stereng juga di antara panel peralatan dan penumpang hadapan.**
- 7. Jangan memegang bahagian pad roda stereng dan panel peralatan ketika memandu.**
- 8. Jangan memasang tempat duduk bayi atau kanak-kanak di tempat duduk bahagian hadapan. Sila rujuk "Sistem penahan kanak-kanak".**



9. Jangan benarkan kanak-kanak berdiri di hadapan beg udara SRS atau memangku kanak-kanak di atas riba anda.

Rujuk "Arahan-arahan mengenai tali pinggang keledar".

Untuk amaran yang lebih terperinci, sila lihat PERHATIAN berikut.

PERHATIAN

1. Kegagalan anda memakai tali pinggang keledar dengan baik mengakibatkan kecederaan yang serius atau kematian sekiranya berlaku kemalangan walaupun kenderaan anda dilengkapi dengan beg-beg udara SRS.


Sebab-sebabnya adalah:

- Beg-beg udara hanyalah sebagai alat penahan tambahan. Oleh itu, beg-beg udara sahaja tidak dapat melindungi anda sepenuhnya sekiranya berlaku pelanggaran hadapan yang teruk. Tambahan pula, beg-beg udara akan serta-merta mengembung dan segera mengempis. Dengan itu, ia tidak dapat melindungi anda daripada hentaman seterusnya selepas beg-beg udara itu mengempis.

- Keberkesanan beg-beg udara SRS akan berkurangan atau apabila berlaku kecederaan yang serius kepada anggota badan jika anda tidak memakai tali pinggang keledar dengan kemas atau tidak duduk dengan betul. Beg-beg udara SRS bukan sahaja gagal mengurangkan hentaman tetapi operasinya juga boleh mengakibatkan kecederaan kepada anda disebabkan jarak yang rapat di antara roda stereng, panel peralatan dan badan anda.
- Apabila lampu amaran menyala atau berkelip, kemungkinan beg-beg udara SRS tidak akan beroperasi walaupun kenderaan anda terlibat dalam satu pelanggaran hadapan yang teruk.
- Beg-beg udara SRS hanya beroperasi dalam pelanggaran hadapan yang teruk. Oleh itu, kemungkinan beg-beg udara SRS tidak beroperasi apabila hentaman paras rendah berlaku pada penerima unit kawalan, contohnya seperti kes berikut:
 - Pelanggaran dari hadapan ke tembok konkrit dengan kelajuan kurang dari 25 km/j;



- Apabila kenderaan anda menjunam ke bawah lantai lori besar;
 - Apabila kenderaan anda menerima hentaman dari sisi atau belakang;
 - Apabila kenderaan anda berlanggar dengan tiang elektrik dan sebagainya;
 - Apabila kenderaan anda terbalik ke sisi atau terbalik dalam keadaan keempat-empat tayar ke atas.
2. Jangan sandar pada roda stereng atau panel peralatan (unit beg udara) semasa memandu. Ia boleh mengakibatkan kecederaan anggota badan yang serius akibat pengembangan beg-beg udara apabila berlaku pelanggaran hadapan yang teruk.
3. Beg-beg udara SRS akan beroperasi sekiranya suis pencucuh berada pada kedudukan "ON". Beg-beg udara SRS tidak akan beroperasi walaupun kenderaan anda terlibat dalam satu pelanggaran dengan kenderaan lain ataupun objek sekiranya suis pencucuh berada pada kedudukan "OFF" atau "ACC".



4. Sekiranya anda meletak sebarang objek di antara pemandu / penumpang hadapan dengan roda stereng / panel peralatan, ia boleh mengakibatkan kecederaan yang serius akibat operasi beg udara yang tidak normal apabila berlaku pelanggaran hadapan yang teruk.
5. Jika anda memegang bahagian pad roda stereng / panel peralatan, ia boleh menyebabkan kecederaan yang serius disebabkan operasi beg udara apabila berlaku pelanggaran hadapan yang teruk.




Label amaran



⚠️ AMARAN

Jangan gunakan penahan kanak-kanak pandang-belakang pada tempat duduk yang dilindungi BEG UDARA AKTIF di hadapannya, KEMATIAN atau KECEDEeraan SERIUS pada kanak-kanak boleh berlaku.




Komponen utama kenderaan anda

- Beg udara untuk pemandu dipasang di dalam roda stereng.
- Beg udara untuk penumpang hadapan dipasang pada bahagian atas panel peralatan.
- Komputer beg udara dipasang di bahagian bawah konsol tengah.
- Lampu amaran beg udara berfungsi untuk memberi amaran kepada anda jika berlaku sebarang kepingangan.

- Unit kawalan mempunyai fungsi diagnosis di mana lampu amaran beg udara menyala selama enam saat selepas suis penghidup berada pada kedudukan "ON".
- Jika tiada sebarang kepingangan pada sistem, lampu amaran beg udara akan padam selepas enam saat. Kemudian fungsi mod diagnosis bertukar kepada mod pemeriksaan biasa untuk sentiasa mengesan kepingangan komponen dan sistem elektrik.
- Sekiranya sebarang kepingangan dikesan semasa mod pemeriksaan biasa, lampu amaran beg udara akan menyala untuk memberi amaran kepada pemandu mengenai kepingangan berkenaan.
- Setiap unit kawalan dilengkapi satu kondenser simpanan sebagai bekalan kuasa simpanan dalam kes di mana bekalan kuasa elektrik akan diputuskan semasa perlanggaran secara berdepan yang teruk.



Bagaimana beg udara beroperasi



Jika kenderaan anda mengalami kemalangan hadapan yang teruk, beg udara SRS akan mengembang serta-merta untuk melindungi muka, kepala dan dada anda.


Anda mungkin akan mendengar bunyi yang kuat dan melihat asap atau serbuk putih apabila beg udara mengembang.

Fenomena ini disebabkan pengembangan beg udara SRS dan merupakan perkara biasa.

⚠️ AMARAN

- Terdapat beberapa keadaan di mana pemandu atau penumpang hadapan mendapat luka, melecur atau kecederaan akibat operasi beg udara.
- Jika anda luka atau melecur, dapatkan rawatan doktor dengan segera.
- Gas yang mengembungkan beg udara mengandungi sedikit bahan perangsang tetapi jumlahnya tidak memudaratkan seseorang yang sihat. Namun begitu, bahan perangsang ini memberi kesan kepada mereka yang mempunyai masalah pernafasan dan penyakit alahan. Oleh itu, apabila beg udara diaktifkan, buka tingkap supaya udara segar boleh masuk ke dalam kenderaan atau keluar dari kenderaan dengan syarat keselamatan di luar telah ditinjau terlebih dahulu.

- Jika anda terasa gatal pada kulit, mata, hidung atau kerongkong, jirus tempat yang gatal dengan air sejuk. Sedut udara bersih jika hidung atau kerongkong anda terasa gatal. Kemudian pergilah berjumpa doktor jika kerengsaan masih berterusan.



⚠ AMARAN

Jangan sentuh bahagian dalaman udara SRS 30 minit selepas ia mengembang dan jangan sentuh lubang pengalih udara yang mengeluarkan haba panas dari beg udara. Bahagian tersebut mungkin teramat panas sejeurus selepas mengembang. Anda mungkin melecur teruk sekiranya menyentuh bahagian ini.



Beg udara akan mengempis serta-merta sejeurus selepas mengembang sepenuhnya untuk mengembalikan pandangan dan pemanduan.

PERINGATAN

Jika anda perlu ubah kenderaan dari lokasi kemalangan selepas beg udara SRS mengembang, masukkan beg udara yang telah mengempis ke dalam roda stereng untuk memudahkan pemanduan.

⚠ AMARAN


- Basuh tangan dengan air selepas anda memasukkan semula beg udara yang telah mengempis. Jika anda tidak melakukan saranan ini, tangan anda mungkin akan terasa gatal.
- Jangan sentuh bahagian dalaman beg udara SRS 30 minit selepas ia mengembang. Bahagian tersebut mungkin teramat panas sejeurus selepas mengembang. Anda mungkin melecur teruk sekiranya menyentuh bahagian ini.




Kes-kes di mana beg udara berfungsi

Beg udara akan berfungsi sekiranya daya yang kuat dikenakan pada bahagian bampar hadapan dari arah hadapan kenderaan.

Dalam keadaan tertentu juga, beg udara akan berfungsi apabila daya yang kuat dikenakan dari permukaan jalanraya pada bahagian bawah kenderaan yang sedang bergerak.



- Apabila kenderaan melanggar susur jalan atau seumpamanya dalam kelajuan yang tinggi;
- Apabila kenderaan jatuh kedalam lubang yang dalam atau longkang;




Kes-kes di mana beg udara tidak berfungsi

Beg udara mungkin tidak akan berfungsi dalam beberapa kes berikut, termasuk kes di mana impak yang dikenakan pada bahagian hadapan kurang atau impak di serap pada kerangka kenderaan walaupun kenderaan mengalami remuk yang teruk atau sebaliknya.


- Apabila kenderaan melompat dan melanggar permukaan jalan;




- Apabilakenderaanmerempuhpermukaan konkrit di bahagian hadapan pada kelajuan tidak melebihi 25 km/j (16 mph);






- Apabila kenderaan merempuh tiang elektrik, pokok dan sebagainya;



- Apabilakenderaan melanggar permukaan konkrit atau penghadang keselamatan bersudut 30° atau lebih dari arah hadapan;






- Apabila lampu amaran beg udara menyala;



- Apabila kenderaan terperosok ke bawah trak kargo yang bersaiz besar;
- Apabila kenderaan menerima impak dari sisi atau belakang;
- Apabila kenderaan berpusing atau terbalik;



Amaran keselamatan penting



- Apabila kenderaan mengalami kemalangan dengan suis penghidup berada pada kedudukan "OFF" atau "ACC", beg udara tidak akan berfungsi.

1. Jangan membasuh bahagian dalam kenderaan dengan air atau sabun pencuci.

Penjana gas bagi beg udara SRS mengandungi bahan beracun atau bahan mudah terbakar.

Oleh itu, besar kemungkinan kandungan penjana gas akan bertukar kepada gas beracun atau bahan letupan jika tersentuh asid, air atau logam.

Jika gas dihasilkan dari penjana gas, buka tingkap dengan segera dan sedut udara segar. Kemudian, gantikan beg udara SRS di Pusat Servis Perodua yang berdaftar dengan segera.

2. Beg udara SRS tidak akan beroperasi dengan baik sekiranya anda merosakkan penutup beg udara SRS.

Oleh itu, berhati-hatilah supaya anda tidak membuka atau merosakkan penutup beg udara berkenaan.


3. Jangan meletak penampal, pelekat dan sebagainya di atas pad hon pada roda stereng/panel peralatan.

Jika amaran ini tidak dipatuhi, ia boleh menyebabkan beg udara sukar untuk mengembang.



4. Jangan melekat atau memasang penutup, aksesori dan sebagainya di atas pad hon roda stereng. Beg udara disimpan di dalam pad hon.

Oleh itu, apabila beg udara SRS mengembang, aksesori berkenaan akan bertaburan di dalam kenderaan dan boleh mengakibatkan kecederaan kepada penumpang.



5. Jangan letakkan sebarang artikel pada panel peralatan. Juga, jangan letakkan artikel yang dikeluarkan dari poket panel peralatan.

Sekiranya amaran ini tidak dipatuhi, ia boleh menyebabkan beg udara sukar untuk mengembang atau menyebabkan artikel bertaburan di dalam kenderaan apabila beg udara mengembang dan boleh mengakibatkan kecederaan kepada penumpang.

6. Jangan letakkan aksesori pada cermin tingkap atau cermin dalam.

Apabila beg udara mengembang, aksesori ini mungkin bertaburan di dalam kenderaan dan boleh mengakibatkan kecederaan kepada penumpang.

7. Jangan sandarkan payung dan sebagainya pada panel peralatan.

Ia boleh mencederakan penumpang sekiranya beg udara mengembang.

8. Jangan menghentam roda stereng dan panel peralatan atau bahagian yang berkaitan dengan kuat. Jika amaran ini tidak dipatuhi ia boleh menyebabkan beg udara mengembang secara tidak sengaja.

9. Jika anda meminta sebarang pembaikan atau servis, pastikan anda memberitahu pusat servis bahawa kenderaan anda dilengkapi dengan beg udara.

Kegagalan anda untuk mematuhi arahan, peringatan dan amaran yang diterangkan di dalam buku panduan servis berkaitan oleh Perodua mungkin mengakibatkan kecederaan yang serius, kematian atau kerosakkan pada sistem.

10. Sila ambil perhatian bahawa kenderaan anda dilengkapi dengan beg udara. Apabila anda ingin menjual kenderaan anda, maklumkan kepada pembeli tentang beg udara berkenaan.

11. Jangan gunakan beg udara bagi tujuan lain. Ianya direka hanya untuk kegunaan SRS (Sistem Perlindungan Tambahan).



Arahan servis

Pemeriksaan, penggantian atau servis yang lain terhadap sistem beg udara SRS mestilah dilakukan oleh Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk kes-kes berikut:

- Apabila beg udara telah mengembang: Beg udara SRS (pemandu dan penumpang hadapan) dan unit kawalan mesti diganti baru.
Jangan tanggalkan atau musnahkan beg udara yang mengembang dengan sendiri.
- Apabila lampu amaran beg udara menyala selepas enjin dihidupkan.
- Apabila kenderaan anda terlibat dengan kemalangan.

⚠ AMARAN

1. Hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar sebelum melakukan operasi berikut:
 - Sekiranya pad hon perlu dibuka.
 - Sekiranya roda stereng perlu dibuka.
 - Sekiranya panel peralatan perlu dibuka.
 - Sekiranya radio perlu dipasang.

- Sekiranya melupuskan kenderaan.
 - Sekiranya melupuskan beg udara SRS.
 - Sekiranya melakukan kimpalan elektrik.
 - Sekiranya membaiki badan kenderaan.
 - Sekiranya melakukan kerja-kerja mengecat.
 - Sekiranya struktur hujung hadapan diganti.
 - Sekiranya sebarang peralatan pada hujung hadapan diganti seperti pelindung gril dan takal.
2. Jangan mengubahsuaikan atau mengganti roda stereng, bahagian yang berkaitan dengan beg udara SRS dan sistem suspensi. Ia boleh mengurangkan keberkesanan beg udara SRS atau membuatkan beg SRS tidak beroperasi dengan pengubahsuaian ini.
 3. Beg udara SRS boleh mengembang secara tidak sengaja jika perkara-perkara berikut dilakukan. Ia boleh menyebabkan kecederaan serius ataupun kematian.

Untuk keselamatan anda, pastikan kerja-kerja menanggal, memasang atau memeriksa bahagian yang berkaitan dengan roda stereng dilakukan oleh Pusat Servis Perodua yang berdaftar


- Jangan cuba membuka pemasangan roda stereng dengan sendiri.
- Jangan periksa sistem beg udara SRS dengan penguji litar atau seumpamanya.
- Jangan panaskan sistem SRS menggunakan alat pemanas atau pengering rambut



Beg udara sisi SRS, Beg udara tirai SRS (sekiranya dilengkapi)

Beg udara sisi SRS dan beg udara tirai SRS merupakan peranti keselamatan tambahan dan bukan pengganti bagi tali pinggang keledar. Beg-beg udara ini akan mengembang apabila menerima hentaman sederhana ke kuat dari arah sisi kenderaan.

Beg udara sisi SRS



Beg udara sisi SRS terletak di bahagian sisi penyandar tempat duduk hadapan pemandu dan penumpang. Ia membantu melindungi bahagian atas badan pemandu dan penumpang hadapan ketika menerima hentaman sederhana ke kuat dari sisi kenderaan.


Bagaimana beg udara sisi SRS beroperasi

Apabila penerima mengesan hentaman sederhana ke kuat dari arah sisi kenderaan, unit kawalan akan memberi isyarat kepada beg udara sisi di kawasan hentaman untuk mengembang. Jika hentaman berlaku di sebelah kawasan penumpang, beg udara akan tetap mengembang walaupun tiada penumpang berada di kerusi penumpang.

Anda akan mendengar bunyi yang kuat dan melihat asap atau serbuk putih apabila beg udara mengembang. Fenomena ini disebabkan pengembungan beg udara SRS dan merupakan perkara biasa.



Beg udara tirai SRS (Sekiranya dilengkapi)



Beg udara tirai SRS terletak di bahagian siling atas tingkap di kedua-dua sisi kenderaan. Ia membantu untuk melindungi kepala pemandu dan penumpang semasa menerima hentaman sederhana ke kuat dari sisi kenderaan.


Bagaimana beg udara tirai SRS beroperasi

Ketika menerima hentaman sederhana ke kuat dari arah sisi kenderaan, penerima akan mengesan penurunan pesat dan memberi isyarat kepada unit kawalan supaya beg udara tirai di kembung pada bahagian pemandu atau penumpang. Jika hentaman berlaku di sebelah kawasan penumpang, beg udara akan tetap mengembang walaupun tiada penumpang berada di kerusi penumpang.


⚠ AMARAN

Kegagalan untuk mematuhi arahan berikut boleh membawa kepada kecederaan serius atau kematian apabila menerima hentaman sederhana ke kuat dari arah sisi kenderaan walaupun mempunyai beg udara sisi dan tirai SRS.

1. Pastikan anda melaraskan kusyen tempat duduk dan penyandar kepada kedudukan yang optimum.
2. Pastikan anda memakai tali pinggang keledar dengan betul.



3. Pastikan anda duduk dengan postur yang betul. Jangan bersandar di sisi dengan keadaan kepala berada pada laluan pengembangan beg udara sisi. Beg udara sisi boleh mengembang dengan kuat dan mendatangkan kecederaan serius kepada penumpang.



4. Jangan meletakkan aksesori pada atau berhampiran beg udara sisi SRS kerana ia boleh mengganggu operasi beg udara atau menyakitkan penumpang apabila beg udara sisi mengembang.

5. Jangan mengubah suai, membuka, menutup atau menukar tempat duduk dan penutup tempat duduk tanpa merujuk kepada Pusat Servis Perodua yang berdaftar. Mengubah suai, membuka, menutup atau menukar tempat duduk dan penutup tempat duduk dengan tidak betul boleh menyebabkan beg udara sisi SRS tidak berfungsi dengan betul ketika berlaku hentaman.
6. Jangan meletak sebarang objek pada sisi tingkap atau siling kerana ia boleh mengganggu operasi beg udara tirai SRS dengan betul.
7. Jangan mengubah suai bahagian penggantungan kerana jika ketinggian kenderaan berubah, ia boleh menyebabkan beg udara tirai SRS tidak berfungsi.

PERINGATAN

Anda akan mendengar bunyi yang kuat dan melihat asap atau serbuk putih apabila beg udara mengembang. Fenomena ini disebabkan pengembangan beg udara SRS dan merupakan perkara biasa.

⚠️ AMARAN

- Terdapat beberapa keadaan di mana pemandu atau penumpang hadapan mendapat luka, melecur atau kecederaan akibat operasi beg udara.
- Jika anda luka atau melecur, dapatkan rawatan doktor dengan segera.
- Gas yang mengembungkan beg udara mengandungi sedikit bahan perangsang tetapi jumlahnya tidak memudaratkan seseorang yang sihat. Namun begitu, bahan perangsang ini memberi kesan kepada mereka yang mempunyai masalah pernafasan dan penyakit alahan. Oleh itu, apabila beg udara diaktifkan, buka tingkap supaya udara segar boleh masuk ke dalam kenderaan atau keluar dari kenderaan dengan syarat keselamatan di luar telah ditinjau terlebih dahulu.
- Jika anda terasa gatal pada kulit, mata, hidung atau kerongkong, jirus tempat yang gatal dengan air sejuk. Sedut udara bersih jika hidung atau kerongkong anda terasa gatal. Kemudian pergilah berjumpa doktor jika kerengsaan masih berterusan.



⚠ AMARAN

- **Basuh tangan dengan air selepas anda memasukkan semula beg udara yang telah mengempis. Jika anda tidak melakukan saranan ini, tangan anda mungkin akan terasa gatal.**
- **Jangan sentuh bahagian dalaman beg udara SRS 30 minit selepas ia mengembang. Bahagian tersebut mungkin teramat panas sejurus selepas mengembang. Anda mungkin melecur teruk sekiranya menyentuh bahagian ini.**

Keadaan di mana beg udara sisi SRS dan beg udara tirai SRS beroperasi


Oleh kerana sistem beg udara mengesan pecutan drastik, hentaman kuat dari sisi kerangka kenderaan akan menyebabkan beg udara mengembang. Dalam keadaan ini, mungkin hanya kerosakan kecil yang berlaku tetapi penderia sisi mengesan hentaman kuat lalu beg udara akan mengembang.

Keadaan di mana beg udara sisi SRS dan beg udara tirai SRS tidak dapat beroperasi


Terdapat kebarangkalian untuk beg udara tidak dapat mengembang ketika menerima hentaman dan membawa kepada kerosakan besar. Ini boleh berlaku apabila titik hentaman berada jauh di bahagian hujung depan atau belakang kenderaan, atau apabila bahagian kenderaan yang mudah hancur telah menyerap sebahagian besar tenaga perlanggaran. Dalam keadaan ini, beg udara mungkin tidak diperlukan atau memberi perlindungan walaupun ia telah mengembang.



Penderia beg udara sisi dan tirai (bahagian pemandu)



(bahagian penumpang)



Penderia hadapan

Penderia hadapan terletak di bahagian dalam tiang di sebelah pemandu dan di sebelah penumpang hadapan.

Penderia belakang


Penderia belakang terletak di dalam sisi kanan dan kiri pada tiang belakang.

⚠ AMARAN

- Jangan sesekali membuang atau membuka penderia. Kegagalan untuk mematuhi amaran ini boleh menyebabkan beg udara tidak mengembang dengan betul atau gagal mengembang semasa kes kecemasan.
- Jangan ketik atau menendang penderia beg udara atau kawasan yang berdekatnya.



Komputer beg udara



⚠ AMARAN

1. Dalam apa jua keadaan, komputer beg udara tidak boleh dibuka atau ditanggalkan. Kegagalan mematuhi amaran ini boleh menyebabkan beg udara SRS mengembang secara salah atau gagal mengembang semasa berlaku kecemasan.
2. Langkah berjaga-jaga perlu diambil bagi mengelakkan air, jus atau seumpamanya terkena komputer beg udara.
3. Jangan mengetuk atau menendang komputer beg udara atau ruang bersebelahan.
4. Pastikan anda pergi ke Pusat Servis Perodua yang berdaftar dalam keadaan-keadaan berikut. Cubaan untuk melakukan sendiri pembaikan boleh mengakibatkan beg udara mengembang dan menyebabkan kepincangan atau kemalangan.
 - Jika mengeluarkan roda stereng.
 - Jika membaiki bahagian hadapan kenderaan.
 - Jika memasang radio kenderaan.
 - Jika melupuskan beg udara.
 - Jika kenderaan anda dilupuskan.
5. Beg udara SRS tidak boleh diguna semula setelah mengembang.



Rakaman data kenderaan

Kenderaan ini dilengkapi dengan beberapa sistem komputer untuk mengawal operasi kenderaan. Sistem merekod data berkaitan kawalan dan operasi kenderaan. Data direkod mengikut tahap gred kenderaan dan jenis kelengkapan yang disediakan. Selain itu, sistem komputer tidak merekod perbualan, bunyi atau gambar.

Penggunaan data

Perodua akan menggunakan rekod data dalam sistem komputer untuk mengesan kepingangan komponen, melakukan penyelidikan dan pembangunan dan meningkatkan kualiti. Perodua tidak akan mendedahkan maklumat kepada pihak ketiga kecuali:

- Dengan kebenaran pemilik kenderaan atau dengan kebenaran penyewa jika kenderaan dipajak.
- Dengan permintaan rasmi dari pihak polis atau perintah dari mahkamah atau agensi kerajaan.
- Untuk kegunaan Perodua dalam mahkamah.
- Untuk tujuan penyelidikan di mana data tidak terikat kepada kenderaan tertentu atau kenderaan sendiri.

Perakam data kejadian

Kenderaan dilengkapi dengan sebuah perakam data kejadian (EDR). Fungsi utama EDR adalah untuk merakam dalam beberapa kemalangan tertentu seperti beg udara mengembang, atau melanggar halangan jalan raya, data akan membantu untuk mengetahui bagaimana sistem kenderaan berfungsi. EDR dalam kenderaan direka untuk merekod data berkaitan dengan kenderaan yang dinamik dan sistem keselamatan untuk jangka masa pendek, kebiasaannya 30 saat atau kurang. Bagaimanapun data mungkin tidak akan direkod bergantung kepada kerosakan dan jenis kemalangan.

Perakam data kejadian (EDR) dalam kenderaan direka untuk merekod data seperti:

- Bagaimana sistem dalam kenderaan beroperasi;
- Sejauh mana pemandu menekan injak pemecut atau injak brek: dan,
- Kelajuan kenderaan ketika memandu.

Data ini membantu untuk mengetahui punca-punca kejadian ketika kemalangan dan kecederaan berlaku.

PERHATIAN

Perakam data kejadian (EDR) direkod oleh kenderaan anda sahaja jika kemalangan yang tidak disengajakan berlaku; tiada data direkod oleh EDR bagi pemanduan biasa dan tiada maklumat peribadi (nama, jantina, umur dan lokasi kemalangan) direkod.

Bagaimanapun, pihak lain seperti penguatkuasaan undang-undang boleh menggabungkan data EDR dengan maklumat harian peribadi yang diperlukan semasa penyiasatan kemalangan dijalankan.

Untuk membaca data yang direkod oleh EDR, sebuah peralatan khas dan akses kepada kenderaan atau EDR diperlukan.

Tambahan kepada pengeluar kenderaan dan pihak yang lain seperti penguatkuasaan undang-undang yang mempunyai peralatan khas, pihak berkenaan boleh membaca maklumat tersebut jika mereka mempunyai akses kepada kenderaan tersebut atau akses kepada EDR.



Pedediaan data EDR

Perodua tidak akan dedahkan data yang direkod dalam EDR kepada pihak ketiga kecuali:

- Menerima perjanjian daripada pihak pemilik kenderaan (atau pemajak untuk kenderaan yang dipajak).
- Dengan permintaan rasmi dari pihak polis atau perintah mahkamah atau agensi kenderaan.
- Untuk kegunaan Perodua dalam mahkamah.

Bagaimanapun, jika perlu, Perodua mungkin:

- Menggunakan data untuk penyelidikan penyelenggaraan keselamatan kenderaan.
- Pendedahan data kepada pihak ketiga untuk tujuan penyelidikan tanpa mendedahkan maklumat tentang spesifikasi kenderaan atau pemilik kenderaan.

Seksyen 4



Peralatan dan kawalan

Sistem penghidup	4-1
Suis pelbagai kawalan	4-6
Suis lampu kabus	4-8
Fungsi lampu terpadam automatik	4-8
Fungsi lampu follow-me-home	4-8
Suis pengelap dan pencuci	4-9
Suis isyarat amaran bahaya	4-11
Penunjuk tali pinggang penumpang hadapan	4-11
Suis kunci pintu berpusat.....	4-12
Suis penderia sisi hadapan	4-12
Suis pelaras lampu besar	4-12
Suis VSC & TRC OFF	4-13
Suis Eco Idle OFF	4-13
Suis Advanced Safety Assist (ASA) OFF.....	4-13
Peranti kutipan tol elektronik	4-14
Soket kuasa	4-14
Soket kuasa USB	4-15
Kamera stereo.....	4-15




Sistem penghidup

Sistem penghidup adalah satu sistem yang membolehkan anda untuk menghidupkan dan menghentikan enjin dengan hanya menekan dan menahan butang tanpa perlu menggunakan kunci anda.


Kunci pintar mesti berada di dalam kenderaan untuk mengaktifkan sistem. Isyarat daripada pembuka pintar akan membolehkan anda untuk menghidupkan enjin dengan butang hidup/mati enjin.

Butang hidup/mati enjin



Penunjuk suis pada butang (suis enjin) akan menyala atau berkelip dengan warna hijau bergantung kepada mod suis.


Untuk menghidupkan enjin



Transmisi Automatik

Transmisi Automatik

1. Gerakkan tuil anjak ke julat P atau N.
2. Tekan injak brek.
3. Apabila penunjuk pada suis enjin bertukar hijau, tekan suis enjin.



Transmisi Manual


Transmisi Manual

1. Gerakkan tuil anjak ke julat **N**.
2. Tekan injak cekam.
3. Apabila penunjuk pada suis enjin bertukar hijau, tekan suis enjin.

PERHATIAN

- **Pastikan anda membawa kunci pintar bersama-sama anda ke dalam kenderaan.**
- **Sebelum menghidupkan enjin, pastikan anda duduk dengan betul dengan tali pinggang diikat.**
(Lihat “posisi pemanduan yang betul” di seksyen 3)

Untuk menukar mod suis penghidup



Transmisi Automatik

Tanpa menekan injak brek, mod suis penghidup boleh ditukar kepada “OFF”, “ACC” atau “ON” setiap kali suis enjin ditekan.

Transmisi Manual

Tanpa menekan injak cekam, mod suis penghidup boleh ditukar kepada “OFF”, “ACC” atau “ON” setiap kali suis enjin ditekan. (Terus menekan injak brek semasa operasi ini).

PERHATIAN

Bagi transmisi automatik, mod suis enjin tidak boleh ditukar kepada “OFF” jika tuil ajakan tidak berada dalam julat **P.**


Untuk mematikan enjin

Transmisi Automatik

1. Berhentikan kenderaan sepenuhnya.
2. Gerakkan tuil anjak ke julat **P**.
3. Gunakan brek meletak kenderaan.
4. Tekan suis enjin.
5. Apabila anda mengalihkan kaki anda daripada injak brek, pastikan lampu penunjuk suis terpadam.

Transmisi Manual

1. Berhentikan kenderaan sepenuhnya.
2. Gerakkan tuil anjak ke julat **N**.
3. Gunakan brek meletak kenderaan.
4. Tekan suis enjin.
5. Apabila anda mengalihkan kaki anda daripada injak brek dan injak cekam, pastikan lampu penunjuk suis terpadam.



Sekiranya bateri kunci pintar lemah atau komunikasi antara kunci pintar dan kenderaan terganggu, enjin tidak boleh dihidupkan seperti biasa. Ikuti langkah-langkah di bawah untuk menghidupkan enjin.

1. Gerakkan tuil anjak ke julat **P** (transmisi automatik) atau **N** (transmisi manual).
2. Teruskan menekan injak brek (transmisi automatik) atau injak cekam (transmisi manual).
3. Sentuh kunci pintar dengan suis enjin sehingga buzer berbunyi dan penunjuk suis enjin bertukar hijau.
4. Tekan suis enjin selama 4 saat selepas bunyi buzer dan penunjuk suis enjin bertukar hijau.

Kunci stereng

- Semasa stereng berkunci (suis enjin "OFF"), stereng boleh di buka kunci apabila suis enjin ditukar ke "ACC".
- Apabila anda membuka atau menutup pintu pemandu selepas suis enjin dimatikan, stereng akan dikunci. Apabila anda menggunakan suis enjin, kunci stereng akan di buka kunci secara automatik.
- Jika pintu pemandu dibuka apabila suis enjin dimatikan dan stereng tidak dikunci, buzer akan berbunyi. Tutup pintu pemandu dan periksa kunci stereng supaya ianya berkunci.

PERHATIAN

Jika penunjuk suis enjin berulang berkelip dalam warna hijau selama 30 saat pada kelajuan tinggi, kunci stereng tidak boleh dibuka kunci.

Dalam kes ini, tekan suis enjin sekali lagi selepas menggerakkan stereng.

Peringatan untuk suis enjin

⚠ AMARAN

Kaedah kecemasan memberhentikan enjin.

Apabila anda melakukan operasi berikut, enjin akan berhenti walaupun sedang beroperasi. Walau bagaimanapun, jangan menggunakan suis enjin kecuali dalam keadaan kecemasan. Ia boleh membawa kepada kemalangan yang tidak dijangka.

- Tekan suis enjin melebihi 3 saat atau;
- Tekan suis enjin melebihi 3 kali.

PERINGATAN

- Jika lampu penunjuk suis enjin bertukar kepada warna oren, sistem mungkin rosak. Tanpa mematikan enjin, hubungi pusat servis perodua yang berdaftar. (Jika anda mematikan enjin, enjin mungkin akan mengalami masalah dihidupkan semula)
 - Jika anda perasan suis enjin berbeza daripada keadaan biasa seperti yang berikut, jangan menggunakan suis enjin.
 - Suis enjin tersangkut atau tersekat.
 - Cecair terkena pada suis enjin.
 - Lampu penunjuk suis enjin tidak menyala walaupun selepas anda menghidupkan lampu kelegaan.
- Hubungi pusat servis perodua yang berdaftar dengan segera.

PERHATIAN

- Jika berhenti dan menghidupkan enjin berulang kali pada jangka masa yang pendek, terdapat kes-kes di mana enjin tidak boleh dihidupkan.
Tunggu lebih daripada 10 saat dan cuba hidupkan enjin sekali lagi.
- Sekiranya anda menekan suis enjin terlalu laju, anda mungkin tidak dapat menukar mod (hidup/mati enjin). Pastikan untuk menekan suis satu demi satu.
- Untuk mengelakkan bateri daripada kehabisan, semasa enjin dimatikan, jangan biarkan suis enjin beralih kepada "ON" dalam masa yang lama.
- Bagi kenderaan transmisi automatik, sekiranya tuil anjakan adalah selain daripada julat **P**, jangan memberhentikan enjin.
Jika anda memberhentikan enjin apabila tuil anjakan adalah selain daripada julat **P**, suis enjin akan bertukar kepada mod "ACC". Ini boleh menyebabkan bateri lemah.

- Terdapat kes di mana suis enjin tidak berfungsi dengan betul walaupun kunci pintar adalah dalam julat operasi. Ia mungkin bergantung kepada lokasi kunci pintar dan keadaan sekeliling.
- Buzer amaran sistem bebas kunci akan berbunyi jika kesilapan operasi dikesan seperti mengambil keluar kunci pintar dari kenderaan, atau lupa untuk menukar suis enjin kepada "OFF" tanpa menutup pintu.
- Jangan mengambil kunci pintar keluar dari kenderaan apabila enjin beroperasi. Jika kunci pintar tidak berada dalam kereta dan anda mematikan enjin, enjin tidak boleh dihidupkan semula.
Sila ambil perhatian bahawa buzer tidak akan berbunyi jika anda mengambil kunci pintar melalui tingkap walaupun pintu ditutup.
- Selepas memutuskan sambungan terminal bateri, enjin tidak dihidupkan dengan serta-merta. Dalam kes ini, selepas terminal bateri disambungkan, tunggu lebih daripada 10 saat dan hidupkan enjin semula.



- Kenderaan sentiasa ingat mod suis enjin (“ACC” atau “ON”). Apabila anda menyambung semula bateri kenderaan, ia boleh kembali ke keadaan asalnya sebelum suis enjin terputus.
- Apabila anda ingin mengeluarkan bateri kenderaan untuk pembaikan, penyelenggaraan dan lain-lain, lakukan selepas suis enjin ditukar kepada “OFF”.
- Apabila bateri kenderaan lemah dan anda tidak pasti mod suis enjin sebelumnya, tukar suis enjin kepada “OFF” sekali.

Suis enjin automatik “OFF”

- Transmisi Automatik:


Apabila tuil anjak dalam julat P , dan anda meninggalkan suis enjin dalam mod “ACC” selama lebih kurang 1 jam, suis enjin akan bertukar kepada “OFF” secara automatik untuk mengelakkan bateri daripada kehabisan.

- Transmisi Manual:

Jika anda meninggalkan suis enjin dalam mod “ACC” selama lebih kurang 1 jam, suis enjin akan bertukar kepada “OFF” secara automatik untuk mengelakkan bateri daripada kehabisan.

Suis pelbagai kawalan


Kawalan lampu besar



Pusingkan tombol suis gabungan untuk memasang lampu besar.

Kedudukan suis

Kedudukan	☀️ peringkat pertama	🌙 Peringkat ke dua
Lampu		
Lampu besar	OFF	ON
Lampu kelegaan	ON	ON
Lampu belakang	ON	ON
Lampu nombor plat	ON	ON
Lampu panel peralatan	ON	ON



Untuk menyalakan/memadamkan lampu suluh tinggi

Dengan menyalakan lampu besar, tolak tuil ke depan untuk menyalakan lampu suluh tinggi dan tarik ke belakang untuk memadamkannya.

Apabila lampu besar suluh tinggi menyala, lampu isyarat di atas panel peralatan akan bercahaya.

Untuk mengelip lampu

Tarik tuil perlahan-lahan dan lepaskan.


Pengelip lampu besar dapat berfungsi sama ada lampu besar dinyalakan atau dipadamkan.

PERINGATAN

- Apabila memandu melalui bandar atau apabila terdapat kenderaan dari arah hadapan, lampu besar akan mengganggu atau membahayakan kenderaan lain atau pejalan kaki. Dalam situasi ini, setkan lampu besar anda kepada lampu rendah.
- Elakkan membiarkan lampu dinyalakan dalam jangkamasa yang lama selepas memberhentikan enjin. Ini akan melemahkan bateri kenderaan anda.



Suis kawalan lampu isyarat belok



Lampu isyarat belok akan berkelip apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON".

Lampu penunjuk di atas panel peralatan akan mula berkelip.

Operasi

① Belok kiri

Isyarat belok kiri akan terus berkelip sekiranya tuil tetap pada kedudukan ①.

- ② Isyarat belok kiri akan berkelip tiga kali apabila tuil ditolak pada kedudukan ② dan kembali ke kedudukan asal serta merta.

- ③ Isyarat belok kanan akan berkelip tiga kali apabila tuil ditolak pada kedudukan ③ dan kembali ke kedudukan asal serta merta.


④ Belok kanan

Isyarat belok kanan akan terus berkelip sekiranya tuil tetap pada kedudukan ④.

PERHATIAN

- **Sekiranya lampu isyarat belok mengelip lebih laju daripada biasa, kemungkinan mentol telah terbakar.**
- **Jika sudut pusingan terlalu kecil, tuil tidak akan kembali kepada kedudukan asal secara automatik. Kembalihkan tuil secara manual dengan menggunakan tangan.**

Suis lampu kabus (Sekiranya dilengkapi)



Dengan keadaan tuil suis pelbagai kawalan berada pada peringkat 1 atau 2, pusingkan suis lampu kabus hadapan ke "ON" untuk menyalakan lampu.

Lampu penunjuk akan menyala apabila lampu kabus hadapan dipusingkan ke "ON".


PERHATIAN

Lampu kabus hadapan akan terpadam sekiranya suis pelbagai kawalan dipusingkan ke "OFF" semasa lampu menyala.

Fungsi lampu terpadam automatik

Untuk mengelakkan bateri kenderaan lemah, lampu terpadam secara automatik jika pintu pemandu dibuka dan suis enjin berada pada kedudukan "OFF" atau "ACC".

Fungsi lampu *follow-me-home*



Fungsi ini menjadikan lampu besar dinyalakan dalam mod lampu rendah untuk jangka masa tertentu selepas fungsi dihidupkan. Ia adalah ciri yang membantu pemandu melihat laluan mereka ke pintu dengan selamat pada waktu malam.

Untuk menghidupkan fungsi

Suis enjin dan lampu berada pada kedudukan "OFF".

Tarik tuil ke belakang.

Lampu besar akan menyala selama 30 saat sebelum ia terpadam secara automatik.



Suis pengelap dan pencuci

⚠ AMARAN


- Bilah pengelap yang telah haus atau kotor boleh mengaburkan pandangan anda.
- Pastikan anda menyelenggara dan menggantikan bilah pengelap apabila perlu.

PERINGATAN

- Tangki pencuci hendaklah diisi dengan bendalir pencuci sahaja.
- Jangan menggunakan pencuci sekiranya tangki pencuci kosong. Ini boleh merosakkan motor.
- Jangan menggunakan pengelap apabila cermin kering. Ia boleh merosakkan bilah pengelap.
- Apabila tidak digunakan dalam jangka masa yang lama, pastikan bilah pengelap tidak tersekat pada cermin. Penggunaan pengelap yang tersekat pada cermin akan merosakkan motor pengelap atau menyebabkan ia tidak berfungsi.

- Elakkan menggunakan bendalir pencuci berterusan melebihi 20 saat. Selain itu, elakkan penggunaan suis pencuci jika terdapat sesuatu yang menghalang bendalir pencuci daripada keluar. Ia akan memberi tekanan pada motor dan menyebabkan kerosakan.
- Semasa menaikkan lengan pengelap, pastikan lengan pengelap sebelah kanan diangkat terlebih dahulu. Apabila menurunkan lengan pengelap ke kedudukan asal, pastikan lengan pengelap sebelah kiri diturunkan terlebih dahulu.

Suis pengelap dan pencuci cermin hadapan




Pengelap dan pencuci beroperasi apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON". Tolak tuil suis pengelap ke bawah untuk memasang pengelap. Pengelap beroperasi secara bersela apabila suis pengelap disetkan pada kedudukan "INT". Semasa suis pengelap di tolak ke atas dari kedudukan "OFF" kepada "MIST", pengelap beroperasi secara perlahan. Apabila anda melepaskan tangan anda, suis pengelap akan kembali kepada kedudukan "OFF". Tarik tuil ke arah anda untuk menggunakan pencuci. Pengelap beroperasi secara perlahan, saling mengunci bersama pencuci.

PERHATIAN

Semasa operasi bersela “INT”; selang menjadi lebih singkat sebagaimana kelajuan memandu meningkat.

Suis pengelap dan pencuci cermin belakang



Suis pengelap dan pencuci cermin belakang akan beroperasi apabila penghidup berada pada kedudukan “ON”.

Pengelap beroperasi secara bersela apabila tuil dipusingkan pada kedudukan “INT”.

Apabila tuil dipusingkan pada kedudukan “ON”, pengelap belakang akan beroperasi secara normal.


Tolak tuil untuk menggunakan pencuci.

PERHATIAN

Apabila suis pengelap hadapan berada pada kedudukan “ON”; pengelap belakang akan beroperasi secara automatik sebanyak 2 kali apabila tuil anjak berada pada kedudukan mengundur.



Suis isyarat amaran bahaya



Tekan suis untuk menyalakan semua lampu isyarat belok.

Lampu penunjuk di panel peralatan akan mula berkelip. Tekan semula suis untuk memadamkannya.


Suis isyarat belok tidak akan beroperasi apabila suis ini dipasangkan.

Jangan menggunakan suis ini kecuali dalam kes kecemasan.

⚠ AMARAN

Berhenti di susur jalan semasa kecemasan untuk mengelak sebarang kemalangan. Jangan menyalakan suis dalam jangkamasa yang lama setelah enjin berhenti. Ini akan melemahkan bateri.


Penunjuk tali pinggang penumpang hadapan



Sekiranya tali pinggang tempat duduk sebelah penumpang hadapan tidak dipasang, lampu penunjuk berkelip dan buzer berbunyi selepas kelajuan kenderaan melebihi daripada 20 km/j.

(Lihat "Lampu amaran" di Seksyen 5).

Suis kunci pintu berpusat




Tekan suis untuk kunci atau buka kunci semua pintu.

Apabila suis sebelah kanan ditekan, semua pintu akan dikunci.


Apabila suis sebelah kiri ditekan, semua pintu akan dibuka kunci.

Suis penderia sisi hadapan (Sekiranya dilengkapi)



1. Tekan suis penderia sisi hadapan untuk menghidupkan sistem. Suis akan menyala berwarna hijau dan sistem akan menghasilkan bunyi bip.
2. Untuk mematikan sistem, tekan suis sekali lagi dan nyalaan hijau tadi akan terpadam.


Suis pelaras lampu besar



Posisi lampu besar boleh dilaraskan dengan menggunakan suis pelaras ini ketika lampu besar sedang menyala. Putar dail ke atas atau kebawah untuk menukar posisi. Semakin tinggi nombor pada dail, semakin ke bawah posisi ditetapkan.



Suis VSC & TRC OFF



Suis TRC OFF

Dengan suis penghidup berada pada kedudukan "ON", tekan suis sekali untuk mematikan TRC. Penunjuk TRC OFF akan menyala pada panel meter


Suis VSC OFF

Dengan suis penghidup berada pada kedudukan "ON", tekan suis melebihi 3 saat untuk mematikan VSC.

Penunjuk TRC OFF dan penunjuk VSC OFF akan menyala.

Tekan suis sekali lagi melebihi 1 saat untuk menghidupkan semula (dalam keadaan bersedia). Penunjuk TRC OFF dan penunjuk VRC OFF akan terpadam.

Suis *Eco Idle* OFF (Sekiranya dilengkapi)




Tekan suis untuk mematikan fungsi *Eco Idle*. Lampu penunjuk *Eco Idle* OFF akan menyala dan lampu *Eco Idle* bersedia akan terpadam. (Lihat "Lampu penunjuk" di Seksyen 5).

Tekan suis sekali lagi untuk menghidupkan fungsi *Eco Idle*. Lampu penunjuk *Eco Idle* OFF akan terpadam dan lampu penunjuk *Eco Idle* bersedia akan menyala.

PERHATIAN

Semasa *Eco Idle*, sekiranya suis *Eco Idle* OFF ditekan, sistem akan berhenti dan enjin kenderaan akan hidup semula. Lampu penunjuk *Eco Idle* OFF akan menyala. Setiap kali anda menghidupkan enjin menggunakan suis penghidup, *Eco Idle* akan kembali pada keadaan bersedia.

Suis *Advanced Safety Assist* (ASA) OFF (Sekiranya dilengkapi)




Tekan suis lebih dari 2 saat untuk mematikan fungsi *Advanced Safety Assist* (ASA). Lampu penunjuk ASA akan menyala pada panel meter. Tekan suis sekali lagi lebih dari 2 saat untuk menghidupkan fungsi ASA. Lampu penunjuk ASA OFF akan terpadam.

PERHATIAN

Setiap kali anda menghidupkan enjin menggunakan suis penghidup, fungsi ASA akan kembali pada keadaan bersedia.


Peranti kutipan tol elektronik (Sekiranya dilengkapi)



Peranti tol kutipan elektronik dan antena telah dilengkapi pada panel peralatan. Peranti tol kutipan elektronik terletak pada bahagian bawah kanan, manakala antena berada pada bahagian atas kanan. Ia adalah unit bersepadu yang tidak memerlukan penggantian bateri. Kad prabayar diperlukan untuk menggunakan peranti ini.

(Lihat "sistem kutipan tol elektronik" di seksyen 10 untuk fungsi dan amaran)

Soket kuasa



Soket kuasa terletak di bahagian bawah tengah konsol panel peralatan.

Soket kuasa ini boleh digunakan untuk menyambungkan aksesori elektrik seperti pengecas telefon bimbit, peralatan multimedia dan sebagainya yang beroperasi pada 12V dengan kuasa maksimum 120W.

Untuk menggunakan soket kuasa, tarik keluar tombol soket kuasa dan suis penghidup haruslah berada di kedudukan "ACC" atau "ON".

PERHATIAN

Soket kuasa ini adalah untuk kegunaan aksesori eletrikal sahaja dan bukan sebagai penyalu api rokok.


Pastikan tombol dikembalikan ke tempat asal apabila tidak digunakan untuk mengelakkan sebarang objek asing memasuki soket.

⚠ AMARAN

Penggunaan aksesori elektrik yang melebihi kuasa yang ditetapkan boleh mengakibatkan kebakaran.



Soket kuasa USB (Sekiranya dilengkapi)



Buka pintu USB dan pasangkan kabel pengecas telefon ke dalam port USB.


PERHATIAN

- Unit ini membekalkan keluaran kuasa 5V 2A
- Unit ini mungkin tidak dapat mengecas telefon bimbit kerana ia berfungsi untuk melindungi antara muka pengecas di dalam telefon bimbit.

⚠ AMARAN

- Jangan menolak atau menarik soket kuasa USB dibahagian belakang ketika anda menggunakan peralatan elektrik dibahagian hadapan.
- Jangan menolak soket kuasa USB dibahagian belakang ketika anda cuba untuk mendapatkan sesuatu di kerusi belakang.
- Jangan memijak soket USB dibahagian belakang ketika anda cuba untuk mendapatkan sesuatu di dulang pakej belakang.

Kamera stereo (Sekiranya dilengkapi)



Kamera stereo digunakan untuk memantau kawasan di hadapan kenderaan bagi fungsi *Advanced Safety Assist (ASA)* seperti berikut.

- Amaran Pra-Perlanggaran.
- Brek Pra-Perlanggaran.
- Bantuan Brek Pengurangan Kerosakan.
- Kawalan Injak Pincang Tugas.
- Peringatan Berlepas Hadapan.

Lihat " Kamera stereo" di seksyen 10.

Seksyen 5




Meter dan tolok

Gambaran keseluruhan panel meter gabungan	5-1
Lampu amaran	5-2
Lampu penunjuk	5-12
Tolak bahan api	5-17
Odometer dan meter perjalanan	5-18
Paparan pelbagai maklumat	5-18
Meter laju	5-24
Takometer	5-24
Jam digital	5-24




Gambaran keseluruhan panel meter gabungan


Jenis 1



Jenis 2



Jenis 3





Lampu amaran

Lampu amaran menandakan terdapat sesuatu keadaan yang luar biasa dalam sistem yang berkaitan.


⚠ AMARAN

- **Sekiranya anda perlu mematikan enjin atau kenderaan dalam kes kecemasan, letakkan kenderaan anda di tempat yang selamat di susur jalan. Matikan enjin dan pasangkan lampu isyarat amaran bahaya.**
- **Biarkan enjin sejuk sebelum memeriksa sebarang komponen di ruang enjin untuk mengelakkan kecederaan melalui kebakaran.**
- **Jauhi tangan, pakaian dan lain-lain objek daripada sebarang bahagian yang bergerak di ruang enjin untuk mengelakkan kecederaan anggota badan yang serius.**

Untuk memeriksa kesemua lampu amaran

1. Gunakan brek meletak kenderaan.
2. Pusing/tekan suis penghidup kepada kedudukan "ON", tetapi jangan hidupkan enjin. Kesemua lampu amaran harus menyala.
Lampu amaran ABS (Sistem Brek Anti-Kunci) akan menyala beberapa saat kemudian.
Lampu amaran beg udara akan menyala 5 saat kemudian.
3. Selepas enjin dihidupkan dan tuil brek meletak kenderaan diturunkan, lampu amaran akan padam.
Sekiranya terdapat lampu amaran yang tidak menyala, dapatkan Pusat Servis Perodua anda untuk memeriksanya dengan segera.

Lampu amaran brek meletak kenderaan



Lampu amaran brek meletak kenderaan akan menyala sekiranya brek meletak kenderaan digunakan. Jika kelajuan kenderaan melebihi 5 km/j, buzer amaran akan berbunyi.



Lampu amaran brek



Jika aras bendalir brek jatuh hampir dengan garis "MIN" di tangki penyimpan bendalir brek sementara enjin sedang berjalan, lampu amaran akan menyala dan buzer akan berbunyi jika kelajuan kenderaan melebihi 5 km/j.

Sekiranya perlu, tambahkan bendalir brek dan periksa sama ada berlaku kebocoran bendalir.

Sekiranya lampu amaran menyala, sistem brek memerlukan tenaga yang lebih dan jarak berhenti akan bertambah.

Lampu amaran brek juga berfungsi sebagai penunjuk untuk EBD (Pengagih Daya Brek Elektronik).

Lampu amaran brek akan menyala apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON" dan terpadam beberapa saat kemudian.

Apabila kawalan EBD tidak berfungsi, lampu amaran brek akan menyala.

AMARAN

Jangan terus memandu dengan lampu amaran menyala. Kegagalan mematuhi amaran ini boleh menyebabkan kemalangan. Dapatkan pemeriksaan brek di Pusat Servis Perodua yang berdaftar dengan segera.

PERINGATAN

- Jika lampu amaran menyala semasa memandu, besar kemungkinan paras bendalir brek telah berkurang menyebabkan pembrekan yang kurang berkesan. Apabila keberkesanan pembrekan menurun, letak kenderaan anda di tempat yang selamat dengan segera dengan menekan kuat injak brek. Kemudian, hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar.
- Apabila kedua-dua lampu ini dan lampu amaran sistem brek anti-kekunci menyala, sistem brek anti-kekunci (ABS) mungkin mengalami kepincangan. Terdapat juga kemungkinan kenderaan menjadi tidak stabil apabila membrek secara mengejut dilakukan. Letak kenderaan anda di tempat yang selamat dengan segera dan hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

- Apabila bunyi luar biasa (bunyi mendecit dan sebagainya) sentiasa kedengaran semasa membrek, besar kemungkinan pad brek telah haus. Lakukan pemeriksaan kenderaan anda di Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

Lampu amaran tekanan minyak




Sekiranya sistem pelinciran tidak berfungsi sementara enjin berjalan, lampu amaran akan menyala.

PERINGATAN

Matikan enjin sekiranya lampu amaran menyala. Kegagalan melakukan sedemikian akan menyebabkan kerosakan enjin yang teruk.

Dapatkan Pusat Servis Perodua anda untuk memeriksanya dengan segera.

Lampu amaran cas bateri



Sekiranya sistem cas tidak berfungsi ketika enjin sedang beroperasi, lampu amaran akan menyala. Matikan alat tambahan dan enjin.

Periksa tali sawat pemacu sama ada longgar atau putus.

⚠ AMARAN

Sebelum memeriksa atau melaraskan tali sawat pemacu, matikan enjin dan biarkan ia sejuk.

Kegagalan mematuhi arahan ini boleh mengakibatkan kecederaan anggota badan yang serius.




PERINGATAN

Jangan terus memandu sekiranya tali sawat pemacu pecah atau longgar.

Ia akan menyebabkan pemanasan lampau enjin, bateri tidak di cas dan menyebabkan enjin kenderaan mati.

Dapatkan Pusat Servis Perodua anda untuk memeriksanya dengan segera.

Lampu penunjuk pincang tugas (MIL)




Jika sistem kawalan elektronik enjin pincang tugas semasa enjin hidup, lampu amaran (MIL) akan menyala atau berkelip.

PERINGATAN

Jika lampu ini masih berterusan menyala, bawa segera kenderaan anda ke Pusat Servis Perodua untuk diperiksa.

Lampu amaran ABS (Sistem Brek Anti-kekunci)



Lampu ini akan menyala apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON" dan terpadam beberapa saat kemudian.

Keadaan ini menunjukkan bahawa ABS (Sistem Brek Anti-kekunci) pincang tugas.

- Apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON", lampu tidak menyala atau kekal dalam keadaan menyala.
- Selepas lampu terpadam, ia menyala semula.
- Lampu menyala semasa memandu.

Dapatkan Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk memeriksanya dengan segera.



⚠ AMARAN

Sekiranya lampu amaran ABS dan lampu amaran brek terus mengelip dan tidak menyala kemungkinan tekanan brek akan turun secara mendadak. Berhentikan kenderaan anda serta merta di tempat yang selamat dan hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

PERINGATAN

Jika kedua-dua lampu amaran ABS dan lampu amaran brek menyala serentak, berkemungkinan sistem brek anti-kekunci pincang tugas. Kemungkinan kenderaan anda tidak stabil apabila anda menekan brek dengan kuat atau secara mengejut. Letakkan kenderaan anda di tempat yang selamat dengan segera dan hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

PERHATIAN

- Di dalam keadaan tertentu di mana lampu amaran terus menyala dan tidak padam selepas enjin hidup atau semasa pemanduan, prestasi brek normal tidak terjejas. (Tiada lagi fungsi ABS pada sistem brek). Walaupun begitu, dapatkan pemeriksaan segera ke atas kenderaan anda oleh Pusat Servis Perodua yang berdaftar.
- Walaupun lampu amaran menyala untuk beberapa saat selepas enjin dihidupkan, sistem akan berfungsi dengan normal sekiranya lampu terpadam dan tidak menyala secara berterusan semasa pemanduan.
- Semasa suis penghidup disetkan pada kedudukan "ON", lampu akan menyala untuk beberapa saat bagi pemeriksaan sistem dan akan terpadam kemudian.

Lampu amaran transmisi automatik

The image shows the letters 'AT' in a large, bold, black font, centered within a white rectangular box with a thin black border. This symbol represents the automatic transmission warning lamp.

Lampu amaran transmisi automatik akan menyala jika kawalan transmisi elektronik (ECAT) tidak berfungsi semasa enjin beroperasi atau berhenti.

Lampu ini akan menyala apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON" untuk pemeriksaan awal dan terpadam beberapa saat kemudian.

⚠ AMARAN

Jangan terus memandu dengan lampu amaran menyala. Bawa kenderaan anda ke Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk pemeriksaan dengan segera.



Lampu amaran tali pinggang keledar




Bahagian pemandu

Jika pemandu tidak memasang tali pinggang keledar, lampu amaran akan berkelip dan buzer akan berbunyi selepas kelajuan kenderaan melebihi 20 km/j.



Bahagian penumpang belakang

Lampu amaran tali pinggang keledar belakang akan dipaparkan secara berasingan mengikut bahagian. Jika penumpang belakang tidak memasang tali pinggang keledar, lampu amaran akan menyala mengikut bahagian seperti di bawah:

◁ REAR ▷	Semua tali pinggang keledar dipasang
 ▷ REAR ▷	Tali pinggang kiri belakang tidak dipasang
▷ REAR ▷	Tali pinggang tengah belakang tidak dipasang
▷ REAR ▷	Tali pinggang kanan belakang tidak dipasang

Pengaktifan lampu amaran tali pinggang keledar adalah seperti berikut:

Lampu amaran menyala

Keadaan 1

- Suis penghidup dari kedudukan "OFF" ke "ON".
- Tali pinggang keledar tidak dipasang.

Keadaan 2

- Suis penghidup berada pada kedudukan "ON".
- Tali pinggang keledar tidak dipasang.
- Pergerakan pintu belakang dari buka ke tutup.

Keadaan 3

- Suis penghidup berada pada kedudukan "ON".
- Tali pinggang keledar dari dipasang kepada dibuka*.

*Buzer akan berbunyi selama 32 saat apabila kelajuan kenderaan melebihi 5 km/j.

Lampu amaran terpadam

1. Tali keledar dipasang.
2. Setelah kelajuan kenderaan melebihi 5 km/j selama 32 saat.
3. Suis penghidup berada pada kedudukan "OFF".

Lampu amaran beg udara



Apabila kegagalan sebarang fungsi beg udara dikesan, lampu amaran beg udara akan menyala. Ini merupakan amaran kepada pemandu bahawa sistem tersebut gagal berfungsi.

Lampu ini akan menyala sekiranya suis penghidup berada pada kedudukan "ON" untuk pemeriksaan awal dan akan terpadam beberapa saat kemudian.

PERINGATAN

Apabila keadaan yang berikut berlaku, dapatkan Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk melakukan pemeriksaan sistem dengan segera.

- Lampu amaran tidak akan menyala serta-merta selepas suis penghidup berada pada kedudukan "ON".
- Lampu amaran menyala secara berterusan semasa enjin bergerak.
- Lampu amaran masih menyala walaupun 6 saat telah berlalu selepas suis berada pada kedudukan "ON".
- Lampu amaran mengelip walaupun 6 saat telah berlalu selepas suis penghidup berada pada kedudukan "ON".

Lampu amaran pintu renggang



Lampu akan menyala apabila mana-mana pintu (termasuk pintu belakang) dibuka atau tidak ditutup dengan rapat tanpa mengambil kira kedudukan suis penghidup.

Lampu akan padam setelah semua pintu ditutup rapat.

PERINGATAN

Jangan memandu ketika lampu ini menyala. Sekiranya ia menyala, ini menunjukkan tidak semua pintu ditutup rapat. Pintu mungkin akan terbuka semasa pemanduan dan boleh mengakibatkan kemalangan yang tidak diingini.



Lampu amaran aras bahan api rendah



Lampu amaran aras bahan api rendah akan menyala jika baki bahan api menunjukkan jumlah kurang daripada 5.6 liter dengan keadaan suis penghidup berada pada kedudukan "ON".

PERHATIAN

Apabila anda memandu di bukit atau ketika membelok kenderaan, bahan api di dalam tangki bahan api akan bergerak. Ini memungkinkan lampu amaran menyala lebih awal.

Dalam kes ini, isi semula bahan api secepat yang mungkin.

Lampu amaran suhu air



Lampu ini akan menyala merah selama 3 saat apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON".

Berpandukan kepada suhu sebenar air penyejuk enjin, lampu ini akan berubah ke warna biru, kekal merah atau padam.

Lampu ini akan berkelip apabila suhu air penyejuk enjin meningkat secara tidak normal semasa enjin beroperasi. Lampu ini akan menyala sekiranya suhu air penyejuk enjin meningkat secara berterusan.

PERINGATAN

Jangan terus memandu sekiranya lampu amaran menyala.

(Sila lihat "Pemanasan lampau enjin").

Lampu amaran stereng kuasa



Semasa fungsi normal sistem lampu ini akan menyala apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON" dan akan padam apabila enjin dihidupkan. Sekiranya sistem stereng kuasa menghadapi sebarang masalah atau tidak berfungsi ketika enjin sedang beroperasi, lampu amaran ini akan menyala.

Lampu penunjuk akan menyala warna kuning dan buzer akan berbunyi. Ini menunjukkan bahawa stereng kuasa;


- Kuasa bateri lemah
- Sistem mengalami pemanasan lampau

Lampu penunjuk akan menyala warna merah dan buzer akan berbunyi. Ini menunjukkan bahawa stereng kuasa gagal berfungsi.

PERINGATAN

Sekiranya lampu amaran kekal padam walaupun setelah suis penghidup berada pada kedudukan “ON” atau lampu terus menyala ketika enjin sedang beroperasi. Hantar kenderaan dengan segera ke Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

Lampu amaran bebas-kunci



Lampu akan menyala dan buzer berbunyi apabila suis penghidup berada pada kedudukan “ON” dan padam beberapa saat kemudian.

Ini menunjukkan bahawa

- Kunci pintar tiada dalam kenderaan atau;
- Kunci pintar kekurangan bateri atau;
- Sistem pembuka pintar gagal berfungsi atau;
- Stereng kekal terkunci

Sentiasa simpan kunci pintar bersama anda dan gantikan bateri yang baru sekiranya perlu.

Lampu amaran master (Sekiranya dilengkapi)



Lampu amaran akan menyala apabila suis penghidup berada pada kedudukan “ON” dan padam beberapa saat kemudian. Ia akan menyala pada 4 keadaan *Advanced Safety Assist* (ASA) seperti berikut :

1. Apabila Brek Pra-Perlanggaran beroperasi.
2. Apabila Bantuan Brek Pengurangan Kerosakan beroperasi.
3. Apabila Kawalan Injak Pincang Tugas beroperasi.
4. Apabila sebarang kegagalan sistem dikesan pada sistem ASA.



Lampu amaran *Advanced Safety Assist*
(ASA) *Error* (Sekiranya dilengkapi)

**ADV SAFETY ASSIST
ERROR**

Lampu amaran *Advanced Safety Assist* (ASA) *Error* akan menyala apabila ASA tidak berfungsi disebabkan oleh kerosakan pada bahagian sistem.

Lampu amaran *Advanced Safety Assist*
(ASA) *OFF* (Sekiranya dilengkapi)


ADV SAFETY ASSIST OFF 

Lampu amaran *Advanced Safety Assist* (ASA) *OFF* akan menyala apabila ASA tidak berfungsi atas sebab spesifik dan kod fungsi *OFF* dipaparkan (Lihat kod fungsi *OFF* di seksyen 10)



Lampu penunjuk


Lampu penunjuk penganjak transmisi automatik



Semasa suis penghidup berada pada kedudukan "ON" lampu penunjuk menunjukkan kedudukan anjakan transmisi semasa.


Apabila **P** ditunjukkan, kerangka (bahagian []) berkelip.

Lampu penunjuk suluh tinggi



Apabila lampu depan suluh tinggi dan pancaran lampu dihidupkan, lampu penunjuk akan menyala.


Lampu penunjuk lampu kabus hadapan menyala (Sekiranya dilengkapi)



Lampu penunjuk lampu kabus hadapan akan menyala apabila lampu kabus hadapan dihidupkan.




Lampu penunjuk lampu ekor menyala



Lampu penunjuk lampu ekor akan menyala apabila lampu ekor menyala.

Lampu penunjuk isyarat belok/ Lampu isyarat amaran bahaya.




Lampu isyarat belok

Lampu ini akan menyala bersama isyarat belok apabila suis penghidup diletakkan pada kedudukan "ON".

Lampu isyarat amaran bahaya


Lampu ini akan menyala apabila lampu amaran bahaya dihidupkan, tanpa mengambil kira kedudukan suis penghidup.

Lampu penunjuk keselamatan



Apabila suis penghidup dimatikan, lampu penunjuk keselamatan akan menyala.

Lampu penunjuk Eco



Lampu ini akan menyala apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON" dan padam beberapa saat kemudian.


Lampu ini menyala semasa pemanduan cekap-bahan api. Lampu ini akan padam apabila kelajuan kenderaan kurang daripada 15 km/j (tanpa *Eco Idle*) atau 8 km/j (dengan *Eco Idle*) atau melebihi 110 km/j.

PERHATIAN

Lampu ini tidak akan menyala melainkan paparan lampu penunjuk Eco disetkan ke "Eco On".

(Lihat "Pengeset paparan lampu penunjuk Eco")

Penunjuk peringatan maklumat servis



Simbol ini akan menyala sebagai peringatan supaya kenderaan anda perlu diservis.

Lampu ini menyala pada 10,000 km secara berkala. Hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk melakukan temujanji servis.

(Lihat "Mengeset penunjuk peringatan maklumat servis").

Lampu penunjuk VSC OFF



Lampu ini akan menyala apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON" dan padam beberapa saat kemudian.

Apabila VSC dipadamkan, lampu penunjuk VSC akan menyala.

Untuk memadamkan lampu penunjuk VSC, tekan butang "VSC OFF" selama lebih daripada 3.0 saat.



Lampu penunjuk TRC OFF



Lampu ini akan menyala apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON" dan padam beberapa saat kemudian.

Apabila TRC dipadamkan, lampu penunjuk TRC akan menyala.

Untuk memadamkan lampu penunjuk TRC, tekan butang "VSC OFF".

Lampu penunjuk gelincir



Lampu ini akan menyala apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON" dan padam beberapa saat kemudian.


Lampu penunjuk gelincir akan menyala apabila terdapat ralat di dalam sistem VSC.

Lampu penunjuk gelincir akan berkelip semasa VSC dan TRC beroperasi dan keadaan ini adalah normal.

PERINGATAN

Sekiranya lampu gagal untuk menyala atau kekal dalam keadaan menyala walaupun suis penghidup berada pada kedudukan "ON", ia mungkin disebabkan oleh kesilapan sistem. Dapatkan Pusat Servis Perodua anda untuk memeriksanya dengan segera.


Lampu penunjuk sistem *Eco Idle* sedia (Sekiranya dilengkapi)



Lampu ini akan menyala apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON" dan padam beberapa saat kemudian.

Lampu ini akan menyala apabila lampu penunjuk di set pada ON dan menunjukkan bahawa fungsi *Eco Idle* bersedia. (Lihat "Mengeset paparan sistem *Eco Idle*").

**Lampu penunjuk sistem *Eco Idle* OFF
(Sekiranya dilengkapi)**




Lampu ini akan menyala apabila lampu penunjuk di set pada OFF dan menunjukkan bahawa fungsi *Eco Idle* terpadam. (Lihat “Mengeset paparan sistem *Eco Idle*”).

PERINGATAN

Apabila terdapat kegagalan fungsi pada sistem, lampu penunjuk akan menyala atau berkelip.


**Lampu penunjuk operasi ASA
(Sekiranya dilengkapi)**



Lampu ini akan menyala apabila suis penghidup berada pada kedudukan ON dan padam beberapa saat kemudian. Ia akan berkelip pada fungsi *Advanced Safety Assist* (ASA) seperti berikut:

1. Apabila Amaran Pra-Perlanggaran beroperasi.
2. Apabila Brek Pra-Perlanggaran beroperasi.
3. Apabila Bantuan Brek Pengurangan Kerosakan beroperasi.
4. Apabila Kawalan Injak Pincang Tugas beroperasi.
5. Apabila Peringatan Berlepas Hadapan beroperasi.

**Lampu penunjuk ASA OFF
(Sekiranya dilengkapi)**




Lampu ini akan menyala apabila suis penghidup berada pada kedudukan ON dan padam beberapa saat kemudian.

Lampu penunjuk ASA OFF akan menyala apabila suis ASA OFF ditekan atau apabila kegagalan sistem dikesan pada sistem ASA. Ini menunjukkan bahawa fungsi *Advanced Safety Assist* (ASA) telah dimatikan.



Tolak bahan api



Tolak bahan api menunjukkan jumlah sebenar bahan api di dalam tangki bahan api apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON".

⚠ AMARAN

Jangan memandu apabila aras bahan api rendah menyala. Ia boleh mengakibatkan kerosakan pada penukar bermangkin dan pam bahan api.


Kemalangan mungkin akan berlaku sekiranya kenderaan berhenti dengan tiba-tiba ketika memandu.

PERINGATAN

- Kami mengesyorkan agar aras bahan api sentiasa tidak kurang daripada 1/4 tangki (2 bahagian).
- Sekiranya lampu amaran aras bahan api rendah menyala, segera isi semula bahan api.

Odometer dan meter perjalanan

Paparan pelbagai maklumat



Odometer / Butang pilihan meter perjalanan

Setiap kali butang set semula ditekan, penunjuk akan berubah. Untuk mengeset semula meter perjalanan kepada sifar, terus menekan butang set semula selama lebih daripada 1.0 saat.

Paparan pilihan

Setiap kali butang set semula ditekan, paparan penunjuk akan berubah mengikut turutan di bawah:

A. Mod utama

1. Jenis

- Odometer
- Meter perjalanan
- Purata penggunaan bahan api (AVG)
- Penggunaan bahan api semasa (CFC)
- Jangkaan jarak pemanduan (RANGE)
- Kawalan pencahayaan meter

2. Jenis 2 dan Jenis 3

- Odometer
- Meter perjalanan
- Purata penggunaan bahan api (AVG)
- Penggunaan bahan api semasa (CFC)
- Jangkaan jarak pemanduan (RANGE)
- Masa *Eco Idle*
- Masa terkumpul *Eco Idle*
- Kawalan pencahayaan meter





B. Mod tambahan

Di odometer, tekan butang reset melebihi 3 saat untuk memasuki pelarasan mod tambahan.

Kemudian, setiap kali butang reset ditekan, paparan penunjuk akan berubah mengikut turutan di bawah:

1. Jenis 1
 - Mengeset lampu paparan penunjuk Eco
 - Maklumat servis
 - Mod tambahan dimatikan ("End" akan dipaparkan)
2. Jenis 2 dan Jenis 3
 - Mengeset lampu paparan penunjuk Eco
 - Mengeset paparan sistem *Eco Idle*
 - Maklumat servis
 - Mod tambahan dimatikan ("End" akan dipaparkan)


(Lihat "Mengeset lampu paparan penunjuk Eco" dan "Mengeset papasan sistem *Eco Idle*").

PERINGATAN

Pastikan kenderaan berhenti sepenuhnya sekiranya anda ingin menukar pelarasan mod paparan.

Untuk keselamatan, pelarasan mod tambahan tidak boleh dimasuki ketika kenderaan sedang bergerak.

Purata penggunaan bahan api (AVG)




Mod ini akan mengira purata penggunaan bahan api bergantung kepada cara pemanduan.

Nilai paparan akan dikemaskini setiap 10 saat dan selepas set semula, simbol '-.-' akan terpapar sehingga data yang mencukupi diperolehi untuk pengiraan. Data tidak dapat dikekalkan sekiranya bateri diputuskan.

PERHATIAN

Purata penggunaan bahan api akan dikira daripada jumlah bahan api yang digunakan dan jarak yang dilalui berdasarkan nilai set semula yang terakhir.

Mod penggunaan bahan api semasa (CFC)




Mod ini akan mengira dan memaparkan masa sebenar penggunaan bahan api semasa pemanduan.

Nilai paparan akan dikemaskini setiap 2 saat. Sekiranya kenderaan berhenti (0 km/L), paparan akan menunjukkan '0.0' km/L.

Apabila penghidup berada pada kedudukan "ON", simbol '-.-' akan terpapar sehingga data yang mencukupi diperolehi untuk pengiraan.

Jangkaan jarak pemanduan (RANGE)



Mod ini menunjukkan jangkaan jarak kenderaan boleh bergerak sebelum kehabisan bahan api.

Nilai paparan bergantung kepada isipadu bahan api di dalam tangki dan kadar penggunaan bahan api.


Jika nilai paparan sama dengan 0 km, paparan akan menunjukkan simbol '---'. Data tidak dapat dikekalkan sekiranya bateri diputuskan.

Aturan mod paparan pelbagai maklumat

1. Tekan butang reset untuk memilih mod AVG, CFC atau RANGE. (Lihat "Paparannya pilihan" untuk turutan paparan penunjuk)
2. Semasa AVG (mod purata penggunaan bahan api) mod, tekan semula butang melebihi 1 saat untuk set semula AVG.
3. Set semula tidak dibenarkan dalam RANGE dan CFC (mod jangkaan jarak pemanduan dan mod penggunaan bahan api terkini).



Kawalan pencahayaan meter




Kecerahan meter boleh dilaras ketika lampu ekor dihidupkan. Ikuti langkah dibawah untuk melaras kecerahan meter :

1. Tekan butang reset lebih dari satu saat untuk memasuki mod kawalan pencahayaan meter. (Lihat “paparan pilihan” untuk urutan penunjuk)
2. Tahap kecerahan yang telah ditetapkan adalah pada tahap 4. Tekan butang reset lebih dari satu saat setiap kali ingin menukar tahap kepada tahap 3, tahap 2, tahap 1 (paling malap) atau tahap 5 (paling cerah).

PERHATIAN


Sekiranya tiada sebarang operasi selama 10 saat, paparan akan kembali ke odometer.

Masa berhenti sistem *Eco Idle* (Sekiranya dilengkapi)



Mod ini menunjukkan masa keadaan *Eco Idle*. Pengiraan bermula daripada 0 saat pada setiap 1 perjalanan, apabila suis penghidup berada pada kedudukan “ON” sehingga ia berada pada kedudukan “OFF”. Penunjuk masa sistem *Eco Idle* boleh berubah kepada “ON” atau “OFF”.
ON : Penunjuk akan beroperasi seiring dengan *Eco Idle*.
OFF : Tiada operasi seiring dengan *Eco Idle*. (Lihat “Mengeset paparan sistem *Eco Idle*”).


Masa terkumpul sistem *Eco Idle* (Sekiranya dilengkapi)




Mod ini menunjukkan masa terkumpul keadaan *Eco Idle*. Keseluruhan masa berhenti akan dikira berterusan dari perjalanan sebelumnya. Data tidak dapat dikekalkan sekiranya bateri diputuskan.
Tekan butang reset untuk memasuki pelarasan masa sistem *Eco Idle*. (Lihat “pilihan paparan” untuk turutan petunjuk). Tekan butang reset melebihi 1 saat untuk mereset paparan.



Mengeset penunjuk peringatan maklumat servis



Sekiranya pengiraan pada paparan maklumat servis telah mencapai 10,000km, '---- km', akan terpapar. Penunjuk  akan berkelip sebanyak 5 kali dan terus menyala di setiap paparan. Keadaan peringatan yang sama akan aktif setiap kali suis penghidup di "ON"kan.

Penunjuk akan terpadam apabila maklumat servis di set pada OFF atau reset semula. Data tidak dapat dikekalkan sekiranya diputuskan.

Untuk mengubah paparan


1. Tekan butang reset untuk memasuki tetapan maklumat servis. (Lihat "Paparan pilihan" untuk turutan paparan penunjuk)

2. Tekan butang reset melebihi 3 saat untuk reset data. "cLEAR" akan terpapar dan berkelip sebanyak 3 kali sebelum kiraan semula daripada '10,000 km'.
3. Tekan butang reset melebihi 3 saat untuk "OFF".

PERHATIAN

- Sekiranya tiada sebarang operasi selama 10 saat, paparan akan kembali ke odometer.
- Jangan reset semula paparan antara selang servis berkala untuk mengelakkan kesilapan pengiraan data pada paparan.

Mengeset lampu paparan penunjuk Eco




Paparan penunjuk Eco boleh dihidupkan atau dimatikan dengan mengubah paparan lampu penunjuk Eco diantara "Eco On" dan "Eco Off."

Untuk mengubah paparan


1. Tekan butang reset melebihi 3 saat untuk memasuki *mod tambahan*. (Lihat "pilihan paparan" untuk turutan paparan penunjuk)
2. Setiap kali anda menekan suis pilihan paparan melebihi 1 saat, paparan "Eco On" dan "Eco Off" akan berubah.



Mengeset paparan	 Lampu penunjuk Eco
<i>Eco On</i>	Lampu penunjuk Eco akan menyala semasa pemanduan cekap-bahan api.
<i>EcoOFF</i>	Lampu penunjuk Eco akan sentiasa terpadam.

PERHATIAN

Sekiranya tiada operasi selama 10 saat, enjin tidak hidup atau kelajuan kenderaan melebihi 2 km/j, paparan akan kembali ke odometer.

Mengeset paparan sistem *Eco Idle*

Paparan masa berhenti sistem *Eco Idle* boleh berubah dari "ON" ke "OFF" dengan mengubah paparan lampu penunjuk diantara "dsp On" dan "dsp OFF".

Untuk mengubah paparan


1. Tekan butang reset melebihi 3 saat untuk memasuki *mod tambahan*. (Lihat "pilihan paparan" untuk turutan paparan penunjuk)
2. Setiap kali anda menekan suis pilihan paparan melebihi 1 saat, paparan "dsp On" dan "dsp OFF" akan berubah.

PERHATIAN

Sekiranya tiada operasi selama 10 saat, enjin tidak hidup atau kelajuan kenderaan melebihi 2 km/j, paparan akan kembali ke odometer.




Meter laju



Jarum menunjukkan kelajuan kenderaan.

Takometer



Takometer menunjukkan putaran enjin per minit.
Zon merah menunjukkan putaran enjin lampau.

PERHATIAN

Putaran enjin yang lampau boleh mengakibatkan kerosakan enjin.

Jam digital

Untuk mengeset masa

Sila rujuk arahan untuk melaras jam di Seksyen 7, Sistem Audio.

Seksyen 6



Sistem kawalan penyaman udara

6



Penyaman udara	6-1
Panduan penyelenggaraan berkala yang disyorkan	6-8



Penyaman udara

Penyaman udara beroperasi apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON".

Saluran keluar udara




Saluran keluar udara bahagian tengah

Arah aliran udara dari saluran keluar udara bahagian tengah dikawal oleh tombol yang disediakan.


PERHATIAN

Jika anda menggunakan penyegar atau pewangi kereta pada saluran penyaman udara di bahagian tengah, jangan tumpahkannya ke atas panel peralatan. Bahan ini boleh menyebabkan pemudaran warna, kekotoran dan menanggalkan cat permukaan panel. Ia juga boleh menyebabkan butang audio akan tersekat atau tertanggal. Penjagaan yang betul adalah perlu bagi mengelakkan panel peralatan dan sistem audio daripada rosak.


Panel kawalan penyaman udara



Saluran keluar lubang udara kanan dan kiri
Gerakkan penutup ke atas dan ke bawah untuk melaras ruang keluar udara.




Menghidupkan penyaman udara




1. Enjin telah dihidupkan
2. Tekan 
3. Tekan A/C




Mematikan penyaman udara







1. Tekan A/C
2. Tekan  untuk mematikkannya. (Lihat suis kipas penghembus)

Kawalan saluran udara




Tekan "mode" untuk memilih atau menukar posisi saluran keluar udara.





Mod				
Saluran keluar udara	(A) (B)	(A) (B)	(A) (C)	(A) (C)
udara		(C)	(D)	(D)


Posisi dalam tanda kurungan () menandakan saluran keluar udara yang kadar pengaliran udaranya adalah sangat sedikit.

Kawalan suhu



Suhu udara dilaras dengan menekan butang kawalan dan boleh dikendalikan dengan dua cara seperti berikut:

1. Tekan dan lepaskan  untuk mengurangkan suhu atau  untuk meningkatkan suhu secara berperingkat.
2. Tekan  selama beberapa saat untuk mengurangkan suhu secara berterusan atau  untuk meningkatkan suhu secara berterusan.

MAXCOOL akan terpapar setelah  ditekan sehingga maksimum.


PERHATIAN

- Udara yang disejukkan dengan cepat akan menyebabkan kabut keluar dari liang keluar udara. Ini bukan satu kerosakan.
- Apabila suhu sekitar hampir dengan 0°C, fungsi penyahlembapan tidak akan berjalan.
- Untuk model tertentu, sekiranya suhu air enjin naik dengan mendadak apabila kenderaan dipandu beberapa lama dan sebagainya dengan penyaman udara dipasangkan, maka penyaman udara akan tertutup secara automatik.
- Untuk model yang tertentu, apabila anda menekan sepenuhnya injak pemecut untuk mendapatkan pemecutan cepat, dan sebagainya, pemampat penyaman udara dimatikan untuk sementara waktu supaya prestasi pemecutan dapat ditingkatkan.

⚠ AMARAN

Sementara kenderaan melahu, kelajuan enjin melahu akan naik sedikit apabila penyaman udara dipasangkan. Perhatian khas harus diberikan apabila menghidupkan dan memberhentikan kenderaan anda.

Kawalan pengambilan udara



Tekan untuk udara di dalam dikitar semula. Lampu penunjuk akan menyala apabila udara di dalam dikitar semula telah dipilih. Lepaskan butang untuk udara luar dimasukkan.







PERHATIAN

Apabila udara luar tidak menyenangkan, tukar mod kepada .


Walau bagaimanapun, amatlah penting mengubah mod dari semasa ke semasa kerana cermin kenderaan boleh berkabus atau bahagian dalam kenderaan menjadi berkuap.







PERINGATAN

- Jangan gunakan udara kitaran  untuk tempoh yang lama. Cermin kenderaan akan mudah berkabus. Gunakan udara luar sebagai operasi biasa.
- Semasa kesesakan lalu lintas atau semasa di dalam terowong, gunakan  bagi mengelakkan gas ekzos dari memasuki ruang penumpang.
- Jangan menggunakan  semasa menggunakan , ,  FRONT, cermin akan mudah berkabus.




Suis kipas penghembus




Kelajuan aliran udara boleh dilaras dengan menekan suis kipas penghembus dan boleh dikendalikan dengan dua cara seperti berikut:

1. Tekan dan lepaskan  untuk meningkatkan kelajuan dan  untuk mengurangkan kelajuan secara berperingkat.
2. Tekan  selama beberapa saat untuk meningkatkan kelajuan secara berterusan atau  untuk mengurangkan kelajuan secara berterusan.

Untuk mematikan penghembus

1. Tekan dan lepaskan  di setiap peringkat sehingga tiada tahap kelajuan aliran udara terpapar pada LCD.
2. Tekan  selama beberapa saat untuk mengurangkan kelajuan secara berterusan sehingga peringkat 1. Tekan  selama beberapa saat sekali lagi untuk mematikan penghembus.

Tetapan memori



Ciri tetapan memori membolehkan anda menyimpan tetapan pilihan penyaman udara. Anda boleh menyimpan sehingga dua tetapan dan ia mengembalikan tetapan ini di lain waktu.


Untuk menetapkan memori


Tetapkan mod, suhu, A/C, kawalan pengambilan udara dan kawalan kipas penghembus yang dikehendaki. Tekan butang ¹MEMORY atau ²MEMORY untuk menetapkan tetapan. Anda boleh menyimpan sehingga dua tetapan. Untuk menukar tetapan, tekan butang memori selama 1.5 saat atau sehingga [1] atau [2] berkelip untuk menetapkan memori baharu.

Untuk menggunakan memori

Tekan dan lepaskan mana-mana butang memori untuk menggunakan tetapan yang telah disimpan pada fungsi ¹MEMORY atau ²MEMORY.


Suis nyahkabus cermin hadapan



Tekan suis nyahkabus cermin hadapan untuk menyalakan cermin hadapan. Lampu penunjuk  akan menyala apabila suis ini ditekan. Kemudian kelajuan penghembus dan A/C akan beroperasi. Posisi saluran keluar udara adalah pada posisi (A), (D) apabila suis ditekan.



Suis nyahkabus cermin belakang




Tekan suis nyahkabus cermin belakang untuk menyahkabus cermin belakang.

PERINGATAN

- **Matikan suis nyahkabus apabila cermin sudah jelas bagi mengelakkan bateri menjadi lemah.**
- **Jangan sesekali mengguris wayar pemanas di cermin belakang**

Petua pengendalian

- Pastikan liang masuk udara di hadapan cermin depan tidak dihalang oleh dedaun dan lain-lain halangan.
- Jangan menggunakan  untuk pendinginan dalam keadaan berkelembapan tinggi. Ini boleh menyebabkan cermin tingkap berkabus.
- Sekiranya kenderaan anda diletakkan di bawah cahaya matahari yang panas dalam satu jangkamasa yang lama dan suhu di dalam adalah sangat tinggi, pasang penyalutan udara dengan tingkap dibuka sepenuhnya. Setelah bahagian dalam kenderaan sejuk, tutup tingkap dan setkan suhu mengikut kemahuan anda.
- Cermin kenderaan mudah berkabus ketika hujan akan menyebabkan penglihatan menjadi sukar. Apabila ini berlaku, hidupkan penyalutan udara dan diset dalam mod sejuk atau nyahkabus.

AMARAN

Apabila memandu dalam perjalanan jarak jauh, buka tingkap untuk pengambilan udara bersih setiap satu jam.



Panduan penyelenggaraan berkala yang disyorkan

P : Periksa

T : Tambah

B : Betulkan

C : Cuci

G : Ganti

ALATAN PENYELENGGARAAN		SELANG WAKTU SERVIS DISYORKAN										
		x 1000 km	10	20	30	40	50	60	70	80	90	100
		Bulan	6	12	18	24	30	36	42	48	54	60
Bahan Pendingin (Gas Penyeaman Udara)	Periksa kuantiti bahan pendingin	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P
Saluran dan sambungan	Periksa bahagian sambungan untuk mengesan kebocoran	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P
Pemampat	Periksa untuk mengesan bunyi luar biasa & kebocoran	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P
	Periksa kalung kilas("torque") pengetat bolt	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P
	Tambahkan kuantiti minyak pemampat	-	-	T	-	-	T	-	-	T	-	-
Cekam (clutch) Magnet	Periksa keadaan masukan "clutch" dan galas ("bearing") untuk mengesan bunyi bising yang luar biasa	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P
	Periksa ruang lega "clutch" (0.25 - 0.5mm)	P	P	B	P	P	B	P	P	B	P	P
Penyejat	Periksa kebocoran dan *sirip tersumbat	P	P	*C	P	P	*C	P	P	*C	P	P
Injap Pengembangan	Periksa untuk memastikan ia berfungsi dengan betul	-	-	P	-	-	P	-	-	P	-	-
Pemeluwap	Periksa kebocoran dan *sirip tersumbat	P	P	*C	P	P	*C	P	P	*C	P	P
Tali Sawat Penyeaman Udara	Periksa pemasangan, haus dan lusuh tali sawat	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P
Termostat atau Termistor	Periksa untuk memastikan ia berfungsi dengan betul	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P
Penderia Tekanan	Periksa tekanan fungsi standard	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P
Kapi Melahu	Periksa gelas untuk mengesan bunyi bising yang luar biasa	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P
Motor Penghembus	Periksa operasi kelajuan penghembus	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P
Motor Kipas Radiator	Periksa untuk memastikan ia berfungsi dengan betul atau mengesan bunyi bising yang luar biasa	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P
Pendaawaian Elektrik	Periksa untuk mengesan sambungan longgar	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P
	Periksa luang keselamatan & abah-abah dawai pada tepi-tepi tajam kenderaan	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P
Suis Kawalan Penyeaman Udara	Periksa kawalan pengambilan udara, mod, penghembus, suhu, A/C dan nyahkabus cermin hadapan untuk memastikan ia berfungsi dengan baik	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P	P
Elemen Penapis Udara (cabin filter)	Periksa dan ganti penapis udara	P	P	G	P	P	G	P	P	G	P	P

Seksyen 7



Sistem audio

Ciri-ciri	7-1
Operasi am	7-2
Operasi penala	7-5
Memainkan USB	7-7
Operasi Bluetooth	7-11
Sistem kawalan suis stereng	7-15
Pemasangan	7-16
Sambungan wayar radio	7-17
Spesifikasi	7-19
Antena	7-20



Ciri-ciri

Penala

- Penalaan Digital PLL
- Penalaan Manual UP/DOWN
- Penalaan Pencarian UP/DOWN
- Memori Praset 18FM dan 6AM
- Penyimpanan Auto (AS)

Am

- LCD Paparan Maklumat Penuh Pelbagai Mod
- Jam Digital Format 12 jam
- Paras Nada Bunyi Bip Boleh Dengar
- Nota 'Welcome'

Kawalan Audio

- Kawalan Elektronik *Volume/Bass/Mid/Treble/Fader* dan *Balance*
- Output Kuasa (20W x 4) Rms
- Bisu (Mute)
- Clear/Bass/Loud (Kawalan Nada Prefix)

CD

- Trek UP/DOWN
- Folder UP/DOWN
- Mainan Ulangan
- Imbas Pengenalan
- Mainan Rawak
- Paparan ID3-Tag


* Bluetooth

- Perbuatan Duplex Penuh
- Profil Bebas Tangan
- Streaming Muzik
- Pengenalan Masuk Pemanggil


***Untuk sistem audio jenis B sahaja**

Operasi am

Jenis A



Jenis B





Butang Kuasa / MODE (⏻) - ①

• Sistem on/off

Tekan butang ⏻ ① untuk menghidupkan sistem kuasa.

Tekan butang ⏻ ① lebih dari 2 saat untuk mematikan sistem kuasa.

• Butang Mod (MODE) - ①


Tekan butang MODE ① untuk memilih mod radio, USB dan *A2DP mengikut turutan berikut:




Butang Auto Store / Select (AS-SEL) - ②

• Memilih mod audio

Tekan butang AS-SEL ② untuk menukar mod audio melalui fungsi *bass*, *mid*, *treble*, *balance* dan *fader* ketika sistem dihidupkan. Sekiranya mod tidak dilaras, paparan akan bertukar kepada paparan radio yang biasa. Ketika mod bukan EQ ("MANU"), tekan butang AS-SEL ② untuk memilih mod audio mengikut turutan berikut:



Ketika mod EQ ("CLEAR"/"BASS"/"LOUD"), tekan butang AS-SEL ② untuk memilih mod audio mengikut turutan berikut:



Butang Bisu (M) - ③


Tekan butang (M) ③ untuk menghilangkan bunyi audio. Tekan semula untuk kembali pada aras bunyi sebelumnya.

Tekan butang (M) ③ lebih dari 2 saat untuk menghentikan seketika mainan USB

Butang EQ / *CLK (EQ) - ④

• Memilih EQ


Tekan butang EQ/*CLK ④ untuk memilih "clear", "bass", "loud" (3 corak nada prefix) dan "manual" (nada tanpa prefix).




• Mengeset masa

Tekan butang ⌚ ⑥ untuk memasuki mod pelarasan jam dengan paparan jam berkelip. Tekan butang EQ/*CLK ④ lebih dari 2 saat untuk memasuki mod pelarasan jam dengan paparan jam berkelip.

Tekan butang VOLUME ⑤ untuk melaraskan jam yang dikehendaki. Tekan [VOL +] untuk meningkatkan jam. Tekan [VOL -] untuk mengurangkannya.



Tekan butang ⌚ ⑥ atau tekan butang EQ/*CLK ④ sekali lagi untuk melaraskan mod minit. Tekan [VOL +] untuk meningkatkan minit. Tekan [VOL -] untuk mengurangkannya.



* Untuk Sistem Audio jenis B sahaja

Butang tingkat aras bunyi [VOL +] - ⑤

Tekan butang [VOL +] untuk meningkatkan paras *Volume / Bass / Mid / Treble*. Semasa sistem ini di dalam mod pelarasan *Balance* atau *Fader*, tekan butang [VOL +] untuk mengeset *balance* sebelah kanan atau mengeset bunyi pembesar suara bahagian hadapan.


Butang kurang aras bunyi [VOL -] - ⑤

Tekan butang [VOL -] untuk mengurangkan paras *Volume / Bass / Mid / Treble*. Semasa sistem ini di dalam mod pelarasan *Balance* atau *Fader*, tekan butang [VOL -] untuk mengeset *balance* sebelah kiri atau mengeset bunyi pembesar suara bahagian belakang.




Operasi penala

Jenis A



Jenis B



Butang Praset (1 hingga 6) - ①

Butang-butang ini digunakan untuk praset fungsi stesen dalam mod penala. Dengan sistem ini sebanyak 24 stesen boleh disimpan di dalam memori iaitu 6 stesen bagi setiap FM1, FM2, FM3 dan AM.

• Mempraset Stesen

Tala stesen yang dikehendaki secara manual atau automatik dan tekan butang (1 hingga 6) lebih dari 2 saat di mana stesen tersebut mahu disimpan.

• Memanggil Semula Stesen Praset

Selepas stesen kegemaran anda telah diprasat pada butang 1 hingga 6, tekan butang 1 hingga 6 untuk memanggil semula stesen yang telah diprasat di dalam memori.

Butang Auto Store/Select (AS-SEL) - ②

• Penyimpanan Automatik

Tekan butang AS-SEL ② lebih dari 2 saat untuk menyimpan 6 stesen terkuat dalam butang memori praset 1 hingga 6 pada jalur FM3.

Butang Penalaan (◀ / ▶) - ③

• Penalaan Manual

Tekan butang ③ dalam mod penala untuk menala frekuensi ke atas atau ke bawah secara manual.


• Penalaan Automatik

Tekan butang ③ lebih dari 2 saat dalam mod penala untuk menala frekuensi ke atas atau ke bawah.





Memainkan USB

Jenis A



Jenis B





Pintu USB () - ①

- Buka pintu USB ① dan masukkan kabel sambungan USB dengan memori USB ke dalam port USB (seperti ditunjukkan dalam Rajah 1). Tekan butang KUASA/MOD untuk menukar kepada mod USB dan trek MP3/WMA akan dimainkan.
- Untuk menanggalkan memori USB, tarik kabel sambungan USB keluar daripada unit tersebut. Kabel sambungan USB atau memori USB yang ditanggalkan akan menghentikan main balik (*playback*).

Butang Memilih Trek () - ②

- Tekan butang “ ” ② untuk bertukar ke trek berikutnya.
- Tekan butang “ ” ② untuk bertukar ke trek sebelumnya.
- Tekan butang “ ” ② lebih daripada 1 saat untuk melajukan trek dengan 10 kali ganda kelajuan.
- Tekan butang “ ” ② lebih daripada 1 saat untuk mengundurkan trek dengan 10 kali ganda kelajuan.

Nombor trek akan tertera pada paparan.

Butang Imbasan (SCN) - ③

Imbas intro membolehkan anda mengimbas memori USB dengan memainkan selama 10 saat pertama pada setiap trek secara berterusan. Tekan butang “SCN” ③ untuk mengaktifkan imbas intro di mana “ ” akan tertera pada paparan. Selepas anda mendengar trek yang ingin dimainkan, tekan semula butang untuk kembali kepada main balik normal (*normal playback*).

Butang Ulang Semula (RPT) - ④

Untuk mengulang semula muzik yang anda dengar, tekan butang RPT ④. “ ” akan tertera pada paparan dan trek tersebut akan berterusan mengulang semula. Tekan semula butang RPT untuk membatalkan mod ulangan.

Butang Rawak (RDM) - ⑤

• Mainan Secara Rawak

Tekan butang RDM ⑤ untuk memilih lagu secara rawak dari USB. Lagu akan dimainkan secara rawak bergantung kepada folder yang dipilih. Tekan butang RDM ⑤ untuk mengaktifkan fungsi ini dan “ ” akan terpapar pada LCD. Tekan semula butang untuk membatalkan fungsi ini.

• Mainan Folder Secara Rawak

Tekan butang RDM ⑤ lebih dari 2 saat untuk memilih lagu secara rawak dalam folder yang berbeza dari USB.



Butang Paparan (DISP) - ⑥

Unit ini membenarkan paparan informasi MP3/WMA bertukar pada LCD. Tekan butang DISP ⑥ untuk memilih paparan informasi MP3/WMA mengikut aturan berikut:

Track No + Play Time → File Name → Folder Name
→ Title Name → Artist Name → Album Name
→ Bit Rate → Sampling Rate

Butang Folder Turun (F-DN) - ⑦

Apabila butang F-DN ⑦ ditekan, folder akan dipilih mengikut aturan menurun.


Butang Folder Naik (F-UP) - ⑧

Apabila butang F-UP ⑧ ditekan, folder akan dipilih mengikut aturan menaik.

Nota ketika memainkan MP3/WMA daripada memori USB

- Unit ini mungkin tidak dapat memainkan semula sesetengah memori USB atau fail kerana ciri-cirinya atau keadaan semasa merakam.
- Bergantung kepada bentuk memori USB dan port sambungan, sesetengah memori USB tidak dapat disambung dengan baik atau sambungan mungkin longgar.
- Jika sambungan USB tidak mempunyai fail yang betul, "USBERR" akan terpapar dan akan kembali kepada mod sebelumnya.
- Unit ini boleh menunjukkan tanda (versi 1.x dan 2.x) untuk fail MP3 dan WMA.
- Unit ini boleh memainkan semula fail MP3/WMA bergantung kepada keadaan di bawah:
 - Fail: MPEG 1, 2 dan 2.5 - Lapis 2 & 3 (MP3); Windows Media Audio standard 4/4.1/7/8/9/9.1 (WMA).
 - Kadar bit: 32 kbps - 384 kbps (MP3); 0 kbps - 320 kbps (WMA).
 - Frekuensi sampel (KHz): 48, 44.1, 32, 24, 22.05, 16, 12, 11.025, 8.
- Unit ini boleh ulang semula fail USB yang dirakam dalam VBR (*Variable bit rate*).
- Untuk memainkan muzik yang berkualiti daripada MP3/WMA, kadar bit fail hendaklah disetkan pada 128 kbps atau lebih dan mendapat sumber daripada format CD yang asal.
- Unit ini boleh memaparkan lebih 50 aksara untuk nama tajuk, nama artis, nama album, nama fail dan nama folder.
- Unit ini boleh mengenal 65,000 fail (255 fail dan menyokong sehingga 64 GB memori USB).

Pengecas telefon USB



Buka pintu USB dan masukkan kabel pengecas telefon ke dalam port USB (seperti ditunjukkan dalam Rajah 2). Tekan butang KUASA/MOD untuk bertukar kepada mod USB. Sistem ini akan mengecas bateri telefon bimbit.

Nota ketika mengecas telefon USB

- Unit ini membekalkan keluaran kuasa 5V.....1A
- Unit ini mungkin tidak dapat mengecas telefon bimbit kerana ia berfungsi untuk melindungi antara muka pengecas di dalam telefon bimbit.




Operasi *Bluetooth* (Jenis B sahaja)

Bluetooth bebas tangan

Langkah 1: Masuk ke dalam mod *pairing* (mod boleh sambung dan boleh kesan)

1. Mod *pairing* ini membenarkan sistem audio dikesan melalui *Bluetooth* telefon bimbit. Untuk membolehkan mod *pairing*:
 - a. Sistem audio kereta
 - Tekan butang *Bluetooth* di dalam kenderaan anda (Rajah 3) selama 5 saat sehingga anda mendengar 3 bip berterusan.
 - b. Sistem audio akan memaparkan "PAIRING" dan logo *Bluetooth* "⌘" akan berkelip pada LCD, menunjukkan bahawa sistem ini telah bersedia untuk dipadankan dengan telefon bimbit.
 - c. Telefon bimbit
 - Boleh/hidupkan *Bluetooth* di dalam telefon bimbit anda; simbol ini (⌘) menunjukkan *Bluetooth* telah dihidupkan.
 - Gunakan telefon bimbit untuk mencari peranti baru dalam mod *Bluetooth*, telefon bimbit akan menemui "BLUETOOTH CAR KIT".
2. Pelarasan asal nama sistem audio adalah "BLUETOOTH CAR KIT" dan kunci laluan asal adalah "0000" (masukkan nombor sifar sebanyak 4 kali). Pengguna dibenarkan untuk menukar pelarasan asal nama kepada nama pilihan pengguna di dalam memori *Bluetooth* telefon bimbit.
3. Sistem audio ini akan bersambung dengan *Bluetooth* telefon bimbit secara automatik setelah pengguna memasukkan kunci laluan dan LCD akan memaparkan "CONNECTED" dan "⌘" akan berhenti berkelip. Sistem *Bluetooth* yang baru akan memasuki mod bersedia.
4. Jika sambungan gagal, "FAILED" akan terpapar pada sistem LCD.
5. Jika *Bluetooth* tidak bersambung "DISCONT" akan terpapar pada sistem LCD.



Rajah 3


Langkah 2: Mod sambungan automatik & mod sambungan manual

1. Sistem audio akan memasuki mod sambungan automatik apabila kuasa ACC dihidupkan. Mod sambungan automatik membenarkan sambungan automatik antara sambungan terakhir *Bluetooth* telefon bimbit dengan sistem audio.
2. Untuk membolehkan mod sambungan manual, butang *Bluetooth* perlu ditekan selama 2 saat.

Nota : Mod sambungan automatik dan manual di atas hanya berkesan untuk sambungan *Bluetooth* telefon bimbit yang terakhir dan *Bluetooth* pada telefon bimbit mestilah dihidupkan.

Langkah 3: Pilihan jawab panggilan auto dan jawab panggilan manual


1. Sistem Audio membenarkan pilihan untuk “Jawab Panggilan Auto” dan “Jawab Panggilan Manual” dengan hanya menekan butang *Bluetooth* selama 3 hingga 6 saat hingga 2 bunyi bip kedengaran.
2. Pilihan ditunjukkan dalam turutan seperti di bawah:



Nota : Pilihan Jawab Panggilan Auto & Jawab Panggilan Manual di atas hanya berkesan selepas sistem audio disambungkan dengan *Bluetooth* telefon bimbit.

Langkah 4: Apabila terdapat panggilan masuk atau panggilan keluar

1. Pada mod bersedia (Jawab Panggilan Manual), jika terdapat panggilan masuk, pengeluaran audio secara automatik akan diputuskan. Panggilan masuk hanya akan diterima sekiranya butang *Bluetooth* ditekan sekali. Penerima perbualan boleh didengar daripada pembesar suara kanan bahagian hadapan.
2. Pada mod bersedia (Jawab Panggilan Auto), jika terdapat panggilan masuk, pengeluaran audio secara automatik akan diputuskan. Panggilan masuk boleh diterima secara automatik tanpa menekan butang *Bluetooth*.
3. Aras bunyi perbualan telefon boleh dilaraskan dengan menekan butang [VOL +] untuk meninggikan bunyi atau butang [VOL -] untuk merendahkan bunyi.



Rajah 4

Langkah 5: Mengakhiri panggilan

1. Pengguna boleh memilih untuk menamatkan panggilan dengan menekan butang *Bluetooth* selama 1 saat, sistem pengeluaran audio akan disambung dengan segera selepas mengakhiri panggilan. Kesannya, mod komunikasi akan bertukar ke mod bersedia.

Langkah 6: Menolak panggilan masuk

1. Tekan butang *Bluetooth* dua kali pada satu masa untuk menolak panggilan masuk.




Paparan ID pemanggil

Sistem audio didatangi dengan ID ON. Apabila sistem mengesan panggilan masuk, LCD akan memaparkan “nombor pemanggil”.

A2DP Bluetooth

1. Tekan butang KUASA/MOD (Rajah 5) untuk menghidupkan mod A2DP dengan syarat *Bluetooth* mesti dipadankan dan disambung.
2. Apabila A2DP dimainkan dengan audio dipindahkan daripada telefon bimbit kepada unit, LCD pada unit akan menunjukkan “*BLUETOOTH MUSIC*”.
3. Aras bunyi pada BT Music boleh diubah dengan tombol aras bunyi (Rajah 4).
4. Untuk memainkan muzik yang berkualiti daripada telefon bimbit, kadar bit fail muzik mesti disetkan pada 128 kbps atau lebih dan sumber penukar mestilah format CD yang asal.

Tanda: Ciri-ciri ini hanya digunakan untuk telefon bimbit yang mempunyai ciri-ciri A2DP *Bluetooth*.



Rajah 5

RINGKASAN FUNGSI BUTANG BLUETOOTH

No.	FUNGSI BUTANG <i>BLUETOOTH</i>	WAKTU MENEKAN BUTANG	NADA
1.	- Menerima / mengakhiri panggilan - Mengaktifkan / mematikan mod carian automatik - Mematikan mod <i>Pairing</i>	1 saat	-
2.	- Menolak panggilan masuk	1 saat (dua kali)	-
3.	- Saling tukar antara mod jawab panggilan auto dan mod jawab panggilan manual	2 saat	2 bip
4.	- Mengaktifkan mod <i>Pairing</i>	5 saat	3 bip berterusan

Nota pada Operasi *Bluetooth*

- Gunakan telefon bimbit dalam kawasan keadaan resepsi yang baik.
- Jika pemanggil mengadu aras bunyi bercakap rendah atau bising, tutup tingkap, tukar arah udara, atau rendahkan arah udara penghembus daripada penyaman udara.
- Jika bateri telefon bimbit bercas rendah, sambungan *Bluetooth* kadangkang akan hilang. Untuk mengekalkan sambungan yang baik, pastikan bateri telefon dicas secukupnya.
- Unit ini boleh menyimpan sehingga 8 padanan telefon. Jika memori telah penuh, telefon padanan pertama yang disimpan akan dipadam.
- Gema akan berlaku bergantung kepada telefon bimbit atau rangkaian servis.




Perhatian

- Perbuatan telefon semasa memandu boleh menjejaskan keselamatan. Sila patuhi peraturan dan undang-undang.
- Sebelum memulakan pemanduan, laraskan aras bunyi panggilan masuk, sambungan dan *pairing* dengan betul.
- Letakkan kenderaan anda di tempat yang selamat dengan menggunakan brek meletak kenderaan untuk membuat panggilan.
- Sistem audio ini direka hanya untuk menerima panggilan dengan mengambill kira keselamatan.



Sistem kawalan suis stereng (Sekiranya dilengkapi)


Anda boleh mengawal beberapa fungsi sistem audio tanpa perlu melepaskan tangan daripada stereng.



Butang	Situasi / Mod	Operasi	Fungsi
Butang volume turun (VOL-) - ①	-	Tekan butang	Merendahkan aras <i>volume</i> audio
Butang volume naik (VOL+) - ②	-	Tekan butang	Meninggikan aras <i>volume</i> audio
Butang menala turun (<) - ③	Mod FM/AM	Tekan butang	Praset siaran secara menurun
		Tekan butang selama beberapa saat	Menerima frekuensi yang sedang ditala menurun secara automatik dan penalaan akan berhenti apabila frekuensi dengan keamatan tinggi (stesen radio) telah diterima.
	Mod USB MP3/WMA	Tekan butang	Kembali ke trek sebelumnya
	Mod Bluetooth Music	Tekan butang	Kembali ke trek sebelumnya
Butang menala naik (>) - ④	Mod FM/AM	Tekan butang	Praset siaran secara menaik
		Tekan butang selama beberapa saat	Menerima frekuensi yang sedang ditala menaik secara automatik dan penalaan akan berhenti apabila frekuensi dengan keamatan tinggi (stesen radio) telah diterima.
	Mod USB MP3/WMA	Tekan butang	Bertukar ke trek berikutnya
	Mod muzik Bluetooth	Tekan butang	Bertukar ke trek berikutnya
Butang Mod (MODE) - ⑤	Sistem dalam keadaan OFF	Tekan butang	System ON
	Sistem dalam keadaan ON	Tekan butang	Mod ditukar : <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; display: inline-block; margin: 5px 0;"> → FM1 → FM2 → FM3 → AM → USB → A2DP </div> (OPERASI BERULANG) ←
		Tekan butang selama beberapa saat	Sistem dimatikan/OFF
Butang Telefon - ⑥	Panggilan masuk	Tekan butang	Menerima panggilan
		Tekan butang selama beberapa saat	Menolak panggilan
	Perbualan	Tekan butang	Mengakhiri panggilan

Pemasangan


Pasangkan set radio ke papan pemuka dengan skru dan sesendal (4 unit).






Sambungan wayar radio

Jenis A



Jenis B






Spesifikasi

Sistem Audio	Jenis A	Jenis B
GENERAL Voltan bekalan kuasa : Kadar : Keluaran Audio : Berat : Bisu/Mute : Penggunaan Arus : Galangan pembesar suara : Sistem pembumian :	DC 12.0V 14.4V (20W x 4) Rms 1 Kg Susutan kepada -79 dB Kurang daripada 10A 4 ohms Jenis negatif	DC 12.0V 14.4V (20W x 4) Rms 1 Kg Susutan kepada -79 dB Kurang daripada 10 A 4 ohms Jenis negatif
PENALA FM Jarak frekuensi : Kepekaan boleh guna : Kepekaan menghadkan -3dB : Nisbah isyarat-Bunyi bising : Pemisah stereo :	87.5 hingga 108 MHz 10 dB 10 dB 50 dB 30 dB	87.5 sehingga 108 MHz 10 dB 10 dB 50 dB 30 dB
Penala AM Jarak frekuensi : Kepekaan boleh guna : Nisbah isyarat-Bunyi bising :	522-1620 kHz 28 dB 50 dB	522-1620 kHz 28 dB 50 dB
USB Tindak balas frekuensi : Nisbah isyarat-Bunyi bising : Julat Dinamik :	10 - 20,000 Hz (± 3 dB) 70 dB 80 dB	10 - 20,000 Hz (± 3 dB) 70 dB 80 dB
POWER AMPLIFIER Output kuasa maksimum : Kawalan nada (Bass) : Treble :	(20 W x 4) Rms ± 12 dB(@ 100 Hz) ± 12 dB(@ 10 kHz)	(20 W x 4) Rms ± 12 dB(@ 100 Hz) ± 12 dB(@ 10 kHz)
BLUETOOTH Standard : Band frekuensi : Frekuensi radiasi kuasa : Frekuensi lompat : Kepekaan : Audio S/N :	-	Menurut Bluetooth Ver 2.0 2.4 GHz - 2.4834 GHz -6 dBm ~ +4 dBm (kelas 2) 1600 hops/sec -70 dBm @ 0.1% BER Lebih daripada 90 dB

Antena



Sekiranya terdapat masalah pada antena anda, dapatkan Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

Seksyen 8



Cermin


Cermin sisi	8-1
Cermin dalam	8-3



Cermin sisi


⚠ AMARAN

- Jangan melaraskan cermin ketika memandu. Ini akan menyebabkan kesukaran mengawal kenderaan anda.
- Sebelum pemanduan, pastikan anda melaras semula cermin sisi kepada kedudukan asal. Jangan memandu kenderaan dalam keadaan cermin sisi terlipat.



Melaraskan cermin dengan tangan

Laraskan cermin sisi menggunakan tangan supaya anda boleh melihat sebahagian daripada kenderaan anda di dalam cermin yang paling dekat dengan kenderaan.



Untuk melaraskan cermin dengan suis cermin sisi automatik (sekiranya dilengkapi)

Suis cermin kawalan jauh beroperasi dengan penghidup di setkan ke "ACC" atau "ON".


1. Setkan suis utama ke kiri dan kanan seperti yang anda inginkan.
2. Tekan suis kawalan untuk melaraskan cermin dan anda akan dapat melihat bahagian pada kenderaan anda di dalam cermin
3. Set semula suis utama ke kedudukan asal (OFF) apabila anda tidak menggunakannya.

PERINGATAN

- Laraskan cermin sebelum anda mula memandu. Jangan melaraskan cermin jika tuil transmisi berada pada kedudukan R atau D_4 . Ini boleh menyebabkan kesukaran mengawal kenderaan dan kemalangan.

PERHATIAN

- Suis kiri dan kanan mestilah sentiasa berada pada kedudukan tengah kecuali jika anda melakukan pelarasan.
- Cermin tidak boleh dilaraskan ketika suis berada pada kedudukan tengah.



Untuk melipat cermin sisi


Untuk melipat cermin sisi, anda hanya perlu menolaknya ke belakang.

Untuk melipat cermin sisi dengan suis cermin sisi automatik (sekiranya dilengkapi)

Dengan suis penghidup berada pada kedudukan "ACC atau ON", tekan butang pada suis tingkap untuk melipat cermin sisi.



Cermin dalam




Untuk melaraskan cermin

Laraskan cermin dalam dengan menggunakan tangan supaya anda boleh melihat pandangan belakang dengan jelas.

⚠ AMARAN

Jangan melaraskan cermin ketika memandu. Ini boleh menyebabkan kesukaran mengawal kenderaan anda.



Untuk mengeset pada kedudukan malam (Jenis kalis silau)

Tarik tuil ke arah anda untuk mengurangkan silau lampu besar di belakang anda pada waktu malam.

⚠ AMARAN

Setkan cermin pada kedudukan siang apabila anda tidak perlu mengurangkan silau. Pandangan belakang kurang jelas jika cermin berada pada kedudukan malam.

Seksyen 9




Peralatan dalaman

Lampu dalaman	9-1
Stereng condong	9-2
Hon	9-2
Alat bantuan pegangan	9-2
Visor matahari	9-3
Peti peralatan	9-4
Peti utiliti	9-4
Pemegang botol	9-5
Dulang pakej belakang	9-6
Cangkuk barang	9-6
Cangkuk anti kecurian	9-6
Poket belakang tempat duduk	9-7
Poket tepi tempat duduk	9-7



Lampu dalaman

Lampu dalam (juga sebagai lampu amaran buka pintu)



Setkan suis lampu dalam kepada "ON" untuk menyalakan lampu dan ke "OFF" untuk memadamkannya.

Dengan suis dilaraskan pada kedudukan "DOOR", lampu akan menyala apabila pintu depan dan belakang dibuka atau tidak ditutup dengan rapat.


Jika lampu masih terus menyala sekalipun selepas ke semua pintu ditutup, mungkin pintu masih terbuka atau tidak ditutup sepenuhnya.

Pastikan ke semua pintu telah ditutup dengan rapat.

Fungsi menghalang-buangan bateri

Jika ada mana-mana pintu yang terbuka dalam masa sepuluh minit atau lebih dengan suis penghidup disetkan kepada kedudukan "OFF" atau "ACC", lampu dalam kenderaan (ketika suis disetkan pada kedudukan "DOOR") akan terpadam. Ini adalah untuk menghalang bateri daripada terbuang.

Lampu peribadi hadapan




Apabila lampu peribadi hadapan di tekan lampu akan menyala.

Apabila lampu peribadi hadapan di tekan lagi, lampu akan terpadam.



Stereng condong




Tarik ke atas tuil condong untuk membuka kunci tiang stereng. Gerakkan tiang stereng kepada kedudukan yang anda kehendaki. Kemudian dengan berhati-hati tolak tiang stereng ke atas. Tiang stereng akan dikunci pada kedudukan ini.

AMARAN


- Pastikan selepas pelarasan, tiang stereng dikunci dengan selamat dengan menggerakkan tiang stereng ke atas dan ke bawah.
- Jangan melaras kedudukan roda stereng ketika kenderaan sedang bergerak, ini boleh mengakibatkan kemalangan.

Hon



Tekan pad hon pada stereng untuk membunyikan hon.

Alat bantuan pegangan



Alat bantuan pegangan disediakan untuk kegunaan penumpang dan pemandu (sekiranya dilengkapi).


⚠ AMARAN

- Jangan menggantung apa-apa pun pada alat bantuan pegangan. Ia akan menghalang pandangan pemandu atau merosakkan alat bantuan pegangan.
- Pemandu tidak sepatutnya menggunakan alat bantuan pegangan ketika memandu.



Visor matahari

Cermin solek




Turunkan visor matahari untuk menggunakan cermin solek dan untuk melindungi mata anda daripada cahaya matahari yang terik. Visor matahari juga boleh dihalakan ke arah tingkap pintu.

⚠️ AMARAN

Kembalikan visor matahari pada kedudukan sebenar apabila anda tidak menggunakannya. Ia mungkin menghalang padangan anda ketika memandu.

Pemegang tiket




Gunakan pemegang tiket untuk menyimpan semua jenis tiket yang bersesuaian.

⚠️ AMARAN

Jangan letak objek lain di pemegang tiket. Ia mungkin akan jatuh dan boleh menyebabkan kemalangan.

Label amaran beg udara SRS




Patuhi semua amaran pada label. Rujuk "Beg udara SRS (Supplement Restraint System) untuk pemandu dan penumpang hadapan" dan "Beg udara SRS" di Seksyen 3 untuk arahan-arahan terperinci mengenai beg udara.

PERINGATAN

Jangan gunakan pelarut gasolin atau toksik pada bahagian label. Ia akan merosakkan label.



Peti peralatan




Tarik tuil untuk membuka penutup peti peralatan, dan tolak penutup untuk menguncinya dengan selamat.

⚠ AMARAN

Penutup peti peralatan hendaklah sentiasa ditutup semasa memandu. Ini dapat membantu mengurangkan risiko kecederaan diri yang serius jika berlaku kemalangan atau semasa membrek kecemasan.

Peti utiliti

Panel tengah




Gunakan peti utiliti untuk menyimpan barang-barang seperti tiket, kad nama dan sebagainya.

⚠ AMARAN

Jangan menyimpan barang yang boleh terbakar seperti pemetik api bagi mengelakkan kebakaran.

Objek atau barang yang mempunyai saiz atau bentuk yang kurang sesuai mungkin akan tercampak keluar dari peti utiliti dan boleh mengakibatkan kecederaan ketika brek mengejut atau kemalangan.

Bahagian pemandu




Terdapat dua buah peti utiliti disebelah pemandu.

Tarik tuil untuk membuka peti utiliti dan tolak semula untuk menguncinya dengan selamat.




Pemegang botol

Pintu hadapan



Pintu belakang



Belakang



⚠ AMARAN

Semasa menggunakan pemegang botol, minuman mungkin tertumpah disebabkan oleh getaran. Berhati-hati supaya tidak menumpahkan minuman semasa pintu dibuka/tutup atau semasa membrek dengan kuat.


⚠ AMARAN

Berhati-hati apabila menggunakan pemegang botol. Cecair panas yang tumpah boleh menyebabkan kecederaan dan hilang kawalan pada kenderaan.

Gunakan botol, cawan, tin atau bekas yang bertutup.



Dulang pakej belakang



Untuk menanggalkan dulang pakej

1. Tolak ke atas ke dua-dua bahagian hujung dulang itu daripada pengancingnya.


Untuk memasang dulang pakej

1. Tekan ke bawah ke dua-dua bahagian hujung dulang itu kepada pengancingnya semula.

⚠ AMARAN

Jangan meletak sebarang objek di atas dulang pakej yang boleh menghalang pandangan pemandu atau kemalangan yang tidak dijangka semasa brek kecemasan.

Cangkuk barang




Cangkuk barang disediakan untuk membolehkan beg membeli-belah disangkut secara tegak bagi mengelakkan barang daripada terjatuh atau tertumpah.

PERINGATAN

Jangan menggantung barang melebihi berat 3.0 kg. Ianya boleh merosakkan cangkuk barang. Tutup cangkuk barang sekiranya tidak digunakan.

Cangkuk anti kecurian




Cangkuk ini terletak di sebelah kanan tempat duduk penumpang hadapan bagi menyediakan tempat yang selamat untuk menggantung barang seperti beg tangan. Ianya boleh mengelakkan beg tangan daripada dicapai dan ditarik dengan daya tarikan sehingga 3.0 kg.

⚠ AMARAN

Jangan meninggalkan beg tangan atau barang berharga di dalam kenderaan anda. Ini dapat mengelakan kenderaan anda dari dipecah masuk.




Poket belakang tempat duduk



Gunakan poket ini untuk menyimpan barang seperti majalah dan peta.

Poket tepi tempat duduk



Gunakan poket ini untuk menyimpan barangan kecil.

Seksyen 10



Petua pemanduan


Sebelum menghidupkan enjin	10-1
Menghidupkan enjin	10-2
Arahan anjakan transmisi manual	10-3
Titik anjakan (transmisi manual)	10-4
Arahan anjakan transmisi automatik	10-5
Petua pemanduan biasa	10-10
Petua pemanduan jimat	10-10
Sistem brek	10-11
Penunjuk had haus pad brek	10-13
Petua meletakkan kenderaan	10-13
Buzer amaran brek meletak kenderaan	10-15
Stereng kuasa	10-15
Sistem Eco Idle	10-16
Kawalan keseimbangan kenderaan (VSC).....	10-22
Kawalan cengkaman (TRC).....	10-22
Hill-Start Assist.....	10-24
Isyarat Berhenti Kecemasan (ESS).....	10-26
Advanced Safety Assist (ASA) 2.0	10-26
Sistem kutipan tol elektronik	10-48



Sebelum menghidupkan enjin

1. Periksa prestasi pra-penghidup.
Rujuk Seksyen 13.
2. Periksa kawasan sekitar kenderaan sebelum memasukinya.
3. Pastikan brek meletak kenderaan digunakan.
4. Laraskan kedudukan tempat duduk, sudut penyandar tempat duduk dan ketinggian penahan kepala.
5. Laraskan cermin dalam dan cermin luar.
6. Pasangkan tali pinggang keledar.
7. Padamkan kesemua lampu yang tidak diperlukan dan alat-alat tambahan.
8. Periksa tolak bahan api mencukupi untuk pemanduan.

Pelapik kaki



Sebelum memandu, pastikan pelapik kaki dipasang pada kedudukan yang betul.

⚠️ AMARAN

Pastikan kedudukan pelapik kaki diletakkan dengan betul supaya ianya tidak mengganggu pergerakan bebas injak brek atau injak pemecut. Jangan menindan lebih dari satu pelapik kaki.

Pasangkan pelapik kaki di tempat yang betul menggunakan kancing khas. (Sekiranya dilengkapi)

Kegagalan mematuhi arahan ini boleh menyebabkan injak brek atau injak pemecut tersangkut pada pelapik kaki dan mengakibatkan kemalangan.



Menghidupkan enjin

PERINGATAN

- **Jangan mengengkol motor penghidup secara berterusan selama lebih daripada sepuluh saat.**
- **Jangan memecut enjin sejuk untuk mengelakkan kerosakan enjin.**
- **Jalan pada kelajuan sederhana sehingga enjin panas.**
- **Pastikan anda duduk di tempat duduk pemandu sebelum menghidupkan enjin. Jangan hidupkan enjin dari luar kenderaan. Kenderaan anda mungkin akan bergerak secara tidak sengaja semasa suis penghidup dihidupkan.**
- **Jangan menambahkan kelajuan kenderaan anda apabila suhu cecair pendingin enjin rendah.**

Prosedur menghidupkan enjin

Sistem suntikan bahan api elektronik secara automatik mengawal campuran udara-bahan api yang betul untuk menghidupkan enjin.

1. Tekan injak brek sepenuhnya.
2. Tekan injak cekam sepenuhnya dan tahan pada kedudukan itu sehingga enjin dihidupkan (transmisi manual).
3. Gerakkan tuil anjak kepada neutral (transmisi manual) atau ke julat **P** atau **N** (transmisi automatik).
4. Tekan suis penghidup kepada "ON". Pastikan lampu amaran menyala.
5. Tanpa meletakkan kaki di injak pemecut, tekan injak brek, tekan suis penghidup kepada "START" dan lepaskan suis penghidup.
6. Pastikan lampu amaran dipadamkan kecuali lampu amaran brek atau lampu amaran brek meletak kenderaan.
7. Jangan memecut ketika enjin sejuk. Panaskan enjin beberapa minit sebelum memulakan pemanduan.


Peringatan untuk kenderaan transmisi automatik

Bagi kenderaan transmisi automatik, patuhilah arahan yang telah diberikan.

- Gunakan brek meletak kenderaan dan tukar tuil anjak kepada julat **P** sebelum menghidupkan enjin.
- Enjin juga boleh dihidupkan pada julat **N**, tetapi adalah dinasihatkan supaya menghidupkan enjin pada julat **P**.
- Di atas sebab-sebab keselamatan, mekanisma penukaran gear direka bentuk supaya enjin tidak boleh dihidupkan jika tuil anjak diletakkan pada julat **R**, **D₄**, **3** atau **2**.
- Jika enjin mati ketika enjin sedang bergerak, hidupkan semula dengan transmisi pada julat **N**.
- Enjin tidak boleh dihidupkan dengan menolak atau menunda kenderaan.
- Tukar transmisi apabila enjin melahu. Kenderaan mungkin akan bergerak dengan mengejut sekiranya transmisi diletakkan pada julat **R**, **D₄**, **3** atau **2** semasa kelajuan enjin tinggi.
- Tukar transmisi dari julat **P** atau **N** kepada julat lain dengan menekan sedikit injak brek; jika tidak, kenderaan akan bergerak dengan mengejut.



Arahan anjakan transmisi manual



Corak anjakan ditunjukkan di atas.

Tekan injak cekam sepenuhnya apabila menganjak. Sekiranya gear tidak dapat dianjak dengan mudah, lepaskan dan tekan injak cekam dan cuba sekali lagi.

Reka bentuk transmisi adalah sedemikian rupa supaya tuil anjak tidak boleh dianjak daripada gear lima ke gear undur secara langsung. Untuk menganjak dari gear lima ke gear undur, mula-mula kembalikan tuil anjak ke neutral dan kemudian kepada gear undur selepas kenderaan berhenti sepenuhnya.

PERINGATAN

Anjak kepada gear undur selepas kenderaan berhenti sepenuhnya; jikalau tidak, transmisi akan rosak.

Apabila anda memandu di bukit yang curam, anjak turun bagi enjin membrek. Ini bergantung kepada keadaan jalan atau kelajuan kenderaan anda.

⚠ AMARAN

Berhati-hati apabila menganjak turun di jalan basah atau licin. Kegagalan melakukan sedemikian akan menyebabkan tayar terkunci atau tergelincir dan hilang kawalan atau kemalangan.



Titik anjakan (transmisi manual)

Kelajuan anjakan yang dicadangkan

Anjakkan naik ke gear tinggi atau turun ke gear rendah mengikut kelajuan berikut bagi menjimatkan penggunaan bahan api dan ketahanan enjin.

Adalah diingatkan bahawa perubahan kelajuan anjakan bergantung kepada cuaca, keadaan jalanraya dan sebagainya.

Gear	Kelajuan	
	1NR-VE	2NR-VE
1st-2nd 2nd-1st	20	20
2nd-3rd 3rd-2nd	40	40
3rd-4th 4th-3rd	55	55
4th-5th 5th-4th	80	80

Kelajuan maksimum yang dibenarkan


PERINGATAN

Jika kenderaan anda melebihi kelajuan maksimum yang dibenarkan seperti jadual di bawah, jangan anjakkan gear ke bawah. Jika amaran ini tidak diendahkan enjin mungkin mengalami kerosakan.

Gear	Kelajuan	
	1NR-VE	2NR-VE
1st	45	45
2nd	80	80
3rd	120	120
4th	170	170
5th	-	-



Arahan anjakan transmisi automatik



- ➔ : Gerakkan tuil anjak dengan menekan injak brek dan butang tuil anjak.
- ➡ : Gerakkan tuil anjak dengan menolak butang tuil anjak.
- ⇨ : Gerakkan tuil anjak tanpa menolak butang tuil anjak.

PERHATIAN

- **Anda tidak boleh menggerakkan tuil anjak dari julat P ke julat lain, melainkan anda menekan injak brek.**
- **Apabila suis penghidup diletakkan pada kedudukan "OFF"; anda tidak boleh menggerakkan tuil anjak dari julat P ke julat yang lain, walaupun anda menekan injak brek.**
- **Terdapat kes dimana tuil anjak tidak dapat digerakkan jika anda menekan injak brek dengan butang tuil anjakan di tolak dahulu. Dalam kes ini, kembalikan butang tuil anjak pada kedudukan asalnya. Kemudian tekan injak brek dan ulang semula operasi.**

Berikut adalah penerangan fungsi bagi setiap julat.

P	Bagi meletak kereta, menghidupkan enjin dan untuk mengeluarkan kunci penghidup
R	Bagi mengundurkan kenderaan
N	Neutral Enjin boleh dihidupkan dalam julat atau keadaan ini. Walau bagaimanapun, kami sarankan agar anda menghidupkan enjin di julat P untuk tujuan keselamatan
D ₄	Bagi pemanduan biasa Anjakan gear dilakukan secara automatik di antara gear pertama dan gear keempat mengikut kelajuan kenderaan
3	Untuk pembrekan enjin dan pecutan deras Anjakan gear dilakukan secara automatik di antara gear pertama dan gear ke tiga mengikut kelajuan kenderaan
2	Untuk pembrekan enjin berkesan Transmisi tidak akan menganjak naik daripada gear ke dua



PERHATIAN

- Enjin hanya boleh dihidupkan apabila tuil berada pada julat P atau N.
- Untuk operasi ➔, tuil anjak tidak boleh digerakkan tanpa menekan butang tuil anjak bagi mengelakkan kesilapan penggunaan.
Periksa penunjuk untuk melihat posisi semasa tuil anjak.
- Bagi kenderaan yang dilengkapi transmisi automatik kawalan elektronik, apabila suhu bendalir transmisi masih rendah sejourus selepas dihidupkan, anjakan ke atas gear ke 3 atau ke 4 tidak akan berlaku. Anjakan automatik hanya akan berlaku apabila suhu bendalir transmisi sudah meningkat.



Pengunci anjakan (transmisi automatik)

Kenderaan ini mempunyai sistem pengunci anjakan bagi mengelakkan kesilapan operasi pada tuil anjak.

Apabila tuil anjak berada pada julat P, tuil anjak tidak boleh bergerak melainkan suis penghidup berada pada kedudukan "ON" atau "ACC" dan injak brek ditekan.

Selain itu, apabila tuil anjak tidak berada pada julat P, suis penghidup tidak boleh disetkan daripada "ON" atau "ACC" kepada "OFF" serta ia juga tidak boleh ditanggalkan.

Butang pelepas anjakan

Sekiranya bateri dalam keadaan lemah, gunakan butang pelepas tuil anjak bagi mematikan mekanisma pengunci secara manual.

Membuka sistem pengunci anjakan

Tekan injak brek ketika menekan butang pelepas anjakan dan dalam masa yang sama gerakkan tuil anjak.

PERHATIAN

Pastikan anda menekan injak brek ketika menggerakkan tuil anjak.



Permulaan bergerak

Semasa permulaan bergerak, tekan injak brek sepenuhnya, masukkan tuil anjak ke kedudukan yang diinginkan, D_4 (atau 3 atau 2) untuk bergerak ke hadapan atau R untuk mengundur.

Selepas melepaskan brek meletak kenderaan sepenuhnya, gerakkan kenderaan dengan melepaskan injak brek perlahan-lahan.

⚠ AMARAN

- **Jangan menggunakan tuil anjak semasa menekan injak pemecut. Kenderaan mungkin akan bergerak secara tiba-tiba.**
- **Apabila kelajuan putaran enjin adalah tinggi (contohnya sebaik enjin kenderaan dihidupkan, semasa pemanasan atau semasa suis penyaman udara dihidupkan), tekan injak brek dengan kuat, jika tidak kenderaan mungkin bergerak.**

- **Semasa operasi \Leftrightarrow , gerakkan tuil anjak tanpa menekan butang tuil anjak untuk mengelakkan kesilapan operasi. Sekiranya butang tersebut sentiasa ditekan semasa operasi, tuil anjak mungkin akan tertolak ke P , R dan 2 secara tidak sengaja dan boleh mengakibatkan kemalangan.**
- **Jangan gerakkan tuil anjak ke julat P sebelum kenderaan berhenti sepenuhnya. Juga jangan gerakkan tuil anjak di julat N semasa memandu; di julat R semasa ke hadapan; atau julat $\text{D}_4, \text{3}, \text{2}$ semasa mengundur. Ini boleh menyebabkan kerosakan transmisi dan boleh mengakibatkan kemalangan.**

Memandu

- Gunakan D_4 bagi pemanduan biasa.
- Operasi secara manual dari 2 kepada 3 atau D_4 juga boleh dijalankan.
- Apabila pemecutan deras diperlukan, tekan injak pemecut sepenuhnya. Jika tuil anjak berada di D_4 , transmisi akan berpindah secara automatik kepada gear ketiga atau gear kedua, bergantung kepada kelajuan kenderaan.
- Jika enjin terhenti semasa memandu, hidupkan enjin sekali lagi dengan transmisi di dalam julat N . Namun begitu, adalah lebih wajar jika dihidupkan enjin di dalam julat P seperti biasa.
- Apabila memandu di bukit yang curam, anjak turun bagi enjin membrek, bergantung kepada keadaan jalan raya atau kelajuan kenderaan.



⚠️ AMARAN

- Semasa operasi ⇨, gerakkan tuil anjak tanpa menekan butang tuil anjak untuk mengelakkan kesilapan operasi. Sekiranya butang tersebut sentiasa ditekan semasa operasi, tuil anjak mungkin akan tertolak ke **P**, **R** dan **2** secara tidak sengaja dan boleh mengakibatkan kemalangan.
- Jangan gerakkan tuil anjak ke julat **P** sebelum kenderaan berhenti sepenuhnya. Juga jangan gerakkan tuil anjak di julat **N** semasa memandu: di julat **R** semasa kehadapan; atau julat **D4**, **3**, **2** semasa mengundur. Ini boleh menyebabkan kerosakan transmisi dan boleh mengakibatkan kemalangan.
- Berhati-hati apabila menganjak turun di jalan yang basah atau licin. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan roda terkunci atau tergelincir. Ia juga akan menyebabkan kesukaran mengawal kenderaan atau kemalangan.

PERINGATAN

- Apabila mendaki di kawasan curam, “kick down” akan berfungsi dan frekuensi enjin akan meningkat.
- Apabila mendaki di kawasan curam, tekan injak pemecut secara perlahan untuk mengekalkan kelajuan. Mod “kick down” boleh menyebabkan frekuensi enjin bertambah dengan tiba-tiba.
- Apabila memandu secara menurun di jalan yang licin atau selekoh, elakkan menekan injak pemecut secara mendadak. “Kick down” akan menyebabkan frekuensi enjin meningkat dan gagal melepasi selekoh dengan selamat.
- Ikuti panduan kelajuan maksimum untuk setiap penukaran gear.
- Jangan rehatkan kaki anda pada injak brek kerana ia akan menyebabkan sistem brek terlalu panas dan mengurangkan geseran pada sistem brek.

Kelajuan maksimum yang dibenarkan PERINGATAN

Jika kenderaan anda melebihi kelajuan maksimum yang dibenarkan seperti jadual di bawah, jangan anjakan gear ke bawah. Jika amaran ini tidak diendahkan, enjin boleh mengalami kerosakan.

Julat	Kelajuan km/h	
	1NR-VE	2NR-VE
2	89	89
3	147	147
D4	-	-



Berhenti seketika

Tekan injak brek sebaik mungkin dengan tuil anjak dalam julat yang sama atau di **N**. Jika anda berhenti untuk masa yang lama, gunakan brek meletak kenderaan dengan tuil anjak di **N**.

⚠ AMARAN

Jika injak brek tidak ditekan sebaik mungkin dan tuil anjak berada di , **2, **3**, **D₄** atau **R**, kenderaan akan bergerak.**

Untuk mengelakkan pergerakan kenderaan:

- **Gunakan brek meletak kenderaan pada tahap tinggi.**
- **Teruskan menekan injak brek apabila menganjak daripada **N** ke julat yang lain.**

Meletak kenderaan atau berhenti

Apabila kenderaan telah berhenti sepenuhnya, gunakan brek meletak kenderaan dan gerakkan tuil anjak ke **P** sambil injak brek ditekan.

⚠ AMARAN

- **Gerakkan tuil anjak sepenuhnya ke **P** untuk mengelakkan daripada kemalangan atau sebarang pergerakan kenderaan secara tidak sengaja.**
- **Jangan memecut kenderaan tanpa keperluan yang sewajarnya.**

Sila pastikan tuil anjak berada pada kedudukan **P** apabila enjin dimatikan, jika tidak suis penghidup tidak boleh di setkan ke "OFF".

Mengundur

Untuk mengundurkan kenderaan

Pastikan kenderaan anda berhenti sepenuhnya apabila menekan injak brek dan gerakkan tuil anjak kepada **R**.

PERINGATAN

- **Berhati-hati dengan kedudukan pemanduan anda semasa mengundur kenderaan. Pastikan kedudukan anda masih dapat mengawal brek.**
- **Selepas mengundur, pastikan anda menukar kembali tuil kepada **N** atau **P**.**
- **Pastikan kenderaan anda berhenti sepenuhnya sebelum menukar tuil dari **D₄** kepada **R** dan **R** kepada **D₄**. Tekan injak brek sepenuhnya. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kerosakan pada sistem transmisi.**



Petua pemanduan biasa

⚠ AMARAN

Pandulah perlahan-lahan apabila memandu di kawasan angin lintang atau di jalan yang tidak elok.

PERINGATAN

- Jangan merehatkan kaki anda di atas injak cekam apabila memandu atau jangan menahan kenderaan anda dengan menggunakan cekam apabila berhenti di cerun menaik. Ini boleh menyebabkan pemanasan lampau cekam.
 - Jangan memandu apabila tuil anjak dalam keadaan neutral. Ini boleh menyebabkan transmisi menjadi terlalu panas.
 - Jangan letakkan tangan anda di atas tombol tuil anjak semasa memandu. Transmisi mungkin teranjak secara tidak sengaja ke julat yang lain. Ini juga boleh merosakkan transmisi.
- **Jangan memecut enjin apabila menganjak. Ini boleh menyebabkan pemanasan lampau enjin.**
 - **Jangan memandu melalui air sekiranya kedalaman air adalah lebih tinggi dari bahagian bawah rim roda. Pandu perlahan-lahan apabila memandu melalui air.**

Petua pemanduan jimat

- Pecut kenderaan anda secara sederhana. Elakkan daripada memecut atau membrek secara tiba-tiba. Cuba pandu pada kelajuan yang sama sejauh yang boleh.
- Elakkan daripada memandu pada tahap kelajuan yang tinggi.
- Anda dinasihatkan memandu menggunakan gear yang paling tinggi apabila memandu laju. Ini boleh mengurangkan bunyi bising enjin dan penggunaan bahan api.
- Ambil masa secukupnya untuk membantu kenderaan bergerak dengan sempurna. Kenderaan memerlukan bahan api yang lebih untuk menggerakannya semula selepas berhenti.
- Pandu dengan berhati-hati dan selenggarakan kenderaan anda dengan baik (rujuk Seksyen 13). Ini akan mengekalkan prestasi asal kenderaan anda dan menjimatkan penggunaan bahan api.
- Jangan membawa muatan lebih.
- Jangan membiarkan enjin melahu sekiranya tidak perlu.
- Matikan penyaman udara sekiranya tidak diperlukan.



Sistem brek

Sistem brek silinder utama iring

Perodua anda dilengkapi dengan sistem brek silinder utama iring. Setiap sistem brek berfungsi dengan sendirinya.

Sekiranya kedua-dua sistem brek tidak dapat berfungsi, sistem brek yang satu lagi akan berfungsi. Walau bagaimanapun, sistem brek memerlukan tenaga yang lebih dan jarak berhenti akan meningkat. Lampu amaran brek akan menyala.

⚠ AMARAN

Jangan terus memandu dengan sistem brek yang tidak berfungsi.

Periksa sistem tersebut dengan segera.

Penggalak brek

Penggalak brek menggunakan vakum pancarongga enjin untuk membantu tenaga membrek.

⚠ AMARAN

Apabila enjin dihentikan ketika memandu, membrekakan memerlukan tenaga yang lebih daripada biasa dan jarak berhenti akan bertambah.

Dalam kes ini, anjakan gear ke neutral dan pandu kenderaan ke tepi jalan dengan selamat. Pasangkan lampu amaran bahaya setelah kenderaan berhenti dan dapatkan bantuan daripada Pusat Servis Perodua atau perkhidmatan trak tunda yang berdaftar.

Peringatan-peringatan am bila membrek

⚠ AMARAN

- **Jangan memijak injak brek dengan tiba-tiba apabila tayar pancit. Ini boleh menyebabkan kesukaran mengawal kenderaan.**
- **Pastikan pelapik kaki tidak mengganggu pergerakan bebas injak brek.**
- **Keberkesanan membrek akan berkurangan jika terdapat kelembapan. Perlahan-lahan tekan injak brek beberapa kali untuk menanggalkan kelembapan.**
- **Jangan merehatkan kaki anda di atas injak brek ketika memandu. Ini boleh menyebabkan pemanasan lebih brek.**
- **Jangan terus menekan injak brek apabila menuruni satu cerun curam. Anjak turun untuk membiarkan enjin membrek.**



ABS (Sistem Brek Anti-kekunci)

ABS (Sistem Brek Anti-kekunci) adalah satu sistem yang menghalang roda dari terus berhenti berputar atau terkunci semasa membrek kecemasan atau membrek di atas permukaan jalan raya licin. Oleh itu ia boleh meningkatkan kestabilan dan kawalan kenderaan.

Terdapat keadaan di mana injak brek bergegar atau mengeluarkan bunyi apabila injak brek ditekan. Ini adalah tanda bahawa ABS berfungsi dengan baik.

Seterusnya anda mungkin mendengar bunyi dari ruang enjin selama beberapa saat apabila kenderaan sampai ke sesuatu kelajuan semasa kenderaan bergerak.

Bunyi ini bukanlah tanda luarbiasa kerana ia adalah dari sistem ABS yang menjalani diagnosis sendiri permulaan.

EBD (Pengagih Daya Brek Elektronik)

EBD (Pengagih Daya Brek Elektronik) adalah satu fungsi di mana daya brek optimum diagihkan mengikut perjalanan dan beban kenderaan. Dengan ini keberkesanan membrek dalam keadaan berbeban terjamin setiap masa.

PERINGATAN

- Walaupun kenderaan anda dilengkapi dengan ABS, ia masih memerlukan jarak berhenti yang mencukupi. Sentiasa beri jarak yang selamat dari kenderaan di hadapan anda.
- Jangan memandu terlampau laju walaupun kenderaan anda dilengkapi dengan ABS Sentiasa memandu dengan cermat. Sentiasa berhati-hati dengan keadaan jalan raya semasa memandu.
- Berbanding dengan kenderaan tanpa ABS, jarak membrek kenderaan yang dilengkapi ABS mungkin lebih jauh di atas jalan raya kasar atau jalan berbatu. Kurangkan kelajuan apabila memandu di atas jalan raya sebegini.
- Jika ABS mengalami kepincangan, lampu amaran akan menyala. Dalam keadaan begini, sistem brek biasa masih berfungsi dengan baik walaupun ABS tidak berfungsi.
- Apabila lampu amaran menyala, hantarkan kenderaan dengan segera ke Pusat Servis Perodua yang berdaftar.


- Selepas enjin dihidupkan atau kenderaan sedang bergerak, jika lampu amaran sistem pembrekan anti penguncian dan lampu amaran brek terus menyala dan tidak padam, hanya tayar belakang yang akan terkunci semasa membrek kecemasan, menyebabkan kenderaan tidak stabil.
- Dalam keadaan begini, elakkan membrek secara mengejut dan hantar untuk pemeriksaan dengan segera ke Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

PERHATIAN

- Sistem ABS tidak beroperasi pada kelajuan yang lebih rendah dari 10 km/j (6 bsj). Sistem akan berfungsi seperti brek biasa.
- Tentukan anda terus menekan brek dengan kuat semasa membrek kecemasan. Jika injak brek dilepaskan, sistem ABS tidak akan memberikan sebarang kesan yang diharapkan.
- Jangan membrek secara mengepam. Jika anda melakukan membrek secara mengepam, jarak membrek akan menjadi lebih jauh.
- *"Membrek secara mengepam" adalah membrek dengan menekan dan melepaskan injak brek secara berulang-ulang.



Penunjuk had haus pad brek



Penunjuk had haus pad brek pada brek cakera depan memberikan bunyi amaran apabila pad brek sudah haus.

⚠ AMARAN

Jangan lagi menggunakan pad brek yang sudah haus. Ini mungkin mengurangkan keberkesanan membrem dan boleh menyebabkan kemalangan.

Periksa atau ganti pad brek dan ceper dengan segera.

Petua meletakkan kenderaan

1. Pastikan kenderaan anda betul-betul berhenti.
2. Tekan injak cekam dan tukar tuil anjak kepada neutral (transmisi manual).
3. Tekan injak brek dan tukar tuil kepada **P** (transmisi automatik).
4. Gunakan brek meletak kenderaan.
5. Tekan suis penghidup kepada "OFF" kemudian tarik keluar kunci.

PERINGATAN


- **Jangan lupa untuk menggunakan brek meletak kenderaan.**
- **Jangan tinggalkan kenderaan anda semasa enjin dihidupkan.**
- **Apabila meninggalkan kenderaan anda, pastikan suis penghidup disetkan kepada "OFF".**
- **Untuk transmisi automatik :**
 - **Semasa meletak kenderaan, pastikan tuil anjak berada di **P** kerana pada peringkat ini, semua tayar telah dikunci.**
 - **Jangan menukar tuil kepada **P** sehingga kenderaan anda berhenti sepenuhnya untuk menghalang sistem transmisi daripada rosak.**

⚠ AMARAN

- **Apabila meletak kenderaan atau menghentikan kenderaan anda, pastikan tiada objek-objek mudah bakar seperti rumput kering dan minyak di sekeliling atau di bawah kenderaan anda. Paip ekzos boleh mencapai ke tahap suhu yang sangat tinggi dan mungkin objek-objek mudah bakar akan terbakar.**
- **Apabila anda meletakkan kenderaan, kenakan dengan betul brek meletak kenderaan, kecuali mekanismenya tidak berfungsi. Gerakkan tuil anjak manual ke gear SATU apabila kenderaan mengarah ke atas curam, atau ke transmisi undur apabila kenderaan menurun curam, atau gerakan tuil transmisi automatik ke **P**.**



Brek meletak kenderaan



Tarik tuil ke atas untuk mengesetkan brek meletak kenderaan. Untuk melepaskan brek meletak kenderaan, naikkan tuil sedikit dan tolak butang dengan ibu jari anda. Kemudian, turunkan tuil sepenuhnya.


PERINGATAN

Apabila anda memandu kenderaan, pastikan bahawa brek meletak kenderaan dilepaskan sepenuhnya dan lampu amaran brek terpadam. Brek letak kenderaan yang masih dikenakan sebahagiannya boleh menyebabkan pemanasan lebih brek, yang mengakibatkan pad dan lapikan brek haus dengan cepat.


Meletakkan kenderaan di cerun

Pusingkan roda depan sebagaimana yang ditunjukkan apabila meletakkan kenderaan di atas cerun. Gunakan brek meletak kenderaan dan gerakkan tuil anjak ke P (transmisi automatik) atau gear 1 (transmisi manual). Sendal tayar sekiranya perlu.

Di cerun menaik dengan susur jalan




Di cerun menurun dengan susur jalan





Di kedua-dua cerun tanpa susur jalan



Buzer amaran brek meletak kenderaan

Buzer akan berbunyi apabila kelajuan kenderaan melebihi 5 km/j dalam keadaan brek meletak kenderaan digunakan.

Pastikan brek meletak kenderaan dilepaskan untuk mengelakkan sebarang kerosakan pada kenderaan anda.

Stereng kuasa

Kenderaan ini dilengkapi dengan stereng kuasa elektrik (EPS). Stereng kuasa ini tidak akan membantu pergerakan stereng kecuali enjin dihidupkan.

Oleh yang demikian, pengendalian stereng memerlukan daya tambahan ketika enjin dimatikan.

PERINGATAN


Jika anda menyedari sebarang kerosakan, dapatkan pemeriksaan di Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

Sistem *Eco Idle* (Sekiranya dilengkapi)


Eco Idle adalah satu sistem secara automatik menutup enjin apabila kenderaan tidak bergerak dan memulakan semula apabila kenderaan kembali bergerak.

Bagi tujuan mengurangkan penggunaan bahan api, pengurangan gas ekzos dan meminimumkan bunyi melahu, sistem secara automatik akan mematikan enjin (*Eco Idle*) dan enjin dihidupkan semula apabila kenderaan anda berada di lampu isyarat, di dalam kesesakan lalu lintas, dan lain-lain.


Langkah untuk *Eco Idle* dan menghidupkan enjin



1. Apabila syarat-syarat *Eco Idle* dipatuhi semasa memandu, penunjuk *Eco Idle* akan berwarna hijau. (Keadaan bersedia) (Lihat "Syarat-syarat untuk bersedia")



2. Apabila tuil anjak pada kedudukan D_4 , tekan pedal brek dan hentikan kenderaan untuk *Eco Idle*. Penunjuk *Eco Idle* akan kekal hijau ketika *Eco Idle*. (Lihat "Syarat-syarat untuk bersedia")



3. Enjin akan hidup semula apabila kaki dilepaskan daripada brek. Penunjuk *Eco Idle* akan terpadam. (Lihat “Syarat-syarat untuk enjin hidup semula”)
4. Selepas memandu untuk seketika, penunjuk *Eco Idle* akan kembali berwarna hijau apabila syarat-syarat *Eco Idle* dipatuhi.

Peringatan untuk *Eco Idle*

⚠ AMARAN

- Jangan keluar dari kenderaan semasa enjin *Eco Idle*. Ini boleh menyebabkan kemalangan yang tidak dijangka.
- Jika anda menanggalkan tali pinggang keledar pemandu atau membuka pintu pemandu, enjin akan hidup semula walaupun pedal brek ditekan. Jangan panik tetapi terus menekan pedal brek.
- Buzzer amaran terus berbunyi selama 5 saat, atau sehingga tali pinggang dipasang dan pintu ditutup kepada keadaan asal.

PERINGATAN

- Ketika *Eco Idle*, enjin akan hidup semula sekiranya injak pemecut ditekan sambil menekan injak brek. Berhati-hati apabila menghidupkan enjin kenderaan.
- Sebelum meninggalkan kenderaan anda atau sebelum meletakkan kenderaan anda untuk jangka masa yang panjang, pastikan untuk menggunakan brek meletak kenderaan dan mengendalikan suis enjin untuk menghentikan enjin.

Untuk operasi biasa *Eco Idle*

- *Eco Idle* mungkin tidak beroperasi seperti biasa di dalam keadaan berikut. Sila hantar kenderaan ke Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk diperiksa.
 - Lampu amaran tali pinggang keledar berkelip, walaupun tali pinggang pemandu telah dipasang.
 - Lampu amaran tali pinggang keledar amaran tidak berkelip, walaupun tali pinggang pemandu tidak dipasang.
 - Lampu amaran pintu renggang menyala atau lampu dalaman menyala walaupun pintu pemandu ditutup atau suis lampu dalaman pada kedudukan “DOOR”.
 - Lampu amaran pintu renggang tidak menyala walaupun pintu pemandu dibuka atau lampu dalaman tidak menyala apabila suis lampu dalaman pada kedudukan “DOOR”.



PERHATIAN

Operasi ketika *Eco Idle*

- Walaupun tuil anjak dipindahkan dari julat D_4 kepada julat N semasa enjin *Eco Idle*, *Eco Idle* akan berterusan.

Perhatikan bahawa jika tuil anjak dipindahkan ke julat N sebelum dipindahkan kepada julat yang lain, enjin akan hidup semula.

- Apabila anda mahu menghidupkan kenderaan semasa *Eco Idle* (untuk membelok kanan atau kiri), anda boleh menghidupkan semula enjin terlebih dahulu dengan operasi berikut:
 - Segera gunakan daya tambahan pada injak brek.
 - Operasikan stereng.
 - Tekan suis *Eco Idle OFF*.

Operasi pendingin udara semasa *Eco Idle*

- Semasa *Eco Idle*, fungsi penyejukan pengeringan penghawa dingin dihentikan. Hanya fungsi pengalih-udaraan beroperasi.

Untuk kembali kepada operasi normal, hidupkan semula enjin dengan langkah-langkah berikut :

- Segera gunakan daya tambahan pada injak brek.
- Tekan suis *Eco Idle OFF*.

Keadaan operasi untuk sistem *Eco Idle*

Keadaan untuk bersedia

Apabila semua keadaan berikut dipenuhi, lampu penunjuk *Eco Idle* bewarna hijau dan *Eco Idle* akan beroperasi.

- Suis *Eco Idle OFF* tidak ditekan.
(Apabila operasi *Eco Idle* berhenti, lampu penunjuk *Eco Idle* akan bertukar kepada oren)
- Enjin telah dipanaskan secukupnya.
- Cecair transmisi telah dipanaskan secukupnya.
- Suhu penyejukan enjin tidak terlalu tinggi.
- Bateri telah di cas sepenuhnya.
- Enjin telah dihidupkan melebihi 5 saat dan kenderaan telah dipandu kira-kira 10 km/j atau lebih.
- Tuil anjak berada pada julat D_4 .
- Hud ditutup.
- Pintu pemandu ditutup.
- Tali pinggang pemandu dipasang.
- Sistem beroperasi secara normal (*Eco Idle*, ABS, VSC, EPS, air conditioner, EFI, EAT).
- Suhu di dalam kenderaan selesai.



PERHATIAN

Dalam hal yang berikut, ia mungkin mengambil masa sebelum kenderaan mencapai keadaan siap sedia:

- **Bateri telah dicabut disebabkan kenderaan tidak digunakan dalam jangkamasa panjang.**
- **Terminal negatif bateri telah dicabut untuk penggantian bateri.**
- **Pada peringkat awal penyejukan.**

Syarat-syarat untuk *Eco Idle*

Apabila keadaan siap sedia dan syarat-syarat yang berikut dipenuhi, *Eco Idle* diaktifkan dengan penunjuk *Eco Idle* bewarna hijau.

- Kenderaan dihentikan.
- Injak brek ditekan.
- Injak pemecut dilepaskan.
- Stereng tidak beroperasi.
- ABS dan VSC tidak diaktifkan.

PERHATIAN

Dalam hal yang berikut, *Eco Idle* tidak boleh diaktifkan:

- **Tekanan negatif penggalak brek telah menurun.**
- **Daya digunakan pada injak brek terlalu lemah.**
- **Kenderaan berhenti di lereng yang curam.**

Syarat-syarat untuk enjin hidup semula

Enjin akan hidup semula apabila diantara operasi yang berikut dilakukan semasa *Eco Idle*.

- Lepaskan kaki dari injak brek.
- Segera gunakan daya tambahan pada injak brek.
- Tekan injak pemecut.
- Operasikan stereng.
- Gerakkan tuil anjak ke julat Ⓟ atau Ⓠ.
- Gerakkan tuil anjak ke julat Ⓡ, kemudian gerakkan ke julat lain.
- Tekan suis *Eco Idle* OFF dan berhentikan operasi sistem.
- Buka pintu bahagian pemandu.
- Buka tali pinggang keledar.

Hidup semula secara automatik

Untuk tujuan keselamatan, ECU *Eco Idle* kadang-kadang akan menghidupkan enjin secara automatik.



PERHATIAN

Menghidupkan enjin

Di bawah syarat-syarat berikut, enjin dihidupkan semula semasa *Eco Idle* dan fenomena rayapan* berlaku. Teruskan menekan pedal brek sepenuhnya.

- Diantara keadaan yang menyebabkan *Eco Idle* tidak beroperasi (lampu penunjuk *Eco Idle* berkelip warna hijau kemudian terpadam) :
 - i. Tekanan negatif penggalak brek menurun.
 - ii. Kenderaan yang berhenti mula bergerak pada cerun.
 - iii. Kapasiti pelepasan bateri adalah terlalu besar.
 - iv. Kelainan berlaku pada sistem, beserta kelipan lampu amaran (ABS, VSC, EPS, EFI, EAT, dan lain-lain).
 - v. Semasa penyejukan, suhu aliran udara di saluran udara penghawa dingin telah meningkat.
 - vi. Kira-kira 3 minit berlalu sejak *Eco Idle*.

vii. Kelainan berlaku dalam sistem *Eco Idle* atau bahagian enjin(penghidup) atau bateri perluditukar. (lampu penunjuk *Eco Idle* OFF akan berkelip warna oren)

*Fenomena di mana kenderaan itu mula bergerak perlahan-lahan tanpa menekan injak pemecut, apabila kuasa disampaikan kerana tuil anjakan tidak dalam julat P atau N semasa enjin sedang beroperasi.

Kes dimana tempoh *Eco Idle* menjadi pendek

- Suhu di luar adalah tinggi dan *Eco Idle* telah kerap diaktifkan manakala penghawa dingin digunakan.
- Penggunaan kuasa pemasangan komponen elektrik, dan lain-lain adalah terlalu besar.

Kes dimana enjin tidak boleh hidup

- Hud telah dibuka semasa *Eco Idle*.
Untuk memastikan keselamatan, enjin tidak dapat dimulakan semula walaupun anda telah melepaskan kaki anda daripada injak brek.
Buzer amaran akan berbunyi dan penunjuk *Eco Idle* akan berkelip.



Operasi bahagian enjin ketika enjin hidup semula

- Apabila bunyi audiokuat atau penggunaan kuasa semasa *Eco Idle* terlalu besar, bekalan kuasa kepada sistem berikut mungkin dimatikan sementara semasa enjin hidup semula.
 - i. Sistem audio
 - ii. GPS atau sistem navigasi
- Apabila enjin hidup semula selepas *Eco Idle*, voltan bekalan kuasa pada soket aksesori dimatikan, menyebabkan perkakas elektrik yang disambungkan dimatikan untuk sementara waktu, bergantung kepada jenisnya.

Bateri untuk sistem *Eco Idle*

Bagi kenderaan yang dilengkapi sistem *Eco Idle*, perlu menggunakan bateri berprestasi tinggi. Untuk penggantian bateri, sila gantikan dengan bateri Perodua tulen khusus untuk model ini.

PERINGATAN

- **Sekiranya bateri selain dari bateri yang ditetapkan, bateri akan cepat lemah dan sistem *Eco Idle* tidak boleh beroperasi secara normal.**
- **Jangan mengambil bekalan kuasa untuk pemasangan komponen elektrik terus dari terminal bateri. Sistem *Eco Idle* akan berhenti beroperasi secara normal.**

PERHATIAN

- **Pengecasan berkala bateri membolehkan jangka hayat yang lebih lama. Untuk penerangan lebih terperinci, dapatkan nasihat dari Pusat Servis Perodua yang berdaftar.**



Kawalan keseimbangan kenderaan (VSC) • Kawalan cengkaman (TRC)

VSC

VSC adalah satu sistem yang secara automatik mengekalkan kestabilan kenderaan dengan mengawal brek untuk menyekat kenderaan dari tersasar atau tergelincir semasa pergerakan stereng secara tiba-tiba atau di jalan yang licin.

- Jika anda tekan "VSC OFF" melebihi 3 saat, VSC (termasuk TRC) tidak akan beroperasi dan lampu penunjuk VSC OFF dan TRC OFF akan menyala.
- Keadaan tayar mempunyai pengaruh yang besar pada sistem. Pastikan semua tayar berada dalam keadaan baik.

⚠ AMARAN

- **Jangan berharap sepenuhnya pada VSC.** Walaupun apabila VSC sedang beroperasi, terdapat had kepada jumlah daya cengkaman dan kawalan kestabilan kenderaan. **Memandu secara berbahaya boleh menyebabkan kemalangan yang tidak dijangka.**
- **Sentiasa berhati-hati ketika memandu dan jika lampu penunjuk gelincir berkelip, pandu kenderaan dengan lebih teliti.**

PERINGATAN

Kesemua empat tayar perlu mempunyai saiz yang sama, pengeluaran, jenama, dan corak bunga, serta bebas daripada haus. Memasang tayar yang tidak mengikut ketetapan untuk kenderaan anda boleh menyebabkan VSC tidak berfungsi dengan betul.

PERHATIAN

- **VSC boleh beroperasi apabila kelajuan kenderaan melebihi kira-kira 15 km/h.**
- **Walaupun anda tidak mengaktifkan sistem, VSC (termasuk TRC), akan kembali ke keadaan asal setiap kali anda menghidupkan enjin.**
- **Apabila menghidupkan enjin, anda akan mendengar bunyi klik. Bunyi ini menunjukkan pengawasan operasi sistem dan bukan pincang tugas.**

(Lihat "Suis VSC OFF" di Seksyen 4)

(Lihat "Lampu penunjuk gelincir, penunjuk VSC OFF dan penunjuk TRC OFF" di Seksyen 5)

TRC

Fungsi TRC

TRC adalah sistem yang memastikan kestabilan dan daya pemanduan kenderaan dengan mengawal putaran roda ketika memandu apabila berlebihan pendikit digunakan semasa melalui atau memandu laju di jalan yang licin.

Jika roda mula tergelincir, komputer akan mengesannya berdasarkan maklumat daripada sensor kelajuan roda, dan brek akan berfungsi sekiranya perlu. Dengan ini, ia mengawal daya penggerak yang berlebihan dan mencegah tergelincir.

- Jika anda tekan suis "VSC OFF", TRC tidak akan beroperasi dan lampu penunjuk TRC OFF akan menyala.
- TRC tidak akan beroperasi apabila lampu penunjuk TRC OFF menyala.
- Jika TRC diaktifkan, anda mungkin perasan kenderaan bergetar yang disebabkan oleh kawalan brek dan bukan pincang tugas.
- Apabila terperangkap dalam lumpur, anda mungkin tidak dapat mengeluarkan kenderaan anda jika TRC sedang beroperasi. Dalam kes ini, suis "VSC OFF" boleh digunakan untuk menghentikan operasi TRC.



Mekanisma TRC

Komputer membandingkan isyarat tayar gelincir dari sensor disambungkan ke semua empat roda. Jika isyarat dari salah satu roda adalah lebih daripada roda lain, komputer akan mentafsir bahawa kereta itu tergelincir. Brek akan berfungsi untuk mengurangkan daya penggerak untuk tayar tergelincir dan seterusnya mengawal kenderaan dari tergelincir.

Hubungan antara TRC dan tayar

- TRC bergantung kepada isyarat daripada sensor disambungkan ke semua roda sebagai rujukan untuk operasi. Jika pelbagai jenis tayar digunakan daripada empat roda, isyarat keluaran mungkin berubah menyebabkan komputer mengesan gelinciran.
- Keadaan tayar mempunyai pengaruh yang besar pada sistem. Pastikan semua tayar berada dalam keadaan baik.

⚠ AMARAN

- **Jangan berharap sepenuhnya pada TRC. Walaupun apabila TRC sedang beroperasi, terdapat had kepada jumlah daya cengkaman dan kawalan kestabilan kenderaan. Memandu secara berbahaya boleh menyebabkan kemalangan yang tidak dijangka.**
- **Sentiasa berhati-hati ketika memandu dan jika lampu penunjuk gelincir berkelip, pandu kenderaan dengan lebih teliti.**

PERINGATAN

Kesemua empat tayar perlu mempunyai saiz yang sama, pengeluaran, jenama, dan corak bunga, serta bebas daripada haus. Memasang tayar yang tidak mengikut ketetapan untuk kenderaan anda boleh menyebabkan TRC tidak berfungsi dengan betul.

PERHATIAN

- **Biasanya, apabila anda menghidupkan suis penghidup kepada “ON”, TRC akan berada dalam keadaan bersedia.**
- **Apabila menghidupkan enjin, anda akan mendengar bunyi klik. Bunyi ini menunjukkan pengawasan operasi sistem dan bukan pincang tugas.**

(Lihat “Suis VSC OFF” di Seksyen 4)

(Lihat “Lampu penunjuk gelincir, penunjuk VSC OFF dan penunjuk TRC OFF” di Seksyen 5)




Hill-Start Assist


(Sekiranya dilengkapi)

Hill-Start Assist membantu untuk mengelak kenderaan dari berundur ke belakang ketika bermula selepas berhenti pada cerun. Apabila pemandu melepaskan pedal brek perlahan-lahan, kenderaan mengekalkan daya brek sekitar 2 saat sebelum memecut untuk meneruskan pemanduan.


Langkah untuk *Hill-Start Assist*



1. Lepaskan pedal brek perlahan-lahan.



2. Kenderaan mengekalkan daya brek selama 2 saat.



3. Memecut untuk meneruskan pemanduan.

⚠ AMARAN

- *Hill-Start Assist* bukan bertujuan untuk menghentikan kenderaan anda di cerun. Walaupun sistem beroperasi secara normal, kenderaan mungkin mula bergerak jika anda melepaskan pedal brek sambil berhenti di cerun. Pastikan pedal brek di tekan sepenuhnya ketika kenderaan anda dihentikan di cerun.
- Jangan terlalu yakin dengan sistem *Hill-Start Assist*. Kenderaan mungkin boleh bergerak dengan tiba-tiba dan kemalangan yang tidak dijangka mungkin boleh berlaku. Sentiasa perhatikan keadaan sekitar dan sentiasa kendalikan tuil anjakan, pedal pemecut, pedal brek dan brek meletak kenderaan dengan betul.
- Sebaik sahaja pedal brek dilepaskan, segera pecut kenderaan anda. Adalah berbahaya jika kenderaan bergerak ke belakang oleh daya inersia di cerun atau sebagainya.

- Apabila kenderaan dimuatkan dengan beban berat atau di atas bukit yang cerun, kenderaan mungkin bergerak ke belakang walaupun system *Hill-Start Assist* beroperasi. (Hidupkan kenderaan anda semasa menggunakan brek meletak kenderaan.)

PERHATIAN

Keadaan berikut mungkin disebabkan oleh sistem *Hill-Start Assist* dan ia adalah keadaan normal.

- Kadar penekanan pedal brek berubah.
- Pedal brek bergetar.
- Bunyi dihasilkan daripada brek.



Isyarat Berhenti Kecemasan (ESS)

Isyarat Berhenti Kecemasan (ESS) adalah sistem untuk mengurangkan kemungkinan berlaku pelanggaran di bahagian belakang kenderaan dengan mengeluarkan lampu isyarat amaran bahaya apabila brek mengejut dikenakan untuk memberi amaran kepada kenderaan di belakang.

ESS berfungsi pada keadaan berikut:

- Lampu isyarat amaran bahaya berada pada kedudukan OFF.
- Kelajuan kenderaan adalah lebih dari 60 km/j.
- Sistem mengesan brek mengejut atau ABS diaktifkan.

ESS akan di nyahaktif apabila:

- Lampu isyarat amaran bahaya dihidupkan secara manual.
- Pedal brek dilepaskan.
- Nyahpecutan mendadak telah berhenti.
- ABS telah di nyahaktif.

⚠ AMARAN

- **Sistem ESS hanya untuk mengurangkan kemungkinan berlaku pelanggaran di bahagian belakang kenderaan, dan bukannya sistem pencegahan kemalangan yang lengkap.**
- **Pemandu hendaklah mematuhi pemanduan selamat dan sentiasa mengawasi keadaan persekitaran untuk mengelak dari brek mengejut.**
- **ESS mungkin tidak akan berfungsi apabila lampu amaran ABS atau Lampu amaran VSC & TRC menyala.**

Advanced Safety Assist (ASA) 2.0 (Sekiranya dilengkapi)

ASA membantu pemandu dengan fungsi berikut, dan menyokong pemanduan yang selamat dan selesa.

Amaran Pra-Perlanggaran

Memberi isyarat kepada pemandu apabila terdapat risiko untuk melanggar dengan halangan (kenderaan/pejalan kaki) di hadapan melalui pengecaman dari kamera stereo.

Brek Pra-Perlanggaran

Fungsi ini membantu untuk mengelak dari melanggar halangan (kenderaan/pejalan kaki) di hadapan dengan bantuan brek kecemasan selepas Amaran Pra-Perlanggaran berfungsi.

Bantuan Brek Pengurangan Kerosakan

Fungsi ini membantu untuk nyahpecut dengan memberi lebih kuasa brek apabila pemandu memijak injak brek semasa fungsi brek kecemasan sedang beroperasi.

Kawalan Injak Pincang Tugas

Pecutan secara drastik dikawal apabila pemandu menekan injak pemecut lebih cepat dan lebih kuat daripada yang diperlukan dan kenderaan mengesan halangan di hadapan.



Peringatan Berlepas Hadapan

Buzer amaran akan berbunyi apabila kenderaan tetap berhenti walaupun kenderaan hadapan telah berlepas.

⚠️ AMARAN

Kewajipan pemanduan yang selamat

- Pemandu adalah bertanggungjawab untuk menjalankan operasi keselamatan normal. Pemandu hendaklah sentiasa berusaha untuk memastikan keselamatan sebagai contoh, memberi perhatian kepada jarak kenderaan hadapan, memastikan persekitaran pemanduan dan memijak injak brek apabila diperlukan.
- Jangan sekali-kali bergantung kepada ASA untuk kawalan keselamatan semasa memandu. Kebergantungan yang berlebihan boleh membawa kepada kemalangan yang tidak dijangka, yang boleh membawa kepada kecederaan serius atau dalam kes paling teruk, kematian.

- ASA direka untuk mengurangkan impak kemalangan apabila pemandu tidak dapat membuat jangkaan pemanduan yang betul. Walaupun Amaran Pra-Perlanggaran telah diaktifkan, pemandu tetap perlu mengesahkan keadaan persekitaran di hadapan dan sekelilingnya. Atas perhatian pemandu, tindakan yang sesuai perlu diambil jika perlu seperti memijak injak brek.
- ASA bukanlah sistem untuk menyokong pemanduan lalai seperti tidak memberi perhatian kepada jalan raya ketika memandu, atau menyediakan sistem sokongan ketika memandu di dalam keadaan lemah penglihatan disebabkan cuaca buruk.
- Jangan menganggap ASA sebagai satu sistem yang mampu mengelak pelanggaran di dalam mana-mana keadaan.

- Terdapat had kepada prestasi pengesanan dan kawalan ASA. Rujuk kepada amaran-amaran setiap fungsi dan gunakannya dengan betul. Jika digunakan dengan salah, kawalan mungkin tidak beroperasi dan kemalangan mungkin berlaku.



Had prestasi

Sistem ASA tidak akan beroperasi dengan baik dalam keadaan berikut. Oleh itu, pastikan fungsi ASA telah ditutup. (Lihat "suis ASA OFF" di seksyen 4)

1. Apabila tekanan udara tayar tidak sesuai.
2. Apabila memakai tayar ganti atau rantai tayar.
3. Apabila tayar telah haus dan perbezaan dalam jumlah haus tayar adalah besar.
4. Apabila memakai saiz tayar selain daripada yang telah ditetapkan.
5. Apabila menggunakan set kecemasan pembaikan tayar.
6. Apabila membentuk semula penggantungan (termasuk produk tulen Perodua).
7. Apabila memasang apa-apa bahan kepada kenderaan yang menghalang pandangan kamera stereo.
8. Apabila objek tidak boleh diradiasi dengan betul disebabkan oleh pencemaran lampu yang menyukarkan pengenalan.
9. Apabila paksi optik lampu adalah menyimpang.
10. Apabila membentuk semula lampu seperti lampu besar dan lampu kabus.

11. Apabila kenderaan adalah amat cenderung disebabkan oleh beban bagasi atau sebagainya.
12. Apabila kenderaan sedang ditunda.
13. Apabila kenderaan dimasukkan pada kenderaan pembawa.
14. Apabila menggunakan dinamometer casis, penggelek bebas dan sebagainya.
15. Apabila kenderaan diangkat, enjin dihidupkan dan tayar diputar.
16. Apabila kenderaan melalui dan menyentuh panji-panji, bendera, dahan tergantung, kain langsir, rumput, semak dan sebagainya.
17. Apabila sukan berlangsung pada litar atau sebagainya.
18. Apabila keluar dari jalan raya atau jalan yang berlumpur.
19. Apabila melalui jalan raya yang ditenggelami air.
20. Apabila kenderaan yang dipandu adalah tidak stabil disebabkan oleh kemalangan.
21. Apabila lampu amaran brek di meter hidup.

PERHATIAN

- **Apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON", ASA akan berada dalam keadaan bersedia.**
- **Walaupun anda telah menyahaktif (sistem OFF), ASA akan kembali beroperasi setiap kali anda menghidupkan enjin.**




Keadaan fungsi OFF

Dalam keadaan berikut prestasi pengecaman ASA boleh merosot bergantung kepada keadaan, atau fungsi OFF mungkin berlaku. Apabila keadaan bertambah baik, fungsi ASA akan diaktifkan semula.

1. Semasa cuaca buruk (hujan lebat, kabus tebal dan sebagainya.).
2. Apabila suhu stereo kamera menjadi amat tinggi.
3. Sejurus selepas menghidupkan enjin.
4. Apabila menerima cahaya yang terang dari hadapan (seperti cahaya matahari atau lampu kereta dari arah hadapan dan sebagainya).
5. Apabila berada dalam gelap seperti tiada lampu jalan, tiada bangunan atau kenderaan disekitarnya.
6. Apabila kamera stereo itu tertutup dengan kekotoran, fros dan sebagainya.
7. Apabila kenderaan adalah amat cenderung kerana beban bagasi dan sebagainya.
8. Apabila percikan berlaku disebabkan oleh kenderaan dihadapan dan sebagainya.
9. Apabila penglihatan kabur atau tidak mencukupi disebabkan oleh gas ekzos, wap air, pasir, asap, habuk dan sebagainya.

Keadaan yang merendahkan pengecaman prestasi adalah berbeza bergantung kepada fungsi. Untuk butiran, lihat huraian setiap fungsi.

Kamera stereo



Sistem konfigurasi ASA berfungsi dengan memantau kawasan di hadapan kenderaan dengan menggunakan kamera stereo.



⚠ AMARAN

- Kamera ini mempunyai ciri yang sama seperti mata manusia. Di dalam keadaan di mana pemandu sukar untuk melihat kawasan hadapan, kamera juga adalah sukar untuk mengenali kenderaan hadapan, halangan dan sebagainya.
- Pengecaman kenderaan hadapan dan halangan dengan menggunakan kamera stereo adalah terhadap. Ia juga mengambil masa beberapa saat dari kemasukan objek ke dalam pandangan sebelum menentukan amaran atau kawalan.
- Kamera stereo mempunyai fungsi pengesanan kotoran tetapi ia tidak sempurna. Jika kotoran dikesan, semua fungsi akan terhenti secara automatik.
- Sila perhatikan panduan berikut. Kegagalan untuk mematuhi garis panduan ini boleh menyebabkan kamera stereo tidak beroperasi dengan betul dan boleh membawa kepada kemalangan yang tidak dijangka, kecederaan serius atau kes paling teruk, kematian.


- Sentiasa pastikan cermin hadapan adalah bersih.
- Jika kotoran, minyak, titisan air dan sebagainya berada di luar cermin hadapan, sila bersihkannya.
- Bersihkan kabus jika terdapat pada cermin hadapan.
- Jangan gunakan ejen lapisan kaca pada cermin hadapan selain daripada yang ditentukan oleh Perodua. Walaupun anda menggunakan ejen lapisan kaca, lap titisan air dengan bilah pengelap.
- Jangan lekatkan sebarang pelekat (termasuk yang telus) di cermin hadapan. Jika ia mesti dipasang, pastikan ia tidak menindih bahagian depan kamera stereo.
- Gantikan bilah pengelap atau getah apabila sudah haus dan tidak boleh mengelap titisan air di hadapan kamera stereo dengan betul.
- Jangan lekatkan filem gelap pada cermin hadapan.

- Jika berlaku kerosakan pada cermin hadapan seperti calar atau retak atau berlaku pengubahsuaian, sila gantikannya terutama apabila kerosakan itu berada pada bahagian hadapan kamera stereo kerana sistem mungkin tidak dapat berfungsi dengan betul.
- Jangan menukar cermin hadapan selain daripada produk tulen Perodua.
- Jangan letakkan sebarang cecair pada kamera stereo.
- Jangan cemarkan atau mencalarkan kanta kamera stereo.
- Jangan kenakan kejutan kuat kepada kamera stereo.
- Jangan ubah kedudukan pemasangan atau orientasi kamera stereo atau keluarkannya.
- Jangan membongkar kamera stereo.
- Jangan memasang peralatan elektronik atau peralatan yang menghantar gelombang radio dengan kuat di dalam persekitaran kamera stereo.



- **Jangan ubah suai bahagian persisian seperti cermin dalam atau siling.**
- **Jangan letakkan objek di atas panel peralatan. Sistem mungkin tidak beroperasi dengan betul kerana ia akan dibiaskan pada cermin hadapan.**
- **Apabila terdapat bahan kimia teralir pada bahagian atas panel peralatan. Ia akan dibiaskan pada cermin hadapan, dan pengecaman stereo kamera mungkin tidak stabil dan sistem mungkin tidak dapat beroperasi dengan baik.**
- **Jangan memasang aksesori pada hud depan yang boleh menyekat pandangan kamera stereo.**
- **Jangan menghalang pemandangan stereo kamera apabila memuatkan bagasi panjang (seperti papan selancar, kanu dan sebagainya) di atas atap.**
- **Jangan menggunakan cermin dalam (seperti cermin jenis lebar atau visor matahari) selain daripada produk tulen Perodua.**

Amaran Pra-Perlanggaran



Fungsi ini memberi isyarat kepada pemandu apabila terdapat risiko perlanggaran dengan halangan (kenderaan/pejalan kaki) di hadapan melalui pengecaman dari kamera stereo. Jika sistem menilai bahawa kemungkinan perlanggaran dengan halangan di hadapan adalah tinggi, sistem akan mengaktifkan buzer dan lampu penunjuk operasi ASA akan berkelip untuk memberi amaran kepada pemandu supaya menggesa operasi elak perlanggaran.


Fungsi ini beroperasi apabila kelajuan dan beza kelajuan di antara kenderaan sendiri dengan halangan di hadapan adalah:

- Kenderaan: sekitar 4 ~ 100 km/j
- Pejalan kaki: sekitar 4 ~ 50 km/j

Posisi anjakan adalah selain dari \oplus dan \otimes Bergantung kepada keadaan, terdapat kemungkinan ia akan berfungsi pada motosikal, dinding, rel penghadang dan lain-lain.



Brek Pra-Perlanggaran



Brek kecemasan

Selepas Amaran Pra-Perlanggaran beroperasi dan risiko untuk berlanggar dengan halangan (kenderaan/pejalan kaki) di hadapan semakin tinggi, sistem akan mengaktifkan brek kecemasan dan menindas keluaran enjin untuk mengelakkan perlanggaran atau mengurangkan kerosakan. Apabila kemungkinan untuk berlaku perlanggaran semakin tinggi, ia akan beralih daripada brek utama (daya brek lemah) kepada brek sekunder (daya brek kuat).

Semasa fungsi brek kecemasan berfungsi, buzer akan berbunyi, lampu penunjuk operasi ASA akan berkelip dan lampu amaran master akan menyala.

Fungsi ini beroperasi apabila kelajuan dan beza kelajuan antara kenderaan sendiri dengan halangan di hadapan adalah:

- Kenderaan: sekitar 4 ~ 80 km/j
- Pejalan kaki: sekitar 4 ~ 50 km/j

Posisi anjakan adalah selain dari (P) dan (R). Perlanggaran boleh dielakkan jika perbezaan kelajuan di antara kenderaan sendiri dengan halangan di hadapan adalah kurang dari 30km/j.

Bantuan brek pengurangan kerosakan


Apabila pemandu memijak injak brek untuk mengelakkan perlanggaran semasa fungsi brek kecemasan sedang beroperasi, kamera stereo akan menghantar signal dan mengaktifkan fungsi ini untuk membantu menyahpecut kenderaan dengan memberi lebih kuasa brek dari yang di tekan oleh pemandu pada injak brek.

Fungsi ini beroperasi apabila kelajuan dan beza kelajuan di antara kenderaan sendiri dengan halangan di hadapan adalah antara:

- Kenderaan: sekitar 30 ~ 80 km/j
- Pejalan kaki: sekitar 30 ~ 50 km/j



- ③ Brek kecemasan berakhir dan terus berhenti
(selama kira-kira 1.5 saat maksimum)





Terus berhenti

Setelah kenderaan berhenti melalui brek kecemasan, kuasa brek yang dipegang adalah selama kira-kira 1.5 saat maksimum. Semasa kawalan terus berhenti beroperasi, buzzer akan berbunyi dan lampu penunjuk operasi ASA akan berkelip.



Mekanisme Amaran Pra-Perlanggaran dan Brek Pra-Perlanggaran

Mekanisme	①	②		③
	Amaran Pra-Perlanggaran	Brek kecemasan		Terus berhenti
		Brek utama	Brek sekunder	
Kebarangkalian perlanggaran	Tinggi	Lebih tinggi	Sangat tinggi	–
Kekuatan brek kecemasan	Tanpa brek	Brek lemah →	Brek kuat →	
Bantuan brek pengurangan kerosakan	–	Beroperasi *1 →		–
Bunyi buzer	PiPiPiPiPiPi →	PiPiPiPiPi... →		PiPiPi... *2 →
Lampu penunjuk operasi ASA 	Berkelip →			Berkelip *2 →
Lampu amaran master 	Lampu padam	Lampu menyala →		Lampu padam

*1 Apabila memijak injak brek semasa fungsi brek kecemasan sedang beroperasi

*2 Dimatkan oleh operasi pemandu

PERHATIAN

- Semasa fungsi brek kecemasan dan terus berhenti, lampu berhenti dan lampu berhenti lekap tinggi akan menyala.
- Terdapat bunyi kedengaran semasa brek kecemasan berfungsi. Ini disebabkan oleh kawalan brek dan ia adalah normal.
- Apabila injak brek ditekan ketika brek kecemasan berfungsi, bantuan brek pengurangan kerosakan akan beroperasi.
- Selepas fasa terus berhenti dibebaskan selepas kira-kira 1.5 saat, kenderaan akan mula bergerak dengan perlahan. Jika pemandu ingin terus berhenti, tekan injak brek secara berterusan.
- Fungsi brek kecemasan boleh bermula dari brek utama atau brek sekunder bergantung kepada keadaan.
- Brek Pra-Perlanggaran tidak boleh beroperasi lebih dari 3 kali untuk satu perjalanan. Hidupkan semula enjin untuk kembali kepada operasi normal.



Langkah berjaga-jaga untuk Amaran Pra-Perlanggaran dan Brek Pra-Perlanggaran

⚠️ AMARAN

- Jangan gunakan Brek Pra-Perlanggaran sebagai pengganti kepada operasi brek biasa.
- Brek Pra-Perlanggaran tidak dapat mengelakkan perlanggaran atau mengurangkan kerosakan perlanggaran dalam setiap keadaan. Bergantung kepada fungsi/keadaan, pemanduan yang tidak selamat membawa kepada kemalangan yang tidak dijangka dan boleh membawa kepada kecederaan serius atau dalam kes paling teruk, kematian.
- Brek Pra-Perlanggaran diaktifkan apabila ia menilai bahawa perlanggaran tidak dapat dielakkan. Walaupun brek sekunder telah ditetapkan untuk beroperasi sebelum berlaku perlanggaran, prestasinya tidak akan sentiasa sama dan berbeza-beza bergantung kepada pelbagai keadaan. Oleh sebab itu, pemandu hendaklah sentiasa berusaha untuk memastikan keselamatan dan tidak terlalu bergantung kepada sistem.

- Untuk tujuan keselamatan, jangan melaksanakan ujian Brek Pra-Perlanggaran dengan sendiri. Terdapat perkara-perkara yang tidak boleh dihentikan atau tidak dapat dikendalikan, yang boleh membawa kepada kemalangan yang tidak dijangka.
- Brek Pra-Perlanggaran beroperasi pada kenderaan dan pejalan kaki yang di cam oleh kamera stereo. Namun begitu, ada kemungkinan bahawa ia juga berfungsi pada motosikal, tiang elektrik, dinding dan sebagainya walaupun sistem itu tidak bertujuan untuk mengelakkan perlanggaran ke atas mereka.
- Brek Pra-Perlanggaran tetap diteruskan walaupun injak pemecut dikendalikan ketika fungsi brek diaktifkan. Walau bagaimanapun, jika anda memijak injak pemecut sepenuhnya, ia akan melepaskan Brek Pra-Perlanggaran.

- Amaran Pra-Perlanggaran dan Brek Pra-Perlanggaran tidak boleh beroperasi bergantung kepada keadaan seperti apabila pemandu memijak pedal brek untuk mengelakkan perlanggaran.
- Pastikan semua penumpang memakai tali pinggang keledar. Tidak memakai tali pinggang keledar dengan betul adalah berbahaya kerana ia boleh membawa kepada kemalangan yang tidak dijangka apabila Brek Pra-Perlanggaran beroperasi.
- Brek Pra-Perlanggaran tidak beroperasi jika beza kelajuan di antara kenderaan sendiri dengan halangan di hadapan melebihi (kenderaan: sekitar 80 km/j, pejalan kaki: sekitar 50 km/j). Perlanggaran tidak boleh dielakkan jika beza kelajuan di antara kenderaan sendiri dengan halangan di hadapan melebihi 30 km/j.



Keadaan tidak aktif

Kamera stereo mengecam pejalan kaki untuk fungsi Amaran Pra-Perlanggaran dan Brek Pra-Perlanggaran. Pengecaman pejalan kaki dilakukan dari segi saiz, bentuk dan pergerakan objek. Ia mengecam apabila kontur kepala dan bahu adalah jelas. Keadaan berikut boleh menyebabkan Amaran Pra-Perlanggaran dan Brek Pra-Perlanggaran tidak boleh beroperasi atau berhenti sepenuhnya.

1. Perbezaan kelajuan antara kenderaan dan pejalan kaki, jarak antara kenderaan, keadaan pendekatan dan sisihan ke arah sisi. (tidak berada di hadapan kenderaan)
2. Keadaan kenderaan seperti kapasiti beban dan sebagainya.
3. Keadaan permukaan jalan (kecerunan, kelicinan, bentuk, keadaan tidak sama rata dan sebagainya)
4. Apabila penglihatan di hadapan tidak baik (hujan lebat, kabus tebal, debu dan sebagainya)
5. Apabila pemandu terlebih dahulu telah mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan perlanggaran seperti memijak pedal brek atau mengendalikan stereng.
6. Sejurus selepas menghidupkan enjin.

7. Apabila suhu di luar adalah rendah atau brek adalah sejuk selepas kenderaan bergerak.
8. Apabila brek semakin teruk disebabkan oleh panas lampau ketika menuruni bukit.
9. Apabila brek semakin basah dan keberkesanan brek semakin teruk seperti selepas mencuci kenderaan.
10. Gangguan secara tiba-tiba seperti apabila kenderaan atau motosikal meluru keluar.
11. Apabila ada kenderaan dari arah hadapan mendekati kenderaan anda.
12. Apabila kamera stereo adalah sukar untuk mengecam terutama dalam keadaan ini:
 - Apabila kamera stereo itu ditutup dengan awan, kotoran, fros, titisan hujan, kotoran, pelekat dan sebagainya.
 - Apabila menggunakan ejen lapisan kaca pada cermin hadapan selain daripada yang ditentukan oleh Perodua.
 - Apabila melekat filem gelap pada cermin hadapan.
 - Apabila pengecaman stabil tidak boleh dilakukan disebabkan oleh biasan pada cermin hadapan.
 - Apabila cermin depan tidak dibersihkan sepenuhnya semasa digunakan atau selepas penggunaan bendalir pencuci cermin.

- Apabila berlaku kerosakan pada cermin hadapan seperti calar, retak dan sebagainya.
- Apabila terdapat perkara atau benda yang menghalang pandangan kamera stereo dilampirkan kepada badan kenderaan.
- Apabila pandangan kamera stereo terhalang dengan muatan bagasi penuh dan panjang (seperti papan selancar, kanu dan sebagainya) pada bumbung.
- Apabila bilah pengelap selain daripada produk tulen Perodua dipasang (termasuk jenis pendek).
- Apabila pengecaman objek tidak lengkap kerana pandangan kamera stereo terhalang oleh titisan hujan, bendalir pencuci cermin, bilah pengelap dan sebagainya.
- Apabila kamera stereo dihalang dengan tangan atau kertas.
- Apabila kejutan digunakan untuk kamera stereo yang menyebabkan sisihan atau penyelewengan.
- Apabila cuaca tidak baik (hujan lebat, kabus tebal dan sebagainya) dan penglihatan hadapan adalah teruk.



- Apabila menghampiri kenderaan hadapan atau pejalan kaki di tempat yang gelap seperti pada waktu malam, di terowong, di tempat letak kereta dalaman dan sebagainya.
- Apabila terdapat perubahan kecerahan seperti di pintu masuk dan keluar terowong, pepohon, bayang-bayang bangunan dan sebagainya.
- Apabila menerima cahaya yang terang dari hadapan (seperti cahaya matahari atau lampu kereta dari arah depan dan sebagainya).
- Apabila cahaya terang dibiarkan pada kenderaan, pejalan kaki atau permukaan jalan.
- Apabila terdapat lekuk, jalan beralun atau cerun.
- Apabila terdapat lopak air atau filem pada permukaan jalan.
- Apabila jalan yang dilalui penuh dengan bonggol seperti jalan kerikil dan jalan-jalan yang tidak berturap.
- Apabila kenderaan melalui dan menyentuh panji-panji, bendera, dahan tergantung, kain langsir, rumput, semak dan sebagainya.
- Apabila jarak dengan kenderaan lain atau pejalan kaki adalah pendek.
- Apabila terdapat kenderaan atau pejalan kaki meluru secara tiba-tiba di hadapan kenderaan sendiri.
- Apabila menghampiri kenderaan hadapan atau pejalan kaki semasa melakukan pecutan pesat atau mengoperasi stereng.
- Apabila kenderaan hadapan atau pejalan kaki tidak berada di hadapan kenderaan sendiri.
- Apabila hanya sebahagian daripada kenderaan hadapan berada dalam kawasan pengecaman kamera stereo.
- Apabila menghampiri kenderaan hadapan atau pejalan kaki dengan beza kelajuan yang kecil.
- Apabila terdapat percikan air, gas ekzos, wap air, pasir, asap, habuk, dan sebagainya dari kenderaan hadapan atau dari kenderaan dari arah depan.
- Apabila kenderaan sendiri menukar lorong dan terus menghampiri kenderaan hadapan.
- Apabila kenderaan hadapan dikemudikan secara tiba-tiba seperti memecut atau menyahpecut.
- Apabila kenderaan hadapan mempunyai bentuk khas seperti kenderaan pembawa, kenderaan sampingan dan sebagainya.
- Apabila sisi sebelah belakang kenderaan hadapan adalah kecil (seperti treler), rendah atau berbentuk tidak sekata.
- Apabila cermin belakang pada kenderaan hadapan adalah besar dan pemandangan dihadapannya dapat dilihat.
- Apabila kenderaan hadapan adalah treler, dan pelantar beban sedang kosong.
- Apabila kenderaan hadapan adalah kargo dan bentuknya terkeluar dari hujung belakang.
- Apabila kenderaan hadapan adalah menyerong atau di sisi.
- Apabila kenderaan hadapan adalah rendah.
- Apabila terdapat dinding atau sebagainya di hadapan kenderaan hadapan yang sedang berhenti.
- Apabila kenderaan hadapan menyerong seperti sedang memuatkan beban yang berat.
- Apabila sebahagian daripada anggota pejalan kaki (seperti kepala, kaki dan sebagainya) tersembunyi di dalam bagasi, payung, topi dan sebagainya.



- Apabila pejalan kaki bergabung dengan latar belakang dan kamera stereo tidak boleh mengecamnya sebagai pejalan kaki.
- Apabila pejalan kaki sedang membongkok, berlutut, berbaring, melambai tangannya, berlari dan sebagainya.
- Apabila ketinggian pejalan kaki adalah tinggi atau pendek.
- Apabila pejalan kaki membawa bagasi besar atau sedang menolak basikal, mengemudi trak dan sebagainya.
- Apabila pejalan kaki memakai gaun panjang dan kaki tidak dapat dilihat.
- Apabila sekumpulan pejalan kaki sedang berkumpul dan kamera stereo tidak dapat mengecamnya sebagai pejalan kaki.
- Apabila terdapat halangan di luar kawasan penyinaran lampu.
- Apabila warna halangan adalah sama dengan persekitaran.
- Apabila perbezaan antara halangan dan latar belakang adalah kecil (seperti kenderaan berwarna hitam dalam hutan yang gelap, pejalan kaki berpakaian putih di hadapan dinding putih dan sebagainya).

Operasi yang tidak dijangka

Dalam keadaan yang berikut, Amaran Pra-Perlanggaran dan Brek Pra-Perlanggaran boleh beroperasi tanpa dijangka. Oleh itu, pastikan anda mematkan fungsi ASA. (Lihat "suis ASA OFF" di seksyen 4)

1. Apabila kenderaan sedang ditunda.
2. Apabila kenderaan dimasukkan pada kenderaan pembawa.
3. Apabila menggunakan dinamometer casis, pengelek bebas dan sebagainya.
4. Apabila kenderaan diangkat, enjin dihidupkan dan tayar diputar.
5. Apabila kenderaan melalui dan menyentuh panji-panji, bendera, dahan tergantung, kain langsir, rumput, semak dan sebagainya.
6. Apabila sukan berlangsung pada litar atau sebagainya.
7. Apabila keluar dari jalan raya atau jalan yang berlumpur.
8. Apabila melalui jalan raya yang ditenggelami air.
9. Apabila kenderaan yang dipandu adalah tidak stabil disebabkan oleh kemalangan.
10. Apabila lampu amaran brek di meter hidup.


Dalam keadaan yang berikut, Amaran Pra-Perlanggaran dan Brek Pra-Perlanggaran boleh beroperasi walaupun tiada kemungkinan pelanggaran akan berlaku.

1. Apabila melalui jalan sempit dengan dinding dan halangan berada di kedua-dua belah bahagian seperti di jambatan sempit, terowong kecil, jalan kampung, pagar tol atau di landasan keretapi yang sempit.
2. Apabila melalui dan menghampiri dinding hadapan atau kenderaan hadapan di akhir perjalanan.
3. Apabila melalui tempat dimana kecerunan jalan tiba-tiba berubah.
4. Apabila melalui kepulan wap air, kabus atau asap.
5. Apabila melalui langsir vinil, bendera dan sebagainya.
6. Apabila penglihatan hadapan tidak baik disebabkan oleh ekzos gas, wap air, pasir, asap, kotoran, percikan air dan sebagainya.
7. Apabila melalui sisi kenderaan yang berhenti dengan sedikit jurang, atau kenderaan dari arah depan menghampiri kenderaan.
8. Apabila menggunakan lif kenderaan atau lot meletak kereta mekanikal.



9. Apabila terdapat tompokan cat yang besar atau sebagainya pada permukaan jalan.
10. Apabila terdapat objek di tepi jalan seperti palang pengawal, papan tanda atau sebagainya di persimpangan dan lengkungan pintu masuk.
11. Apabila terdapat kenderaan dari arah hadapan melalui lengkungan.
12. Apabila palang di tempat letak kereta atau tol tidak dinaikkan sepenuhnya.
13. Apabila membuat perjalanan menurun bukit dan terdapat lurang, landasan keretapi, bonggol dan sebagainya di permukaan jalan raya.
14. Apabila membuat perjalanan mendaki bukit dan terdapat papan tanda atau dahan pokok di atasnya.
15. Apabila halangan di hadapan bergerak selari pada selang masa yang sama.
16. Apabila pemandangan atau cahaya terpancar atau dibiarkan pada lopak, jalan yang basah atau pada kenderaan hadapan.
17. Apabila cahaya memasuki kamera stereo dari luar.
18. Apabila paksi optik kamera stereo tidak normal.
19. Apabila objek melintasi atau bergerak seperti melintasi pejalan kaki, perubahan lorong oleh berbilang kenderaan dan sebagainya.
20. Apabila mengemacam corak yang berterusan seperti dinding bata, dinding jubin, pagar dan pakaian.
21. Apabila berbilang kenderaan hadapan muncul secara bertindih.
22. Apabila kenderaan hadapan mempunyai bentuk khas atau bahagian belakang kenderaan hadapan mempunyai bentuk khas seperti trak sampah.
23. Apabila pejalan kaki berhenti sebelum menghampiri bahagian hadapan kenderaan.
24. Apabila terdapat bendera bergoyangan, dahan pokok, pakaian bergoncangan dan sebagainya.
25. Apabila keadaan pencahayaan lampu seperti lampu brek, lampu isyarat membelok, lampu amaran bahaya, dan sebagainya dari kenderaan hadapan berubah.
26. Apabila melalui jalan berlekuk dan terdapat bayangan permukaan jalan dihadapan kenderaan.
27. Apabila terdapat objek dengan saiz yang sama dengan pejalan kaki berbaris di tepi laluan.

Kawalan Injak Pincang Tugas



Apabila kenderaan mengesan halangan seperti kenderaan, dinding atau bangunan dalam jarak 4 meter di hadapan dan pemandu menekan injak pemecut dengan lebih cepat dan lebih kuat dari sepatutnya, kamera stereo akan menilaiinya sebagai injak pincang tugas oleh pemandu. Kemudian keluaran enjin dikawal berserta amaran untuk mengelakkan pecutan secara tiba-tiba.

Kawalan keluaran enjin akan beroperasi selama kira-kira 8 saat maksimum ketika injak pemecut ditekan. Jika injak pemecut ditekan dengan kuat tetapi tidak cepat di bawah kelajuan 4 km/j, hanya amaran yang akan beroperasi tanpa kawalan keluaran enjin untuk memberi amaran kepada pemandu supaya menggesa operasi elak pelanggaran.



Apabila semua keadaan berikut dipenuhi, kawalan ini akan beroperasi.

- Enjin dalam keadaan ON.
- Injak brek tidak di tekan.
- Kelajuan kenderaan adalah kira-kira 0 ~ 10 km/j.
- Isyarat belok pada keadaan OFF.
- Lampu penunjuk VSC OFF dan TRC OFF berada pada keadaan OFF.
- Posisi anjakan berada julat hadapan (ⓓ⁴, ⓐ, ⓑ).

⚠ AMARAN

- **Jangan bergantung kepada fungsi Kawalan Injak Pincang Tugas kerana ia tidak mengelakkan pelanggaran. Apabila memulakan kenderaan, periksa kedudukan tuil anjak dan kawasan persekitaran. Bergantungan yang berlebihan boleh membawa kepada kemalangan yang tidak dijangka, yang boleh membawa kepada kecederaan serius atau dalam kes paling teruk, kematian.**
- **Fungsi Kawalan Injak Pincang Tugas tidak membuatkan kenderaan berhenti.**
- **Fungsi Kawalan Injak Pincang Tugas tidak menyekat pecutan dalam semua keadaan.**
- **Fungsi Kawalan Injak Pincang Tugas hanya akan beroperasi apabila halangan di cam oleh kamera stereo.**
- **Jangan memijak injak pemecut secara berlebihan dengan sengaja berhampiran halangan. Bergantungan kepada fungsi ini untuk mengubah pecutan boleh menyebabkan berlakunya pelanggaran.**

- **Jika kenderaan terhenti di landasan keretapi, fungsi Kawalan Injak Pincang Tugas akan beroperasi apabila kamera stereo mengemcam palang sebagai halangan. Jangan panik dan terus menekan pedal pemecut ketika melepasi palang atau menutup fungsi ASA. (Lihat “suis ASA OFF” di seksyen 4)**
- **Apabila pemandu menggerakkan stereng, sistem menilai bahawa pemandu sedang mengelak pelanggaran bergantung kepada operasi dan sistem ini mungkin tidak berfungsi pada beberapa keadaan.**
- **Fungsi Kawalan Injak Pincang Tugas tidak akan beroperasi apabila fungsi TRC atau VSC & TRC dimatikan.**
- **Operasi ini akan terbatal apabila injak pemecut dipijak lebih dari 8 saat semasa keluaran enjin dikawal. Jika anda memijak injak pemecut sepenuhnya dengan pantas lebih dari 3 kali, fungsi Kawalan Injak Pincang Tugas tidak akan beroperasi.**



Keadaan tidak aktif

Keadaan berikut boleh menyebabkan fungsi Kawalan Injak Pincang Tugas tidak akan beroperasi.

1. Perbezaan kelajuan di antara kenderaan, jarak diantara kenderaan, keadaan pendekatan dan sisihan ke arah sisi (seperti tidak berada di hadapan kenderaan sendiri).
 2. Keadaan kenderaan tersebut (seperti kapasiti beban, penumpang dan sebagainya).
 3. Keadaan permukaan jalan (seperti kecerunan, kelicinan, bentuk, keadaan tidak sama rata dan sebagainya)
 4. Apabila menilai bahawa pemandu telah mengambil langkah berjaga-jaga melalui cara pemanduan (menggerakkan pedal brek, pemecut, stereng dan sebagainya)
 5. Kenderaan dalam status penyelenggaraan (brek, tayar haus, tekanan udara tayar, tayar ganti dan sebagainya)
 6. Gangguan secara drastik seperti apabila kenderaan atau motosikal meluru keluar.
 7. Sejurus selepas menghidupkan enjin.
 8. Apabila kamera stereo sukar untuk mengecam terutama dalam keadaan berikut:
- Apabila cuaca tidak baik (hujan lebat, kabus tebal dan sebagainya) dan penglihatan hadapan adalah teruk.
 - Apabila menerima cahaya yang terang dari hadapan (seperti cahaya matahari atau lampu kereta dari arah hadapan dan sebagainya).
 - Apabila kamera stereo itu ditutup dengan awan, kotoran, fros, titisan hujan, kotoran, pelekat dan sebagainya.
 - Apabila suhu stereo kamera menjadi amat tinggi.
 - Apabila menghampiri halangan di tempat yang gelap seperti pada awal pagi, senja atau pada waktu malam.
 - Apabila menghampiri halangan di tempat yang gelap seperti di tempat letak kereta dalam bangunan.
 - Apabila pengecaman objek tidak lengkap kerana pandangan kamera stereo terhalang oleh titisan hujan, bendalir pencuci cermin, bilah pengelap dan sebagainya.
 - Apabila terdapat halangan di luar kawasan penyinaran.
 - Apabila pandangan kamera stereo terhalang dengan muatan bagasi penuh dan panjang (seperti papan selancar, kanu dan sebagainya) pada bumbung.
 - Apabila kenderaan adalah amat cenderung disebabkan oleh beban bagasi dan sebagainya.
 - Apabila terdapat percikan air disebabkan oleh kenderaan hadapan atau kenderaan dari arah depan.
 - Apabila penglihatan di hadapan tidak mencukupi disebabkan oleh gas ekzos, wap air, pasir, asap, habuk, dan sebagainya.
 - Apabila jalan yang dilalui penuh dengan bonggol seperti jalan kerikil dan jalan-jalan yang tidak berturap.
 - Apabila terdapat sebuah halangan yang sangat dekat dengan kenderaan seperti penanda jalan atau tiang.
 - Apabila terdapat halangan pada kedudukan yang sangat dekat dengan kenderaan dan di luar pusat kenderaan.
 - Apabila kenderaan mengubah haluan dan terus menghampiri halangan.
 - Apabila kenderaan berada pada lengkungan tajam atau turun/naik mendadak.
 - Apabila permukaan objek adalah kecil atau apabila jarak adalah pendek.
 - Apabila halangan berada di luar kawasan pengecaman kamera stereo.



- Apabila saiz halangan adalah rendah (dinding rendah, palang pengawal, kenderaan, penyekat jalan dan sebagainya)
- Apabila halangan adalah kecil (binatang kecil, bayi dan sebagainya).
- Apabila halangan adalah sukar untuk di cam oleh kamera stereo seperti pagar, pakaian seragam, corak dinding (batu-bata, jubin, corak menegak) dinding tanpa corak dan sebagainya.
- Apabila halangan adalah kaca atau cermin dan sebagainya.
- Apabila terdapat gangguan mendadak seperti kenderaan atau motorsikal meluru keluar.

Operasi yang tidak dijangka

Dalam keadaan yang berikut, fungsi Kawalan Injak Pincang Tugas boleh beroperasi tanpa dijangka. Oleh itu, pastikan anda mematikan fungsi ASA. (Lihat "suis ASA OFF" di seksyen 4)

1. Apabila kenderaan sedang ditunda.
2. Apabila kenderaan dimasukkan pada trak pembawa.
3. Apabila menggunakan dinamometer casis, penggelek bebas dan sebagainya.
4. Apabila kenderaan diangkat, enjin dihidupkan dan tayar diputar.
5. Apabila kenderaan melalui dan menyentuh panji-panji, bendera, dahan tergantung, kain langsir, rumput, semak dan sebagainya.
6. Apabila sukan berlangsung pada litar atau sebagainya.
7. Apabila keluar dari jalan raya atau jalan yang berlumpur.
8. Apabila melalui jalan raya yang ditenggelami air.
9. Apabila kenderaan yang dipandu adalah tidak stabil disebabkan oleh kemalangan.


Dalam keadaan berikut, fungsi Kawalan Injak Pincang Tugas boleh beroperasi walaupun tiada kemungkinan pelanggaran akan berlaku.

1. Apabila membuat perjalanan dan menghampiri dinding atau kenderaan hadapan dan kemudiannya berhenti.
2. Apabila melalui kawasan di mana kecerunan jalan tiba-tiba berubah.
3. Apabila melalui kepulan wap air, kabus atau asap.
4. Apabila melalui langsir vinil, bendera dan sebagainya.
5. Apabila penglihatan hadapan tidak baik disebabkan oleh ekzos gas, wap air, pasir, asap, kotoran, percikan air dan sebagainya.
6. Apabila melepasi bahagian sisi kenderaan yang berhenti dengan sedikit jurang, atau terdapat kenderaan dari hadapan menghampiri kenderaan sendiri.
7. Apabila menggunakan lif kenderaan atau lot kereta mekanikal.
8. Apabila terdapat tompokan cat yang besar atau sebagainya pada permukaan jalan.



9. Apabila terdapat objek di tepi jalan seperti palang pengawal, papan tanda atau sebagainya di persimpangan atau di lengkungan pintu masuk.
10. Apabila terdapat kenderaan dari arah hadapan melalui lengkungan.
11. Apabila terdapat halangan di lengkungan atau persimpangan.
12. Apabila kenderaan bergerak dari tempat letak kereta sisi ke garis utama.
13. Apabila palang di tempat letak kereta atau tol tidak dinaikkan sepenuhnya.

Peringatan Berlepas Hadapan



Fungsi ini beroperasi apabila kenderaan tetap berhenti walaupun kenderaan hadapan telah berlepas lebih dari 3 meter. Buzer akan berbunyi dan lampu penunjuk akan berkelip untuk memberi amaran kepada pemandu.

Apabila semua keadaan berikut dipenuhi, fungsi ini akan beroperasi.

- Posisi anjakan adalah selain dari P dan R .
- Injak brek di tekan (kecuali apabila posisi anjakan berada pada N).
- Jarak antara kenderaan hadapan dan kenderaan sendiri adalah kira-kira 10 meter.
- Selepas beberapa saat setelah kedua-dua kenderaan berhenti.

⚠ AMARAN

Fungsi ini tidak memberitahu pemandu bila untuk menggerakkan kenderaan ke hadapan dengan selamat dan tidak memaklumkan perlepasan kenderaan hadapan dalam setiap keadaan. Jangan bergantung kepada fungsi ini sepenuhnya, dan sentiasa pastikan sama ada ia adalah selamat untuk meneruskan pemanduan.



Keadaan tidak aktif / operasi yang tidak dijangka

Berikut adalah keadaan-keadaan dimana Peringatan Berlepas Hadapan boleh berfungsi atau tidak:

1. Apabila basikal atau seumpamanya berada di antara kenderaan hadapan yang berhenti.
2. Apabila pejalan kaki atau seumpamanya berada di antara kenderaan hadapan yang berhenti.
3. Apabila kamera stereo tidak dapat mengecam kenderaan hadapan disebabkan oleh cuaca, bentuk jalan dan sebagainya.
4. Apabila kamera stereo kehilangan pandangan terhadap kenderaan hadapan.
5. Apabila kedudukan sisi dengan kenderaan hadapan adalah tidak sejajar.
6. Apabila kenderaan hadapan bergerak sebelum kenderaan sendiri berhenti.
7. Apabila jarak dengan kenderaan hadapan adalah sangat pendek.
8. Apabila kenderaan hadapan bergerak atau membelok secara tiba-tiba.
9. Apabila kenderaan hadapan mempunyai bentuk khas seperti kenderaan pembawa, kenderaan sampingan dan sebagainya.
10. Apabila sisi sebelah belakang kenderaan hadapan adalah kecil (seperti treler), rendah atau berbentuk tidak sekata.
11. Apabila cermin belakang pada kenderaan hadapan adalah besar dan pemandangan di hadapannya dapat dilihat.
12. Apabila kenderaan hadapan adalah treler, dan pelantar beban sedang kosong.
13. Apabila kenderaan hadapan adalah kargo dan bentuknya terkeluar dari hujung belakang.
14. Apabila kenderaan hadapan adalah rendah.
15. Apabila kenderaan hadapan berhenti secara menyerong atau di tepi.
16. Apabila kenderaan berhenti dan stereng kereta dikendalikan.
17. Apabila melalui jalan raya yang kasar seperti jalan yang tidak rata atau jalan tidak berturap.

Paparan fungsi OFF dan kegagalan sistem

1. Jika ASA tidak dapat berfungsi atas sebab tertentu, lampu amaran "ADV SAFETY ASSIST OFF" dan kod fungsi OFF akan menyala pada paparan maklumat pelbagai.
2. Jika ASA tidak dapat berfungsi disebabkan oleh kegagalan sistem, lampu amaran master, lampu penunjuk ASA OFF dan lampu amaran "ADV SAFETY ASSIST ERROR" akan menyala pada meter.
3. Apabila kamera stereo mengesan fungsi OFF atau kegagalan sistem, semua fungsi ASA tidak akan berfungsi.
4. Jika fungsi OFF atau kegagalan sistem berlaku ketika fungsi ASA sedang beroperasi, fungsi ASA akan dibatalkan.



Senarai kod fungsi OFF bagi ASA

Kod fungsi OFF	Punca	Pemulihan
11E	Kamera stereo tidak dapat mengecam objek di hadapan disebabkan oleh penglihatan yang kabur	Apabila punca dapat diselesaikan dan kod terpadam
12E	Kamera stereo tidak dapat beroperasi dengan betul (seperti suhu dalaman terlampau tinggi)	
	Brek sekunder diaktifkan tiga kali selepas enjin dihidupkan	Kod dipadam setelah enjin dimatikan
14E	ASA baru bermula	Setelah memandu untuk seketika dan kod dipadam







Kod fungsi OFF 11E tidak akan terpapar ketika posisi anjakan berada pada ®.

PERHATIAN

Jika kod fungsi OFF masih terpapar walaupun tindakan telah diambil, ralat pada sistem mungkin berlaku. Dapatkan pemeriksaan sistem oleh pusat servis Perodua berdaftar dengan segera.



Senarai paparan meter dan buzer untuk ASA

Keadaan		Penunjuk	Paparan maklumat pelbagai	Buzer
Apabila ASA dimatikan oleh suis ASA OFF		 Menyala	-	PiPi
Apabila berlaku kegagalan sistem		  Menyala	Apabila stereo kamera tidak berfungsi dan "ADV SAFETY ASSIST ERROR" dipaparkan.	-
Ketika fungsi OFF		-	"ADV SAFETY ASSIST OFF" dan kod fungsi OFF dipaparkan.	-
Amaran Pra-Perlanggaran		-	 Berkelip	PiPiPiPiPiPi
Brek Pra-Perlanggaran	Brek utama	 Menyala		PiPiPiPiPi...
	Brek sekunder			PiPiPiPiPi...
	Terus berhenti	-		PiPiPi...
Kawalan Injak Pincang Tugas	Amaran	-		PiPiPiPiPiPi
	Kawalan	 Menyala		PiPiPiPiPi...
Peringatan Berlepas Hadapan		-		PiPiPi



Rakaman data kenderaan

Advanced Safety Assist (ASA) dilengkapi dengan komputer yang merakam data mengenai pengendalian dan operasi kenderaan. Data rekod adalah seperti berikut.

- Status pengendalian pedal pemecut.
- Status operasi pedal brek.
- Status pengendalian roda stereng dan tuil anjakan.
- Maklumat kenderaan seperti kelajuan kenderaan.
- Status operasi setiap fungsi ASA.
- Jarak antara hambatan seperti kenderaan hadapan, kelajuan relatif dan lain-lain.
- Data imej kamera stereo (hanya apabila mengendalikan brek sekunder).

Selain itu, komputer tidak merakam perbualan, bunyi atau gambar di dalam kenderaan.

Penggunaan data

Perodua akan menggunakan rekod data dalam sistem komputer untuk mengesan kepincangan komponen, melakukan penyelidikan dan pembangunan dan meningkatkan. Perodua tidak akan mendedahkan maklumat kepada pihak ketiga kecuali :

- Dengan kebenaran pemilik kenderaan atau dengan kebenaran penyewa jika kenderaan dipajak.
- Dengan permintaan rasmi dari pihak polis atau perintah dari mahkamah atau agensi kerajaan.
- Untuk kegunaan Perodua dalam mahkamah.
- Untuk tujuan penyelidikan di mana data tidak terikat kepada kenderaan tertentu atau kenderaan sendiri.


Data imej yang dirakam boleh dipadam dengan menggunakan peranti khas. Adalah mungkin untuk menghentikan fungsi rakaman data imej. Untuk maklumat lanjut, hubungi pusat servis Perodua yang berdaftar.



Sistem kutipan tol elektronik (Sekiranya dilengkapi)

Sistem kutipan tol elektronik direka untuk meningkatkan kemudahan kepada pemandu dengan membolehkan kutipan tol tanpa tunai sekali gus mengurangkan kesesakan di pintu tol lebuhraya. Ia menggunakan peranti kutipan tol elektronik bersepadu yang terletak di lokasi tersorok dan selamat serta tidak memerlukan penggantian bateri. Walau bagaimanapun pengguna perlu mempunyai kad prabayar untuk dimasukkan ke dalam peranti kutipan tol elektronik. Bayaran tol akan ditolak secara automatik melalui komunikasi tanpa wayar antara antena yang dipasang pada palang tol dan pada peranti kutipan tol elektronik. Pembayaran tol menjadi mudah dan cepat kerana ia membolehkan pemandu melalui palang tol tanpa perlu berhenti untuk membayar.

Kaedah operasi sistem kutipan tol elektronik





Perhatikan AMARAN-AMARAN berikut sebelum menggunakan peranti kutipan tol elektronik.


⚠ AMARAN

- Pemandu adalah bertanggungjawab ke atas peranti kutipan tol elektronik. Jangan gunakannya semasa memandu kerana ia boleh membawa kepada kemalangan yang tidak dijangka. Jika anda perlu mengendalikan peranti kutipan tol elektronik, sila berhenti kenderaan.
- Sila pastikan kad prabayar dimasukkan dengan betul ke dalam peranti kutipan tol elektronik dan pastikan ia berada di dalam keadaan berfungsi.
- Beri perhatian kepada baki kad prabayar kerana ia akan menentukan pembukaan/penutupan palang tol.
- Peranti kutipan tol elektronik akan mengesahkan kad prabayar anda dan ia mengambil masa beberapa saat untuk melakukannya. Jika anda memasukkan kad prabayar di depan pintu gerbang tol, ralat mungkin berlaku dan palang tol tidak boleh terbuka.

- Apabila melalui laluan tol, pastikan jarak selamat antara kenderaan dan pastikan palang tol telah dibuka sebelum melepasi.
- Palang tol akan beroperasi apabila terdapat komunikasi antara peranti kutipan tol elektronik dan antena dengan RSU (Road side unit). Jika berlaku ralat, palang mungkin tidak terbuka. Berhati-hati dan perhatikan keadaan sekeliling ketika melalui laluan tol.
- Pastikan kelajuan adalah seperti yang telah ditetapkan apabila melalui laluan tol.



Tentang peranti kutipan tol elektronik




Peranti kutipan tol elektronik terletak di bahagian sudut kanan bawah dan antena terletak di bahagian sudut kanan atas pada panel peralatan.

PERINGATAN

- Jangan menggunakan lebih dari satu peranti kutipan tol elektronik di dalam satu kenderaan. Peranti kutipan tol elektronik mungkin tidak berfungsi dan palang tol mungkin tidak dapat dibuka.
- Jangan letakkan sebarang objek pada antena kerana ia boleh menyebabkan gangguan komunikasi dengan 'Road Side Unit' (RSU) dan palang tol mungkin tidak dapat dibuka.
- Jika terdapat kotoran pada cermin hadapan, bersihkan ia untuk mengelakkan sebarang gangguan kepada antena.
- Jangan gunakan ejen filem gelap pada cermin hadapan selain dari yang dinyatakan oleh Perodua, dan pastikan filem gelap tidak mengandungi unsur logam kerana ia boleh mengganggu komunikasi peranti kutipan tol elektronik.
- Jangan letakkan sebarang bendasing ke dalam peranti kutipan tol elektronik.
- Jangan sentuh peranti kutipan tol elektronik dengan tangan yang basah atau membenarkan sebarang bendalir untuk memasukinya kerana ia boleh menyebabkan kerosakan.

- Jika terdapat kotoran pada peranti kutipan tol elektronik, lap dengan kain yang lembut dan kering. Jangan gunakan lilin, pencair atau alkohol kerana ia mungkin merosakkannya.



Menyemak baki kad prabayar

Tekan butang pada peranti kutipan tol elektronik untuk menyemak baki kad prabayar. Lampu LCD pada peranti kutipan tol elektronik akan menyala dan akan memaparkan nilai selama 4 saat. Julat nilai adalah antara 0.00 – 9999.99.


Menggunakan peranti kutipan tol elektronik

Masukkan kad prabayar dengan betul ke dalam slot.

Jika kad prabayar tidak dimasukkan selepas suis penghidup berada pada kedudukan "ON", buzer akan berbunyi dan lampu LCD pada peranti kutipan tol elektronik akan menyala dan [E8F6] akan muncul selama kira-kira 2 saat untuk memberi amaran kepada pemandu.



Keadaan dan operasi buzer sistem kutipan tol elektronik





Buzer akan berbunyi pada keadaan berikut

Lokasi	Keadaan	Jenis buzer
①	Tiada kad prabayar (selepas suis penghidup berada pada kedudukan "ON")	2 bip pendek berbunyi sebanyak 5 kali
②	Nilai kad prabayar kurang dari RM10 1. Selepas suis penghidup berada pada kedudukan "ON" 2. Selepas transaksi	2 bunyi yang panjang dan tinggi
③	Transaksi OK	2 bunyi bip yang tinggi

PERHATIAN

- **Jangan keluarkan kad prabayar semasa melalui palang tol kerana ia boleh menyebabkan gangguan kepada data/sistem.**
- **Perlahankan kenderaan apabila menghampiri palang tol, serta mematuhi kelajuan yang ditetapkan.**
- **Ikut arahan/paparan mesej di papan tanda apabila melalui palang tol.**
- **Jika palang tol tidak terbuka, ikut arahan atendan tol.**

⚠ AMARAN

Sekiranya anda dapati sebarang kerosakan, dapatkan Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk memeriksanya dengan segera.

Seksyen 11



Sekiranya berlaku kecemasan

Sekiranya enjin tidak boleh dihidupkan	11-1
Bantu-menghidup (<i>Jump-starting</i>)	11-2
Enjin panas lampau	11-4
Peralatan	11-5
Tayar bocor	11-7
Menunda	11-14
Bunyi amaran	11-18



Sekiranya enjin tidak boleh dihidupkan

Jika penghidup tidak mengengkol

Sekiranya nada bunyi hon adalah rendah atau lampu besar adalah malap, maka periksa bateri dahulu. Sila lihat Seksyen 14.


Sekiranya bateri ternyata habis, hidupkan enjin dengan menggunakan kabel pelompat.

Sekiranya puncanya masih tidak jelas, dapatkan Pusat Servis Perodua untuk memeriksanya.

⚠ AMARAN

Jangan menolak atau menarik kenderaan untuk menghidupkan enjin. Ini boleh merosakkan kenderaan itu atau menyebabkan berlakunya kemalangan.

Jika penghidup mengengkol



1. Periksa tolok bahan api. Lampu amaran akan menyala sekiranya aras bahan api rendah, tangki bahan api mungkin telah kosong. Isikan semula tangki bahan api.
2. Sekiranya bahan api masuk ke tangki bahan api, periksa sama ada wayar palam pencucuh dipasangkan dengan baik pada palam pencucuh dan gegelung pencucuhan.

PERHATIAN

Sekiranya enjin masih tidak mahu hidup, atau lampu pemeriksaan enjin masih terus menyala, enjin kenderaan anda memerlukan pelarasan atau dibaiki. Dapatkan bantuan dari Pusat Servis Perodua anda. Kerosakan yang serius mungkin akan berlaku pada bahagian pemangkin dan sebagainya sekiranya pemanduan diteruskan.



Bantu-menghidup (Jump-starting)

⚠ AMARAN

Sila perhatikan arahan-arahan berikut untuk mengelakkan kecederaan anggota badan yang serius dan kerosakan kenderaan anda.

- Sekiranya anda tidak cekap dengan prosedur bantu-menghidup ini, sila tanya Pusat Servis Perodua atau perkhidmatan tunda.
- Rujuk kepada “Arahan-arahan melakukan sendiri penyelenggaraan” sebelum menjalankan bantu-menghidup.
- Bateri mengandungi asid sulfurik yang beracun dan bersifat kakis. Pakai cermin mata keselamatan sebagai perlindungan dan berhati-hati supaya bendalir bateri tidak tumpah ke atas anggota badan anda, pakaian atau kenderaan anda. Sekiranya bendalir bateri tertumpah di atas kulit anda atau terpercik di mata anda, tanggalkan pakaian anda yang telah tercemar itu dan cuci bahagian itu selama sekurang-kurangnya lima belas minit.


Sila jumpa doktor dengan segera. Sapukan air dengan span atau kain tanpa henti ketika dalam perjalanan mendapatkan rawatan doktor.

- Sekiranya anda telah tertelan bendalir bateri, minumlah air atau susu sebanyak yang boleh dan jumpa doktor dengan segera.
- Jauhilah api dari bateri kerana ia boleh menyebabkan letupan bateri.
- Jangan mengecap bateri yang beku. Cairkan cecair bateri sebelum bantu-menghidup; jika tidak gas dalam cecair bateri boleh meletup.
- Jangan bantu-menghidup kenderaan yang mempunyai aras bendalir bateri yang rendah.
- Jauhi kanak-kanak daripada bateri.
- Bantu-hidup kenderaan di tempat yang banyak udara.

Sebagai tambahan, sila ikuti arahan-arahan pengeluaran kabel pelompat.

PERINGATAN

- Gunakan bateri penggalak 12 volt. Penggunaan voltan yang lebih tinggi akan membawa kerosakan yang serius kepada peralatan elektrik seperti transmisi dan radio. Jangan bantu-hidup kenderaan kecuali anda pasti akan voltan bateri penggalak.
- Keupayaan (AH) bateri penggalak tidak boleh lebih rendah daripada bateri ternyahcas itu.
- Bersihkan bendalir bateri yang tertumpah ke atas kemasanan cat dengan segera.



1. Sekiranya bateri penggalak dipasang di kenderaan lain, jauhkan kedua-dua kenderaan dan padamkan kesemua lampu-lampu dan alat tambah yang tidak perlu di kedua-dua kenderaan. Letakkan tuil transmisi pada kedudukan neutral (transmisi manual) atau di kedudukan P atau N (transmisi automatik). Gunakan brek meletak kenderaan dengan sepenuhnya.
2. Tanggalkan ke semua tukup pengalih daripada penggalak dan bateri ternyahcas (sekiranya dilengkapi).

3. Hidupkan enjin kenderaan yang mempunyai bateri penggalak dan biarkan ia berjalan bagi beberapa minit pada 2,000 rpm.
4. Sebelum menyambung kabel penghidup, pastikan suis penghidup kenderaan yang mempunyai bateri ternyahcas berada pada kedudukan "OFF".
5. Sambungkan kabel penghidup sama seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah. Sambungkan kabel pelompat daripada pangkalan negatif bateri penggalak kepada satu titik metalik yang tidak bercat jauh daripada bateri. Jangan menyandarkan kabel penghidup di atas bateri apabila menyambung. Pastikan sambungan adalah baik.

⚠️ AMARAN

Untuk mengelakkan litar pintas;

- **Pastikan penebat kabel pelompat adalah dalam keadaan yang baik.**
- **Jangan menyambung kabel daripada pangkalan negatif bateri penggalak kepada atau berhampiran dengan bahagian yang bergerak atau kepada pangkalan negatif bateri ternyahcas.**

- **Jangan biarkan kabel pelompat atau penyepit menyentuh apa-apa kecuali pangkalan bateri yang betul atau bumi.**
- **Jangan biarkan penyepit kabel pelompat menyentuh satu sama lain ketika menghubungkan penyepit itu.**

6. Engkolkan enjin kenderaan yang mempunyaibateri ternyahcas. Selepas enjin dihidupkan, laraskan pada 2,000 rpm buat beberapa minit.
7. Denganberhati-hatiputuskan sambungan kabel secara terbalik, iaitu kabel negatif dahulu dan kemudian kabel positif.
8. Periksa aras elektrolit bateri. Tambah air suling sehingga tanda "UPPER".
9. Pasangkan tukup pengalih kepada kedudukan asalnya (sekiranya dilengkapi).
Sekiranya anda tidak pasti punca bateri ternyahcas dapatkan Pusat Servis Perodua anda untuk memeriksanya dengan segera.

Enjin panas lampau

Sekiranya enjin mengalami pemanasan lampau, enjin akan mengeluarkan bunyi bising dan prestasi enjin menurun dengan mendadak serta tolok suhu cecair pendingin enjin menunjukkan panas lampau.

Perhatikan AMARAN-AMARAN berikut dan ikutlah prosedur yang diterangkan di bawah.

AMARAN

Untuk membantu mengurangkan risiko melecur atau kecederaan anggota badan yang serius;

- **Biarkan enjin sejuk sebelum memeriksa sebarang komponen di ruang enjin.**
- **Jangan cuba menanggalkan tukup radiator apabila enjin dan radiator masih panas.**
Memandangkan tukup radiator adalah jenis bertekanan, bahan pendingin panas akan percik keluar.
- **Jangan membuka hud sekiranya wap masih keluar.**
- **Jangan menyentuh atau mendekati bilah kipas radiator apabila enjin masih hidup.**

1. Letakkan kenderaan di tempat yang selamat dan matikan penyaman udara.
2. Sekiranya wap masih keluar daripada hud, matikan enjin. Tutup hud sehingga wap tidak keluar daripada hud. Sekiranya wap tidak keluar lagi, buka hud supaya berlakunya pengudaraan di bahagian dalam.
3. Periksa ruangan enjin secara visual. Jika ada menunjukkan sesuatu seperti berikut, segera matikan enjin dan hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar.
 - Sekiranya kipas pendingin tidak berpusing.
 - Sekiranya kebocoran wap atau air panas daripada hos, dan sebagainya:
 - Sekiranya tangki simpanan radiator tiada air.
 - Sekiranya tali sawat putus.
4. Matikan enjin apabila lampu amaran suhu air menyala.
5. Selepas enjin sejuk sepenuhnya, periksa komponen-komponen itu.

6. Periksa air penyejukan dalam jumlah yang betul, ketegangan talisawat kipas, pencemaran atau kotoran yang boleh dilihat pada lubang pengalih haba.
7. Tambahkan bahan pendingin sekiranya aras bahan pendingin tidak memadai. (Sila lihat Seksyen 14.)
8. Sila dapatkan Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk memeriksa sistem pendingin.


Enjin lebih cenderung mengalami pemanasan lampau pada musim panas. Hal-hal berikut harus diperiksa dengan kerap:

- Kebocoran air dalam sistem pendinginan
- Aras air radiator dan tangki simpanan
- Sayap radiator tersumbat
- Tegangan tali sawat pemacu

Sekiranya pemanasan lebih enjin berlaku dengan kerap, sila dapatkan Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk memeriksa sistem pendingin.



Peralatan




1. Buka pintu belakang dan tinggikan papan dek.
2. Perhatikan tempat simpanan jek dan beg perkakas.

PERHATIAN

Simpan jek dan beg perkakas seperti yang di tunjuk pada rajah.


Jek



Jek boleh dipasang/ditanggalkan dengan memusingkan aci ukir seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah di atas dengan menggunakan pemegang jek yang disediakan dalam beg perkakas.


Menanggalkan

Tanggalkan jek itu daripada pendakap jek dengan memusing mengikut arah ① dalam gambarajah di atas.




Memasang

1. Letakkan jek tersebut, seperti yang di tunjukkan dalam gambarajah di atas. Pastikan jek dipasang pada penyangkuk.
2. Pusingkan mengikut arah ② seperti dalam gambarajah di atas sehingga bahagian lengan jek bersentuhan dengan pendakap jek.
3. Pasangkan jek kepada pendakap dengan erat dengan membuat 1/2 pusingan mengikut arah ② seperti gambarajah di atas, menggunakan pemegang jek.



Arahan-arahan penyelenggaraan


- Sapukan gris casis kepada semua bahagian yang boleh disorongkan dan bunga skru.
- Pastikan tiada kerosakan atau rekahan pada bicu. Sekiranya ada, gantikan dengan yang baru.



Pemegang jek

Pasangkan pemegang jek seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah bagi memusingkan aci ukir.


Beg peralatan



- ① Beg perkakas
- ② Perengkuh nat
- ③ Cangkuk tunda
- ④ Pemegang jek
- ⑤ Getah pengikat



Tayar bocor




Menyimpan peralatan

1. Simpan peralatan didalam beg perkakas seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah.
2. Ikat cangkuk tunda dan perengkuh nat menggunakan dua getah pengikat. Masukkan peralatan tersebut didalam beg perkakas.
3. Letakkan pemegang jek diatas beg perkakas dan ikat menggunakan dua getah pengikat.

⚠ AMARAN

- Sekiranya tayar mengalami kebocoran, letakkan kenderaan anda di susur jalan atau di tempat yang selamat untuk menggantikan tayar tersebut. Elakkan penggantian tayar di tempat yang bercerun.
- Ketika menukar tayar bocor, letakkan kenderaan di tempat yang tidak mengganggu lalu lintas, tekan suis isyarat amaran bahaya dan letakkan segitiga keselamatan sekiranya ada.
- Pindahkan kesemua penumpang ke tempat yang selamat dan keluarkan sebarang muatan yang berat dari kenderaan.
- Pastikan brek meletak kenderaan digunakan dan transmisi manual berada pada kedudukan gear pertama atau gear undur, atau transmisi automatik di julat **P** selepas enjin kenderaan dimatikan.

- Sekiranya berlaku tayar bocor atau tayar meletup ketika memandu pada kelajuan tinggi, pegang stereng dengan kuat. Perlahan-lahan gunakan brek untuk mengurangkan kelajuan. Brek dengan mengejut akan menyebabkan hilang kawalan stereng dan membahayakan anda.




PERINGATAN

Penyendal tayar tidak disediakan dalam kenderaan. Sentiasa menyediakan peralatan untuk penyendal tayar. Anda boleh menggunakan batu dengan saiz yang sama untuk menyendal tayar.

Sendalkan tayar yang bertentangan secara pepenjuru dengan tayar bocor. Ini adalah lokasi yang paling berkesan bagi satu penyendal.

Bagi keselamatan yang lebih baik, sendalkan roda di kedua-dua belah, sekiranya boleh.

Tayar simpanan





Longgarkan/ketatkan bolt untuk menanggal/menyimpan tayar simpanan.

Simpan tayar simpanan sebagaimana yang ditunjukkan dalam gambarajah diatas.



Untuk menanggal/memasang tayar



1. Longgarkan sedikit nat roda dengan perengkuh nat roda.
Jangan menanggalkan nat sepenuhnya.

⚠ AMARAN

Berhati-hati supaya anda tidak tercedera akibat terlepas perengkuh nat lug.


2. Empat titik mengesetkan bicu telah disediakan: dua di setiap belah sebagaimana yang ditunjukkan dalam gambarajah.
Setkan bicu di titik mengeset bicu yang paling hampir dengan tayar bocor.

⚠ AMARAN

Untuk mengelakkan bicu daripada tergelincir dan kecederaan anggota badan yang serius:

- Bicu harus digunakan di permukaan tanah yang rata sekiranya boleh. Letakkan papan yang rata dan besar di bawah bicu, sekiranya perlu untuk menstabilkan bicu.
- Adalah disarankan roda kenderaan disendalkan dan tiada sesiapa pun berada di dalam kenderaan yang sedang dibicu.
- Pastikan tiada sesiapa memasuki bawah kenderaan yang hanya ditopang dengan bicu, gunakan topang kenderaan.
- Jangan meletakkan sebarang daripada bahagian badan anda di bawah kenderaan yang dibicu.
- Gunakan bicu yang disediakan di dalam kenderaan anda hanya bagi tujuan menggantikan roda.
- Jangan menaikn lain-lain kenderaan atau beban pada bila-bila masa dengannya.

- Setkan bicu pada titik-titik yang telah ditentukan.
- Jangan menggoyangkan atau menolak kenderaan yang dibicu.
- Jangan menghidupkan enjin apabila kenderaan sedang dibicu.
- Alihkan bagasi yang berat daripada kenderaan sebanyak yang boleh.




3. Selitkan pemegang bicu ke dalam ulir bicu dan pusingkan mengikut arah jam untuk menaikkan kenderaan anda.
Bicu kenderaan anda dengan perlahan-lahan sehingga tayar tidak lagi mencecah tanah dan memadamkan bagi anda menanggal dan memasang tayar.

⚠ AMARAN


Letakkan tayar simpanan di bawah badan kenderaan berhampiran lokasi tayar yang akan ditukar.

Ini adalah langkah pengawasan yang berguna untuk mengelakkan bahaya jika penyangga rosak.



PERINGATAN


Jangan meletakkan bicu di belakang alur gantungan.




4. Tanggalkan nat lug roda dan gantikan tayar bocor dengan tayar gantian atau tayar baru.

⚠ AMARAN

- Angkat dan letakkan tayar bocor yang ditanggalkan supaya ia tidak jatuh secara tidak sengaja.
- Kami sarankan agar anda memakai sarung tangan. Tayar bocor itu mungkin masih panas.



- **Tanggalkan sebarang bahan kakis dan objek-objek di atas gelendong dan ceper brek dan permukaan nat lug roda sebelum memasang tayar simpanan. Pemasangan roda tanpa kontak besi ke besi di muka pemasangan akan menyebabkan kenderaan bergetar atau nat roda menjadi longgar apabila anda memandu.**




5. Pasangkan semula kesemua nat lug roda dan ketatkannya sehingga roda tidak longgar lagi.


Pastikan bahagian tirus nat lug dipasang dengan baik ke dalam lubang-lubang itu. Jangan mengetatkannya dengan kukuh lagi.

PERINGATAN

- **Jangan meletakkan minyak pada nat lug. Ia akan menjadi longgar apabila kenderaan bergerak.**
- **Bolt dan nat juga mungkin akan rosak sekiranya ianya diketatkan dengan terlalu kuat.**



6. Selitkan pemegang bicu ke dalam aci ulir bicu dan pusingkan berlawanan arah jam untuk merendahkan kenderaan.




7. Ketatkan nat lug roda dengan baik mengikut susunan pepenjur merintang roda.
Daya kilas pengetatan: 88.3 - 117.7 N-m
(65.1 - 86.8 ft-lb, 9.0 - 12.0 kgf-m)

PERINGATAN

Jangan mengetatkan nat lug dengan alat-alat lain atau dengan menggunakan kaki. Ia akan merosakkan bunga nat lug atau bolt hab.

Selepas memandu 1,000 km (600 batu), periksa sama ada nat lug roda adalah ketat.



8. Periksa tekanan udara tayar yang digantikan dan laraskan sebagaimana yang disebutkan.
Ketatkan tukup injap udara.
9. Simpan semua perkakas, bicu, pemegang bicu, dan tayar bocor dengan baik.



⚠ AMARAN

Sekiranya anda mengalami sebarang gegaran atau bunyi tidak normal selepas menukar tayar, dapatkan pemeriksaan di Pusat Servis Perodua yang berdaftar dengan segera.

Peringatan mengenai roda aluminium aloi

- Roda aluminium aloi mudah tercalar atau rosak. Jagalah ia dengan baik untuk mengekalkan prestasi dan keselamatannya.
- Selepas pemanduan 1,000 km yang pertama, pastikan nat roda dalam keadaan ketat.
- Sekiranya anda memutar, memperbaiki atau menukar tayar, pastikan yang nat roda masih berada dalam keadaan ketat selepas pemanduan 1,000 km.
- Nat roda Perodua direka khas untuk roda aluminium aloi anda.
- Gunakan hanya penukul plastik atau getah apabila memasukkan pengimbang berat pada roda aluminium aloi.
- Lakukan pemeriksaan berkala ke atas roda aluminium aloi untuk mengesan kerosakan. Sekiranya terdapat sebarang kerosakan, tukar roda aluminium aloi dengan segera.



Menunda

Kami mengesyorkan supaya kenderaan anda ditunda oleh trak tunda Perodua yang berdaftar.


Jika tayar atau gandar rosak, gunakan doli penarik.

PERINGATAN

Jangan menarik menggunakan peralatan jenis anduh.


la mungkin merosakkan badan kenderaan anda.

Jenis lantai rata



Kami mengesyorkan kaedah ini, kerana kaedah ini adalah yang terbaik.

Jenis angkat tayar



⚠ AMARAN

Untuk keselamatan, jangan benarkan sesiapa saja duduk di dalam kenderaan yang sedang ditunda.

Untuk menarik kenderaan dengan tayar belakang di jalan raya:

Lepaskan brek meletak kenderaan.



Untuk menarik kenderaan dengan tayar belakang di jalan raya:


Gunakan doli penarik.

Sekiranya doli penarik tidak disediakan, anjakan tuil penghantaran ke kedudukan neutral dan setkan suis penghidup ke "ACC" (untuk kenderaan transmisi manual sahaja).

PERINGATAN

Untuk kenderaan transmisi automatik, pastikan anda sentiasa menggunakan doli penarik.

Penarik kecemasan



PERINGATAN

- Jangan menarik kenderaan transmisi automatik dengan cara ini.
- Jangan tarik kenderaan dengan cara ini kecuali, tayar, gandar, tren pemacu, stereng, atau brek berada dalam keadaan baik.

Ikatkan tali yang kuat, tali penarik atau kabel kepada cangkuk tunda.

Pemandu mesti berada di dalam kenderaan yang ditunda dan mengawalinya.

Lepaskan brek meletak kenderaan dan anjakan tuil transmisi ke neutral.

Setkan penghidup ke "ACC".

⚠ AMARAN

- Apabila enjin mati, penggalak brek tidak berfungsi. Oleh itu, apabila membrek anda memerlukan lebih daya daripada biasa.
- Untuk keselamatan, jangan gunakan cangkuk penarik melainkan kenderaan anda ditarik di atas jalan yang kasar.
- Suis penghidup kenderaan yang sedang ditarik sepatutnya tidak dikeluarkan atau disetkan ke "OFF".



Kenderaan penunda boleh hilang kebolehan membelok dan mungkin menyebabkan kemalangan.



PERINGATAN

- Sentiasa tarik cangkuk tegak ke depan untuk melindunginya daripada rosak. Jangan menariknya dari tepi atau dalam arah menegak dan juga jangan menariknya secara mendadak.
- Jika anda mengikat tali atau kabel kepada gandar atau di tempat lain, ia mungkin merosakkan komponen tersebut.
- Periksa supaya cangkuk dipasang dengan betul dan selamat.

Cangkuk tunda



1. Masukkan pemutar skru rata (balut dengan kain atau seumpamanya) ke dalam alur yang terdapat pada penutup cangkuk tunda.
Kemudian, umpil keluar penutup untuk membukanya.

2. Masukkan cangkuk tunda dengan memusingkan arah pusingan jam seperti yang ditunjukkan oleh anak panah sehingga cangkuk tunda diketatkan sepenuhnya.



Arahan-arahan mengenai penundaan

Seorang pemandu mestilah berada di dalam kenderaan yang ditunda dan mengawalinya.

⚠️ AMARAN


- Apabila enjin tidak dihidupkan, penggalak brek tidak berfungsi. Oleh itu, tenaga yang lebih diperlukan untuk membrek.
- Atas sebab-sebab keselamatan, jangan menggunakan cangkuk tunda kecuali jikalau kenderaan anda ditunda di jalan yang permukaannya keras.
- Suis penghidup kenderaan yang ditunda tidak harus di setkan ke "OFF":

Kenderaan yang ditunda akan kehilangan keupayaan membelok dan menyebabkan kemalangan.

Untuk menunda kenderaan

1. Lepaskan brek meletak kenderaan dan anjak transmisi ke neutral.
2. Tekan suis penghidup ke "ACC" dengan mematikan enjin, atau kepada "ON" dengan enjin dihidupkan.

Penundaan kenderaan lain



Cangkuk tunda bagi kenderaan lain, berada di bahagian kiri belakang kenderaan.

1. Masukkan pemutar skru rata (balut dengan kain jika perlu) ke dalam alur yang terdapat pada penutup cangkuk tunda. Kemudian, umpil keluar penutup untuk membukanya.
2. Masukkan cangkuk tunda dengan memusingkan arah pusingan jam. Kemudian, ketatkan cangkuk tunda sepenuhnya.

⚠️ AMARAN

Jangan menunda melebihi kelajuan maksimum penundaan yang telah ditentukan mengikut undang-undang jalanraya.

PERINGATAN

- Adalah menjadi suatu kesalahan menunda kenderaan lain yang lebih berat dari kenderaan sendiri. Jika dilakukan, ia boleh menjejaskan sistem pemanduan, cangkuk menunda atau badan kenderaan.
- **Jangan gunakan cangkuk ini sebagai cangkuk pengangkutan. Kegagalan mematuhi amaran ini boleh menyebabkan kerosakan kepada badan kenderaan.**
Cangkuk menunda ini direka untuk menunda kenderaan lain sahaja.
- **Sentiasa tarik cangkuk tegak ke depan untuk melindunginya daripada kerosakan. Jangan menariknya dari tepi atau dari arah menegak dan juga jangan menariknya secara mendadak.**



Bunyi amaran

Bunyi penggera amaran menunjukkan keadaan luar biasa atau keadaan semasa dalam pelbagai sistem.

Apabila anda mendengar bunyi penggera berikut, pastikan anda mengambil langkah-langkah sewajarnya dengan merujuk kepada seksyen yang berkaitan yang diterangkan di bawah.

Bunyi buzer berterusan.

(Lihat Seksyen 3, Buzer amaran tali pinggang keledar).

(Lihat Seksyen 2, Buzer amaran).

(Lihat Seksyen 5, Buzer amaran brek).

(Lihat Seksyen 5, Buzer amaran stereng kuasa).

(Lihat Seksyen 10, Buzer amaran brek meletak kenderaan).

Bunyi mendecit semasa membrek.

(Lihat Seksyen 10, Penunjuk had kehausan pad brek).

Seksyen 12



Penjagaan kenderaan

Pembersihan bahagian luar	12-1
Pembersihan bahagian dalam	12-2
Mengelakkan karat	12-3



Pembersihan bahagian luar

Mencuci

1. Letakkan kenderaan jauh daripada pancaran terus matahari dan di kawasan yang banyak udara. Matikan enjin.
2. Sementara meratakan air, cuci permukaan kereta dengan berus pencuci kereta. Gunakan bahan pencuci kereta atau bahan cuci neutral, sekiranya perlu.
3. Gunakan air bertekanan pada bahagian badan bawah kenderaan.
4. Bilas permukaan dengan baik sehingga tiada lagi bahan cuci yang tertinggal.
5. Keringkan air dengan span atau chamois.
6. Keringkan sistem brek.

⚠ AMARAN

- Jauhkan kanak-kanak daripada cecair pencuci.
- Apabila mencuci di bawah badan dan suspensi kenderaan, pastikan anda memakai sarung tangan getah dan baju tangan panjang. Berhati-hati agar anda tidak terluka atau tercedera.

PERINGATAN

- Berhati-hati agar sistem elektrik di ruang enjin tidak terkena air. Ini boleh menyebabkan litar pintas.
- Ikutilah arahan-arahan mengenai bahan cuci.
Penggunaan larutan beracun atau gasolin tidak dicadangkan untuk melindungi kemas cat.
- Jangan gunakan air panas ke atas kenderaan. Ini boleh merosakkan kemas cat. Juga, jangan lap kotoran atau habuk sekiranya permukaan badan kenderaan kering.

Apabila mencuci kenderaan menggunakan mesin pencuci automatik

PERINGATAN

- Laraskan mod kemasukan udara atau hidupkan suis penghawa dingin kepada “pengedaran udara”. Jika tidak, air akan mengalir masuk ke dalam kenderaan dan menyebabkan kerosakan.
- Rapatkan cermin sisi. Cuci kenderaan dari bahagian hadapan. Pastikan cermin sisi dibuka sebelum memulakan pemanduan.

- Berus boleh menyebabkan calar pada kenderaan dan mengurangkan kilatan cat atau mempercepatkan cat menjadi pudar.

Apabila mencuci kenderaan menggunakan mesin pencuci bertekanan tinggi

PERINGATAN

- Air akan mengalir masuk ke dalam kenderaan sekiranya muncung pemancut di halakan pada ruang yang terbuka seperti tingkap atau sekeliling pintu. Jangan hala muncung pemancut terlalu rapat ke bahagian ini.



Pembersihan bahagian dalam

Pengilap berililin

Kenderaan yang digilap lilin secara kerap boleh mengekalkan kemasan cat.

Cuci dan keringkan kenderaan anda sebelum mengilap lilin.

Sekiranya kemasan cat adalah panas, alihkan kenderaan ke kawasan redup dan biarkan permukaan menjadi sejuk sebelum mengilap lilin.

PERINGATAN

Untuk melindungi kemasan cat;

- Jangan menggosok permukaan dengan kuat atau menggosok dengan kain kasar.
- Jangan menggunakan bahan pencuci kakis atau sabut besi.
- Ikutilah arahan-arahan mengenai pengilap berililin.

Bersihkan bahagian dalam dengan pembersih vakum.

Untuk membersihkan bahan kulit, plastik, dan bahan jenis kain, (contohnya panel kawalan penyaman udara, panel audio, panel peralatan, panel konsol, suis, dan sebagainya) Gunakan kain lembap bersama cecair sabun lembut dan air suam.

Setelah dibersihkan, lap keseluruhan sabun yang tertinggal menggunakan kain lembut dan air.

PERINGATAN

Gasolin atau larutan toksid yang kuat tidak disarankan.

Ia boleh merosakkan material.

PERHATIAN

- Jangan gunakan bahan organik (pelarut, minyak tanah, petrol, dll.), larutan alkali atau asid. Bahan kimia ini boleh menyebabkan pemudaran warna, karat atau menanggalkan permukaan.
- Jika anda menggunakan bahan pembersih atau pengilat, Pastikan kandungannya tidak termasuk bahan yang disebutkan di atas.

- Jika anda menggunakan cecair penyegar kereta, jangan tumpukannya ke permukaan dan bahagian dalam kenderaan anda. Ia mungkin mengandungi bahan yang disebutkan di atas. Segera bersihkan tumpahan menggunakan kaedah yang disebutkan di atas.
- Semasa mengeringkan bahagian yang telah dibersihkan, elakkan pancaran cahaya matahari secara terus. Biarkan ia kering di tempat yang berudara, teduh dan bebas habuk. Sekiranya tidak, bahan tersebut akan rosak dengan cepat.



Mengelakkan karat

Kami di Perodua mengeluarkan kenderaan berkualiti tinggi dengan reka bentuk dan pembinaan sistem mengelakkan karat yang maju.

Walau bagaimanapun, ini hanyalah sebahagian daripada keseluruhan program mengelakkan karat. Untuk mengekalkan kualiti pencegahan karat yang baik untuk jangka masa yang lama, adalah penting bagi anda untuk memainkan peranan anda.

⚠ AMARAN

Jangan mengecut komponen sistem ekzos anda dengan bahan-bahan tambahan untuk mengelakkan proses karat. Ini boleh menyebabkan pemanasan lampau dan kebakaran.

Sebab-sebab pembentukan karat

Perkara-perkara berikut adalah sebab-sebab biasa berlakunya proses karat:

- Udara masin dan air masin.
- Kotoran dan air.
- Serpihan, kelar, calar dan kemik yang mendedahkan besi bahagian dalam.
- Bahan-bahan kimia dan bahan-bahan pencemar industri.

Langkah-langkah untuk mengelakkan karat

Pastikan Perodua anda sentiasa bersih;

Sekiranya anda tinggal di kawasan di mana pembentukan karat mudah berlaku, seperti berhampiran pantai atau dimana pencemar industri tersebar, maka berhati-hatilah dengan pembentukan karat.

Kami cadangkan supaya anda mencuci bahagian bawah kenderaan anda sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.

Bersihkan adang-adang dan bahagian-bahagian lain yang tersorok.

Cucikan lumpur dengan baik kerana lumpur basah boleh menggalakkan pembentukan karat.

Apabila membersihkan bahagian bawah pintu, panel jumpelang, anggota-anggota kerangka dan sebagainya, pastikan lubang salir air tidak tersumbat.

Pastikan garaj anda sentiasa kering

Kelembapan membahayakan kenderaan anda terutama jika melebihi 0°C. Oleh itu, jangan letak kenderaan anda di kawasan yang kurang udara dengan kelembapan yang tinggi.

Jangan mencuci kenderaan anda di dalam garaj atau menyimpan kenderaan anda dalam keadaan yang basah.

Pastikan kemasan cat dalam keadaan yang baik;

Sebarang calar atau serpihan pada kemasan cat harus diperkemas secepat mungkin. Sebarang besi yang terdedah harus dibaiki di kedai pembaikan badan yang berkelayakan atau di Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

Berikan perhatian pada bahagian dalam;

Periksalah dengan kerap sama ada bahagian bawah alas kaki dan hamparan adalah kering.

Jangan mencuci bahagian dalam.

Sila bawa bahan-bahan kimia, bahan pencuci, baja, garam dan sebagainya dalam bekas yang sesuai.

Sekiranya, ia tumpah atau bocor, bersihkan dan keringkan kawasan tersebut dengan segera.

Seksyen 13



Penyelenggaraan kenderaan

Syarat-syarat penyelenggaraan	13-1
Jadual penyelenggaraan	13-4



Syarat-syarat penyelenggaraan (Peringatan Am)

1. Servis penyelenggaraan berjadual penting bagi memastikan pemanduan bebas daripada masalah, selamat dan jimat. Kegagalan untuk menyelenggara kenderaan anda dengan sempurna boleh menyebabkan berlakunya kemalangan atau kerosakan pada kenderaan anda.
2. Jika anda melakukan penyelenggaraan berkala, anda dapat mengurangkan kadar kemalangan atau kerosakan pada kenderaan. Ia juga dapat membantu anda mengesan kerosakan pada peringkat awal yang mungkin boleh membawa kepada kerosakan lebih serius. Oleh itu, kerosakan kenderaan dapat dielakkan atau dikurangkan.
3. Oleh itu, kesemua pemilik kenderaan Perodua bertanggungjawab untuk mematuhi servis penyelenggaraan berkala bagi melindungi anda daripada kemalangan atau masalah yang tidak dijangka.
4. Bagi mencegah dari terjadinya sebarang kerosakan pada peringkat awal, melakukan penyelenggaraan berjadual sahaja belum mencukupi. Adalah penting bagi pemilik itu sendiri melakukan penyelenggaraan, termasuklah pemeriksaan pada pra-menghidup seperti yang terdapat di dalam buku panduan pemilik. Oleh itu, kenderaan boleh dielakkan daripada kejadian atau perubahan yang tidak normal. Pemilik juga patut mendapatkan nasihat daripada penasihat servis mengenai keperluan penyelenggaraan kenderaan anda. Pastikan anda menggantikan komponen yang disyorkan secara berkala pada jangka masa penukaran penggantian berkala.
5. Walau bagaimanapun, kerosakan juga boleh berlaku pada kenderaan yang sentiasa diperiksa oleh pemilik. Sebagai contoh, terdapat kes di mana kerosakan berlaku secara tiba-tiba walaupun tiada sebarang kerosakan berlaku sehingga semalam/kelmarin.

Perkara ini boleh berlaku jika sesuatu komponen yang disyorkan untuk ditukar secara berkala, sedangkan ia masih digunakan melebihi masa berkenaan dan jangka hayat komponen telah tamat.

Untuk mengelakkan kerosakan seperti ini pada peringkat lebih awal, pastikan anda menukarkan komponen yang disyorkan itu secara berkala pada jangka masa penukaran berkala berkenaan.

6. Seksyn ini menerangkan mengenai perkara-perkara yang terdapat pada servis penyelenggaraan berjadual yang disyorkan oleh Perodua dan selang masanya. Pastikan anda meneliti jadual penyelenggaraan tersebut.
7. Kami di Perodua menawarkan satu pemeriksaan apabila kenderaan baru anda telah dikendalikan sehingga 1,000 km dari tarikh pertama pendaftaran. Sila bawa kenderaan baru anda kepada Pusat Servis Perodua yang berdaftar bagi perkhidmatan pemeriksaan percuma yang penting ini.

Pemeriksaan pra-menghidup

Bagi pemanduan yang selamat dan selesa, jalankan pemeriksaan pra-menghidup.

- Aras dan kualiti minyak enjin
- Aras bahan pendingin enjin
- Aras bendalir brek
- Aras cecair pencuci
- Tali sawat pemacu
- Aras elektrolit bateri
- Tekanan udara dan kehausan tayar
- Kebocoran bendalir
- Pengendalian lampu
- Pengendalian roda stereng
- Fungsi injak brek
- Pengendalian injak pemecut

Apabila memandu perlahan:

- Meter kelajuan dan lampu amaran suhu air
- Daya belok roda stereng
- Fungsi brek
- Lain-lain pengendalian luar biasa
- Semasa memandu lurus ke hadapan di atas jalan yang rata, dengan menekan brek pastikan kenderaan anda tidak tertarik ke sebelah kiri atau kanan.

Awasi Perodua anda dengan baik

Perhatikan Perodua anda bagi perubahan prestasi, bunyi dan petanda-petanda yang menunjukkan perlunya penyelenggaraan.

Beberapa petua penting adalah seperti berikut:

- Enjin tersentak
 - Kehilangan kuasa yang nyata
 - Bunyi bising enjin yang luar biasa
 - Sebarang kebocoran bendalir atau minyak (Pengaliran air daripada penyaman udara adalah biasa)
 - Bunyi ekzos yang luar biasa
 - Tayar yang nampaknya pancit, bunyi nyaring apabila membelok atau membrek atau kehausan tayar yang tidak rata
 - Kenderaan ditarik ke sebelah pemanduan lurus di jalan yang rata
 - Hilang keberkesanan brek, injak brek dan injak cekam terasa "mampung", injak hampir sampai ke lantai, kenderaan ditarik ke sebelah apabila membrek
 - Lampu amaran suhu enjin tinggi menyala
- Sekiranya anda menghadapi sebarang situasi ini, sila dapatkan Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk memeriksa kenderaan anda.



Rekod penyelenggaraan

Simpan satu salinan invoice bagi sebarang penyelenggaraan yang dijalankan ke atas Perodua anda.

Ia membuktikan kesemua penyelenggaraan yang diperlukan telah dijalankan bagi mendapatkan perlindungan jaminan.

Melakukan penyelenggaraan sendiri

Sekiranya anda mempunyai pengetahuan mekanikal dan peralatan automotif, anda boleh menyelenggara beberapa perkara sendiri.

Prosedur melakukan penyelenggaraan sendiri terdapat dalam Seksyen 14.

Sila ambil perhatian penyelenggaraan yang anda lakukan sendiri akan memberi kesan ke atas perlindungan jaminan anda. Sila lihat Buku Servis dan Jaminan bagi penerangan jaminan yang lebih terperinci.

Servis penyelenggaraan berjadual

1. Senarai penyelenggaraan berjadual dalam bahagian ini memerlukan penyelenggaraan pada selang yang tetap.
2. Penyelenggaraan berjadual ini menyarankan anda agar menyelenggara kenderaan secara minimum bagi memastikan operasi bebas dari sebarang masalah dan meningkatkan prestasi, kemampuan dan keselamatan kenderaan anda. Sila patuhi penyelenggaraan berjadual yang disediakan.
3. Bagi menyelaraskan penyelenggaraan, servis tambahan diperlukan pada kenderaan bergantung kepada sesuatu keadaan. Lakukan pemeriksaan terperinci di Pusat Servis Perodua yang berdaftar.
4. Jenis dan kekerapan penyelenggaraan bergantung kepada bagaimana anda memandu dan juga keadaan persekitaran semasa pemanduan. Sekiranya anda memandu dalam keadaan pemanduan yang teruk penyelenggaraan yang lebih kerap diperlukan. Dalam kes ini, dapatkan nasihat daripada Pusat Servis Perodua yang berdaftar.
5. Sila ambil perhatian penyelenggaraan yang dijalankan adalah di bawah tanggungjawab pemilik.

Jadual penyelenggaraan

Jadual untuk pemanduan BIASA

Ikutilah jarak dan/atau jangka masa kenderaan telah dipandu mengikut mana yang terdahulu jika tiada sebarang pemberitahuan daripada Pusat Servis Perodua yang berdaftar. Teruskan penyelenggaraan selepas 100,000km dengan mengikut jadual di bawah.

NOTA: PERODUA boleh mengubah kandungan tanpa sebarang notis.

● ...Ganti ○ ...Periksa (baiki/ganti sekiranya perlu)

Bahagian	Perkara	Apa perlu diperiksa Selang Waktu pemeriksaan	x 1000 km	1	10	20	30	40	50	60	70	80	90	100
			Bulan	1	6	12	18	24	30	36	42	48	54	60
Enjin	Elemen pembersih udara	Pembersihan Periksa • Rosak Tukar			○	○	○	●	○	○	○	●	○	○
	Minyak enjin	Tukar (Sila rujuk "Carta kelikatan minyak enjin" di Seksyen 17)	○	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
	Palam salir	Tukar		●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
	Turas minyak enjin	Tukar		●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
	Sistem penyejuk (Motor kipas)	Periksa • Haus						○				○		
	Saluran dan sambungan bahan api (Termasuk hos bahan api)	Periksa • Retak • Ketat • Bocor • Rosak						○				○		
	Penyejuk	Tukar		○	○	○	○	●	○	○	○	○	●	○



●Ganti ○Periksa (baiki/ganti sekiranya perlu)

Bahagian	Perkara		Apa perlu diperiksa Selang Waktu pemeriksaan	x 1000 km	1	10	20	30	40	50	60	70	80	90	100	
				Bulan	1	6	12	18	24	30	36	42	48	54	60	
Enjin	Tali sawat pemacu (Alternator, pam air, penyaman udara)		Periksa • Tegang • Retak • Rosak		○		○		○		○		○		○	
	Palam pencucuh	1NR & 2NR (iridium)	Periksa & cuci • Keadaan • Celahan • Rosak			○	○	○	○	○	○	○	○	○	●	
	Bateri	34B19L	Periksa • Retak • Ketat • Bocor (paras air)		○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○
		M42														
Sistem kawalan emisi ekzos	Kanister arang (Charcoal)		Periksa • Fungsinya • Rosak						○				○			
	Penutup tangki minyak & penyambung salur minyak		Periksa • Bocor						○				○			
	Penuras minyak		Tukar	Setiap 6 tahun												
	Hos emisi penyejaran		Tukar	Setiap 8 tahun												
	Paip ekzos & bingkai peredam bunyi		Periksa • Ketat • Rosak			○		○		○		○		○		○

●Ganti ○Periksa (baiki/ganti sekiranya perlu)

Bahagian	Perkara	Apa perlu diperiksa Selang Waktu pemeriksaan	x 1000 km													
			1 Bulan	10	20	30	40	50	60	70	80	90	100			
Sistem transmisi kuasa	Cekam	Periksa <ul style="list-style-type: none"> • Gerak bebas • Gerak simpanan • Rosak 	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○		
	Transmisi manual API GL-4	Periksa & tukar <ul style="list-style-type: none"> • Minyak 					●					●				
	Palam salir (MT)	Tukar					●					●				
	Transmisi automatik ATF D3-SP	Periksa & tukar <ul style="list-style-type: none"> • Bendalir 					●					●				
	Palam salir (AT)	Tukar					●					●				
	Hos pemanas bendalir transmisi automatik	Periksa <ul style="list-style-type: none"> • Retak, calar, putus, pintal & gelembung 			○					○				○		
	Penutup aci pacu	Periksa <ul style="list-style-type: none"> • Rosak 		○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○		
Sistem suspensi	Lengan suspensi (Hadapan) Lengan kawalan (Belakang) Penutup habuk Spring Penstabil	Periksa <ul style="list-style-type: none"> • Ketat • Retakan • Rosak 			○		○		○		○		○			
Sistem stereng	Penyambungan stereng Kotak gear Penutup habuk	Periksa <ul style="list-style-type: none"> • Gerak bebas (roda stereng) • Ketat • Retakan • Rosak 			○		○		○		○		○			
	Penjajaran roda	Periksa <ul style="list-style-type: none"> • Toe-in 					○				○					



●Ganti ○Periksa (baiki/ganti sekiranya perlu)

Bahagian	Perkara	Apa perlu diperiksa Selang Waktu pemeriksaan	x 1000 km											
			1 Bulan	10	20	30	40	50	60	70	80	90	100	
Sistem brek	Pedal brek & brek tangan	Periksa <ul style="list-style-type: none"> Gerak bebas (pedal brek) Gerak simpanan (pedal brek) Gerak bekerja (brek tangan) Ketat Retakan Rosak 	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	
	Ceper & pad ceper	Periksa <ul style="list-style-type: none"> Haus Rosak 			○		○		○		○		○	
	Hos brek, tiub dan injap P & B	Periksa <ul style="list-style-type: none"> Kebocoran (aras bendalir, sambungan) Pengapit longgar Rosak 			○		○		○		○		○	
	Bendalir brek	Tukar	○	○	○	○	●	○	○	○	○	●	○	○
	Drum & pelapik brek	Periksa <ul style="list-style-type: none"> Haus Rosak 			○		○		○		○		○	
	Silinder utama & roda	Periksa <ul style="list-style-type: none"> Bocor 				○				○			○	
Casis & badan	Nat hub roda, bolt dan nat	Periksa <ul style="list-style-type: none"> Ketat 				○				○			○	
	Tayar & tekanan pengembangan	Periksa <ul style="list-style-type: none"> Tekanan Haus 	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○
	Lampu, hon, pengelap & pencuci	Periksa <ul style="list-style-type: none"> Keadaan (mentol, bunyi) Haus Rosak 	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○

Jadual untuk pemanduan yang TERUK (SEVERE)

NOTA: PERODUA boleh mengubah kandungan tanpa sebarang notis.

●Ganti ○Periksa (baiki/ganti sekiranya perlu)

Bahagian	Perkara	Apa perlu diperiksa Selang Waktu pemeriksaan	x 1000 km													
			1	10	20	30	40	50	60	70	80	90	100			
			Bulan													
			1	6	12	18	24	30	36	42	48	54	60			
Enjin	Elemen pembersih udara	Periksa & cuci • Rosak Tukar	Periksa & cuci : Setiap 5,000 km Tukar : Setiap 20,000 km													
	Minyak enjin & turas minyak	Tukar (Sila rujuk "Carta kelikatan minyak enjin" di Seksyen 17)	●	Setiap 5,000 km (setiap 3 bulan)												
Sistem stereng	Penyambungan stereng Kotak gear Penutup habuk	Periksa • Gerak bebas (roda stereng) • Ketat • Retakan • Rosak		○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	
Sistem brek	Ceper & pad ceper	Periksa • Haus • Rosak		○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	
	Drum & pelapik brek	Periksa • Haus • Rosak		○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	○	

Keadaan pemanduan yang teruk

- 1: Memandu di jalan berkeluk-lekuk, ditenggelami air atau kawasan berbukit
- 2: Memandu di kawasan berdebu atau di kawasan yang terdedah kepada udara masin
- 3: Enjin melahu untuk tempoh yang lama
- 4: Menggunakan kenderaan sebagai teksi atau kereta sewa
- 5: Menunda treler
- 6: Kerap menggunakan brek
- 7: Perjalanan ulangan jarak dekat
- 8: 50% atau lebih masa kendaliannya dalam lalu lintas yang sesak pada suhu panas pada 32° C atau lebih

Seksyen 14




Panduan penyelenggaraan sendiri

Ruang enjin	14-1
Panduan melakukan penyelenggaraan sendiri.....	14-2
Minyak enjin	14-3
Cecair pendingin enjin	14-7
Pemeriksaan tali sawat pemacu	14-9
Pembersihan dan penggantian turas udara	14-9
Pemeriksaan dan penggantian palam pencucuh	14-11
Pembersihan dan pemeriksaan keadaan bateri	14-13
Fius	14-15
Pemeriksaan penyambung boleh lakur	14-20
Pemeriksaan aras bendalir brek	14-21
Pemeriksaan aras bendalir pencuci cermin	14-22
Pemeriksaan aras minyak transmisi manual	14-22
Pemeriksaan aras bendalir transmisi automatik	14-23
Pemeriksaan gerak bebas stereng	14-24
Pemeriksaan gerak bebas injak brek	14-24
Injak brek	14-25
Pemeriksaan gerak simpanan brek meletak kenderaan	14-26
Pemeriksaan pengendalian penggalak brek	14-26
Penggantian bilah pengelap	14-27
Penggantian mentol lampu	14-29
Tayar	14-38



Ruang enjin






Panduan melakukan penyelenggaraan sendiri

⚠ AMARAN

- Jika anda tidak mahir tentang prosedur penyelenggaraan yang diberikan, jangan cuba untuk memeriksa atau melaras sebarang komponen.
- Jangan benarkan asap, percikan bunga api atau api berada berhampiran dengan objek yang mudah terbakar, seperti bahan api atau bateri bagi mencegah kebakaran.
- Bagi mengelakkan risiko kecederaan badan yang serius, jangan memakai rantai, gelang, cincin dan seumpamanya. Ikat rambut anda ke belakang. Jauhkan juga tangan, peralatan, pakaian dan objek yang lain daripada bahagian enjin yang bergerak.
- Bagi membantu mengurangkan risiko kecederaan kebakaran, biarkan enjin sejuk sebelum memeriksa sebarang komponen di dalam ruang enjin, kecuali apabila perlu.

- Jangan benarkan sesiapa pun berada di bawah badan kenderaan yang hanya disokong oleh jek.
- Periksa kenderaan anda di tempat yang ada pengaliran udara yang baik.
- Jauhkan kanak-kanak daripada sebarang cecair atau minyak.
- Periksa supaya tiada sebarang alat atau kain tertinggal apabila menutup hud. Ia boleh merosakkan komponen atau terbakar semasa memandu.
- Pendawaian tidak boleh diubahsuai dalam apa juga keadaan. Kegagalan mematuhi arahan ini mungkin menyebabkan komponen tidak berfungsi atau berlaku kebakaran.
- Gunakan peralatan yang dijaga dengan baik untuk mengelakkan kecederaan anggota dan kerosakan kepada komponen enjin.




PERINGATAN

- Semasa memeriksa bahagian enjin, jangan letakkan sebarang objek berhampiran cermin hadapan. Ia mungkin akan terjatuh ke dalam bahagian enjin dan menyebabkan enjin tidak berfungsi.
- Putuskan kabel daripada terminal negatif bateri sebelum memperbaiki sistem elektrik. Berhati-hati supaya terminal bateri tidak mengalami sebarang litar pintas dengan peralatan besi yang lain. Ini mungkin merosakkan bateri.



Kipas elektrik pendingin enjin




⚠ AMARAN

- Tekan suis penghidup ke "OFF" apabila anda bekerja hampir dengan radiator dan kipas kondenser atau kekisi radiator.

- Jangan menyentuh atau menghampiri bilah kipas sekiranya anda menyelenggara kenderaan anda dengan suis penghidup berada pada kedudukan "ON". Suis kipas radiator akan terpasang secara automatik apabila suhu bahan pendingin sampai ke aras tertentu. Tambahan lagi, kipas radiator akan mula berputar secara automatik apabila penyaman udara dipasang.

Minyak enjin

Pemeriksaan aras minyak enjin



1. Letakkan kenderaan di permukaan yang rata.
2. Panaskan enjin kepada suhu pengendalian dan berhentikannya.
3. Selepas beberapa minit, perlahan-lahan tarik batang celup keluar dan lap minyak dengan bersih.
4. Masukkan semula batang celup sedalam yang boleh.
5. Tarik keluar batang celup sekali lagi dan periksa aras minyak sama ada berada di antara dua tanda.
6. Sekiranya aras minyak enjin adalah terlalu rendah, tambahkan minyak enjin. Bagi minyak enjin yang disarankan, sila lihat Seksyen 17.




⚠ AMARAN

Bersihkan sebarang tumpahan minyak. Ia boleh menyebabkan kebakaran sekiranya ditinggalkan di atas komponen yang panas.

PERHATIAN

Pastikan aras minyak enjin merujuk kepada jadual penyelenggaraan berkala. Sentiasa lakukan pemeriksaan aras minyak enjin sebelum memulakan perjalanan yang jauh.


Penggantian minyak enjin





1. Letakkan kenderaan di permukaan yang rata.
2. Tanggalkan tukup pengisi minyak.

⚠ AMARAN

Berhati-hati agar anda tidak melecur disebabkan oleh minyak enjin panas atau komponen yang panas.



3. Letakkan bekas di bawah palam pengalir untuk mengalirkan minyak enjin.
4. Buka palam pengalir dan gasket dengan sepana dan biarkan minyak mengalir keluar sepenuhnya.
Gunakan kaca mata keselamatan, jika perlu.



5. Longgarkan penuras minyak dengan sepana dan tanggalkannya dengan tangan.
6. Sapu sedikit minyak enjin yang baru pada gasket getah penuras minyak baru.
7. Ketatkan penuras minyak 3/4 pusingan setelah gasket menyentuh permukaan pelekap.
Dayakilas pengetatan: 10.0 ± 2.0 N.m
(102 ± 20 kgf.cm)
8. Pasangkan semula palam pengalir dan gasket yang baru.
Ketatkan palam pengalir.
Dayakilas pengetatan: 29.5 ± 5.9 N.m
(301 ± 60 kgf.cm)

PERINGATAN

Jangan pusing penuras minyak dan palam pengalir terlalu ketat. Ia boleh menyebabkan kebocoran minyak.

9. Tuangkan minyak enjin perlahan-lahan. Untuk minyak enjin yang disyorkan, lihat Seksyen 17.
10. Pasangkan semula penutup pengisi minyak dengan tangan.
11. Tunggu beberapa minit dan periksa aras minyak enjin.

12. Hidupkan enjin dan periksa jika terdapat kebocoran minyak enjin pada penuras minyak atau palam pengalir. Sebarang kebocoran menunjukkan pemasangan penuras minyak atau palam pengalir yang tidak betul.
13. Matikan enjin dan tunggu beberapa minit. Periksa semula aras minyak enjin, tambah minyak jika perlu.



⚠ AMARAN

- Bersihkan sebarang minyak yang tumpah. Ini mungkin menyebabkan kebakaran jika tertumpah di atas komponen yang panas.
- Semasa memeriksa atau menukar minyak, berhati-hati supaya minyak tidak tertumpah pada pengatur ulang alik (*alternator*) dan sebagainya. Jika minyak tertumpah pada pengatur ulang alik (*alternator*), lap ia dengan segera. Sebarang tumpahan minyak adalah berbahaya kerana ia boleh menyebabkan kebakaran.
- Basuhkan tangan anda dengan bersih.
- Sentuhan dengan minyak enjin terpakai secara berlarutan boleh menyebabkan kanser kulit.

- Jangan buang minyak enjin terpakai ke atas tanah, longkang dan sebagainya. Pastikan minyak enjin terpakai dibuang di tempat yang mempunyai kemudahan yang mencukupi. Adalah disyorkan agar penukaran minyak enjin dilakukan oleh Pusat Servis Perodua yang berdaftar.
- Pasangkan tukup pengisi minyak dengan baik. Sekiranya tidak, penggunaan bahan api akan bertambah dan minyak enjin akan tumpah ke atas komponen dan ini boleh menyebabkan kebakaran.

Penggantian turas minyak

PERINGATAN

Gunakan hanya turas minyak Perodua yang tulen untuk Perodua anda.

Sekiranya perlu untuk diganti, pastikan anda menggantikannya di Pusat Servis Perodua yang berdaftar.



Cecair pendingin enjin

⚠ AMARAN


Berhati-hati agar anda tidak melecur apabila membuka tutup radiator atau palam pengalir.

PERINGATAN

- Ikuti arahan daripada pengeluar bahan pendingin.
- Untuk mengelakkan kakisan aluminium, pastikan anda menggunakan bahan pendingin jenis pelindung kakisan yang berkualiti tinggi (berasaskan ethylene glycol).
- Bagi kepekatan bahan pendingin, kekalkan pada 30% isipadu.
- Untuk mencairkan bahan pendingin, pastikan anda menggunakan air biasa (air suling).

Jika bahan pendingin berkurangan dengan ketara, dapatkan pemeriksaan di Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

Pemeriksaan aras bahan pendingin enjin



Periksa aras bahan pendingin pada tangki simpanan apabila enjin sejuk.

Periksa sama ada arasnya berada antara garisan "F (penuh)" dan "L (rendah)".

Jika aras bahan pendingin rendah disebabkan oleh penyejatan semulajadi, tambahkan air biasa sahaja. Jika jumlah isi kandungan bahan pendingin berkurangan tambahkan bahan pendingin tahan lama.

Jika aras bahan pendingin di tangki simpanan berkurang, tambahkan bahan pendingin di radiator dan tangki simpanan.

Lapkan bahan pendingin yang berlebihan dan pasang semula tutup radiator dan tangki simpanan dengan sempurna.


Penukaran bahan pendingin enjin

Bahan pendingin perlu ditukar pada satu tempoh yang tetap.

Untuk kapasiti bahan pendingin, lihat Seksyen 17.

⚠ AMARAN

- Jangan buka tutup radiator atau palam pengalir ketika enjin masih panas.
- Jangan sentuh kipas pendingin. Kipas mungkin akan berpusing dan merbahaya.




Untuk menukar cecair pendingin enjin

1. Tanggalkan penutup radiator.
2. Letakkan bekas di bawah palam salir untuk mengalirkan bahan pendingin.
3. Tanggalkan palam salir radiator dan gasket. Biarkan bahan pendingin mengalir sepenuhnya.
4. Salirkan bahan pendingin daripada tangki simpanan.
5. Pasang palam salir radiator dan gasket.
6. Tuangkan air ke dalam radiator sehingga penuh dan tutup tutup radiator.
7. Hidupkan enjin pada kelajuan melahu untuk seketika dan matikan enjin.
8. Tuang air sepenuhnya.
9. Ulang langkah 6 hingga 8 beberapa kali.
10. Pasangkan palam salir radiator dan gasket baru. Ketatkannya.
11. Tuangkan bahan pendingin perlahan-lahan sehingga penuh (ethylene glycol berasaskan bahan pelarut anti-freeze) ke dalam radiator dan tangki simpanan. Tambahkan air yang bersih pada radiator sehingga penuh.
Tambahkan air yang bersih ke dalam tangki simpanan sehingga ke garisan "F (penuh)".
12. Tutup radiator dan tutup tangki simpanan.
13. Hidupkan enjin untuk beberapa minit dan matikannya. Biarkan enjin sejuk.
14. Tanggalkan tutup radiator dengan berhati-hati dan periksa aras bahan pendingin. Tambahkan air yang bersih sekiranya perlu pada radiator.
15. Masukkan dan ketatkan tutup radiator.
16. Panaskan enjin untuk suhu operasi biasa. Periksa sekiranya terdapat kebocoran pada bahan pendingin daripada palam salir. Sebarang kebocoran menunjukkan pemasangan yang tidak betul pada palam salir radiator.
17. Selepas memandu untuk seketika, periksa aras bahan pendingin. Sekiranya bahan pendingin telah berkurangan, tambahkan bahan pendingin dengan nisbah campuran yang betul sehingga ke garisan "F (penuh)" ke dalam tangki simpanan.



Pemeriksaan tali sawat pemacu



⚠ AMARAN

Berhati-hati agar anda tidak melecur terkena komponen enjin dan radiator yang panas.

Matikan enjin dan periksa sama ada tali sawat retak, telah haus, atau berminyak.

Tukar sebarang tali sawat yang rosak di Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

Tekan ➡ dan ukur pesongan.

Pembersihan dan penggantian turas udara

Anda boleh membersihkan penuras udara dengan udara mampat.

Dapatkan udara mampat daripada turas udara yang bersih.


Tukar penuras udara jika perlu.

Jika kenderaan banyak di pandu di kawasan berhabuk, bersihkan penuras udara setiap 5,000 km.



Lapkan bekas penuras udara dengan kain lembut untuk membersihkan kotoran dan habuk.

PERINGATAN

- **Jangan memandu tanpa pembersih udara. Kegagalan mematuhi arahan ini akan menyebabkan kehausan enjin yang berlebihan.**
- **Jangan biarkan elemen terkena minyak. Ini mungkin mengurangkan keberkesanan elemen tersebut.**



1. Cabut wayar.
2. Buka 4 klip.
3. Angkat bekas bahagian atas.
4. Alihkan turas udara.




Untuk memasang


1. Pasangkan turas udara pada penutup getah.
2. Masukkan bekas atas.
3. Klipkan semula kesemua klip.




Pemeriksaan dan penggantian palam pencucuh



1. Tanggalkan bolt ① dan ② seperti yang ditunjukkan di dalam gambarajah.



2. Tanggalkan pencuci udara seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah.
3. Longgarkan klip ③ dan tarik penutup pencuci udara mengikut arah ④ daripada bekas pencuci udara.




4. Tanggalkan bolt pada gegelung pencucuh.
5. Tarik keluar gegelung pencucuh.

PERHATIAN

Berhati-hati supaya anda tidak tertarik keluar wayar semasa menanggalkannya. Jika ada kemungkinan wayar tertarik, putus sambungan pada gegelung pencucuh.

⚠ AMARAN

Berhati-hati agar anda tidak melecur kerana bahagian enjin dan palam pencucuh mungkin panas.



PERINGATAN


Jangan mengotorkan atau menjatuhkan sebarang benda ke dalam lubang palam pencucuh. Jika tidak ia mungkin menyebabkan enjin rosak.

6. Buka skru dan tanggalkan palam pencucuh dengan perengkuh palam pencucuh.

PERINGATAN

Masukkan aci palam pencucuh terus ke palam pencucuh. Jika ia digunakan dalam keadaan condong, palam pencucuh mungkin akan rosak.

7. Periksa hujung penebat palam pencucuh untuk melihat sama ada ia berwarna perang muda dan tidak tersumbat. Jika tidak, dapatkan pemeriksaan palam pencucuh di Pusat Servis Perodua yang berdaftar.



8. Periksa sela palam pencucuh baru dengan tolak sela palam pencucuh. Untuk palam pencucuh yang disyorkan, rujuk Seksyen 17.

PERINGATAN

- Jangan melaras sela palam pencucuh terpakai. Ia mungkin boleh merosakkan enjin.
- Jangan menggunakan palam pencucuh selain yang disyorkan.




Pembersihan dan pemeriksaan keadaan baterai

9. Pasangkan palam pencucuh dengan betul.
Dayakilas pengetatan: 20.0 ± 4.0 N.m
(204 ± 41 kgf.cm)

PERINGATAN

Jangan terlalu mengetatkan palam. Jika tidak ia mungkin menyebabkan kerosakan enjin.

10. Pasangkan gegelung pencucuh.
Dayakilas pengetatan: 10.0 ± 3.0 N.m
(102 ± 31 kgf.cm)
11. Sambung semula wayar palam pencucuh di tempat yang betul.



Periksa sambungan sama ada retak, karat atau putus atau pengapit longgar. Jika terminal bateri kotor, bersihkan dengan air soda penaik dan sapukan gris baru kepadanya. Jika terminal longgar, ketatkannya dengan betul. Periksa aras elektrolit sekiranya berada antara had atas dan had bawah. Jika aras elektrolit terlalu rendah buka penutup liang setiap sel. Tambahkan air suling pada setiap sel sehingga had "UPPER".

⚠ AMARAN

- Apabila membersihkan bateri, berhati-hati agar tidak melitar pintas terminal bateri dengan alat atau objek logam. Jika terminal bateri terlijar pintas, ia akan menyebabkan bateri menjadi terlalu panas, dan boleh menyebabkan kerosakan atau letupan.
- Ketatkan penutup lubang sel selepas menambahkan air suling. Elektrolit bateri mungkin terpercik keluar dan merosakkan kenderaan atau mungkin menyebabkan kecederaan anggota badan yang serius.
- Bateri mengandungi asid sulfurik yang beracun dan mengkakis. Gunakan cermin mata keselamatan dan berhati-hati agar bendalir bateri tidak terpercik ke badan, pakaian dan kenderaan. Jika bendalir bateri terpercik ke kulit atau mata, buka pakaian yang terkena bendalir dan basuh anggota tersebut sekurang-kurangnya 15 minit.



Peringatan mengenai baterai

- Jauhkan api daripada bateri. Ia boleh menyebabkan letupan.
- Jauhkan kanak-kanak daripada bateri.
- Jika anda terminum bendalir bateri, minum air atau susu sebanyak mungkin dan segera berjumpa doktor.

PERINGATAN


Basuh bendalir bateri yang terpercik kepada kemasan cat dengan segera.

PERHATIAN

Untuk mengelakkan bateri daripada lemah dengan cepat, patuhi peringatan berikut:

- Jangan hidupkan lampu atau sistem audio terlalu lama apabila enjin tidak dihidupkan.
- Meskipun ketika enjin dihidupkan, tambah kuasa putaran enjin sewaktu bergerak di dalam kesesakan lalulintas atau sekiranya kenderaan tidak bergerak dalam jangkamasa yang lama.

Aras air bateri yang rendah akan mengurangkan kuasa cas bateri tersebut dan akan mengurangkan jangka hayat bateri. Aras air bateri perlu diperiksa secara kerap dan tambah kandungan air bateri sekiranya perlu.





	Keep away from fire and naked flames, and refrain from smoking. Avoid creating sparks.
	Wear suitable eye protection.
	Keep children away from batteries.
	<p>Risk of acid burns</p> <p>Battery acid is caustic. It must not come into contact with the skin, eyes or clothing.</p> <p>Immediately rinse acid splashes thoroughly with clean water. If necessary, consult a doctor.</p>
	Follow all operating instructions.
	Risk of explosion.




Fius

Kedudukan fius



Blok fius utama



Apabila mengganti fius, gunakan fius yang telah dispesifikasikan seperti yang ditunjukkan pada label penutup kotak fius.


- ① (DEF2) - Defogger 2...5A
- ② (FR FOG LH) - Front fog light...7.5A
- ③ (FR FOG RH) - Front fog light...7.5A
- ④ (RR WIP) - Rear wiper...10A
- ⑤ WASHER - Windshield washer...15A
- ⑥ (D/L) - Door lock...15A
- ⑦ H-LP LO RH - Head lamp low...15A
- ⑧ (ECU-B)...10A
- ⑨ (DOOR-DL)...15A
- ⑩ (POWER B)...20A
- ⑪ (A/C)...7.5A
- ⑫ ECU IG1 - ECU Ignition 1...7.5A
- ⑬ (IG1) - Ignition 1...5A
- ⑭ AM 1...5A



- ⑮ (SOCKET)...15A
- ⑯ BACK UP2...5A
- ⑰ FR WIP - Front Wiper...25A
- ⑱ H-LP LO LH - Head lamp low...15A
- ⑲ (STR LOCK) - Steering lock...20A
- ⑳ AM 2...7.5A
- ㉑ ACC - Accessories...5A
- ㉒ H-LP HI RH - Head lamp high...10A
- ㉓ DOME - Dome Lamp...5A
- ㉔ H-LP HI LH - Head lamp high...10A
- ㉕ STOP - Stop lamp...10A
- ㉖ TAIL - Tail Lamp...10A
- ㉗ HORN...10A
- ㉘ (DEF) - Defogger...15A
- ㉙ (POWER) - Power Window...30A
- ㉚ Spare...15A
- ㉛ Spare...10A
- ㉜ Spare...5A

* () Sekiranya dilengkaipi

Geganti & kotak fius




- ① AM 2...30A
- ② EPS - Electronic Power Steering
1NR-VE Engine...50A
2NR-VE Engine...50A
- ③ RAD - Radiator Fan...30A
- ④ (ABS)...40A
- ⑤ HTR - Air Cond...40A
- ⑥ EG - Engine...10A
- ⑦ ECU IG2 - ECU Ignition 2...5A
- ⑧ (ST) - Starter...7.5A
- ⑨ IG/BACK...5A
- ⑩ MGC - Magnetic clutch...10A
- ⑪ (ETCS)...10A
- ⑫ HAZ - Hazard...10A

- ⑬ RR USB - Rear usb...5A
- ⑭ (ABS 2)...30A
- ⑮ EFI - Electronic fuel injection...15A
- ⑯ (RR SOCKET) Rear socket... 15A
- ⑰ IG MAIN - Ignition main... 25A
- ⑱ (LUG_LP) - Luggage lamp... 5A
- ⑲ BACK UP...15A
- ⑳ FUEL PUMP...10A
- ㉑ Integration relay




Penggantian dan pemeriksaan fuis



Untuk menanggalkan penutup geganti & kotak fuis

1. Setkan suis penghidup pada kedudukan "OFF".
2. Tanggalkan penutup geganti dan kotak fuis dengan menekan pengancing.




Untuk menanggalkan peti peralatan


1. Setkan suis penghidup pada kedudukan "OFF". Buka peti peralatan.
2. Tolak masuk ke dalam dan angkat peti peralatan mengikut arah yang ditunjukkan dan buka pencengkam.

PERHATIAN

Dapatkan punca dan atasi masalah itu sebelum memasang fuis yang baru. Sekiranya tidak boleh, dapatkan Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk memeriksa sistem tersebut.




3. Tanggalkan peti peralatan dalam apa-apa cara sehingga ia tertanggal dari pencengkam.



Untuk memasang peti peralatan


1. Masukkan pencengkam yang lebih rendah dengan menyimpan peti peralatan secara mendatar.



2. Tekan peti peralatan mengikut arah yang ditunjukkan.


PERHATIAN

Apabila memasang peti peralatan, pastikan ianya dicengkam dengan sempurna. Kemudian tutup peti peralatan. Sekiranya pencengkam yang rendah tidak dicengkam dengan sempurna, peti itu tidak akan terbuka.




Untuk menanggalkan fuis

1. Tanggalkan penarik fuis daripada kotak fuis utama.



2. Dengan menggunakan penarik fuis, kepitkan fuis dan tarik keluar untuk menanggalkannya.



3. Periksa fuis yang telah dikeluarkan. Sekiranya fuis telah putus, gantikan dengan fuis simpanan. Sekiranya fuis tidak putus, kemungkinan ia disebabkan oleh masalah yang lain. Dapatkan pemeriksaan ke atas kenderaan anda oleh Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

Sekiranya perbaikan ditangguhkan, putuskan sambungan kabel daripada terminal negatif bateri sebagai langkah keselamatan.

PERINGATAN

- Jangan menggunakan fuis melebihi kapasiti yang ditentukan. Pendawaian akan menjadi terlalu panas dan rosak. Ini akan menyebabkan kebakaran dan merbahaya.
- Sekiranya fuis yang baru digantikan cepat rosak, dapatkan pemeriksaan ke atas kenderaan anda oleh Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

PERHATIAN

Sekiranya kabel diputuskan daripada terminal negatif sebarang data berkenaan "EFI" dan sistem transmisi automatik kawalan elektronik yang telah direkod melalui fungsi diagnosis akan hilang. Data yang dipraset pada jam dan radio juga akan hilang.



Pemeriksaan penyambung boleh lakur


⚠ AMARAN

Untuk mengelakkan kebakaran oleh pengaliran arus yang berlebihan:

- Jangan memasang sebarang benda di tempat fius walaupun untuk sementara.
- Pastikan anda hanya menggunakan fius dengan kapasiti tertentu.

Jangan sesekali menggunakan fius yang nisbah ampiernya lebih tinggi daripada yang ditetapkan.

Kami mengesyorkan anda menyimpan satu fius simpanan untuk kecemasan.



Sekiranya jumlah arus berlebihan keluar dari terminal positif bateri ke litar lampu hadapan atau litar suis pencucuh, penyambung boleh lakur akan putus untuk mengelakkan kebakaran.


Segera hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk mengetahui punca masalah dan memperbaiki sistem.

⚠ AMARAN

Jangan memasang sebarang benda di tempat penghubung terlakurkan walaupun sementara. Ia mungkin menyebabkan kerosakan yang teruk kepada kenderaan atau menyebabkan kebakaran.



Pemeriksaan aras bendalir brek



Periksa tangki simpanan bendalir brek sama ada aras bendalir brek berada antara garisan "MAX" dan "MIN".

Sekiranya aras bendalir brek terlalu rendah, tambahkan bendalir brek baru perlahan-lahan sehingga ke garisan "MAX".

Untuk bendalir brek yang disyorkan, rujuk Seksyen 17.

PERINGATAN


Lapkan bendalir yang tertumpah untuk mengelakkan kerosakan pada cat.

⚠ AMARAN

- Bendalir brek berbahaya kepada mata anda. Sekiranya terkena mata anda, basuh ia dengan bersih.
- Untuk prestasi brek yang baik:
 - Pastikan anda menggunakan bendalir brek yang telah dispesifikasikan.
 - Ikuti arahan pengeluar bendalir brek.
 - Jangan campurkan bendalir brek yang berlainan jenis.
 - Jangan gunakan bendalir brek yang telah terdedah kepada udara lebih daripada 1 tahun kerana ia mungkin telah menyerap banyak air.
 - Jangan biarkan habuk, kekotoran dan pasir bercampur dengan bendalir brek.
 - Sekiranya minyak brek berkurangan dengan ketara, hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk memeriksa sistem brek tersebut.



Pemeriksaan aras bendalir pencuci cermin



Pastikan aras bendalir pencuci mencukupi. Tambahkan bendalir sekiranya aras terlalu rendah.


⚠ AMARAN

- Sentiasa gunakan bendalir pencuci yang bersih. Bendalir yang kotor boleh menyebabkan sistem pencuci tersumbat atau boleh menghalang penglihatan anda.
- Jangan menambah bendalir pencuci ketika enjin sedang panas atau bergerak. Bendalir pencuci yang tumpah pada enjin boleh mengakibatkan kebakaran.

PERINGATAN

- Ikuti arahan pembuat bendalir pencuci untuk nisbah campuran yang betul.
- Jangan mencurahkan air sabun atau bendalir selain daripada bendalir pencuci. Ini akan meninggalkan kesan pada cat dan sistem pencuci tersumbat.

Pemeriksaan aras minyak transmisi manual



⚠ AMARAN

Untuk mengurangkan risiko kecederaan diri jangan memeriksa aras minyak kecuali suis penghidup telah berada pada kedudukan "OFF" dan enjin sudah cukup sejuk.

Letakkan kenderaan di tempat yang rata dan masukkan brek meletak kenderaan. Pastikan suis penghidup berada pada kedudukan "OFF".

Buka palam pengisi dan periksa aras minyak transmisi dengan jari anda.

Jika aras minyak transmisi tidak kurang daripada 5 mm (0.2 in.) di bawah tepi dasar lubang, aras minyak adalah mencukupi.




Pemeriksaan aras bendalir transmisi automatik

Sekiranya aras minyak mencukupi, pasang semula palam pengisi dengan gasket baru ditempatnya dan ketatkannya dengan betul.

Dayakilas Pengetatan: 39.2 ± 9.8 N.m
(400 ± 99 kgf.cm)

Apabila aras minyak rendah, tambahkan minyak yang ditentukan sehingga ia mula mengalir keluar daripada lubang pengisi.

Untuk minyak transmisi manual yang disyorkan, lihat Seksyen 17. Pasang semula palam pengisi dengan gasket baru ditempatnya dan ketatkan dengan betul
Dayakilas pengetatan: 39.2 ± 9.8 N.m
(400 ± 99 kgf.cm)



Periksa aras bendalir apabila suhu bendalir transmisi adalah $70-90^{\circ}\text{C}$.

Jika kenderaan telah dipandu kira-kira 15 minit dengan kelajuan 60 km/j atau kira-kira 30 minit dengan kelajuan 40 km/j , suhu bendalir menjadi $70-90^{\circ}\text{C}$.

1. Letakkan kenderaan di permukaan rata dan kenakan brek meletakkan kenderaan.
2. Hidupkan enjin pada kelajuan melahu dan tekan injak brek dengan kuat. Gerakkan tuil anjakan daripada ① kepada ② dengan lancar dan balik semula ke ①.
3. Tarik batang celup dan lapkan bersih. Masukkan ke kedudukan yang asal.

4. Tarik keluar batang celup dan periksa aras bendalir untuk melihat sama ada aras berada dalam julat "HOT".
5. Jika aras minyak terlalu rendah, tambahkan bendalir yang spesifik melalui tiub pengisi minyak perlahan-lahan. Jangan sampai melimpah. Untuk bendalir transmisi automatik yang disyorkan, lihat Seksyen 17.
6. Masukkan semula batang celup.
7. Lapkan sebarang minyak yang tertumpah.

PERINGATAN

- **Jika bendalir kotor, dapatkan Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk menukarnya.**
- **Jika aras bendalir terlalu rendah atau berkurangan dengan ketara, dapatkan Pusat Servis Perodua memeriksa sistem tersebut.**




Pemeriksaan gerak bebas stereng

⚠ AMARAN

- Berhati-hati agar anda tidak melecur kerana bendalir itu mungkin panas.
- Jangan sesekali menyentuh atau menghampiri bahagian yang bergerak semasa enjin hidup untuk mengurangkan risiko mendapat kecederaan.

PERHATIAN

- Paras semasa bendalir sejuk (20 - 30°C) hendaklah digunakan sebagai nilai rujukan sahaja.
Periksa paras bendalir sekali lagi pada suhu kendalian normal (70 - 90°C) untuk paras sebenar.
- Jika paras berlainan di antara sebelah depan dengan sebelah belakang batang celup, pemeriksaan perlu dilakukan pada bahagian yang menunjukkan paras rendah.




Gerakkan roda stereng perlahan-lahan dari kedudukan lurus ke hadapan kepada kanan dan kiri sehingga anda merasa tekanan dan ukur gerak bebas itu.

Periksa sama ada gerak bebas itu berada di dalam spesifikasi.

⚠ AMARAN

Sekiranya gerak bebas itu tidak berada di dalam spesifikasi, dapatkan Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk memeriksa sistem itu dengan segera.

Pemeriksaan gerak bebas injak brek



Tekan injak brek dengan tangan perlahan-lahan sehingga anda merasa tekanan dan ukur gerak bebas.

Periksa sama ada gerak bebas berada di dalam spesifikasi.


⚠ AMARAN

Sekiranya gerak bebas itu tidak berada di dalam spesifikasi, dapatkan Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk memeriksa sistem itu dengan segera.



Injak brek

Pemeriksaan gerak bebas injak brek



Matikan mesin dan tekan injak brek sehingga 5 kali atau lebih untuk membebaskan vakum dalam penggalak brek.


Tekan injak brek dengan tangan perlahan-lahan sehingga anda merasa tekanan dan ukur gerak bebas.

Periksa sama ada gerak bebas berada di dalam spesifikasi.

⚠ AMARAN

Sekiranya gerak bebas tidak berada di dalam spesifikasi, dapatkan Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk memeriksa sistem itu dengan segera.

Pemeriksaan gerak simpanan injak brek



1. Letakkan kenderaan di permukaan yang rata.
2. Anjakkan tuil transmisi manual kepada neutral, ataupun kepada P untuk tuil transmisi automatik.
3. Lepaskan brek meletak kenderaan.
4. Dengan mesin yang dihidupkan, tekan injak brek beberapa kali.
5. Tekan injak brek dengan tenaga 294 N (30 kgf) dan ukur jarak di antara bahagian atas injak brek dan dinding sekatan.
6. Periksa untuk memastikan gerak simpanan adalah seperti di dalam spesifikasi.


7. Periksa juga untuk memastikan yang gerak simpanan adalah pada tahap yang sama.

⚠ AMARAN

Jika gerak simpanan tidak seperti di dalam spesifikasi, dapatkan Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk memeriksa sistem itu.



Pemeriksaan gerak simpanan brek meletak kenderaan



1. Letakkan kenderaan di permukaan yang rata.
2. Anjak tuil transmisi manual kepada neutral atau tuil transmisi automatik kepada P.
3. Tekan injak brek dengan sebaiknya.
4. Lepaskan brek meletak kenderaan sepenuhnya.
5. Tarik tuil brek meletak kenderaan ke atas perlahan-lahan dan kira takukan sehingga tenaga tarikan tuil brek meletak kenderaan sampai ke 196 N (44 paun, 20 kgf).
6. Periksa sama ada bilangan takukan berada di dalam spesifikasi (5-8 takukan).

⚠ AMARAN

Sekiranya bilangan takukan tidak berada di dalam spesifikasi, dapatkan Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk memeriksanya dengan segera.

Pemeriksaan pengendalian penggalak brek

1. Letakkan kenderaan di permukaan yang rata.
2. Anjak tuil transmisi manual kepada neutral atau pada tuil P bagi transmisi automatik.
3. Berhentikan enjin dan tekan injak brek beberapa kali sehingga injak ke paras maksima.
4. Hidupkan enjin dengan menekan injak brek. Injak brek harus turun ke bawah sedikit.
5. Berhentikan enjin dengan injak brek ditekan. Tahan injak selama 30 saat. Gerak injak tidak harus ditukar.
6. Hidupkan enjin dan berhentikannya selepas lebih kurang satu minit. Tekan injak brek beberapa kali. Gerak injak harus berkurangan dengan setiap penggunaan.

⚠ AMARAN

Sekiranya anda dapati sebarang kerosakan, segera dapatkan Pusat Servis Perodua yang berdaftar untuk memeriksanya dengan segera.



Penggantian bilah pengelap

⚠ AMARAN



Pastikan suis penghidup berada pada kedudukan "OFF" sebelum menggantikan bilah pengelap.

PERINGATAN

Berhati-hati supaya tidak mencalarakan cermin dengan bilah pengelap.

Pasangkan bilah dengan panjang yang bersesuaian.


Hadapan




1. Angkat lengan pengelap daripada cermin hadapan.
2. Tekan pencengkam dan tanggalkan bilah pengelap supaya ianya terpisah daripada lengan pengelap.
3. Pasang bilah pengelap baru dengan menolaknyanya pada bahagian yang sama dimana bilah pengelap ditanggalkan.
4. Pastikan pencengkam terkunci dengan kemas.



Belakang



1. Angkat lengan pengelap daripada cermin belakang.
2. Tarik bilah pengelap mengikut arah yang ditunjukkan dalam gambarajah untuk menanggalkannya dari lengan pengelap.



3. Pasang bilah pengelap dan pastikan ia terkunci dengan kemas.

PERINGATAN

- Bagi mengelakkan kerosakan, angkat lengan pengelap bahagian pemandu dahulu diikuti bahagian penumpang. Sebaliknya, ketika menurunkan lengan pengelap, turunkan lengan pengelap bahagian penumpang dahulu.
- Jangan buka hud semasa lengan pengelap diangkat. Ianya boleh merosakkan hud dan lengan pengelap.
- Berhati-hati supaya tidak menjatuhkan lengan pengelap pada cermin hadapan. Ianya boleh menyebabkan cermin hadapan retak. Lindungi cermin dengan tuala yang dilipat sekiranya perlu.



Penggantian mentol lampu

Gunakan mentol seperti yang ditetapkan.
(Lihat Seksyen 17)

⚠ AMARAN

Untuk mengelakkan kecederaan;

- Matikan enjin sebelum penggantian.
- Jauhkan kanak-kanak daripada mentol.
- Biarkan mentol sejuk sebelum penggantian.

PERINGATAN

Jangan jatuhkan mentol atau calarkan permukaannya.

Selepas penggantian, hidupkan suis lampu untuk melihat sama ada ia menyala.


Jika mentol itu memerlukan penggantian yang kerap, minta Pusat Servis Perodua yang berdaftar memeriksa sistem itu.

Kami mengesyorkan anda menyimpan satu set mentol gantian. Mentol boleh didapati daripada Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

PERHATIAN

Bahagian dalam kanta lampu luaran seperti lampu besar mungkin akan berkabus buat sementara semasa kanta basah ketika hujan atau kenderaan di basuh. Ini bukanlah satu masalah kerana kabus tersebut disebabkan oleh perubahan suhu luar dan dalam kanta, sama seperti cermin hadapan yang berkabus ketika hujan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat titisan air yang banyak di dalam kanta atau takungan air di dalam lampu, hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar.


Lampu besar



Lampu besar adalah dari jenis LED. Jika mana-mana LED terbakar, hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar




Lampu kelegaan/ Lampu isyarat belok hadapan



PERHATIAN

Lampu kelegaan **A** dan lampu isyarat belok hadapan **B** boleh ditanggalkan daripada bahagian dalam ruang enjin.




Untuk menanggalkan mentol

1. Tanggalkan wayar penyambung dengan menekan dan menariknya keluar.
2. Tanggalkan pemegang mentol dengan memusingkan 45 darjah lawan arah pusingan jam.

PERINGATAN


Berhati-hati jangan menekan wayar penyambung ketika anda memasang semula.



3. Tanggalkan mentol daripada pemegang dengan menariknya keluar.


Untuk memasang mentol

Terbalikkan prosedur penanggalan untuk memasangnya semula.



Untuk menanggalkan mentol

1. Tanggalkan wayar penyambung dengan menekan dan menariknya keluar.
2. Tanggalkan pemegang mentol dengan memusingkan 45 darjah lawan arah pusingan jam.




3. Tanggalkan mentol daripada soket dengan menekannya dan memusingkan mentol mengikut lawan arah pusingan jam.


Untuk memasang mentol

Terbalikkan prosedur penanggalan untuk memasangnya semula.


Lampu kabus hadapan



1. Operasikan roda stereng ke bahagian dalam kenderaan (pusingkan stereng ke kanan apabila menggantikan lampu di sebelah kiri dan pusing ke kiri apabila menggantikan lampu di sebelah kanan kenderaan).
2. Tanggalkan 4 klip untuk membuka "fender liner".



3. Tanggalkan wayar penyambung dengan menekan dan menariknya keluar.




4. Tanggalkan mentol dan soket dengan memusingkan 45 darjah lawan arah pusingan jam. Tukar mentol dan soket.
5. Terbalikkan prosedur penanggalan untuk memasangnya semula.

PERINGATAN

Jangan sentuh bahagian kaca pada mentol. Minyak di jari anda akan merosakkannya. Berhati-hati jangan menekan wayar penyambung ketika anda memasangnya semula.


Lampu isyarat belok di cermin sisi




Lampu isyarat belok dicerminkan sisi menggunakan jenis LED. Jika mana-mana LED terbakar, hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar.



Lampu kombinasi belakang



Lampu kombinasi belakang terdiri daripada lampu isyarat belok belakang, lampu belakang dan berhenti, dan lampu undur.




(Lampu isyarat belok belakang / lampu belakang dan berhenti / lampu undur)


1. Buka pintu belakang.
2. Buka kedua-dua bolt.
3. Tanggalkan himpunan lampu daripada klip.

PERINGATAN


Berhati-hati jangan menekan wayar penyambung ketika anda memasang semula.



4. Tanggalkan pemegang mentol lampu isyarat belok belakang dengan memusingkan 45 darjah lawan arah pusingan jam.



5. Tanggalkan papan trim.
6. Tanggalkan pemegang mentol lampu undur dengan memusingkan 45 derajat lawan arah pusingan jam.



7. Tukar mentol dan terbalikkan operasi penanggalan untuk memasangnya semula.
8. Sekiranya lampu belakang dan lampu berhenti (LED) tidak berfungsi atau rosak, hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

PERHATIAN


Apabila memasang lampu tersebut, pastikan untuk melaraskan pancaran lampu dengan ruang badan kenderaan.

Untuk memasang mentol


Terbalikkan prosedur penanggalan untuk memasangnya semula.



Lampu plat nombor




Lampu plat nombor terletak di bahagian bawah sisi bampar belakang.



Untuk menanggalkan mentol

1. Keluarkan lampu dengan menggunakan alat yang bersesuaian dan tanggalkan penyambung.




2. Tarik keluar mentol untuk menanggalkannya.

Untuk memasang mentol

Terbalikkan prosedur penanggalan untuk memasangnya semula.



Lampu berhenti lekup tinggi




1. Tanggalkan kedua-dua skru di lampu.
2. Putuskan sambungan penyambung wayar dan tukar lampu.

PERHATIAN


Lampu berhenti lekup tinggi menggunakan jenis LED. Jika mana-mana LED Terbakar, hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

Lampu ruang simpanan



Untuk menanggalkan mentol

1. Tanggalkan penutup dengan menggunakan alat yang sesuai.




2. Tarik keluar mentol untuk menanggalkannya.

Untuk memasang mentol

Terbalikkan prosedur penanggalan untuk memasangnya semula.



Lampu dalam




Untuk menanggalkan mentol

1. Umpil perlahan-lahan penutup untuk menanggalkannya.
2. Tanggalkan mentol.


Untuk memasang mentol

Terbalikkan prosedur penanggalan untuk memasangnya semula.

Lampu peribadi hadapan



1. Tanggalkan lampu peribadi hadapan dengan menolaknya mengikut arah anak panah seperti yang ditunjukkan.




2. Tanggalkan soket mentol dengan memusingkannya 45 darjah lawan arah pusingan jam.
3. Tanggalkan mentol dari soket dengan menariknya.
4. Tukar mentol.



Tayar


Tekanan udara tayar



Periksa tekanan udara tayar ketika tayar kenderaan sejuk dengan menggunakan tolok tekanan. Untuk tekanan udara tayar, lihat Seksyen 17 atau label tayar yang dilekatkan di tempat yang ditunjukkan dalam gambarajah di atas.


⚠ AMARAN

Kekalkan tekanan udara tayar seperti yang ditentukan. Tekanan udara yang tidak betul akan mengurangkan ketahanan tayar, meningkat penggunaan bahan api, dan menyebabkan kenderaan tidak dapat dikawal.



Jika tayar memerlukan pelarasan tekanan yang kerap, dapatkan Pusat Servis Perodua untuk memeriksa sistem roda.

Putaran tayar




Kehausan tayar adalah berbeza jika ia digunakan pada kedudukan yang sama untuk jangka masa yang lama. Untuk mengelakkan masalah ini, putarkan tayar mengikut susunan tayar yang ditunjukkan di atas. Laraskan tekanan udara tayar selepas putaran.

Jarak giliran tayar: setiap 10,000 km



Pemeriksaan kehausan tayar



Sekiranya penunjuk kehausan di permukaan tayar adalah jelas, gantikan tayar secepat mungkin.

Arahan-arahan mengenai tayar

- Sekiranya anda menggantikan tayar, pasang saiz dan bentuk tayar yang sama dengan tayar asal dan mempunyai kapasiti beban yang sama besar.
- Hanya gunakan roda sebagaimana yang dispesifikasikan.
- Pandu pada kelajuan sederhana bagi 160 km yang pertama kerana tayar baru tidak mempunyai cengkaman maksima.
- Gantikan injap udara setiap kali anda menggantikan tayar tanpa tiub.
- Pastikan tukup habuk injap tayar sentiasa ada di tayar.
- Pastikan tiada paku, batu atau objek lain yang tersekat pada tayar.
- Dapatkan Pusat Servis Perodua untuk memeriksa kehausan atau kerosakan pada tayar.

⚠ AMARAN

- **Jangan menggunakan tayar yang berbeza jenis, saiz dan pengeluar pada kenderaan anda. Anda mungkin akan kehilangan kawalan pada kenderaan anda.**
- **Pandu perlahan-lahan di atas jalan bersusur, berlubang atau rintangan yang lain untuk mengelakkan kenderaan hilang kawalan.**
- **Jangan memandu kenderaan anda dengan tayar yang rosak. Ia mungkin Kempis secara tiba-tiba. Juga, elak daripada menggunakan rim yang telah rosak.**
- **Oleh sebab tayar-tayar tersebut mempunyai arah penggiliran yang spesifik, pastikan anda mematuhi arahan pembuat tayar berkenaan.**

PERINGATAN

Berhati-hati jangan sampai merosakkan tayar dengan mencalar atau menyapu minyak dan sebagainya.

Seksyen 15



Penggera/kunci pusat

Pengenalan	15-1
Penggera kereta/kunci pusat	15-1
Butang kecemasan	15-3
Pengesan kereta	15-3
Penting	15-4
Menggantikan bateri dalam kunci pintar	15-5



Pengenalan

Sistem penggera Perodua dikawal oleh kunci pintar (penghantar isyarat) mudah alih dan tahan lama.


Cip didalam kunci pintar akan memancarkan isyarat radio berkod keselamatan bagi menghidupkan penggera kereta dan sistem kunci pusat. Sistem ini membantu mengesan pintu kereta ini pada kedudukan "Kunci" atau "Buka" dalam jarak lebih kurang 10 meter (dengan syarat tiada halangan, gangguan, dan bateri dalam pemancar berfungsi dengan baik). Lampu kenderaan akan berkelip untuk menunjukkan sama ada mod yang dipilih itu berfungsi dengan baik atau tidak.

⚠ AMARAN

Jangan ubahsuai, alih atau merombak sistem ini. Sebarang perubahan atau pengubahsuaian yang dilakukan tanpa kebenaran tidak dapat menjamin sistem ini akan beroperasi dengan betul.

Penggera kereta/kunci pusat

Kunci pintar



Butang ① - Kunci


Butang ② - Buka

Butang ③ - Pintu belakang

Butang ④ - Butang kecemasan

1. Untuk menghidupkan sistem penggera, semua pintu termasuk pintu belakang mesti ditutup.
2. Untuk matikan penggera, tekan butang "Kunci" atau "Buka" pada kunci pintar atau suis penghidup ditukar dari kedudukan "OFF" ke "ON".

Prosedur pengendalian



1. Lampu dalam kereta
2. Lampu amaran kecemasan

Langkah-langkah:

1. Untuk menghidupkan sistem penggera, semua pintu termasuk pintu belakang mesti ditutup.
2. Tekan butang ① pada kunci pintar sekali atau suis di pintu untuk mengunci pintu. Apabila sistem penggera dihidupkan dan semua pintu terkunci lampu amaran kecemasan akan berkelip dan buzer akan berbunyi sekali.
3. Sekiranya mana-mana pintu dibuka dengan menggunakan kunci atau dengan cara lain, lampu amaran kecemasan akan berkelip dan lampu dalam kenderaan menyala serta-merta. (lampu dalam di set pada kedudukan "DOOR"). Kemudian hon akan berbunyi.

4. Untuk mematikan sistem, tekan butang ② atau suis di pintu untuk membuka pintu. Sistem penggera akan dimatikan dan semua pintu tidak berkunci. Lampu amaran kecemasan akan berkelip dua kali dan buzer akan berbunyi dua kali.



Butang kecemasan

Sistem penggera Perodua memberikan anda keselamatan tambahan dengan menyertakan bersama sistem butang kecemasan. Butang kecemasan ini boleh diaktifkan dalam jarak lebih kurang 10 meter (asalkan tiada halangan, gangguan, dan bateri kunci pintar berfungsi dengan baik) untuk mencegah/menjauhkan pencuri, perompak atau pembuat kacau berhampiran kenderaan anda.

Prosedur pengendalian

Langkah-langkah:

1. Tekan butang ④ melebihi 1 saat.
2. Hon akan berbunyi serta-merta.
3. Sistem penggera masih lagi hidup dan semua pintu terkunci.
4. Untuk mematikan, tekan butang ①, ② atau ④.
5. Jika sistem kecemasan tidak dimatikan seperti dalam langkah 4, hon akan terus berbunyi selama kira-kira 45 saat dan kemudiannya akan bersedia semula secara automatik.

Pengesan kereta

Sistem ini boleh membantu anda mengesan kenderaan anda di tempat letak kenderaan yang besar. Anda juga boleh menggunakannya untuk memastikan kesemua pintu telah dikunci.

Prosedur pengendalian

Langkah-langkah:

1. Tekan butang ④ melebihi 1 saat.
2. Hon akan diaktifkan dan semua pintu akan terkunci.
3. Untuk mematikan, tekan butang ①, ② atau ④ sekali lagi selepas menemui kereta anda, hon akan berhenti tetapi pintu terus terkunci.



Penting

Bagi memastikan sistem ini berfungsi dengan baik, sentiasalah memeriksa perkara-perkara berikut:

1. Bateri pemancar

Jika bateri kunci pintar lemah, ia akan memberi kesan kepada sistem ini seperti berikut:

- Jarak kawalan kunci pintar menjadi lebih dekat atau kunci pintar tidak dapat menghidupkan atau mematikan sistem penggera/kunci pusat.


NOTA: Jika berlaku tanda-tanda di atas, bateri mestilah diganti.

2. Gangguan RF yang berlebihan/ gangguan harmonik

Walaupun bateri kunci pintar berfungsi dengan baik, jarak kawalan mungkin menjadi lebih dekat kerana gangguan RF yang berlebihan/gangguan harmonik (contohnya, telefon mudah alih sedang digunakan bersebelahan dengan kereta; peralatan audio seperti pembesar suara kereta dipasang terlalu dekat dengan unit kawalan sistem).

3. Elakkan kunci pintar daripada terjatuh atau terkena air

- Sekiranya kunci pintar terjatuh, anda mungkin tidak dapat menghidupkan mematikan sistem ini. Jika ini berlaku, buka sarung kunci pintar dan periksa titik hubungan pemegang bateri.
- Sekiranya kunci pintar terkena air, keringkan terlebih dahulu sebelum menggunakannya.
- Jika kunci pintar masih tidak berfungsi selepas perkara (a) dan (b) di atas, hubungi Pusat Servis Perodua yang berdaftar.




4. Bateri kereta lemah - bantu hidup (Jump-start)


Elakkan bantu hidup kenderaan dari bateri ke bateri kerana ini boleh merosakkan sistem penggera. Walau bagaimanapun, jika bantu hidup tidak dapat dielakkan, prosedur-prosedur berikut mesti diikuti; putuskan sambungan plumbum -ve (1) daripada bateri lemah itu dan sambungkan kabel pelompat (2) pada casis seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah.



Menggantikan baterai dalam kunci pintar



1. Buka kunci pintar dengan menggunakan pemutar skru rata.



2. Gantikan baterai.

PERHATIAN

- Balut hujung pemutar skru dengan menggunakan kain untuk mengelakkan calar.
- Pastikan guna bateri yang betul. Kesilapan penggunaan bateri akan menyebabkan kunci pintar rosak.
- Sekiranya kunci pintar tidak berfungsi dengan betul walaupun setelah bateri ditukar, dapatkan bantuan daripada Pusat Servis Perodua yang berdaftar.

Seksyen 16




Penderia undur/sisi hadapan

Penderia undur	16-1
Penderia sisi hadapan	16-1



Penderia undur



Penderia undur ini direka bentuk untuk memberi panduan kepada pemandu semasa mengundurkan kenderaan dan meletakkan kenderaan secara mengundur. Ia tidak harus dianggap sebagai peranti keselamatan.

Peranti ini akan mula beroperasi 0.8 saat selepas pemandu memasukkan gear undur (dengan enjin dihidupkan).


Apabila peranti ini mula mengeluarkan bunyi bip berulang-ulang yang perlahan, jarak di antara bampar belakang kenderaan anda dengan halangan terdekat di belakang kenderaan anda ialah:

Zon pengesanan

- 1.4 meter hingga 1.0 meter → bunyi buzer : OFF 210 ms ON 70 ms.
- 1.0 meter hingga 0.5 meter → bunyi buzer : OFF 70 ms ON 70 ms.
- 0.5 meter atau kurang → bunyi buzer berterusan

Anda harus mengurangkan kelajuan kenderaan anda dan berhati-hati dengan halangan di belakang. Apabila bunyi bip berubah daripada berulang-ulang kepada berterusan, jarak di antara bampar belakang kenderaan anda dengan objek terdekat di belakang kenderaan anda ialah kurang daripada 0.5 meter. Anda harus menghentikan kenderaan anda serta-merta.

Penderia sisi hadapan (Sekiranya dilengkapi)



Penderia sisi hadapan ini akan membantu pemandu untuk meletakkan kenderaan secara menegak hadapan atau sisi di kawasan yang sempit. Peranti ini akan memberi panduan anggaran jarak diantara kenderaan dan halangan semasa meletak kenderaan.

Peranti sisi hadapan berfungsi apabila suis penghidup berada pada kedudukan "ON", suis penderia sisi hadapan dihidupkan dan kelajuan kenderaan kurang daripada 10 km/j.



Apabila peranti menghampiri halangan, anda akan mendengar bunyi beep seperti yang ditunjukkan di bawah:

Pengesanan jarak

- 0.6 meter hingga 0.3 meter → bunyi buzzer : OFF 250 ms ON 120 ms.
- 0.3 meter hingga 0.1 meter → bunyi buzzer berterusan.

Apabila pengesanan jarak kurang daripada 0.3 meter, bunyi beep berterusan akan kedengaran. Anda perlu segera menghentikan kenderaan anda.

Semua halangan tidak selalunya dapat dikesan. Ia adalah tanggungjawab pemandu untuk sentiasa memeriksa kawasan berhampiran kenderaan dan pastikan ia adalah selamat untuk meletak kenderaan.

PERHATIAN

Penderia akan secara automatik “cut-off” apabila kelajuan melebihi 10 km/j.



- Penderia berfungsi sebagai alat bantuan pemandu. Ia bukan pengganti kepada tugas pemandu semasa mengawal kenderaan.**
- Periksa penderia dan elakkan daripada sebarang kekotoran atau lumpur. Peranti ini perlu bersih bagi memastikan ia dapat berfungsi dengan baik.**

Tekan suis penderia sisi hadapan untuk mengaktifkan sistem.

(Lihat “suis penderia sisi hadapan” di Seksyen 4)

PERINGATAN

- Kawasan pengesanan untuk sistem ini bergantung kepada keadaan dan persekitaran kenderaan. Kemungkinan sistem ini gagal mengesan kerana situasi di atas patut dipertimbangkan.**
- Sekiranya penderia mengalami satu pelanggaran yang kuat kemungkinan penderia tidak dapat berfungsi dengan baik.**
- Objek yang terletak terlalu hampir pada pertengahan sebelah atas bampar dan berhampiran penutup tayar juga sukar dikesan penderia.**
- Kehadiran debu atau lumpur sekitar penderia juga boleh menyebabkan fungsi tidak normal pada penderia dan kegagalan penderia untuk mengesan objek.**
- Jika objek nipis dan rata, penderia mungkin dapat mengesan objek itu buat kali pertama. Kemungkinan penderia tidak dapat mengesan objek yang sama buat kali kedua.**
- Bergantung kepada keadaan jalan seperti berlubang, berbonggol, berpasir, berbukit, bertebing dan kawasan semak, sistem ini bertoleransi untuk berfungsi.**

Seksyen 17



Spesifikasi

Spesifikasi kenderaan	17-1
Spesifikasi enjin	17-1
Bahan api	17-1
Bahan pendingin	17-1
Bateri	17-1
Penalaan enjin	17-2
Cadangan pelinciran	17-3
Carta kelikatan minyak enjin	17-3
Bendalir brek	17-4
Spesifikasi tayar	17-4
Spesifikasi mentol	17-4
Berat	17-4



Spesifikasi kendaraan

Panjang keseluruhan	mm			3,895
Lebar keseluruhan	mm			1,735
Tinggi keseluruhan	mm			1,515
Jarak roda	mm			2,500
Trek mm	1NR VE	Depan	14" tayar	1,485
		Belakang	14" tayar	1,475
	2NR VE	Depan	15" tayar	1,475
		Belakang	15" tayar	1,465

Spesifikasi enjin

ID enjin		1NR-VE	2NR-VE
Jenis enjin		Gasolin, 4-lejang DOHC	
Susunan dan nombor silinder		4-silinder sebaris	4-silinder sebaris
Gerek x lejang	mm	72.5 x 80.5	72.5 x 90.6
Sesaran	cc	1329	1496
Pengeluran mak.	kw/rpm	70 / 6,000	76 / 6,000
Dayakilas mak.	Nm/rpm	121 / 4,000	136 / 4,200

Bahan api

Bahan api yang perlu digunakan	Kapasiti tangki bahan api	ℓ
Gasolin tanpa plumbum RON95 atau lebih tinggi	36	

Bahan pendingin

Jenis: Larutan Ethylene glycol anti-beku.

Kapasiti:

ID enjin	1NR-VE	2NR-VE
RENDAH/TINGGI tangki simpanan	0.2 / 0.9 ℓ	0.2 / 0.9 ℓ
Jumlah kapasiti	3.0 ℓ (MT) 3.1 ℓ (AT)	3.0 ℓ (MT) 3.1 ℓ (AT)

Untuk penukaran dan pemeriksaan aras bahan pendingan, lihat seksyen 14.

Bateri

Jenis bateri	1NR-VE (Tanpa IDS)	1NR-VE (Dengan IDS)	2NR-VE
	34B19L	M42	M42



Penalaan enjin

Jenis enjin		1NR-VE		2NR-VE
		MT	AT	AT
Butiran				
Aturan penyalaan		1-3-4-2		1-3-4-2
Pemasaaan pencucuh °BTDC/rpm		10 ± 2 /idling * ¹		10 ± 2 /idling * ¹
Kelajuan melahu enjin (pada kedudukan neutral) rpm		MT	AT	AT
		600 ± 50	700 ± 50	700 ± 50
Kelegaian injap mm	Pengambilan [Sejuk]	Pelarasan automatik		Pelarasan automatik
	Ekzos [Sejuk]	Pelarasan automatik		Pelarasan automatik
Palam pencucuh	Pengeluar	DENSO		DENSO
	Jenis	SC16HR11		SC16HR11
	Sela mm	1.1 ± ₁₀ ⁰		1.1 ± ₁₀ ⁰
Ketegangan tali sawat pemacu dengan tekanan 100N (10.2kgf) mm	Tali sawat baru	Pelarasan automatik		Pelarasan automatik
	Pada pemeriksaan	Pelarasan automatik		Pelarasan automatik


*¹ Dengan penyambung pemeriksaan litar pintas



Cadangan pelinciran

Enjin	Gred	Kelikatan	Kapasiti	
			1NR-VE	Dengan turas minyak: 3.5 Tanpa turas minyak: 3.3
Minyak enjin	API SN atau lebih tinggi	Sila lihat carta di sebelah	2NR-VE	Dengan turas minyak: 3.5 Tanpa turas minyak: 3.3
Minyak transmisi manual	API GL-4	SAE 80W	Sehingga palam pengisi: 1.25 5 mm di bawah palam pengisi: 1.1	
Bendalir transmisi automatik	ATF D3-SP	—	Amaun penuh: 5.6 Amaun boleh diganti: sehingga 2.9	

Carta kelikatan minyak enjin



*SAE 0W-20 adalah pilihan terbaik untuk ekonomi bahan api.



Bendalir brek

FMVSS116 DOT 3

Spesifikasi tayar Tayar standard

ID enjin	Saiz tayar	Tekanan udara kPa (kgf/cm ² , psi)		Saiz rim
		Depan	Belakang	
